



**MALAYSIA**

**PENYATA RASMI PARLIMEN**  
PARLIAMENTARY DEBATES

**DEWAN RAKYAT**  
*House of Representatives*

**PARLIMEN KETUJUH**  
*Seventh Parliament*

**PENGGAL KETIGA**  
*Third Session*

**KANDUNGANNYA**

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**  
[Ruangan 3985]

**USUL:**

**Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan Mesyuarat dan Penangguhan** [Ruangan 4091]

**RANG UNDANG-UNDANG:**

**Rang Undang-undang Darurat (Ketenteraman Awam dan Mencegah Jenayah)**  
(Pindaan) [Ruangan 4092]

**Rang Undang-undang Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas)**  
(Pindaan) [Ruangan 4176]

**Rang Undang-undang Bank dan Institusi-institusi Kewangan** [Ruangan 4194]

**MALAYSIA**

**DEWAN RAKYAT YANG KETUJUH**

*Penyata Rasmi Parlimen*

**PENGGAL YANG KETIGA**

**AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Dalam Negeri dan Menteri Kehakiman, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, D.K. (I) (Johor), -S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO SERI DR LING LIONG SIK, S.P.M.S., D.P.M.P. (Labis).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' SERI S. SAMY VELLU, S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' SERI DR LIM KENG YAIK, S.P.M.P., D.P.C.M. (Beruas).

„ Menteri Pertahanan, Y.B.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Kerjaraya, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' SERI DATIN PADUKA RAFIDAH Aziz, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman, DATO' DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P., P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).

„ Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).

„ Menteri Pendidikan, TUAN ANWAR BIN IBRAHIM (Permatang Pauh).

„ Menteri Luar Negeri, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).

Yang Berhormat Menteri Kewangan, DATO' PADUKA DAIM ZAINUDDIN, S.S.A.P. (Merbok).

- „ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN LEE KIM SAI, P.P.N. (Hulu Langat).
- „ Menteri Belia dan Sukan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (ORANG KAYA INDERA SHAHBANDAR), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P. (Pekan).
- „ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATUK KASITAH BIN GADDAM, P.G.D.K. (Kinabalu).
- „ Menteri Kesihatan, TUAN NG CHENG KIAT (Klang).
- „ Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., S.I.M.P., D.P.M.J., D.P.M-S., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).
- „ Menteri Kebudayaan dan Pelancongan, DATO' HAJI SABBARUDDIN CHIK, S.I.M.P., D.S.A.P.", S.M.S. (Temerloh).
- „ Menteri Perusahaan Awam, DATO NAPSIAH BINTI OMAR, D.S.N.S. (Kuala Pilah).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR MOHAMAD YUSOP BIN HAJI MOHAMED NOR, D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Setiu).
- „ Menteri Kebajikan Masyarakat, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD, S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- „ Menteri Buruh, DATO' LIM AH LEK (Bentung).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, DATO HAJI MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, D.I.M.P., J.M.N., A.M.N. (Rompin).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN D. P. VIJANDRAN (Kapar).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATO' S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., S.M.J. (Segamat).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA (Batu Pahat).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan dan Pelancongan, DATO' NG CHENG KUAI, D.P.M.P., A.M.P. (Lumut).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, DATO' ALEXANDER Yu LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR Sm ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Mentakab).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' KOK WEE KIAT, A.M.N. (Selandar).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, TUAN WOON SEE CHIN', A.M.N., P.I.S. (Senai).
- „ Timbalan Menteri Buruh, TUAN KALAKAU UNTOL (Tuaran).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' LOKE YUEN Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN Osu BIN HAJI SUKAM (Papar).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN JAFFREY (Silam).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., P.B.S. (Sarikei).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJIAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, DATO' ALIAS BIN MD. ALLI, D.P.M.T., S.M.T., K.M.N., p.J.K. (Hulu Terengganu).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO ARIPPIN BIN RAJA SULAIMAN, D.S.D.K., S.M.S. (Baling).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN (Ledang).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DRS SULEIMAN BIN MOHAMED (Titiwangsa).
- „ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, CIK TENG GAIK KWAN, A.M.N., P.P.N. (Raub).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DR TING CHEW PEH (Gopeng).

- Yang Berbormat Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD, D.I.M.P. (Tumpat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN PETER CHIN FAH KUI (Lambir).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan, TUAN ABDUL RAMAN BIN SULAIMAN (Parit Buntar).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Pendang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHAMED BIN JAMRAH. A.M.P.. P.P.T. (Bagan Datok).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN ADAM BIN ABDUL KADIR (Kuantan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN CHUA JUI MENG (Bakri).
- „ TUAN ABDOL MULOK BIN AWANG DAMIT (Labuan).
- „ DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).
- „ DR ABDUL HADI BIN DERANI, K.M.N., A.M.K., (Kota Setar).
- „ DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim Bandar Baharu).
- „ TUAN HAJI ABDUL MANAF BIN HAJI AHMAD, A.M.N., A.M.P., P.J.K., (Sungai Petani).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAHMAN BIN BAKAR (Marang).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI ABU SAMAH, D.S.M., A.M.N., P.J.K. (Lembah Pantai).
- „ DATUK PATINGGI TAN SRI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ DATO' ABDULLAH AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S., A.D.K. (Kok Lanas).
- „ DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- „ TUAN HAJI NIK ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD, S.M.K. (Pengkalan Chepa).
- „ DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).
- „ TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).

- Yang Berhormat TUAN HAJI BASRI BIN BAJURI, K.M.N., S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).
- „ DATUK BERNARD GILUK DOMPOK, P.G.D.K. (Penampang).
- „ TUAN HAJI BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHEW KAM HOY, A.M.K., J.P. (Padang Serai).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).
- „ TUAN SAMSON CHIN CHEE Tsu (Tawau).
- „ DR V. DAYID (Puchung).
- „ TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
- „ DR ENG SENG CHAI (Petaling Jaya).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN GERARD MATH LEE MIN, A.S.D.K. (Gaya).
- „ TUAN HAJI GHAZALI BIN AHMAD, A.M.N., P.C.K. (Jerai).
- „ DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN HASHIM BIN SAFIN *alias* SHAFAIN, A.M.N. (Tanah Merah).
- „ TUAN HSING YIN SHEAN (Tanjong Aru).
- „ TUAN HAJI HUSSEIN BIN HAJI TAIB, P.P.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN HU SEPANG (Rasah).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ DATO' ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, D.P.M.T., S.M.T., A.M.N. (Kemaman).
- „ TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
- „ TUAN JAMES JIMBUN ANAK PUNGGGA, P.B.S. (Kapit).
- „ TUAN JUSTINE ANAK TEMENGGONG JINGGUT (Ulu Rajang).
- „ DATUK KADOH AGUNDONG, P.G.D.K. (Padas).
- „ DATO' HAJI KAMARUZAMAN BIN HAJI AHMAD, D.P.M.S., J.M.N., A.M.N., J.P. (Tanjung Karang).
- „ TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN LAINUS ANAK ANDREW LUWAK (Serian).
- „ TUAN LAU DAK KEE (Pasir Pinji).
- „ TUAN LAW LAI HENG *alias* GOH LAI HENG, P.I.S., B.S.I., K.M.N., A.M.N. (Pontian).

Yang Berhormat TUAN LEE LAM THYE (Bukit Bintang).

- „ DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).
- „ TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- „ TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- „ PUAN LING CHOOI SIENG (Kluang).
- „ TUAN MADATANG BIN MOREJAL (Bandau).
- „ TUAN MAIDOM P. PANSAI (Kota Belud).
- „ TUAN MICHAEL ASANG, B.S.K. (Jambongan).
- „ TUAN HAJI MOHAMAD BIN ABDULLAH, P.J.K. (Maran).
- „ DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ISA, A.M.N., p.s. (Kuala Kerai).
- „ TUAN HAJI MOHAMED SAM BIN HAJI SAILAN, A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Muar).
- „ TUAN MOHAMED TAWIK BIN TUN DR ISMAIL (Sungai Benut).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN YAAKOB (Rantau Panjang).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ TUAN MOHAMMAD SUBKY BIN HAJI ABDUL RAOF, A.M.N., P.J M. (Balik Pulau).
- „ TUAN HAJI MOHAMMED YUSOFF BIN HAJI ABDUL LATIFF, J.P. (Tasek Gelugor).
- „ DATUK SERI HAJI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).
- „ TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).
- „ TUAN HAJI MOHD. SHARIF BIN JAJANG, A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZIHIN BIN HAJI MOHD. HASSAN (Larut).
- „ DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Kota Tinggi).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L., K.S.T.J. (Limbawang),
- „ TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- „ TUAN NASRUDDIN BIN HAJI ALANG SAIDIN, A.M.P. (Parit).

Yang Berhormat TUAN NGOI THIAM WOH (Kampar).

- „ DR NICHOLAS MUNONG ANAK IBAU (Rajang).
- „ TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).
- „ TUAN JOE OJIHI SUPIRING (Marudu).
- „ TUAN ONG TEE KEAT (Ampang Jaya).
- „ DATO' Oo GIN SUN, D.S.D.K., S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- „ DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
- „ TUAN M.G. PANDITHAN, K.M.N. (Tapah).
- „ DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).
- „ TUAN P. PATTO (Ipoh).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Bayan Baru).
- „ DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., P.C., K.M.N., A.M.N. (Saratok).
- „ TUAN PITTINGBIN HAJI MOHD. ALI (Kinabatangan).
- „ DATO' RADZI BIN SHEIKH AHMAD, D.P.M.P. (Kangar).
- „ DATIN PADUKA HAJJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, D.P.M.S., J.S.M., S.M.S., A.M.P., P.J.K. (Shah Alam).
- „ DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).
- „ Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).
- „ DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N., P.J.K. (Tasik Chenderoh).
- „ DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Semporna).
- „ TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).
- „ DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ PUAN HAJJAH SHARIFFAH DORAH BINTI DATO' SYED MOHAMMED, S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Parit Sulong).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ TUAN S. S. SUBRAMANIAM, P.J.K., A.M.S. (Hulu Selangor).
- „ TUAN TAIMAN BIN LUMAING (Pensiangan).
- „ DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI, P.N.B.S., J.M.N. (Batang Lupar).
- „ TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN TEOH TEIK HUAT (Bagan).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).

Yang Berhormat TUAN TIEU SUNG SENG *alias* TIU SIING SENG (Sibu).

- „ TUAN TING CHEK MING (Batu Gajah).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN HAJI WAN OMAR BIN WAN MAJID, S.M.K., P.P.N. (Pasir Puteh).
- „ TUAN WANG CHOON WING, A.M.N. (Lipis).
- „ DATUK HAJI YAHAYA BIN MOHD. SHAFIE, P.S.D., P.M.P., A.M.P., A.M.N., J.P. (Tambun).
- „ PUAN Sm ZAINABON BINTI ABU BAKAR (Tebrau).
- „ DATO' ZAINAL ABIDIN BIN JOHARI, D.S.D.K., K.M.N., P.P.N., B.K.M., P.J.K., J.P. (Sik).
- „ DATO' ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
- „ TUAN ZUBIR BIN EMBONG (Kuala Terengganu).

## DEWAN RAKYAT

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Dato' Haji Wan Zahir bin Sheikh Abdul Rahman,  
D.P.M.P., J.S.M.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

### BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Haji Yahya Manap.

Penyunting Kanan: P. B. Menon.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penolong Penyunting: N. Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Amran bin Ahmad.

*Pelapor Perbahasan Parlimen:*

Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

Su Soon Chuan.

Norwahidah binti Azizi.

Rozita binti Abdul Samad.

### BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim

## MALAYSIA

## DEWAN RAKYAT

---

Selasa, 27hb Jun, 1989

---

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2,30 petang*

## DOA

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-*  
*pengerusikan Mesyuarat*)

**JAWAPAN-JAWAPAN  
MULUT BAGI  
PERTANYAAN-  
PERTANYAAN**

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat Tuan Nasruddin bin Haji Alang Saidin.

(Soalan No. 1 Y.B. Tuan Nasruddin bin Haji Alang Saidin tidak hadir)

**STESYEN MINYAK  
BUMIPUTERA—PERSAINGAN**

2. **Tuan Haji Mohamad bin Haji Isa** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan kebela-kangan ini terdapat banyak stesyen minyak kepunyaan Bumiputera terpaksa ditutup, selain dari faktor modal kewangan, stesyen-stesyen berkenaan ditutup kerana persaingan dengan banyak stesyen yang tumbuh di merata-rata tempat, apakah pertumbuhan stesyen-stesyen ini tidak dikawal oleh pihak Kementerian.

**Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato' Kok Wee Kiat):** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebenarnya stesyen minyak kepunyaan

bumiputera bukan ditutup tetapi hanya dipindah milik sahaja. Mengikut dasar yang diamalkan oleh Kementerian ini, sekiranya terdapat pengusaha bumiputera yang tidak berkeupayaan menguruskan sesebuah stesyen minyak, seorang pengusaha bumiputera yang lain akan diberi peluang mengambilalih pengurusan stesyen tersebut. Dalam tahun 1987, sebanyak 16 buah stesyen minyak yang terlibat sementara dalam tahun 1988 sebanyak 36 buah.

Pengambilalih ini berlaku bukan semata-mata disebabkan oleh persaingan tetapi oleh faktor-faktor lain seperti kelemahan pengurusan kewangan, kurang mahir dalam menjalankan urusniaga dan juga kematian pengusaha.

**Tuan Ngoi Thiam Woh:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat tahu daripada Timbalan Menteri berkenaan, apakah quota yang diperuntukkan mengikut kaum yang diagihkan kepada pengusaha stesyen-stesyen minyak ini daripada PETRONAS dan hingga hari ini berapakah peratusan stesyen-stesyen PETRONAS ini diagihkan kepada bumiputera dan bukan bumiputera,

**Dato' Kok Wee Kiat:** Tuan Yang di-Pertua, soalan dari Ahli Yang Berhormat tentang perkara spesifik oleh kerana beliau bertanya angka stesyen dari pengagihan PETRONAS, saya tidak ada angka itu. Kalau Ahli Yang Berhormat boleh memberi notis, saya boleh berilah butir-butir yang berkenaan.

**Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya soalan tambahan. Tadi Ahli Yang Berhormat mengatakan ini adalah bukan oleh sebab ditutup tetapi diubah ataupun dibahagikan kepada orang lain sebab pentadbiran tidak betul. Di sini saya hendak tahu adakah pihak Kementerian sendiri apabila penggantian tuannya itu dialihkan kepada bumiputera adakah benar-benar bumiputera kerana kebanyakan ini di depan sahaja, di belakang adalah bukan bumiputera. Oleh itu dalam keadaan ini telah menjadikan masalah juga kepada orang lain yang mengatakan "semua diberi kepada bumiputera", tetapi sebenarnya bukan bumiputera. Oleh itu saya mengharapkan kalau benar bukan bumiputera kalau tidak ada bumiputera yang ada di belakangnya rampas sahaja beri kepada orang yang benar-benar pengusaha bumiputera. Kita tidak mahu lagi ada soal-soal parti lain mengatakan itu dan ini.

**Dato' Kok Wee Kiat:** Tuan Yang di-Pertua, pegawai-pegawai di Kementerian saya dari semasa ke semasa mengambil penerangan daripada bumiputera-bumiputera yang berusaha stesyen minyak oleh mereka, kalau Ahli Yang Berhormat ada bukti atau ada butir-butir tentang penyelewengan Kementerian saya akan mengambil tindakan yang sesuai.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat Tuan Haji Hussein bin Haji Taib.

**Tuan Haji Hussein bin Haji Taib:** Tuan Yang di-Pertua, pembetulan sedikit pada ayat bahagian (c) "tidakkah", bukan "tidaklah". Tuan Yang di-Pertua, soalan yang ketiga.

#### CUKAI BAGI GOLONGAN TANPA PENDAPATAN TETAP

3. Tuan Haji Hussein bin Haji Taib  
minta Menteri Kewangan menyatakan

cadangan Jabatan Hasil Dalam Negeri (JHDN) hendaklah mengenakan cukai kepada golongan tanpa pendapatan tetap seperti nelayan, petani dan penjaja kecil yang bilangannya dianggarkan lebih 500,000 orang itu:

- (a) bilakah cadangan itu hendak dikuatkuasakan;
- (b) apakah format cukai yang hendak diperkenalkan; dan
- (c) tidakkah tindakan itu lebih menyusahkan kepada golongan yang memang terkenal miskin.

**Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Loke Yuen Yow):** Tuan Yang di-Pertua, usaha-usaha Jabatan Hasil Dalam Negeri mendaftarkan pembayar cukai yang berpotensi sama ada kakitangan Kerajaan, swasta, nelayan, petani, penjaja dan apa juga pekerjaan dijalankan setiap masa tanpa mengira golongan, bangsa atau pekerjaan. Tujuan mendaftarkan pembayar berpotensi adalah untuk membesarkan asas cukai, dengan izin, tax base.

Setiap tahun, lebih dari satu juta borang dihantar kepada setiap golongan rakyat dan mereka dikehendaki menghantar borang tersebut ke Jabatan Hasil Dalam Negeri untuk diproses. Sekiranya seseorang itu mempunyai pendapatan yang cukup, barulah ia dikenakan cukai, tetapi sekiranya seseorang itu tidak mempunyai pendapatan yang mencukupi ia tidak perlu bimbang kerana dari segi undang-undang ia terkecuali daripada membayar cukai.

Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Hasil Dalam Negeri tidak mempunyai format cukai yang berlainan bagi golongan yang disebutkan itu. Kerajaan tidak membezakan di antara satu sektor pekerjaan dengan pekerjaan yang lain dalam menjalankan tugas mengutip cukai. Pembayaran cukai pendapatan oleh individu adalah merupakan punca

pendapatan negara. Walau bagaimanapun, Kerajaan tidak mengenakan cukai kepada semua individu. Hanya individu yang bekerja dan berpendapatan melebihi had tertentu sahaja yang dikenakan cukai.

Seseorang pembayar cukai boleh menikmati jumlah maksima pelepasan sebanyak \$14,300 setahun yang meliputi \$5,000 untuk diri sendiri, \$2,000 untuk isteri, \$3,800 untuk 5 orang anak dan \$3,500 untuk EPF dan insurans.

Di samping itu, bagi pembayar cukai yang beragama Islam segala pembayaran zakat dan fitrah akan mendapat 100% rebat, maknanya jika ia membayar \$100.00 sebagai zakat dan fitrah, maka ia boleh mendapat pelepasan \$100 dari pembayaran cukai. Jadi, pembayaran cukai menikmati kesemua pelepasan cukai di atas, ia tidak akan membayar apa-apa cukai sekiranya pendapatannya tidak melebihi \$1,192 sebulan. Dengan itu, sekiranya petani, nelayan atau penjaja tadi mempunyai kriteria seperti di atas, maka ia tidak perlu bimbang kerana dari segi undang-undang ia adalah dikecualikan dari membayar cukai.

**Tuan Hashim bin Safin:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Masalah tidak perlu bimbang, memang tidak membimbangkan. Tetapi yang menjadi masalah ialah penghantaran borang-borang taksiran kepada nelayan, kepada petani, kepada penjaja kecil, kepada peneroka FELDA, di mana memang seperti kata Yang Berhormat Timbalan Menteri, sebelum diisi, mereka pun telah tahu mereka tidak perlu membayar cukai. Masalah berbangkit, kadang-kadang petam, nelayan, terlewat menerima borang atau tidak hantar atau hilang, tiba-tiba timbul saman kepada mahkamah. Bila didenda Wakil Rakyat kena bayar denda dan sebagainya. Jadi, apakah langkah-langkah Kerajaan untuk mengatasi

masalah petani-petani dan penjaja-penjaja kecil daripada didenda di mahkamah kerana kelewatan-kelewatan tadi ataupun memang mereka ini memang tidak kena bayar cukai. Saya minta penjelasan daripada Timbalan Menteri.

**Dato' Loke Yuen Yow:** Tuan Yang di-Pertua, mungkin lah kemungkinan bahawa masalah penghantaran surat atau borang kepada sesiapa yang dikenakan membayar cukai itu berlaku dan ini mungkin adalah disebabkan oleh perkhidmatan pos di tempat-tempat yang pembayar-pembayar cukai yang disebutkan itu tinggal. Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin di sini menyatakan bahawa adalah tugas atau duty, dengan izin, rakyat di dalam negara ini untuk datang ke Jabatan Hasil Dalam Negeri apabila mereka tidak menerima borang untuk melaporkan pendapatan yang mereka telah dapati pada tahun yang tertentu. Mereka harus datang ke Jabatan itu untuk menyiasat dan ini ada di dalam Akta Pendapatan Hasil Dalam Negeri di dalam negeri ini.

**Dr Goh Cheng Teik:** (*Bangun*)

**Tuan Hashim bin Safin:** Tuan Yang di-Pertua, sedikit tambah kerana masalah ini berlaku di kawasan saya sendiri.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Sekejap. Tidak Puas hatikah atau macam mana?

**Tuan Hashim bin Safin:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya ingin mengambil kesempatan ini kerana berlaku di kawasan saya beberapa peneroka FELDA yang merupakan golongan petani. Mereka ini setelah ditaksir telah pun dikenakan denda dan telah disiasat mereka tidak layak membayar cukai—pendapatan rendah seperti yang telah dijawab oleh Timbalan Menteri tadi—bawah

daripada \$1,900. Tetapi berlaku berulang kali denda dua dan tiga tahun berturut-turut. Jadi, apakah Yang Berhormat Timbalan Menteri, melalui Jabatan Hasil Dalam Negeri, meneliti nama-nama ini jangan didenda berkali-kali dan sehingga ke mahkamah. Saya rasa soal pentadbiran apakah jaminan Timbalan Menteri dalam kes dendaan dalam taksiran cukai yang tidak patut atau tidak kena dibayar.

**Dato' Loke Yuen Yow:** Bagi pihak Kerajaan, saya mengucapkan terima kasih Ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan masalah yang spesifik ini. Saya akan meminta pegawai-pegawai saya yang bertugas di bawah Jabatan Hasil Dalam Negeri untuk mengambil perhatian bahawa masalah ini tidak berlaku lagi. Terima kasih.

**Dr Goh Cheng Teik:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Seperti Yang Berhormat Menteri telah jelaskan untuk menjalankan tugas-tugas yang ditanggungjawabkan oleh undang-undang, Jabatan Hasil Dalam Negeri menjalankan siasatan dari semasa ke semasa. Bolehkah saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada ketika menjalankan siasatan, sama ada pegawai-pegawai Jabatan Hasil Dalam Negeri mengambil langkah-langkah yang mengelakkan, memalukan petani, nelayan atau sesiapa pun yang disiasat kerana di kawasan-kawasan luar bandar apabila pegawai-pegawai datang. Jadi, ini bukan perkara kecil, ini menjadi perkara besar di kawasan-kawasan luar bandar. Dan seorang yang disiasat, ia tidak bersalah sehingga ia dibuktikan salah. Tetapi siasatan dijalankan secara routine oleh Jabatan Hasil Dalam Negeri sama ada pegawai dapat menjaga muka orang yang disiasat.

**Dato' Loke Yuen Yow:** Tuan Yang di-Pertua, pegawai-pegawai yang bertugas di bawah Jabatan Hasil Dalam Negeri, apabila mereka

menjalankan siasatan di seluruh negara untuk mengenalpasti pembayar-pembayar cukai yang mengelakkan diri daripada membayar cukai atau mereka tidak mahu bahawa mereka harus membayar cukai. Adalah tugas mereka sebagai pegawai-pegawai Kerajaan yang bertanggungjawab. Walau bagaimanapun, saya ingin di sini menegaskan melalui Dewan ini, memberitahu pegawai-pegawai yang bekerja atau bertugas di bawah Jabatan Hasil Dalam Negeri janganlah mereka apabila mereka menjalankan tugas mempunyai satu sikap yang kasar kerana pegawai-pegawai adalah orang-orang yang mungkin memburukkan imej Kerajaan.

Saya bersetuju dengan Yang Berhormat tadi bahawa tidak seorang boleh dikatakan salah sebelum mereka dibuktikan salah, tetapi di sini saya ingin menasihatkan orang awam bahawa apabila mereka disiasat oleh seorang pegawai Kerajaan, mintalah mereka bekerja sama dan janganlah bersikap kasar kepada mereka oleh kerana kemungkinan bahawa apabila orang-orang yang disiasat itu bersikap kasar, pegawai yang berkenaan pun manusia juga, kemungkinan mereka pun bersikap kasar balik. Itu adalah punca masalah. Walau bagaimanapun, saya akan mengambil perhatian bahawa siasatan sebagai ini apabila dijalankan tidak akan memburukkan atau memalukan Kerajaan.

## INDUSTRI MINYAK MENTAH

**4. Datuk Peter Tinggom Kamarau** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian memberitahu berapakah industri sampingan yang ada kaitan dengan minyak mentah diluluskan di:

- (a) Semenanjung Malaysia;
- (b) Sabah; dan
- (c) Sarawak,

dan nama-nama syarikat yang didaftar dan berapa banyak modal

satu-satu syarikat dan syarikat yang ada di Sarawak, berapakah yang dipunyai oleh orang Sarawak sendiri; berkongsi dengan orang dari Semenanjung dan yang ada kongsi dengan orang dari luar Malaysia.

**Dato' Kok Wee Kiat:** Tuan Yang di-Pertua, industri sampingan yang berkaitan secara langsung dengan industri minyak mentah yang didapati di negara ini ialah industri:

- (i) Membina struktur luar pantai atau fabrication of offshore structure; dan
- (ii) On-shore fabrication.

Bagi pembinaan struktur luar pantai (fabrication of off-shore structure), sebanyak 15 buah syarikat telah diluluskan lesen pengilang. Walau bagaimanapun, hanya 10 buah syarikat sahaja yang telah memulakan pengeluaran. Pecahan syarikat yang telah memulakan pengeluaran mengikut negeri adalah seperti berikut:

Negeri	Syarikat
(a) Semenanjung Malaysia	8 buah
(b) Sabah .. .. .	1 buah
(c) Sarawak . . . . .	1 buah

Nama syarikat-syarikat itu serta modalnya mengikut negeri adalah seperti berikut:

Nama Syarikat	Modal berbayar (\$)
<b>(A) Semenanjung Malaysia</b>	
1. Malaysian Shipyard Engineering Sdn. Bhd.	100 juta
2. Penang Ship building Corporation Sdn. Bhd.	8.14 juta
3. Sime Sembawang Sdn. Bhd. .. .. .	40 juta
4. A. Y. Engineering Sdn. Bhd. .. .. .	5 juta
5. Perusahaan Bina Berat Sdn.Bhd. .. .. .	2 juta
6. Promet Pipe Coating Sdn Bhd. .. .. .	8.8 juta

Nama Syarikat	Modal berbayar (\$)
7. Bredro Price (M) Sdn. Bhd. .. .. .	5 juta
8. Petro-pipe Industries (M)Sdn.Bhd. .. .. .	8 juta
<b>(B) Sabah</b>	
1. Sabah Shipyard Sdn. Bhd. .. .. .	73.5 juta
<b>(C) Sarawak</b>	
1. Brooke Dockyard & Engineering Works Corporation .. .. .	9.5 juta

Bagi negeri Sarawak terdapat hanya sebuah syarikat yang terlibat di dalam pengeluaran struktur luar pantai iaitu syarikat Brooke Dockyard & Engineering Works Corporation. Dari segi ekuitinya syarikat ini dipunyai 100% oleh Kerajaan Sarawak.

Bagi kerja-kerja "on-shore fabrication" ianya hanya dikendalikan oleh syarikat-syarikat pembuatan yang mempunyai bidang aktiviti yang lebih meluas dan tidak hanya tertumpu kepada industri minyak. Penglibatan syarikat-syarikat ini di dalam industri minyak bergantung kepada pemberian kerja atau works order. Oleh itu adalah sukar bagi Kementerian untuk menentukan penglibatan syarikat-syarikat berkenaan di dalam industri tersebut.

**Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis:** Tuan Yang di-Pertua, mendengar jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, di Sarawak terdapat sebuah syarikat yang mengendalikan berbanding dengan lapan syarikat di Semenanjung Malaysia. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri apakah menyebabkan Sarawak mendapat hanya satu sahaja syarikat yang berkecimpung dalam bidang ini, sama juga dengan Sabah iaitu satu juga. Kenapa?

Yang keduanya, bagaimana dari segi pengagihan tempat industri-industri ini. Adakah yang di Semenanjung ini hanya ditumpukan di Semenanjung seperti di Terengganu sahaja ataupun ada juga, dengan izin, encroach into Sarawak dan Sabah?

Yang ketiganya, dari segi pengagihan kerja-kerja di syarikat-syarikat tersebut yang membuka industri di Sarawak dan Sabah, bagaimanakah peratus pekerja-pekerja tempatan yang bekerja di kilang-kilang industri tersebut? Adakah ia menggambarkan locality, dengan izin, dan orang-orang tempatan diberi keutamaan dari orang-orang luar daripada tempat di mana syarikat itu berada?

**Dato' Kok Wee Kiat:** Tuan Yang di-Pertua, sejauhmana yang saya tahu ada sebuah di Sarawak dan ada sebuah di Sabah oleh kerana ada satu permohonan sahaja dari negeri masing-masing. Berkenaan dengan soalan yang kedua, tidak benarlah pengagihan industh sampingan minyak itu tertumpu di Semenanjung Malaysia oleh kerana kalau ada permohonan-permohonan daripada pengusaha-pengusaha dari Sarawak atau Sabah, permohonan-permohonan itu harus akan dipertimbangkan. Berkaitan dengan soalan yang ketiga, di sini saya tidak ada angka-angka tentang pekerja-pekerja tempatan dari negeri Sarawak atau Sabah yang bekerja di dua buah syarikat itu.

**Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis:** Yang Berhormat Timbalan Menteri selalunya. kalaa dikehendaki angka, tidak mahu jawab kerana di masa lepas. . . . .

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat kena bagi notis, kadang-kadang dia tidak tahu sama ada Yang Berhormat hendak bertanya itu.

**Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis:** Betul, tetapi sepatutnyalah selidikilah dahulu sedikit supaya kita takkanlah beri notis sahaja. Jadi itu permohonan daripada saya di masa akan datang. Ini kawan juga tetapi mintalah bantuan daripada Yang Berhormat.

**Dato' Kok Wee Kiat:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat di sini meminta mengenai pekerja-pekerja. Itu satu perkara yang tidak berkaitan dengan soalan yang asal. (*Ketawa*)

**Tuan Nurnikman bin Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu daripada Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, setakat ini berapakah kerja-kerja yang sudah diberikan kepada Sabah Shipyard daripada perindustrian minyak mentah ini?

**Dato' Kok Wee Kiat:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak dengar soalan itu.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Ulang sekali soaian itu, Yang Berhormat.

**Tuan Nurnikman bin Abdullah:** Boleh. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu daripada Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, bahawa setakat ini berapakah kerja-kerja yang sudah dipastikan ataupun diberikan kepada Sabah Shipyard yang berada di Wilayah Persekutuan Labuan yang berkaitan dengan perindustrian minyak mentah ini?

**Dato' Kok Wee Kiat:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaf. Saya tidak ada angka di sini.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Kena beri notis lagi. (*Ketawa*)

**Dato' Kok Wee Kiat:** Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat Tuan Lim Guan Eng.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tuan Yang di-Pertua, satu pembetulan di bahagian (a). Perkataan "gun"G-U-N dibarisan kedua sepatutnya "guru." Tuan Yang di-Pertua, soalan yang kelima.

## GURU SANDARAN

**5. Tuan Lim Guan Eng** minta Menteri Pendidikan memberikan sebab-sebab mengapa guru-guru sandaran sekolah rendah jenis kebangsaan terutamanya sekolah-sekolah Cina dikenakan syarat-syarat tambahan yang baru bersabit dengan perkhidmatan mereka di mana:

- (a) mereka mesti di bawah umur 28 tahun dan dikehendaki untuk mendapatkan satu laporan baik sebelum mereka layak untuk diterima sebagai guru tetap; dan
- (b) tempoh perkhidmatan mereka ditukarkan dari dilanjutkan setiap tahun kepada setiap bulan.

**Menteri Pendidikan (Tuan Anwar bin Ibrahim):** Tuan Yang di-Pertua, untuk penjelasan Ahli Yang Berhormat tidak ada perbezaan mengenai syarat pemilihan guru untuk aliran sekolah kebangsaan Cina atau Tamil. Syarat umur 28 tahun yang dikehendakkan adalah syarat bagi semua pengambilan guru. Satu perkara yang perlu saya jelaskan untuk maklumat Ahli Yang Berhormat ialah permohonan dari tahun ke tahun bertambah dan mutu calon-calon yang memilih untuk menjadi guru juga kian bertambah baik. Pada suatu ketika kita mengambil calon-calon yang agak lemah dalam keputusan SPM sahaja untuk masuk ke maktab-maktab perguruan kerana calon-calon yang baik memilih untuk memasuki bidang pekerjaan langsung ataupun ke pusat-pusat pengajian tinggi.

Di kebelakangan ini perkembangan itu agak berbeza kerana calon-calon

yang memilih untuk memasuki maktab perguruan adalah calon-calon yang mendapat keputusan yang sangat cemerlang. Oleh yang demikian, kita tidak dapat mengeneppikan mereka semata-mata kerana ada guru-guru sandaran yang sedia ada. Guru-guru sandaran yang ada ini di sekitar 17,000 orang diambil pada masa kita mengalami kekurangan guru. Pada tahun ini kita memerlukan 5,000 orang guru sahaja untuk dilatih. Kalau kita diambil dari kalangan mereka semuanya, maknanya calon-calon yang terbaik akan diketepikan. Oleh itu, kita mengambil majoriti dari kalangan guru-guru yang mempunyai pengalaman iaitu guru-guru sandaran dan selebihnya guru-guru yang mempunyai keputusan yang cemerlang dan minat yang begitu baik dalam bidang pendidikan.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Menteri Pendidikan tidak menjelaskan sama ada tempoh perkhidmatan mereka telah ditukarkan daripada tempoh perkhidmatan tahunan kepada bulanan. Saya rasa kalau Yang Berhormat Menteri Pendidikan boleh menjelaskan perkara ini dan kalau tempoh perkhidmatan telah ditukarkan iaitu daripada tahunan ke bulanan, bolehkah Yang Berhormat Menteri Pendidikan memberitahu Dewan yang mulia ini bilakah sistem yang baru ini akan dilaksanakan.

Yang kedua, sama ada syarat-syarat tambahan yang baru ini boleh dikatakan berlaku adil kepada guru-guru sandaran kerana ramai daripada mereka telah berkhidmat untuk Kerajaan di antara 5 atau 6 tahun. Kalau syarat dikenakan bahawa mereka yang melebihi 28 tahun tidak layak lagi untuk diberi peluang untuk dilatih menjadi seorang guru, adalah sangat tidak adil kepada mereka.

Memandangkan bahawa Kerajaan sekarang meminta ramai orang untuk

menjadi guru-guru sandaran, syarat-syarat ini saya rasa tidak akan menggalakkan mereka untuk meminta dan memandangkan guru-guru di sekolah Cina sangat kurang, adalah lebih baik untuk menyelesaikan masalah ini dengan mengambil guru-guru sandaran. . . .

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat, Yang Berhormat nampaknya berucap. . . .

**Tuan Lim Guan Eng:** Yang terakhir.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** . . . . soal sahaja.

**Tuan Zubir bin Embong:** (*Bangun*)

Seorang Ahli: *Duduk! Jangan ganggu!*

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Tidak ada Yang Berhormat, biar saya tanya.

**Seorang Ahli:** Duduk!

**Tuan Lim Guan Eng:** Adakah lebih baik kalau mengambil guru-guru sandaran ini masuk kepada sekolah-sekolah jenis kebangsaan. Memandangkan bahawa terdapat kekurangan guru-guru tetap di sekolah-sekolah jenis kebangsaan, terutama di sekolah-sekolah jenis kebangsaan Cina.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Cukup Yang Berhormat, sudah panjang.

**Tuan Lim Guan Eng:** Terima kasih.

**Tuan Anwar bin Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, pertama elok saya jelaskan bahawa tempoh guru sandaran ialah setahun. Walau bagaimanapun, apabila sampai ke awal tahun dan mengikut jangkaan Kementerian gum-guru yang terlatih

akan keluar pada bulan Julai ataupun bulan September; kebanyakannya bulan Julai untuk meraulakan tugas. Jadi, sudah tentunya tempoh mereka itu tidak dipanjangkan setahun tetapi ikut bulan mengikut keperluan jumlah yang dilatih oleh Kementerian.

Sistem yang baru ini telah pun dilaksanakan dan soalan berikut itu menyentuh tentang adil atau tidak. Saya hendak menasihatkan Yang Berhormat jangan kita fikir adil untuk 200 dan kita ketepikan keadilan bagi 20,000-30,000 orang yang lain. (*Tepuk*)

Sebenarnya, saya bersetuju dengan kenyataan bahawa kita harus memberikan pertimbangan kepada guru-guru yang terlatih yang telah mempunyai pengalaman. Tetapi sebahagian dari mereka itu mendapat keputusan yang sangat lemah sekali. Ada yang diambil pada satu ketika itu dengan satu kredit, ada yang diambil dengan dua kredit walaupun mereka mempunyai pengalaman tetapi jumlah mereka itu puluh ribu. Yang diperiukan ialah di sekitar 5,000. Tentulah sebahagian mereka terpaksa diketepikan. Apakah kita boleh memilih seorang calon yang mempunyai dua kredit dan mengeneipkan seorang calon dari Gred Satu ataupun mempunyai STPM dengan keputusan cemerlang. Ini adalah pertimbangan yang kita harus ambil dan akhirnya kita ambil pertimbangan menurut prinsip keadilan.

Ahli Yang Berhormat menyentuh juga tentang kekurangan guru-guru di sekolah Cina, Saya ingin menjelaskan bahawa inilah satu pandangan yang selalu dikemukakan yang mengeneipkan kenyataan yang sebenarnya.

Yang sebenarnya dilakukan sekarang ialah melatih guru-guru tanpa mengira dari sekolah mana ataupun matapelajaran apa. Hari ini kita dapati kekurangan guru-guru bahasa

Inggeris, bahasa Tamil, bahasa Cina. Maka dalam program latihan baru, guru-guru inilah bahasa Inggeris, bahasa Cina dan Bahasa Tamil yang diambil lebih dari mata-matapelajaran yang lain. Tetapi oleh kerana Ahli Yang Berhormat pada masa itu mungkin sedang berehat, dia tidak mengikuti perkembangan terbaru (*Tepuk*), saya tidak mahulah membangkitkan. Tetapi yang saya hendak jelaskan ialah implikasi dari soalan itu seolah-olah Kementerian dan Kerajaan mengeneppikan kepentingan sekolah ini. Saya membantah keras kerana pandangan ini dikemukakan oleh orang-orang yang mempunyai pandangan, fikiran politik yang sempit dan mengeneppikan kepentingan dan kenyataan yang berlaku sebenarnya. (*Tepuk*)

Angka-angka yang dikeluarkan, saya tidak perlu ulang di sini menunjukkan bahawa jumlah latihan bagi guru-guru bahasa Cina di kebelakangan ini sudah melebihi 1,000 orang dari guru siswazah untuk sekolah menengah dan sekolah rendah. Dan jumlah ini, jumlah paling tinggi yang pernah kita buat. Tetapi rakan-rakan dari DAP tidak pernah mengikuti perkembangan yang berlaku (*Tepuk*).

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya sudah naik jemu.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat, soalan sahaja.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Ini ulang. Tadi, Tuan Yang di-Pertua, beri dia ulas, sekarang saya ulas dulu, biar ada keadilan. Ini baru keadilan.

Saya sudah naik jemu dengan soalan macam ini, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak tanya kepada Kementerian, sekolah Cina, sekolah Tamil, sekolah Melayu; saya seorang yang berfikiran liberal dan untuk tujuan perpaduan

(*Disampuk*), broad minded, dengan izin, Kalau saya tidak hendak broad minded boleh juga, saya boleh ke Melayuan. Saya bantai DAP. . . .

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat, Yang Berhormat teruskan soalan.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Sebagai seorang yang liberal, broad minded. . . .

**Seorang Ahli:** Jangan baca. . . .

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Saya ingin bertanya kepada Kementerian Pendidikan sebab ini untuk tujuan dan perpaduan dan juga satu bentuk rupa bangsa Malaysia di masa akan datang, sebagaimana yang DAP perjuangkan seolok-olok. Tetapi kita sungguh-sungguh. Bilakah kita hendak buat. . . .

**Tuan Lau Dak Kee:** Apa ini?

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Sudah, sudah hendak buat itu. . . .

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Aku bagi. . . .Duduk! Ini. . . ini. (*Menunjukkan penumbuk*)

**Tuan Lau Dak Kee:** Apa? Nampak ini! (*Mengangkat tangan*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat dari Pasir Pinji.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Duduk! Ini. . . ini, Luku-luku! (*Menunjukkan penumbuk*)

**Tuan Lau Dak Kee:** Luku?

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Ya, mari sini!

**Tuan Lau Dak Kee:** Mari! mari keluar!

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat. . . .

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Mari, mari! anytime!

**Tuan Lau Dak Kee:** Inilah sikapnya. Itu liberal, broad minded. . . .

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat Pasir Pinji, sila duduk!

Seorang Ahli: Duduklah!

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Bilakah Kementerian—kalau Yang Berhormat takut hendak jawab, tak payah jawab lagi—biar saya hendak jawab lepas ini—Mid-Term Review nanti. Bilakah Kementerian bercadang untuk menjadikan satu sekolah sahaja, tidak ada Cina, tidak ada Tamil, tidak ada apa. Ini sekolah Malaysia. Kalau selagi ada semacam ini, mereka ini akan gunakan kesempatan untuk tujuan politik dan juga kepentingan perkauman yang sempit, yang gila dan macam-macam lagi, putar-belit! Jadi, saya ingin bertanya bilakah Kerajaan; saya tidak suruh hapuskan Akta tetapi bilakah Kerajaan hendak bentuk satu rupa bangsa sekolah supaya kawan-kawan dalam MCA pun MIC pun tidak pening kepala. Kadang-kadang bergantung dengan sekolah Cina kawan-kawan dalam MCA pun terpaksa pergi sebelah sana. Susah kita, sekejap sana, sekejap sini, susah kita. Kalau ada satu sekolah sahaja, kalau tidak mahu jadikan sekolah macam kita buat dulu sekolah yang kita katakan satu sahaja, biar pun nama sekolah itu "Sekolah Kebangsaan Lim Kit Siang" pun tidak apa tetapi orang Melayu belajar. Dan sekolah itu "Sekolah Shahidan Kassim", tetapi orang Cina belajar; itu baru betul! Ini kalau hendak. . . .

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat, cukuplah itu.

**Beberapa Ahli:** (*Menyampuk*)

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Itu soalan! bila hendak hapuskan sekolah macam ini, itu soalan dia. Bila kita hendak hapuskan sekolah-sekolah yang berbau perkauman tetapi membentuk satu sekolah rupa bangsa Malaysia. Jangan cengil di luar, di dalam. Di tuan pun boleh, di mana-manapun boleh!

**Tuan Lau Dak Kee:** Berkali-kali menunjukkan sikapnya ini. . . .

**Tuan Shahidan bin Kassim:** All right, mari keluar!

**Tuan Lau Dak Kee:** Sikap broad minded. Liberal.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Mari keluar!

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat, tertib mesyuarat!

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Aku pang sebiji, iepas ke sana! (*Ketawa*)

**Tuan Lau Dak Kee:** Itulah sikap Kerajaan.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Nanti Yang Berhormat, itu Menteri jawab.

**Tuan P. Patto:** Tuan Speaker, penjelasan dahulu. . . .

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Sila Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Anwar bin Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan dan juga Kerajaan tidak bercadang untuk merubah corak sekolah-sekolah seperti yang ada. Apa yang akan terus dilakukan ialah memastikan bahawa sekolah-sekolah ini ikut kurikulum yang ditetapkan dan menguasai bahasa yang ditetapkan dan tidak tunduk kepada tekanan parti-parti atau golongan yang berbau perkauman.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat Dr Chen Man Hin. . . .

**Tuan P. Patto:** Tuan Speaker, atas point of order. Soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Arau merupakan soalan yang hampir ataupun keseluruhannya adalah satu seruan hasutan (seditious). Dan saya minta satu ruling daripada Tuan Speaker dan saya minta kalau Yang Berhormat dari Arau berani. . . .

**Tuan Zubir bin Embong:** (*Bangun*)

**Tuan P. Patto:** . . . .kalau berani, ulangilah apa yang dicakapkan dalam Dewan ini di luar Dewan. Yang kedua, Dewan ini tidak mengecualikan beliau atau mana-mana Ahli Parlimen daripada mengeluarkan kata-kata yang seditious. Dia tidak mempunyai immunity. Saya minta Tuan Speaker buat satu ruling.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat, saya tidak boleh buat ruling, sebab ini masa soalan.

**Tuan P. Patto:** Boleh ia dirujuk kepada Privileges Committee.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Itu terserah kepada Yang Berhormat untuk buat usul.

**Tuan P. Patto:** Okay, kalau begitu, kami beri notis, kami akan timbang sama ada perkara ini harus dikemukakan kepada pihak polis oleh kerana dalam satu masa lampau seorang Ahli Parlimen pernah mengeluarkan kata-kata yang sama dan dibawa ke mahkamah. . . .

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Terserah kepada Yang Berhormat.

**Tuan P. Patto:** Kecuali beliau tarik balik. . . .

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat, cukup, cukup!

**Tuan P. Patto:** Saya beri peluang, kecuali beliau tarik balik itu. . . .

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Cukup . . . .cukup, Yang Berhormat, duduk!

**Tuan Zubir bin Embong:** Bawa dia ke mahkamah, kalau boleh.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat. duduk'

**Tuan P. Patto:** Jadi kata beliau ialah hapuskan sekolah Cina dan Tamil bukan?

**Tuan Zubir bin Embong:** Tuan Yang di-Pertua, di bawah Peraturan berapa Yang Berhormat dari Ipoh bangun?

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Saya minta duduk. Kedua-dua sekali duduk!

Yang Berhormat Dr Chen Man Hin.

## INDUSTRI SIMEN/BAJA— PEMBERIAN SUBSIDI

**6. Dr Chen Man Hin** minta Menteri Kewangan menyatakan apa sebab ia mempunyai polisi untuk memberi subsidi kepada industri-industri yang mengalami kerugian seperti simen, baja dan adakah beliau sedar harga tinggi untuk bahan-bahan ini menjadi beban yang serius kepada industri pembinaan.

**Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed):** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak memberi subsidi kepada industri simen. Simen adalah barang yang dikenakan kawalan harga. Untuk

maklumat Ahli Yang Berhormat, harga simen telah tidak berubah semenjak 1981 iaitu harga maksima sebanyak \$9.60 satu beg atau \$192 satu metrik tan. Oleh kerana harganya stabil, harga simen sekarang ini tidak menjadi beban yang serius terhadap industri pembinaan seperti yang didakwa oleh Ahli Yang Berhormat. Walau bagaimanapun, oleh kerana terdapat kelebihan kapasiti simen di pasaran di Malaysia, sebagai langkah menyekat perlambakan simen oleh negara-negara luar Kerajaan telah mengenakan cukai import sebanyak \$80 setan atau 50% daripada harga import bergantung kepada yang mana lebih tinggi ke atas simen yang diimport. Langkah ini bertujuan untuk melindungi industri simen tempatan dari manipulasi harga yang tidak adil oleh pengilang-pengilang asing dan bekalan yang tidak menentu.

Mengenai baja, Kerajaan tidak memberi subsidi untuk pengeluaran bahan ini.

**Dr Chen Man Hin:** Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun Kerajaan tidak memberi subsidi secara langsung (direct) tetapi secara tidak langsung (indirect) ada import duty \$80 setan kalau dibandingkan dengan harga simen antarabangsa. Saya minta oleh kerana industri simen telah didirikan hampir 30 tahun, tahun 60an sudah ada industri simen, apa sebab sampai sekarang pengeluaran simen sangat kurang, sangat tidak sihat dan sampai sekarang harga itu sangat lebih jika dibandingkan dengan harga antarabangsa.

Inikah cara Kerajaan ingat hendak melindungi industri-industri yang tidak cekap, misalnya kilang Kedah Simen.

**Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, mengapa kita masih memberikan perlindungan kepada industri ini ialah kerana, kaiau kita lihat kapasiti pengeluaran simen tempatan adalah sebanyak 7.88 juta metrik tan.

Permintaannya hanyalah 3.2 juta metrik tan. Oleh yang demikian, tidak ada keperluan bagi kita untuk mengimport simen dari negara-negara yang lain. Sebab itu kita masih mengekalkan sistem yang ada ini dengan mengenakan cukai sebanyak 50% daripada harga import kerana kapasiti pengeluaran simen dalam negeri kita adalah lebih daripada permintaan yang ada. Keduanya, berkenaan harga yang terlalu tinggi, saya telah sebut daripada tahun 1981 sehingga sekarang ini tidak berubah maksima harga barangan ini.

Berkenaan tuduhan Yang Berhormat mengatakan industri simen tidak sihat, sukalah saya maklumkan pada masa ini industri ini nampaknya telah bertambah baik daripada masa yang telah lalu. Segala langkah-langkah yang perlu akan diambil untuk memastikan industri simen ini akan mendatangkan keuntungan kepada negara.

**Tuan Lau Dak Kee:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Menurut jawapan daripada Timbalan Menteri berkenaan dengan simen ini nampaknya Kerajaan sentiasa melindungi pekilang-pekilang simen di dalam negara dan untuk merampas semua pasaran di dalam negeri dan nampaknya pun tidak dapat bersaing dengan simen-simen yang dikeluarkan oleh negeri-negeri yang lain kalau harganya tidak boleh banding dengan harga simen-simen yang dikeluarkan oleh negeri-negeri yang lain. Maka sedarkah Kerajaan adanya simen-simen yang diimport selain daripada simen yang dikatakan ada juga simen putih, simen berwarna itu diimport masuk ke dalam negara ini dengan kod tafsiran yang lain. Kalau ada apakah tindakan-tindakan akan diambil?

Kedua, bilakah Kerajaan memberi perlindungan kepada pekilang-pekilang simen ini sehingga mereka boleh berdikari atau sampai bilakah

Kerajaan akan menolong? Kalau untuk selama-lamanya, saya rasa itu bukan satu dasar Kerajaan.

**Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, soalan yang pertama itu tidak berkaitan dengan soalan asal.

Kedua, bilakah tempoh Kerajaan akan memberikan perlindungan ini, Kerajaan sentiasa mengkaji dari masa ke semasa. Bila keadaan tidak memerlukan kita memberi perlindungan kita akan kaji dan mungkin akan ditarik balik. Dalam konteks ini, untuk memberitahu dengan tepat saya tidak dapat beritahu melainkan dari masa ke semasa Kerajaan akan mengkaji kedudukan.

#### BANTUAN KEPADA PENJAJA/ PENIAGA KECIL

**7. Tuan Jawah anak Gerang** minta Perdana Menteri menyatakan jumlah bantuan kewangan Kerajaan Pusat melalui Kerajaan Negeri kepada peniaga-peniaga kecil dan penjaja-penjaja mengikut negeri dan jumlah mereka yang mendapati faedah.

**Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Othman bin Abdul):** Tuan Yang di-Pertua, bantuan kewangan Kerajaan Pusat melalui Kerajaan-kerajaan Negeri kepada penjaja dan peniaga kecil diberi dalam dua bentuk iaitu penyediaan ruangniaga dan pinjaman. Jumlah peruntukan yang disediakan bagi Rancangan Malaysia Kelima bagi keseluruhan program ini adalah sejumlah \$149.84 juta.

Bagi tempoh 1986 hingga 1988 bilangan ruangniaga yang disediakan yang dibina melalui MARA dan Pejabat Kemajuan Negeri adalah sebanyak 2,423 unit dan bilangan pinjaman melalui Syarikat Jaminan Kredit adalah seramai 9,597 orang.

Pecahan mengikut negeri adalah seperti berikut iaitu bagi tempoh 1986-1988:

Negeri	Bil. Unit	Bil. Pinjaman	Nilai Peruntukan (\$) juta
Perlis . . . .	43	261	0.98
Kedah .. ..	240	892	7.46
Pulau Pinang ..	141	589	3.00
Perak .. ..	283	1,016	6.00
Selangor .. ..	96	716	2.00
Wilayah Persekutuan	39	1,181	3.00
Negeri Sembilan	114	1,130	3.00
Melaka .. ..	154	770	7.00
Johor .. ..	212	668	3.00
Pahang .. ..	296	629	8.00
Terengganu ..	140	263	7.00
Kelantan .. ..	323	553	3.00
Sabah .. ..	327	322	1.00
Sarawak .. ..	15	607	1.00

**Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan bilangan unit dan juga pinjaman yang diberikan kepada peniaga-peniaga kecil dan juga penjaja-penjaja mengikut negeri sepertimana yang telah dibacakan tadi adalah begitu kecil sedangkan permintaannya begitu tinggi dan besar sekali, apakah langkah-langkah baru yang telah, sedang dan akan dimainkan oleh pihak Kementerian dalam menentukan sekurang-kurangnya permohonan daripada peniaga-peniaga kecil dan juga penjaja-penjaja itu sampai ke tahap separuh ataupun lebih sedikit?

Yang kedua, saya menyedari bahawa prestasi bayarannya agak mendukacitakan, apakah langkah-langkah yang telah dimainkan supaya prestasi ini dapat berkembang maju?

Soalan terakhir, apakah langkah-langkah yang dimainkan oleh pihak Kementerian bagi meningkatkan prestasi dan kedudukan penjaja serta peniaga-peniaga kecil di seluruh negara selain daripada memberikan pinjaman? Terima kasih.

**Tuan Othman bin Abdul: Terima kasih,** Tuan Yang di-Pertua. Bagi pertanyaan pertama, itu soal permintaan yang banyak, memanglah, baru-baru ini pun Kerajaan telah mengumumkan bahawa pinjaman-pinjaman ataupun pemberian baru kepada peniaga-peniaga kecil ini telah dikeluarkan oleh Kerajaan dan sekarang bergantunglah kepada masyarakat untuk menceburkan diri atau mengambil bahagian di dalam usaha untuk mendapatkan pinjaman ataupun kemudahan-kemudahan yang disediakan oleh pihak Kerajaan. Di samping itu, penyeliaan unit-unit perniagaan adalah terpulang kepada Kerajaan-kerajaan Negeri sama ada mereka dapat menyediakan tapak-tapak yang sesuai bagi agensi Kerajaan untuk membina ruang-ruang niaga ini.

Soalan yang kedua, memanglah satu keadaan yang biasa yang dicakapkan oleh kita iaitu mengenai prestasi bayaran balik oleh peminjam-peminjam ini. Kerajaan sentiasa melalui proses perundangan yang sedia ada menuntut balik bayaran pinjaman yang telah pun dikeluarkan oleh pihak Kerajaan. Bagi meningkatkan prestasi peniaga-peniaga kecil ini, saya telah sebutkan tadi bahawa Kerajaan telah pun meningkatkan jumlah pinjaman yang boleh diterima oleh seseorang tanpa cagaran hanya dengan penjamin kepada nilai yang lebih tinggi iaitu \$5,000 sekarang ini bagi membolehkan mereka membukakan perniagaan yang lebih besar untuk kepentingan mereka sendiri.

**Tuan Lim Guan Eng: Terima kasih,** Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak bertanya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen untuk memberitahu Dewan ini, bolehkah beliau memberi angka dari segi pecahan kaum mengenai jumlah bantuan yang telah diberi?

**Tuan Othman bin Abdul: Tuan Yang di-Pertua,** saya mohon notis kerana angka-angka itu tidak ada di sini. Yang sebenarnya dalam soal ini, perniagaan

kecil ini, terbuka peluangnya yang luas untuk semua kaum menceburkan diri di dalam bidang perniagaan ini.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud);** Yang Berhormat Tuan Haji Mohamad bin Yaakob.

**Tuan Haji Mohamad bin Yaakob:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memperbetulkan soalan iaitu baris yang ketiga, iaitu Baiu' Bisamani Ajil. Tuan Yang di-Pertua, soalan No. 8.

### URUSAN BANK BERASASKAN LUNAS-LUNAS ISLAM

**8. Tuan Haji Mohamad bin Yaakob** minta Menteri Kewangan menyatakan apakah tindakan kepada Persatuan Ulama mengemukakan syor atasi riba, supaya Kerajaan mengamalkan Sistem Baiu Bisamani Ajil dan Al-Oardhul Hasan bagi mengatasi masalah riba dalam sistem kewangan dan bank di negara ini.

**Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang kita semua maklum, Bank Islam yang ada pada masa ini menyediakan urusan bank dengan berasaskan kepada lunas-lunas Islam. Penubuhan bank itu adalah merupakan langkah Kerajaan ke arah mewujudkan perkhidmatan bank tanpa riba di negara ini dengan itu orang-orang yang memerlukan urusan bank tanpa riba bolehlah berurusan dengan Bank Islam dan sambutan serta sokongan orang ramai akan menentukan kemajuan dan perkembangan perkhidmatan Bank Islam pada masa hadapan.

**Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin penjelasan dari Yang Berhormat Timbalan Menteri mengenai perkataan bahasa Al-Quran itu kerana mengikut arahan daripada Jabatan Perdana

Menteri baru-baru ini, bahasa Al-Quran tidak boleh ditulis dalam bahasa rumi. Jadi, macam mana hukumnya mengenai yang ada di sini? (*Ketawa*)

**Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, jawapan saya ini tidak ada pun perkataan Al-Quran. Jawapan saya macam yang saya sebutkan tadi. Soalan ini bukan saya punya.

## KERACUNAN MAKANAN

**9. Tuan Haji Basri bin Bajuri** minta Menteri Kesihatan menyatakan apakah beliau sedar bahawa masalah keracunan makanan begitu menjadi-jadi dalam negara kita. Jika ia;

- (a) apakah langkah-langkah jangka pendek dan jangka panjang yang telah, sedang dan akan dilaksanakan oleh Kerajaan; dan
- (b) berapa ramaikah rakyat yang dilaporkan terlibat dalam keracunan makanan sejak 1-1-1988 sehingga ke hari ini dan berapa ramaikah jiwa yang terkorban akibat keracunan makanan dalam jangka masa yang sama.

**Timbalan Menteri Buruh (Dato' K. Pathmanaban):** Tuan Yang di-Pertua, keracunan makanan adalah, dengan izin, endemic, ataupun sentiasa berlaku di Malaysia. Bagaimanapun, orang ramai mulai sedar akan masalah ini oleh sebab semenjak tahun 1988 selepas permulaan penguatkuasaan Peraturan Makanan 1985, masalah ini telah dilaporkan dengan seluasnya oleh media-massa. Juga, pembekalan makanan oleh kilang-kilang, kedai-kedai, gerai-gerai dan kantin-kantin di sekolah-sekolah dan kilang-kilang sedang meningkat semakin hari dan ini juga membawa masalah kebersihan makanan, berbanding dengan makanan yang

disediakan di rumah-rumah kediaman untuk keluarga sendiri.

Langkah-langkah jangka pendek yang dilaksanakan oleh Kementerian Kesihatan untuk mengatasi masalah keracunan makanan ialah:

- (i) menyasiat kes-kes dengan segera untuk menentukan punca keracunan itu dan seterusnya memusnahkan punca itu; dan
- (ii) memberi rawatan sewajarnya kepada mereka yang terlibat.

Langkah-langkah jangka panjang adalah diusahakan melalui dua strategi, iaitu pendidikan kesihatan dan penguatkuasaan undang-undang. Kementerian Kesihatan telah dan sedang bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Persatuan-persatuan Pengguna serta juga media-massa untuk memberi makluman serta pendidikan kebersihan makanan kepada murid-murid, guru-guru sekolah, pengendali-pengendali makanan dan juga orang ramai. Kakitangan Kementerian Kesihatan juga telah memberi pendidikan kebersihan makanan itu kepada ibu-ibu yang datang ke pusat-pusat kesihatan dan klinik-klinik di seluruh negara. Dari segi penguatkuasaan undang-undang yang terlibat, ianya memang sentiasa dijalankan oleh Penguasa-penguasa Tempatan, yang mempunyai kuasa dalam kawasan-kawasan mereka, dan juga Kementerian Kesihatan. Bagaimanapun, penguatkuasaan ini sedang diperketatkan lagi.

Dari Januari tahun 1988 sehingga akhir bulan Mei 1989, sejumlah 4.179 orang telah dilaporkan terlibat dengan keracunan makanan mengakibatkan 29 kematian. Angka kematian ini termasuk 13 kematian di Perak melalui makanan loh shee fun pada bulan Oktober lalu.

**Tuan Haji Basri bin Bajuri:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Walaupun penguatkuasaan sekarang telah diperhebatkan namun kita masih dapati pengusaha-pengusaha atau pengendali-pengendali makanan ini kurang menjaga kebersihan. Selain daripada itu, saya ingin bertanya apakah pihak Kementerian bercadang untuk mewajibkan pengusaha-pengusaha atau pengendali-pengendali makanan seperti kantin, gerai dan sebagainya mengikuti kursus khusus mengenai bidang yang diceburi bagi memastikan mereka tahu tentang bahaya-bahaya dan masalah-masalah kesihatan yang berkaitan dengan perusahaan itu. Terima kasih.

**Dato' K. Pathmanaban:** Tuan Yang di-Pertua, mengadakan kursus untuk mereka yang berkecimpung dalam bidang perusahaan membekal makanan bukanlah senang kerana banyak sekali orang yang terlibat tetapi di beberapa majlis-majlis Kerajaan Tempatan kursus-kursus ataupun "exposure" yang perlu sedang diusahakan. Perlu juga saya mengatakan bahawa susah juga untuk kenal pasti siapa yang harus dapat kursus itu kerana taukeh gerai atau taukeh kedai itu memang bukan yang mengendalikan makanan dan sentiasa berlaku perubahan dalam bidang tukang masak, dalam golongan pekerja-pekerja yang menghidangkan makanan dan sebagainya. Satu yang menambah lagi masalah kebersihan makanan itu.

**Dr Chen Man Hin:** Tuan Yang di-Pertua, masa sekarang ramai pekerja-pekerja masuk bekerja di office macam eksekutif juga hendak makan di tempat-tempat yang ada penjaja-penjaja tetapi saya rasa banyak tempat itu kekurangan satu kemudahan yang simple iaitu air, banyak tempat tidak air dari paip. Mana boleh dijaga kebersihan makanan di tempat-tempat makanan itu?

**Dato' K. Pathmanaban:** Tuan Yang di-Pertua, saya memang bersetuju bahawa satu daripada punca kurang kebersihan makanan atau pencemaran makanan adalah tidak adanya di tempat penjaja-penjaja gerai, air yang bersalur atau, dengan izin, running water, dan pihak Kerajaan-kerajaan Tempatan atau Penguasa-penguasa Tempatan telah pun diberi nasihat dalam perkara ini dan saya rasa ada juga beberapa pihak sedemikian yang sedang mengusahakan untuk memusatkan penjaja-penjaja ini dan di pusat-pusat penjaja itu, Taman Selera dan sebagainya, mengadakan bukan sahaja air yang bersalur tetapi juga perkhidmatan untuk mengutip sampah dan sebagainya.

## ASRAMA DESA

**10. Tuan Haji Mohd. Sharif bin Jajang** minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) berapa banyakkah asrama-asrama desa yang telah dibina sejak pengumuman Y.A.B. Timbalan Perdana Menteri;
- (b) di manakah asrama-asrama desa ini;
- (c) apakah kriteria dan garis panduan pembinaan asrama desa seperti ini; dan
- (d) berapakah jumlah maksima anggaran pembinaan sesebuah asrama desa yang dicadangkan itu.

**Menteri Pendidikan (Tuan Anwar bin Ibrahim)** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Jumlah Asrama Desa yang siap pada tahun 1988 ialah 40 buah dan setelah rancangan ini mendapat dokongan dari Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, Kementerian telah meningkatkan pelaksanaan projek ini pada tahun 1989 sehingga 82 buah projek

yang sedang dibina. Selain dari itu ada 27 permohonan lain yang telah pun diberikan persetujuan oleh Kementerian Pendidikan.

- (b) Asrama-asrama Desa dibina di semua negeri melainkan Wilayah Persekutuan yang tidak ada kawasan desa.
- (c) Pembinaan Asrama Desa adalah bertujuan untuk memberi peluang kepada pelajar-pelajar dari keluarga yang termiskin atau daif serta mempunyai taraf sosio-ekonomi di bawah paras kemiskinan agar mereka mendapat kemudahan pembelajaran serta tempat tinggal untuk membantu mereka meningkatkan mutu pendidikan.
- (d) Pembinaan sesebuah Asrama Desa adalah mengikut konsep gotong-royong dengan masyarakat setempat dan kos pembinaan minima dianggarkan \$50,000 seunit dengan 15% kemudahan-kemudahan asas yang mungkin ditambah.

**Dr Goh Cheng Teik:** Tuan Yang di-Pertua, ingin saya bertanya Yang Berhormat Menteri sama ada Kementerian beliau membina Asrama-asrama Desa untuk pelajar-pelajar Tingkatan 6?

Kedua, sama ada daerah Seberang Prai Selatan termasuk dalam rancangan Kementerian.

**Tuan Anwar bin Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, pelajar-pelajar Tingkatan 6 memang termasuk dalam rancangan ini walaupun kebanyakan pelajar-pelajar yang dipilih mungkin di sekitar yang akan menduduki peperiksaan Tingkatan 3 dan Tingkatan 5. Tetapi sepertimana yang kita tahu terutama di Sabah, Sarawak dan beberapa kawasan Pahang dan Terengganu, ada Asrama Desa yang diwujudkan untuk memenuhi keperluan pelajar-pelajar sekolah

rendah. Begitu juga di beberapa tempat lain untuk pelajar Tingkatan 6. Selain dari rancangan ini untuk menyelesaikan sebahagian dari masalah pelajar-pelajar yang paling miskin, salah satu sekolah asrama penuh yang terbaik di negara kita iaitu Sekolah Menengah Sains Cheras telah pun dijadikan satu sekolah khas bagi pelajar-pelajar dari keluarga termiskin, anak buruh kasar, petani, nelayan yang berpendapatan kurang daripada \$250 sebulan.

Di Seberang Prai Selatan projek ini sudah pun siap iaitu di Sekolah Menengah Kebangsaan Sungai Acheh. Yang Berhormat boleh melawat bila-bila masa yang lapang.

**Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan dari Yang Berhormat Menteri, apakah syarat-syarat yang dikenakan untuk menerima pelajar-pelajar masuk belajar ke Asrama-asrama Desa ini kerana saya difahamkan bahawa pelajar-pelajar yang diterima masuk ke asrama-asrama ini sama dengan kelulusan-kelulusan yang dicapai untuk masuk ke asrama-asrama lain. Sekiranya ini benar, maka sesungguhnya ia mengecewakan hasrat dan cita-cita kita untuk meninggikan taraf orang-orang miskin.

**Tuan Anwar bin Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, syarat kemasukan ke Asrama Desa ini berbeza dengan syarat kemasukan pelajar ke sekolah menengah asrama penuh yang mengambil kira kedudukan sosio-ekonomi serta juga prestasi akademik yang dicapai dalam peperiksaan atau ujian. Asrama Desa tidak menentukan syarat kelayakan akademik tetapi kedudukan sosio-ekonomi keluarga di kalangan yang termiskin di daerah itu dan juga yang duduk agak jauh dari sekolah yang dipelajari oleh pelajar yang berkenaan.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Masa sudah cukup, Yang Berhormat.

*(Masa untuk Pertanyaan bagi jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Soalan No. 1 dan 11 hingga 70 adalah diberi di bawah ini)*

### PERKHIDMATAN PERGIGIAN DI SEKOLAH-SEKOLAH

**1. Tuan Nasruddin bin Haji Alang Saidin** minta Menteri Kesihatan menyatakan kedudukan perkhidmatan pergigian sekolah-sekolah kepada murid-murid lebih-lebih lagi murid-murid di luar bandar dan apakah langkah Kementerian secara terperinci bagi mengatasi masalah ini.

**Menteri Kesthatan (Tuan Ng Cheng Kiat):** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mengikut kajian yang telah dibuat oleh Kementerian Kesihatan, masalah pergigian di kalangan murid-murid sekolah, khususnya mereka yang di luar bandar adalah:

- (i) Masalah kesedaran dan pengetahuan mengenai cara-cara menjaga kebersihan mulut dan memelihara kesihatan gigi.
- (ii) Masalah kerosakan gigi (Karies gigi).
- (iii) Psnyakit gusi (gingivitis).

Kementerian Kesihatan telah pun melaksanakan satu rancangan yang luas untuk mengatasi masalah-masalah ini. Rancangan ini adalah:

- (i) Rancangan Rawatan.
- (ii) Rancangan Pencegahan.
- (iii) Rancangan Pendidikan Pergigian.

Dari segi rawatan, Kementerian sedang mengadakan perkhidmatan pergigian sekolah yang berkesan di kawasan bandar dan luar bandar.

Murid-murid sekolah diberi rawatan oleh 353 pegawai pergigian, 7 pakar ortodontik dan 975 jururawat pergigian. Pada tahun 1988 sebanyak 65.7% murid-murid sekolah rendah telah diberi rawatan.

Klinik-klinik pergigian diadakan seperti berikut:

606 klinik pergigian sekolah (dibina dalam bangunan sekolah rendah dan sekolah menengah di bandar dan luarbandar);

128 klinik pergigian di bandar;

420 klinik pergigian di luar bandar;

106 pasukan pergigian bergerak (membuat lawatan ke sekolah-sekolah di kawasan terpencil di luar bandar).

Perkhidmatan pencegahan adalah diberi melalui aktiviti pelajaran kesihatan dan Rancangan Fluoridation di mana air minum yang dibekalkan oleh Jabatan Kerjaraya adalah dicampur dengan bahan kimia fluoride. Fluoridation ini adalah satu cara yang berkesan dalam mengurangkan kerosakan gigi (karies).

Berkenaan dengan Rancangan Pendidikan Kesihatan Pergigian pula, ianya diberi kepada murid-murid sekolah dan juga kepada orang ramai. Tujuannya ialah untuk memberi kesedaran dan pengetahuan tentang mustahaknya gigi dan gusi yang sihat dan bagaimana cara-cara untuk mencapainya. Rancangan pendidikan ini juga menitikberatkan peranan ibu-bapa dalam penjagaan kesihatan gigi dan gusi anak-anak mereka.

### TANAH SAWAH YANG TERBIAR

**11. Tuan Law Lai Heng** minta Menteri Pertanian menyatakan sehingga 31hb Mei 1989, berapakah keluasan tanah terbiar yang dapat dimajukan atau dipulihkan oleh:

(a) Agensi Kerajaan;

- (b) oleh swasta; dan
- (c) oleh kumpulan belia dan -siswazah.

**Timbalan Menteri Pertanian (Dato' S. Subramaniam):** Terdapat dua kategori tanah terbiar iaitu tanah sawah terbiar dan tanah terbiar bukan sawah. Kementerian Pertanian hanya merancang dan menyelaras program-program pemulihan tanah sawah terbiar. Sehingga 31hb Mei, 1989 keluasan tanah sawah terbiar yang telah dimajukan atau dipulihkan adalah seperti berikut:

- (a) Agensi Kerajaan — 60,119 hektar
- (b) Swasta, belia dan siswazah — 22,000 hektar.

Jenis-jenis tanaman yang diusahakan di bawah program pemulihan sawah terbiar ialah padi, kelapa sawit, pisang, koko, jagung, kacang tanah dan sayur-sayuran. Kebanyakan daripada projek-projek pemulihan yang diusahakan oleh Agensi Kerajaan adalah diusahakan secara berkelompok. Pengusahaan secara ini akan lebih menjamin kejayaan projek-projek tersebut dan dapat mengurangkan masalah tanah-tanah tersebut kembali terbiar.

#### RAMALAN AWAL RIBUT/ ANGIN KENCANG

**12. Dr Abdul Hadi Derani** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan sama ada Jabatan Kajicuaca mempunyai kewibawaan mengesan secara awal ribut dan angin kencang yang sentiasa melanda, kampung-kampung di negeri-negeri utama seperti Perlis, Kedah dan Pulau Pinang dan menyampaikan maklumat-maklumat tersebut kepada orang ramai atau badan-badan tertentu sebagai langkah untuk mengurangkan kemalangan jiwa dan kerosakan harta.

**Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tuan Law Hieng Ding):** Perkhidmatan Kajicuaca Malaysia tidak dapat membuat ramalan awal ribut dan angin kencang yang berlaku di Perlis, Kedah dan Pulau Pinang oleh kerana keadaan ribut petir itu berlaku dalam masa yang pendek dan juga ianya terjadi di kawasan kecil iaitu lebarnya dari 5 hingga 10 kilometer sahaja. Oleh yang demikian, ianya terlalu amat sukar untuk memberi amaran awal bagi memberitahu penduduk-penduduk atau pihak-pihak bertanggungjawab bagi kerja-kerja pemindahan dan penempatan semula.

Malahan Ahli Kajicuaca di seluruh dunia termasuk di Amerika Syarikat menghadapi masalah serupa untuk mengeluarkan ramalan terhadap fenomena ribut-petir. Walau bagaimanapun kerosakan akibat darinya boleh dikurangkan sekiranya struktur-struktur rumah dan bangunan dibina supaya dapat menghadapi tiupan angin kencang itu. Langkah seperti ini telah pun diambilkira dalam merangka dan merancang pembinaan bangunan-bangunan tinggi, jambatan dan lain-lain struktur.

#### MEMINDAHKAN SEKOLAH- SEKOLAH

**13. Tuan Ong Tee Keat** minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (i) bilangan SRJK (C) yang terbabit dalam perpindahan tapak sekolah sejak tahun 1986; dan
- (ii) syarat-syarat asas untuk mempertimbangkan permohonan memindahkan sekolah-sekolah tersebut.

**Tuan Woon See Chin:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- (i) Bilangan sekolah yang terbabit di dalam perpindahan tapak sekolah adalah terlalu kecil.

Keutamaan Kementerian ialah bagi membina sekolah-sekolah baru, bangunan tambahan serta projek gantian bagi bangunan-bangunan sekolah yang uzur.

- (ii) Pengwujudan sekolah-sekolah baru atau perpindahan tapak sekolah dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan mengikut keperluan sesuatu kawasan atau penempatan.

### DASAR BURUH NEGARA

**14. Tuan Lee Lam Thye** minta Menteri Buruh menyatakan mengapa negara kita tidak mempunyai satu dasar buruh negara dan bilakah dasar tersebut akan diperkenal dan diterima.

**Timbalan Menteri Buruh (Dato' K. Pathmanaban):** Adalah menjadi hasrat Kerajaan semenjak dulu lagi untuk memperkenalkan satu Dasar Buruh Negara. Tidaklah dapat dinafikan bahawa Dasar Buruh Negara adalah mustahak bagi sesebuah negara khususnya sebuah negara yang sedang membangun seperti Malaysia.

Justeru itu, Kementerian Buruh dengan kerjasama Pihak Pekerja dan Majikan melalui Majlis Penasihat Buruh Kebangsaan sedang merangka satu draf Dasar Buruh Negara. Draf Dasar Buruh Negara ini sedang diteliti untuk diperkemas lagi sebelum dikemukakan kepada Kerajaan.

### FELDA—GERAN TANAH PENEROKA

**15. Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar** minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menjelaskan tentang:

- (a) berapakah jumlah geran tanah yang telah di keluarkan kepada peneroka-peneroka FELDA di seluruh negara dan berapa luas;

(b) memandangkan permintaan yang menggalakkan, apakah Kerajaan tidak bercadang untuk membuka lebih banyak rancangan penempatan baru. Jika bercadang, apakah ianya akan diberi kepada penganggur yang berpendidikan; dan

(c) apakah rancangan-ancangan pembangunan ekonomi negara Malaysia yang dirancang oleh pihak Kementerian sehingga tahun 2000.

**Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Datuk Kasitah bin Gaddam):**

(a) Sehingga sekarang, seramai 8,915 peneroka di 44 rancangan FELDA telah menerima geran tanah. Luas kawasan rancangan-rancangan yang telah dikeluarkan geran tanah itu ialah 27,692 hektar.

(b) Kerajaan memang bercadang untuk membuka lebih banyak rancangan FELDA. Bagaimanapun, ini adalah bergantung kepada kawasan yang sesuai dan diluluskan oleh pihak Kerajaan Negeri.

Setakat ini, seluas 385,957 hektar kawasan telah pun dipohon dan menunggu kelulusan daripada pihak Kerajaan Negeri.

Pada masa ini, peluang untuk menjadi peserta di rancangan-rancangan tanah FELDA adalah terbuka kepada semua rakyat Malaysia dengan beberapa syarat iaitu berumur di antara 18 hingga 40 tahun, telah berkeluarga, tidak mempunyai tanah dan berminat untuk menjalankan kerja-kerja pertanian. Jadi, sekiranya ada penganggur yang berpendidikan, berminat dan

memenuhi syarat-syarat yang dinyatakan, maka mereka bolehlah mengambil peluang untuk menjadi peserta di rancangan tanah FELDA.

- (c) Perancangan ekonomi negara adalah berpandukan kepada beberapa dasar negara yang telah dan akan digubal. Oleh itu, rancangan-rancangan pembangunan ekonomi yang akan dilaksanakan oleh Kementerian ini sehingga tahun 2000 adalah selaras dengan perancangan ekonomi negara itu.

Selaras dengan perancangan ekonomi negara di bawah Rancangan-rancangan Malaysia yang akan diadakan kelak iaitu yang keenam dan seterusnya hingga ke tahun 2000, Kementerian ini akan menumpukan usaha-usaha dalam meningkatkan lagi pembangunan di bidang kemajuan tanah luar bandar di seluruh negara melalui FELDA, RISDA dan Lembaga-lembaga Kemajuan Wilayahnya.

#### SUKAN SEA—KEJAYAAN OLAHLAGAWAN

**16. Tuan Haji Mohamed Sam bin Haji Sailan** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan harapan negara untuk mencapai kejayaan-kejayaan olahragawan-olahragawan kita di dalam Sukan SEA 1989 nanti. Terangkan sama ada Y.B. Menteri puas hati dengan persediaan-persediaan dan latihan-latihan yang dijalankan. Apakah faktor-faktor penghalang pada pencapaian kejayaan yang lebih tinggi.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan (Tuan Haji Awang bin Jabar);** Harapan negara untuk

mencapai kejayaan-kejayaan olahragawan-olahragawan kita di dalam Sukan SEA 1989 nanti adalah cerah. Ini adalah kerana persiapan-persiapan awal yang telah dirancang bagi menyediakan pasukan negara yang kuat dan mantap.

Persiapan awal yang dimaksudkan ialah Program Persediaan latihan Ke Arah Sukan SEA XV yang bermula selepas berakhirnya Sukan SEA XIV di Jakarta pada tahun 1987. Sebanyak \$3.7 juta telah diperuntukkan di bawah program latihan ini dan ianya merupakan program jangka panjang yang pertama dijalankan. Program Latihan ini merangkumi aspek latihan pusat, latihan luar negeri, pertandingan-pertandingan yang sesuai, menyediakan jurulatih luar negeri dan tempatan dan lain-lain lagi untuk 24 jenis sukan yang akan dipertandingkan di temasya tersebut. Di samping itu, pihak Kementerian melalui Majlis Sukan Negara Malaysia telah mengadakan berbagai program susulan iaitu Kem Bina Semangat, program Latihan Mental dan Kem Latihan Nasional yang akan diadakan di Bangi selama sebulan. Harapan kita ialah untuk mendapatkan seberapa banyak pingat emas dan pihak Kementerian meramalkan bahawa pasukan negara mampu mencapai 50 pingat emas dalam Sukan SEA akan datang berdasarkan pencapaian semasa atlet-atlit kita pada masa ini.

Saya berpuashati dengan persediaan-persediaan dan latihan-latihan yang dijalankan oleh para atlit kita bagi menghadapi Sukan SEA. Pada masa ini, Persatuan-persatuan Sukan Kebangsaan telah menjalankan peringkat terakhir program latihan pusat untuk pemilihan atlit-atlit yang akan disenaraikan di Sukan SEA nanti. Pihak Kementerian telah mendapat kerjasama dari Persatuan-persatuan Sukan Kebangsaan yang terlibat bagi melaksanakan program latihan yang telah diadakan.

Diantara faktor-faktor penghalang bagi mencapai kejayaan yang lebih tinggi ialah:

- (i) Aspek Fisikal—iaitu dari segi kemudahan yang lebih lengkap dan moden. Sesungguhnya kita ketinggalan dalam menyediakan kemudahan-kemudahan sukan yang termoden dan kemudahan sukan sedia ada tidak dapat memenuhi keperluan negara. Di antaranya ialah trek sintetik yang terhad bilangannya dan pasukan memanah kita tidak mempunyai padang memanah yang tetap.
- (ii) Aspek Personal—iaitu kekurangan dari segi kepakaran sains sukan, fisiologis, jurulatih dan kalangan profesional yang sememangnya boleh membantu ke arah kemajuan dan kejayaan sukan di negara ini. Di samping itu, semua Kesatuan Sukan Kebangsaan mempunyai kemampuan yang terhad kerana pegawai-pegawai yang dilantik berkerja secara sukarela serta tidak mempunyai kewangan yang mencukupi dan hanya bergantung sepenuhnya dari pihak Kerajaan.
- (iii) Aspek Sikap—iaitu sikap dan semangat atlit kita yang lemah dan ini mungkin dipengaruhi oleh sokongan rakyat yang negatif. Dari itu, adalah penting bagi rakyat jelata melibatkan diri dan memberi sokongan padu dan perangsang kepada atlit-atlit kita apabila adanya kejohanan-kejohanan bagi mencapai kejayaan yang kita harapkan.

## MAJIKAN YANG DIDAKWA

**17. Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah** minta Menteri Buruh menyatakan berapakah jumlah majikan-majikan yang didakwa kerana mengambil pekerjaan dari kanak-kanak dan orang muda yang di bawah umur dari tahun 1985-1988 berapakah jumlah denda yang telah diterima.

**Dato' K. Pathmanaban:** Bilangan majikan yang didakwa di bawah Akta Kanak-kanak dan Orang Muda (Penggajian 1966 kerana menggaji kanak-kanak dan orang muda semenjak 1985 hingga 1988 adalah seperti berikut:

<i>Tahun</i>	<i>Bilangan</i>
1985 . . . . .	8
1986 . . . . .	5
1987 . . . . .	1
1988 . . . . .	3
Jumlah ..	<u>17 orang</u>

Dari pendakwaan-pendakwaan tersebut denda berjumlah \$8,370.00 bagi tempoh 1985 hingga 1988 telah berjaya dipungut. Penahan denda mengikut tahun adalah seperti berikut:

1985 .. ..	\$3,600.00
1986 .. ..	\$1,660.00
1987 .. ..	\$2,000.00
1988 .. ..	\$1,110.00
Jumlah ..	<u>\$8,370.00</u>

## BUKU TEKS—KEKURANGAN

**18. Dr Tan Seng Giaw** minta Menteri Pendidikan menyatakan keadaan kekurangan buku teks bagi sekolah-sekolah rendah dan menengah pada masa sekarang. Di darjah mahupun tingkatan yang manakah keadaan paling mendesak. Secara perbandingan, bagaimanakah keadaan

masalah ini di antara sekolah-sekolah rendah dan menengah kebangsaan, jenis kebangsaan Cina dan Tamil. Apakah faktor-faktor yang menyebabkan keadaan sedemikian terus wujud dan sukar diatasi dalam kes-kes tersebut di atas. Bagaimana pula Kerajaan bercadang untuk menyelesaikan masalah-masalah secara umumnya. Bilakah usaha-usaha Kerajaan boleh berhasil untuk menghapus sama sekali keadaan kekurangan buku teks. Setakat ini, betapa berkesankah usaha Kerajaan mengatasi masalah kekurangan buku teks, misalnya kadar penterjemahan atau pengeluaran buku teks.

**Tuan Woon See Chin:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebenarnya keadaan kekurangan buku teks bagi sekolah-sekolah rendah dan menengah pada masa sekarang tidak wujud. Sekiranya berlaku, ianya adalah ekoran daripada pertambahan murid di sekolah itu. Untuk mengatasi masalah tersebut, pihak sekolah boleh memohon bekalan buku teks tambahan daripada Kementerian Pendidikan.

Langkah-langkah berikut telah diambil oleh Kementerian Pendidikan untuk mengatasi masalah kelewatan dan kekurangan buku teks:

- (a) Mempastikan sekolah-sekolah di seluruh negara telah menerima buku teks daripada penerbit-penerbit yang berkenaan.
- (b) Membuat pesanan buku teks kepada penerbit lebih awal pada tiap-tiap tahun.
- (c) Memberi keutamaan kepada kawasan-kawasan pendalaman khususnya di negeri-negeri Sabah dan Sarawak.
- (d) Penerbit-penerbit yang gagal atau lewat membekalkan buku teks ke sekolah-sekolah seperti yang dijanjikan akan dikenakan denda atau disenarai hitamkan.

## SEKOLAH MENENGAH PERSENDIRIAN

**19. Tuan P. Patto** minta Menteri Pendidikan menyatakan jenis bantuan yang diberi oleh Kementerian beliau kepada sekolah-sekolah menengah persendirian dengan memberi angka-angka bagi bantuan kewangan bagi setiap sekolah tersebut dalam setiap tahun sejak 1981; dan apakah rancangan Kementerian beliau untuk menambah dan meluas bantuan ini dari segi jenis dan kewangan.

**Tuan Woon See Chin:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan tidak pernah mengurus atau pun menyediakan sebarang peruntukan pembangunan kepada sekolah-sekolah menengah persendirian kerana ianya bukanlah di bawah bidang kuasa Kementerian Pendidikan.

## LESEN KENDERAAN PERDAGANGAN

**20. Tuan Lau Dak Kee** minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan:

- (a) berapa jenis dan bilangan lesen kenderaan perdagangan telah dikeluarkan sejak tahun 1982 hingga Jun, 1989 masing-masing;
- (b) bilangan pemegang lesen bagi pemandu sendiri, bukan pemandu sendiri, syarikat dan badan-badan lain; dan
- (c) terangkan syarat-syarat bagi setiap jenis lesen tersebut.

**Menteri Perusahaan Awam (Dato' Naspiah binti Omar):**

- (a) Jumlah lesen yang dikeluarkan mulai tahun 1982 hingga bulan

Mac 1989 mengikut jenis masing-masing adalah seperti berikut:

<i>Jenis Lesen</i>	<i>Bilangan Lesen</i>
Teksi/KeretaSewa ..	6,782
Kereta Sewa & Pandu ..	3,196
TeksiMewah .. ..	515
BasSekolah .. ..	2,640
BasKilang .. ..	824
Bas Berhenti-henti ..	434
BasEkspres . . . .	64
BasMini .. ..	141
Bas Persiaran .. ..	237
Kenderaan Pekerja ..	32
Lesen Pembawa "A" ..	11,324
Lesen Pembawa "C" ..	11,868

- (b) Kementerian saya tidak dapat memaparkan dengan tepat jumlah pemegang lesen yang memandu sendiri, bukan pemandu sendiri, syarikat dan badan-badan lain. Walau bagaimanapun, sebilangan besar pemegang lesen perseorangan Teksi, Kereta Sewa, Bas Sekolah, Bas Kilang dan Bas Mini memandu sendiri kenderaan mereka. Bagi pemegang lesen berbentuk syarikat dan badan-badan lain, kenderaan dipandu oleh pemandu bergaji.
- (c) Saya kurang pasti syarat apa yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat. Jika dimaksudkan syarat yang dikenakan ke atas setiap lesen yang dikeluarkan oleh Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan, maka syarat-syarat berkenaan adalah berbeza-beza di antara satu lesen dengan lesen yang lain. Untuk maktuman Ahli Yang Berhormat, Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan mengeluarkan dua belas (12) jenis lesen kenderaan Perdagangan yang masing-masing mempunyai syarat-syarat tersendiri. Jika

syarat yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat "adalah syarat untuk mendapatkan lesen Kenderaan Perdagangan, maka syarat-syarat tersebut juga adalah berbeza untuk kesemua 12 jenis lesen yang dikeluarkan. Oleh sebab syarat-syarat tersebut berbeza antara satu sama lain dan jumlah lesen ada dua belas (12) jenis kesemuanya, maka adalah memakan masa bagi saya untuk menghuraikan satu persatu syarat-syarat tersebut di sini, Ahli Yang Berhormat, adalah dialu-alukan untuk merujuk terus kepada Kementerian saya untuk mendapat penjelasan lanjut yang terperinci.

## SYARIKAT PENGELUAR FILEM

**21. Tuan Hu Sepang** minta Menteri Penerangan menyatakan:

- (a) jumlah syarikat-syarikat yang berdaftar yang mengeluarkan filem-filem Melayu di negara ini;
- (b) pecahan tahunan filem-filem Melayu yang dikeluarkan bagi tahun 1986, 1987 dan 1988; dan
- (c) apakah Kementeriannya ingin mengatur dan mengawal kualiti filem-filem Melayu tempatan agar dalam masa akan datang filem-filem Melayu dapat memenangi hadiah-hadiah antarabangsa seperti di Cannes Festival ataupun Oscar daripada Hollywood kerana Filem Asing Terbaik supaya dapat membawa prestasi kepada negara serta menjadikan industri perfileman Malaysia termasyhur di seluruh dunia.

**Timbalan Menteri Penerangan (Tuan Railey bin Jaffrey):** Jumlah syarikat pengeluar filem yang berdaftar dan dilesen oleh Perbadanan

Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS) sehingga akhir 1988 ialah 156 buah. Walaupun jumlah syarikat yang berdaftar adalah banyak, pengeluaran tilernnya adatah terhad. Pada tahun 1986 sebanyak 11 buah filem telah dikeluarkan, pada 1987 sebanyak 16 buah filem dan pada tahun 1988 hanya sebanyak 12 buah, termasuk 6 buah filem usahasama. Kekurangan pengeluaran ini sebahagian besarnya berpunca dari banyaknya syarikat berdaftar yang tidak aktif.

Kerajaan melalui FINAS memang sentiasa berusaha untuk meningkatkan mutu dan kualiti filem Malaysia setanding dengan filem-filem terbaik antarabangsa dan supaya Malaysia juga ada peluang untuk memenangi hadiah-hadiah antarabangsa yang dikeluarkan. Di antara usaha-usaha yang dijalankan ialah dengan mengadakan berbagai-bagai bengkel, ceramah dan kursus jangka pendek kepada penerbit-penerbit dengan menjemput pengarah-pengarah filem dari luar negeri seperti Jepun, Amerika Syarikat dan Indonesia sebagai penceramah. Usaha-usaha penerbitan bersama juga sedang dipertingkatkan untuk membolehkan pertukaran pengetahuan dan pengalaman.

Di samping itu Pusat Latihan Filem dan Video FINAS di kompleks Studio Merdeka sedang dilengkapi untuk memberi latihan dan kemudahan alat bagi meningkatkan usaha penyuntingan filem dan video supaya kualitinya bertambah baik.

## **RAKYAT MALAYSIA BEKERJA DI LUAR NEGERI**

**22. Tuan Liew Ah Kim** minta Menteri Luar Negeri menyatakan sama ada beliau sedar setengah rakyat Malaysia yang memerlukan pekerjaan telah menerima tawaran pekerjaan di luar negeri melalui orang tengah dan akhirnya mereka tipu. Jika sedar apakah langkah untuk mencegah masalah tersebut.

**Timbalan Menteri Luar Negeri (Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan):** Kementerian Luar Negeri memang sedar bahawa terdapat sebilangan rakyat Malaysia yang telah ditawarkan bekerja di luar negeri melalui orang-orang tengah. Kebanyakan orang-orang tengah ini menjalankan aktiviti-aktiviti mereka mengikut peraturan yang dibenarkan oleh Kerajaan. Namun demikian tidak dapat dinafikan terdapat beberapa kes penipuan yang dilakukan oleh orang-orang tengah ini dalam usaha mereka untuk mengaut keuntungan yang berlebihan. Dalam hal ini janji-janji yang dibuat dengan rakyat Malaysia yang akan bekerja di luar negeri ini telah tidak ditepati sepenuhnya.

Kedutaan kita jika mengetahui tentang sebarang penipuan yang berlaku pada rakyat Malaysia di seberang laut akan segera bertindak dengan menyiasat secara terperinci sama ada benar atau tidak perkara tersebut dan hasil siasatan ini akan dilaporkan kepada agensi-agensi berkenaan di Malaysia untuk dibuat tindakan selanjutnya. Dalam masa yang sama Kedutaan juga akan membuat persembahan kepada Kerajaan negara berkenaan melalui saluran diplomatik supaya tindakan sewajarnya dapat diambil berlandaskan undang-undang negara berkenaan.

Usaha untuk mencegah masalah ini amatlah sukar kerana kes-kes penipuan yang berlaku jarang dilaporkan sama ada di Kedutaan ataupun di tanah air sendiri. Oleh kerana itu tindakan sewajarnya tidak dapat diambil bagi membentaras atau mencegah kebanyakan kes penipuan yang berlaku. Oleh yang demikian rakyat Malaysia adalah dinasihat supaya lebih teliti dalam menandatangani sebarang kontrak dengan orang-orang tengah dan sekiranya berlaku penipuan ke atas mereka laporan segera hendaklah dibuat sama ada di Kedutaan kita di

seberang laut ataupun agensi-agensi berkenaan yang terdapat di Malaysia supaya tindakan selanjutnya dapat diambil.

### DASAR PERTANIAN NEGARA (IADP)

**23. Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis** meminta Menteri Pertanian menyatakan:

- (a) apakah yang dikatakan Projek Integrated Agricultural Development Programme (IADP) di Sarawak;
- (b) badan kewangan manakah yang menyumbangkan kepada pembangunan projek tersebut dan berapakah jumlahnya (yakin harga projek);
- (c) bagaimanakah cara-caranya kawasan untuk projek ditetapkan;
- (d) berapa orangkah yang akan manafaat dari projek tersebut dan bagaimana ia diharapkan dapat meningkatkan taraf hidup rakyat di kawasan tersebut; dan
- (e) bilakah IADP itu akan siap keseluruhannya.

#### **Dato' S. Subramaniam:**

- (a) Di bawah Dasar Pertanian Negara, pembangunan di kawasan yang sedia ada dan baru yang lebih dikenali sebagai Projek Pembangunan Pertanian Bersepadu (Integrated Agriculture Development Projek) atau ringkasnya IADP telah terus dipesatkan memandangkan program seumpama ini didapati telah berjaya meninggikan produktiviti dan pendapatan petani. Konsep Projek Pembangunan Pertanian Bersepadu seperti yang dilaksanakan oleh Kementerian Pertanian ditumpukan terhadap pemusatan segala usaha perancangan dan

perlaksanaan aktiviti-aktiviti pertanian bagi sesuatu kawasan insitu. Konsep ini mengutamakan intergrasi segala usaha dan aktiviti berbagai Jabatan dan Agensi di bawah dan di luar Kementerian Pertanian yang terlibat dengan pelaksanaan IADP untuk menghasilkan satu program tindakan yang bersepadu ke arah peningkatan taraf sosioekonomi petani-petani. Sekarang Kementerian ini sedang melaksanakan dua buah projek IADP di Sarawak iaitu:

- (i) Projek Pembangunan Pertanian Bersepadu Sungai Samarahan.
  - (ii) Projek Pembangunan Pertanian Bersepadu Kalaka-Saribas.
- (b) Projek Pembangunan Pertanian Bersepadu dibiayai daripada berbagai sumber. Bagi IADP Kalaka-Saribas jumlah kos projek ini adalah sebanyak M\$218 juta di mana M\$106.5 juta (49%) adalah pinjaman daripada Bank Pembangunan Asia (ADB). Bagi IADP Sungai Samarahan kos projeknya adalah sebanyak M\$646 juta yang dibiayai sepenuhnya oleh Kerajaan Persekutuan. Walau bagaimanapun projek ini dilaksanakan secara berperingkat-peringkat.
  - (c) Lazimnya projek-projek pertanian bersepadu diwujudkan sama ada atas daya utama Kementerian Pertanian atau di atas permohonan Kerajaan Negeri sendiri. Kawasan pembangunan pertanian yang dipilih adalah kawasan-kawasan yang sedia ada dan yang dianggap mundur tetapi mempunyai potensi untuk dimajukan.

- (d) Pelaksanaan Projek IADP Sungai Samarahan akan beri manafaat kepada 8,000 keluargatani dan seramai 9,600 keluargatani bagi IADP Kataka-Saribas. Pelaksanaan kedua-dua projek akan memberikan manafaat kepada petani-petani di kawasan berkenaan. Faedah-faedah ini akan didapati melalui:
- (i) Pengurangan masalah banjir dan memperbaiki sistem saliran di kawasan berkenaan.
  - (ii) Sistem perhubungan menjadi lebih mudah dengan adanya rangkaian jalan-jalan masuk, jalan-jalan ladang dan jambatan.
  - (iii) Banyak kawasan-kawasan tanah dapat ditebusguna dan diusahakan dengan tanaman yang lebih memberi pulangan pendapatan yang lumayan.
  - (iv) Memperolehi perkhidmatan dari agensi-agensi Kerajaan dengan lebih cekap dan sistematik.
  - (v) Tanah pertanian dipinggir sungai dapat diusahakan.
  - (vi) Memperbaiki struktur tanah-tanah pertanian.
  - (vii) Meningkatkan hasil tanaman dan pendapatan.
  - (viii) Menambahkan peluang pekerjaan dan meninggikan taraf hidup petani-petani.
- (e) Pelaksanaan sesebuah IADP dilaksanakan dalam suatu tempoh tertentu. Bagi IADP Kalaka-Saribas tempoh pelaksanaan ialah 1986 sehingga 1993. Bagi IADP Sungai Samarahan pula, tempohnya

adalah di antara 1986 sehingga 1995. Tempoh ini adalah berdasarkan tempoh siap kemudian infrastruktur yang di rancang. Walau bagaimanapun, pembangunan pertanian dan kemanusiaan akan diteruskan.

## PERDAGANGAN DENGAN AFRIKA SELATAN

**24. Tuan Peter Paul Dason** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan:

- (i) mengapa syarikat-syarikat antarabangsa yang mempunyai pelaburan secara langsung atau melalui syarikat sekutu di Afrika Selatan yang telah membantu amalan apartheid telah dibenarkan untuk beroperasi secara bebas di negara ini; dan
- (ii) sama ada Kerajaan bercadang untuk mengambil langkah-langkah untuk tidak menggalakkan syarikat-syarikat antarabangsa ini dari beroperasi di sini dan nyatakan apakah langkah-langkah ini.

### **Dato' Kok Wee Kiat:**

- (i) Kerajaan ada dasar yang jelas mengenai perhubungan dengan Afrika Selatan di mana perdagangan dengan Afrika Selatan dilarang dan syarikat-syarikat Afrika Selatan tidak dibenarkan melabur di Malaysia. Walau bagaimanapun syarikat-syarikat lain termasuk syarikat-syarikat antarabangsa negara-negara lain dibenarkan melabur di negara ini. Syarikat-syarikat antarabangsa yang sedang beroperasi di Malaysia sekarang bukan syarikat Afrika Selatan.

- (ii) Kerajaan tidak bercadang untuk mengambil langkah-langkah lain untuk menghalang pelaburan serupa ini kerana dasar yang diamalkan sekarang didapati memadai.

### IMPORT BESI KELULI

**25. Tuan Haji Ibrahim Ali** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan apakah Kerajaan akan menarik balik pengharaman ke atas import besi keluli dan penurunan kadar duti import simen sebagaimana desakan Persatuan Pemborong-pemborong Binaan Malaysia (NBAM). Kenapakah harga besi keluli dan simen di negara-negara ASEAN lebih murah daripada Malaysia.

**Dato' Kok Wee Kiat:** Untuk makluman Yang Berhormat, soalan mengenai sama ada Kerajaan akan membenarkan import besi keluli telah pun saya sampaikan pada 21-6-89 apabila saya menjawab soalan daripada Y.B, Dr Eng Seng Chai. Mengenai penurunan kadar duti import simen, untuk makluman Yang Berhormat, ianya dikenakan bagi melindungi industri tempatan bagi membantu negara mencapai tahap perindustrian yang pesat. Oleh itu, Kerajaan tidak bercadang untuk mengurangkan dutinya buat masa ini.

Berhubung dengan harga besi keluli dan simen, pada umum harganya adalah berpatutan berbanding dengan harga dunia walaupun tidak lebih rendah daripada harga-harga di beberapa negara ASEAN. Walau bagaimanapun, harga besi dalam negeri adalah lebih rendah daripada harga di Thailand dan Filipina sementara harga simen dalam negeri lebih rendah daripada harga di Filipina.

Harga besi keluli dan simen tempatan pada paras sekarang adalah munasabah berasaskan kos pengeluaran purata industri tempatan pada masa ini. Untuk maktuman Yang Berhormat, walaupun kos pengeluaran pengeluar-pengeluar tempatan adalah tinggi, Kerajaan masih mengekalkan harga simen semenjak 1-3-1981 dan harga besi keluli baru sahaja dinaikkan pada 7-4-89 daripada paras harga lama semenjak tahun 1982.

### PADERI KRISTIAN/SAMI BUDDHA—VISA

**26. Tuan Ong Tee Keat** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (i) sama ada Kerajaan telah memperketatkan sekatan terhadap permohonan visa kemasukan oleh paderi-paderi Kristian dan sami-sami Buddha yang ingin menjalankan tugas keagamaan mereka di Malaysia;
- (ii) bilangan kes permohonan seperti yang ternyata di (i) yang telah dikemukakan sejak tahun 1986; dan
- (iii) bilangan kes permohonan yang telah diluluskan sejak tahun 1986.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato\* Megat Junid bin Megat Ayob);** Kerajaan membenarkan kemasukan paderi-paderi Kristian dan Sami Buddha dari luar negeri untuk menjalankan tugas di gereja-gereja dan di kuil-kuil di negara ini seandainya pihak gereja dan kuil berkaitan sangat-sangat memerlukan tenaga mereka setelah usaha untuk mendapatkan paderi dan sami tempatan tidak berjaya.

Bilangan permohonan yang diterima sejak tahun 1986 sehingga Mei, 1989 ialah seperti berikut:

Paderi Kristian	—	101
Sami Buddha	—	10
		<hr/>
Jumlah ..		111
		<hr/>

Permohonan yang telah diluluskan semenjak tahun 1986 hingga Mei 1989 adalah seperti berikut:

Paderi Kristian	—	68
Sami Buddha	—	9
		<hr/>
Jumlah ..		77
		<hr/>

#### MESYUARAT PERUNDINGAN EKONOMI NEGARA

**27. Tuan Muhamad bin Abdullah** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) berapa kalikah Majlis Perundangan Ekonomi Negara (MPEN) telah mengadakan mesyuaratnya dan adakah perkara-perkara yang dibincangkan di dalam mesyuarat-mesyuarat tersebut memberikan hasil yang baik kepada negara; dan
- (b) apakah wakil-wakil daripada parti-parti pembangkang di dalam MPEN seperti PAS, DAP dan lain-lain telah memberikan fikiran-fikiran yang membina di dalam mesyuarat-mesyuarat tersebut atau mereka hanya bermain politik dan membangkitkan isu-isu yang sensitif.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman):** Jawapan kepada soalan Yang Berhormat telah pun dijawab pada 20 Jun 1989 di Dewan yang mulia ini, saya tidak bercadang untuk membuat apa-apa jawapan tambahan.

#### UNDANG-UNDANG DARURAT

**28. Tuan Ting Chek Ming** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan beri sebab mengapa Undang-undang Darurat tidak dibubar apabila tidak lagi darurat.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Sungguhpun keadaan negara pada keseluruhannya adalah aman dan stabil, namun Kerajaan berpendapat tidak ada keperluan untuk membubarkan undang-undang darurat. Wujudnya undang-undang tersebut tidak sedikitpun menjejaskan usaha-usaha Kerajaan ke arah pembangunan negara yang terus dapat berjalan pesat dan lancar tanpa sebarang gangguan yang serius. Apa yang penting dan menjadi tanggungjawab utama Kerajaan akan sentiasa bersiap-sedia bila-bila masa untuk menghadapi sebarang bentuk ancaman baik dari dalam atau dari luar negeri, yang boleh mengganggu-gugat ketenteraman awam dan keselamatan negara.

#### GRAND DESIGN—TUDUHAN

**29. Tuan Lim Kit Siang** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada terdapat apa-apa asas dalam tuduhan yang dibuat oleh Ahli Parlimen Kawasan Arau dalam Parlimen dalam bulan Mac lalu bahawa terdapat "grand design" yang melibatkan Ketua-ketua dan Pegawai-pegawai Kanan Kerajaan untuk mengguling pucuk pimpinan Kerajaan, sekiranya tidak, sama ada Kerajaan bercadang untuk merujuk Ahli Parlimen Kawasan Arau itu kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan kerana menyalahgunakan hak dan kebebasannya untuk membuat tuduhan-tuduhan yang liar dan tidak berasas.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Oleh kerana tidak ada apa-apa laporan yang dibuat oleh mana-mana pihak

berhubung dengan adanya apa yang dikatakan sebagai "grand design", maka siasatan mengenai perkara berkenaan tidak dapat dijalankan. Dengan demikian, perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat adalah tidak timbul.

(Soalan No. 30. Sila lihat jawapan No.1 pada 20-6-89).

#### PAKATAN TENTERA ASEAN

**31. Dato' Dr Affiuddin bin Haji Omar** minta Menteri Pertahanan menyatakan apakah beza di antara konsep kerjasama pertahanan dengan konsep pakatan tentera ASEAN, adakah kedua-dua konsep ini diperbincang secara mendalam di mana-mana forum ASEAN.

**Timbalan Menteri Pertahanan (Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha):** Konsep kerjasama pertahanan tidak semestinya dimetrikkan melalui satu perjanjian yang memberi jaminan bahawa ahli-ahli dalam kerjasama itu akan memberi bantuan ketenteraan kepada mana-mana ahli yang terancam. Di dalam konteks ASEAN kerjasama pertahanan masa kini diadakan secara dua hala. Ianya menitik beratkan kerjasama di segi latihan dan peningkatan taraf ketahanan nasional ahli-ahli serta ketahanan serantau.

Konsep pakatan tentera sebaliknya dimetrikkan melalui perjanjian yang menjamin bahawa sekiranya satu-satu ahli itu menghadapi ancaman, ahli-ahli lainnya akan memberi bantuan ketenteraan. Perlu ditegaskan bahawa konsep ini tidak diamalkan oleh ASEAN.

Konsep kerjasama pertahanan dua hala diperbincangkan secara mendalam oleh kedua-dua pihak yang terlibat dalam kerjasama tersebut.

Tetapi konsep pakatan tentera ASEAN tidak pernah diperbincangkan secara mendalam.

#### CUKAI BAGI PENGUSAHA ASING

**32. Tuan Ghazali bin Ahmad** minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) berapa ramai pengusaha negara asing yang tidak membayar cukai bagi tahun 1980-1988; dan
- (b) apakah tindakan yang telah diambil kepada mereka yang tidak membayar cukai-cukai tersebut.

**Dato' Loke Yuen Yow:** Kementerian saya tidak ada menyimpan perangkaan berkenaan dengan pengusaha-pengusaha luar negeri yang tidak membayar cukai pendapatan. Walau bagaimanapun, perangkaan bagi semua pembayar cukai yang telah disiasat bagi pelarian cukai dan bilangan kes yang telah diselesaikan dan jumlah cukai yang kurang ditaksir dan denda dikenakan adalah seperti berikut:

Tahun	Bilangan kes diseteseaikan	Cukai yang kurang ditaksir dan denda dikenakan
1981-	241	\$60.2 juta
1982	222	\$44.4 juta
1983	210	\$40 juta-
1984	196	\$46.9 juta
1985	146	\$42.6 juta
1986	125	\$40.1 juta
1987	194	\$58.6 juta

- (b) Sukalah saya menegaskan di sini bahawa Kementerian saya akan memastikan supaya pembayar-pembayar cukai menjelaskan cukai pendapatan mereka mengikut tempoh yang telah ditetapkan. Sekiranya mereka enggan berbuat demikian, Jabatan Hasil Dalam Negeri

tidak teragak-agak mengenakan denda sebanyak 15% atas baki cukai yang belum dibayar. Selepas daripada penganan penalti ini, tindakan mahkamah akan diambil bagi menuntut cukai-cukai yang belum dijelaskan.

**LESEN TEKSI DI LAPANGAN  
TERBANG ANTARABANGSA  
SUBANG**

**33. Dr V. David** minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) adakah betul bahawa lesen-lesen teksi dari pemandu-pemandu yang memberi perkhidmatan teksi di antara Lapangan Terbang Antarabangsa Subang dan Kuala Lumpur ditarik balik dan diberikan semula kepada sebuah syarikat swasta;
- (b) bahawa syarikat swasta ini akhirnya akan mempunyai monopoli ke atas perkhidmatan teksi ini; dan
- (c) adakah beliau sedar bahawa tindakan seperti ini akan menafikan beberapa individu, daripada hak mendapatkan mata pencarian yang jujur.

**Timbalan Menteri Pengangkutan (Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail):** Adalah tidak benar lesen-lesen teksi Lapangan Terbang Antarabangsa Subang akan ditarik balik dan diberikan kepada sesebuah syarikat swasta.

**MAS—KEUNTUNGAN YANG  
DICATATKAN**

**34. Tuan Samson Chin Chee Tsu** minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) jumlah keuntungan yang dicatatkan oleh MAS bagi penerbangan dalam negeri Sabah untuk tahun 1987 hingga

bulan April 1989 berbanding dengan negeri-negeri lain di Malaysia; dan

- (b) bilakah tambang udara di antara Kuala Lumpur dan Kota Kinabalu akan dikurangkan untuk memperluaskan integrasi dan pelancongan memandangkan kepada "Kunjungi Malaysia Tahun 1990".

**Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail:**

- (a) Tidak ada keuntungan yang diperolehi oleh Penerbangan Malaysia (MAS) bagi penerbangan dalam negeri untuk tahun kewangan 1987/88. Walau bagaimanapun jumlah kerugian yang dicatatkan oleh MAS bagi penerbangan dalam negeri bagi tahun kewangan 1987/88 adalah seperti berikut:
 

(i) Sabah	—	kerugian sebanyak \$914,000
(ii) Sarawak	—	kerugian sebanyak \$3,553,000
(iii) Semenanjung Malaysia	—	kerugian sebanyak \$8,783,000

(Untuk makluman Yang Berhormat butir-butir bagi tahun kewangan 1988/89 masih dalam pertimbangan juruaudit.

- (b) Bagi tujuan untuk memperluaskan integrasi penduduk di samping menggalakkan pelancongan sempena dengan Tahun Melawat Malaysia 1990, MAS sememangnya telah ada berbagai jenis tambang "promotional" yang memberi diskaun antara 10%-50% daripada tambang biasa. Mengenai pengurangan kadar tambang udara di antara Kuala Lumpur dan Kota Kinabalu dan

lain-lain sektor berkaitan, perkara ini masih dalam kajian Kementerian.

### PERUMAHAN YANG TERBENGKALAI

**35. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan beberapa banyak projek dan rumah yang terbengkalai sehingga akhir tahun lalu yang sedang dipulihkan dan berapa banyak pula yang sudah memperolehi Sijil Kelayakan Penghuni. Apakah langkah-langkah untuk mengatasinya dan tindakan Kementerian terhadap pemaju dan pengarah-pengarah yang terlibat dengan projek rumah terbengkalai itu.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Tuan Osu bin Haji Sukam):** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga akhir Disember, 1988, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah mengenalpasti 243 projek perumahan swasta yang terbengkalai seluruh Semenanjung dan daripada jumlah tersebut sebanyak 38 projek telah dipulihkan dan telah pun memperolehi Sijil Kelayakan Menduduki. Di antara langkah-langkah yang diambil untuk memulihkan projek terbengkalai adalah seperti berikut:

- (i) Mengadakan perjumpaan dengan pembeli-pembeli untuk memberi penerangan berhubung dengan tindakan yang perlu diambil bagi memulihkan projek;
- (ii) Meminta pembeli-pembeli menubuhkan Jawatankuasa Pembeli-pembeli;
- (iii) Meminta pemaju menyerahkan projek kepada Jawatankuasa Pembeli-pembeli sekiranya perlu;

- (iv) Membuat kajian kemungkinan ("feasibility study") ke atas projek yang berkenaan dengan mengkaji kedudukan kewangan dan kemajuan pembinaan;
- (v) Mengadakan perbincangan dengan bank/institusi-institusi kewangan dan agensi-agensi Kerajaan yang terlibat;
- (vi) Mengadakan perbincangan dengan piutang-piutang; dan
- (vii) Mengawasi dari masa ke semasa di atas kerja-kerja binaan setelah projek dipulihkan.

### PENERBANGAN TURUN NAIK DI LAPANGAN TERBANG SUBANG

**36. Tuan Haji Mohamad bin Haji Isa** minta Menteri Pengangkutan menyatakan oleh kerana jumlah penerbangan yang turun naik di Lapangan Terbang Subang adalah lebih dari 161 sehari dan sudah tentu menyesak lalulintas penerbangan di situ:

- (a) adakah pihak Kementerian akan mengkaji semula penerbangan di Subang supaya pengendalian turun naik kapal terbang dapat diawasi dengan lebih cekap lagi; dan
- (b) adakah Kerajaan bercadang untuk membina satu lagi lapangan terbang untuk mengelakkan kesesakan penerbangan di Subang.

### Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail:

- (a) Pada ketika ini Lapangan Terbang Antarabangsa Subang Kuala Lumpur mengendalikan secara purata sebanyak 170-180 penerbangan turun naik sehari. Bagaimanapun kebanyakan operasi penerbangan adalah pada waktu sibuk iaitu di antara 8.00-10.00 pagi dan 8.00-10.00

malam. Jumlah penerbangan ini tidak menimbulkan masalah dari segi kawalan trafik udara dan juga kapasiti fizikal Lapangan Terbang Antarabangsa Subang. Sebagai makluman, sistem landasan/"taxiway" pada ketika ini dapat mengendalikan sebanyak 23 pergerakan pesawat sejam. Dengan kerja-kerja pemanjangan landasan serta pembaikan ke atas sistem landasan/"taxiway" yang akan siap dilaksanakan pada bulan Julai 1989, keupayaan landasan berkenaan akan dipertingkatkan kepada 28-30 pergerakan pesawat sejam.

Dari segi kawalan trafik udara pula, ingin saya memaklumkan bahawa perkhidmatan ini adalah dikendalikan berasaskan kepada piawaian serta prosedur yang ditetapkan oleh Pertubuhan Penerbangan Awam Antaiabangsa—ICAO. Berhubung dengan ini tahap atau kualiti kawalan trafik udara adalah sentiasa diawasi dengan rapi oleh Jabatan Penerbangan Awam supaya menentukan keselamatan operasi pesawat di Lapangan Terbang Antarabangsa Subang.

Untuk tujuan meningkatkan lagi sistem kawalan trafik udara, ingin saya memaklumkan bahawa Kerajaan adalah dalam proses melaksanakan Projek Peningkatan Sistem Kawalan Trafik Udara di seluruh Malaysia. Projek ini yang telah bermula pada awal tahun 1989 melibatkan pemasangan alat-alat radar termasuk Secondary Surveillance Radar (SSR) di beberapa tempat di Malaysia yang telah dikenalpasti, termasuk Lapangan Terbang Antarabangsa Subang Kuala Lumpur. Projek ini adalah dijadualkan siap dalam tempoh

3 tahun. Dengan projek ini dilaksanakan kelak, mutu serta keupayaan kawalan trafik udara di seluruh Malaysia akan dapat dipertingkatkan demi keselamatan operasi penerbangan di ruang udara Malaysia.

- (b) Pada masa ini Kerajaan tidak bercadang untuk membina satu lagi lapangan terbang untuk mengendalikan trafik udara di kawasan Kuala Lumpur. Bagaimanapun sebagai perancangan jangka masa panjang, Kerajaan adalah dalam proses mengkaji beberapa opsyen yang sesuai untuk mempertingkatkan lagi keupayaan Lapangan Terbang Antarabangsa Subang Kuala Lumpur.

#### SIJIL PERAKUAN TARAF

**37. Tuan Chin Heng Kai** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan perkembangan terbaru berhubung dengan permohonan Encik You Kim Song No. Pasport A236736 untuk mendapat Sijil Perakuan Taraf (Certificate of Status) (Ruj. KPI/H/6469) yang dibuat sembilan tahun dahulu.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Permohonan untuk mendapatkan Sijil Perakuan Taraf bagi Encik You Kim Song masih lagi dalam tindakan Jabatan Imigresen dan pemohon serta penaja akan diberitahu sebaik sahaja keputusan permohonan tersebut dibuat oleh Ketua Pengarah Imigresen.

#### HARGA KOKO

**38. Datuk Haji Sakaran bin Dandai** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan apakah langkah-langkah pihak Kementerian di dalam mengawal dan menstabilkan harga koko:

- (a) apakah bantuan-bantuan yang disumbangkan oleh pihak

Kementerian kepada Pengusaha-pengusaha kecil khususnya kaum Bumiputera di dalam menghadapi kemerosotan harga koko; dan

- (b) bagaimanakah jangkaan pihak Kementerian mengenai industri koko di masa hadapan.

**Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Dato' Alias bin Md. Ali):** Mengenai soalan apakah langkah-langkah bagi menstabilkan harga koko dan bantuan-bantuan yang diberikan terutamanya kepada pengusaha-pengusaha kecil bagi mengurangkan kesan kemerosotan harga koko, saya telah memberi ulasan ketika menjawab soalan yang sama yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat Tuan Douglas Uggah Embas dalam Dewan ini pada 23 Jun, 1989. Saya tiada apa-apa yang lain untuk ditambah.

Bagi soalan (b) iaitu jangkaan mengenai industri koko di masa hadapan, sukacita saya menyatakan bahawa industri koko Malaysia mempunyai potensi untuk lebih maju jika dilihat dari perkembangan industri ini yang pesat sejak beberapa tahun kebelakangan. Industri koko Malaysia mempunyai potensi yang baik sebagai pendapatan eksport dan penanamannya secara besar-besaran akan digalakkan bagi menentukan kecekapan pengeluaran dan mutu keluaran. Sungguhpun pasaran koko pada masa ini adalah tidak menggalakkan, kita harus mengambil kesempatan ini untuk meningkatkan kecekapan dan daya persaingan supaya apabila pasaran koko dunia pulih kelak Malaysia akan muncul sebagai negara pengeluar koko utama yang cekap. Pasaran koko dijangka berkembang di negara-negara Timur Jauh seperti Jepun, Korea dan China, dan Malaysia yang terletak di rantau ini mempunyai peluang yang lebih baik berbanding dengan negara-negara pengeluar Afrika dan Amerika Selatan, untuk merebut syer pasaran yang berkembang pesat.

## PENDATANG HARAM VIETNAM

**39. Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) bilangan pendatang Vietnam yang masih berada di Malaysia dan sudah berapa ramaikah pula yang telah dipindahkan ke negara ketiga;
- (b) apakah jaminan bahawa keputusan Malaysia tidak lagi menerima pendatang haram dari Vietnam dapat dilaksanakan kerana sesudah keputusan itu dibuat terdapat maklumat-maklumat yang menyebut bahawa tongkang-tongkang pendatang masih terus tiba di pantai perairan Malaysia;
- (c) sejauh mana benarnya pendatang-datang itu cuma hendak singgah saja di Malaysia kerana mereka bermatlamat untuk pindah ke negara ketiga;
- (d) apakah langkah yang akan diambil terhadap mereka yang tidak diterima oleh negara ketiga tetapi mereka tidak berhajat untuk pulang segera ke Vietnam; dan
- (e) apakah punca sebenar pihak Malaysia tidak dapat menghalang pendatang-pendatang itu tidak tiba ke pantai-pantai kita.

**Tuan Othman bin Abdul:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bilangan pendatang haram Vietnam (PHV) yang masih berada di Malaysia sehingga 19 Jun, 1989 ialah seramai 22,167 orang. Semenjak tahun 1975 hingga sekarang seramai 227,933 orang telah pun dipindahkan ke negara-negara ketiga.

Setakat ini beberapa rundingan telah pun diadakan oleh Kerajaan Malaysia dengan Kerajaan Vietnam di mana kita telah menggesa supaya tatacara pemindahan secara teratur (orderly

departure programme) diperkemas dan perkara ini terkandung dalam CPA (Comprehensive Plan of Action) yang dipersetujui bersama dalam Persidangan Antarabangsa Mengenai Orang-orang Pelarian Indochina di Geneva baru-baru ini.

Kerajaan Malaysia pula telah membuat ketetapan bahawa mulai 14 Mac, 1989 semua PHV yang mendarat di negara ini tidak lagi akan dipindahkan secara automatik ke negara-negara ketiga. Mereka akan menjalani proses tapisan bagi menentukan latarbelakang dan tujuan sebenar mereka lari dari Vietnam.

Berpandukan kepada soalselidik ke atas setiap yang mendarat di Malaysia, tidak ada seorang pun daripada mereka yang berhajat untuk tinggal di Malaysia. Mereka bercadang untuk berpindah ke negara-negara ketiga derai untuk menyatukan kembali ikatan kekeluargaan yang telah lama terpisah dan juga ingin memulakan penghidupan baru di negara-negara ketiga.

Pihak UNHCR telah memberi jaminan bahawa semua PHV yang mendarat di negara ini sebelum 14 Mac, 1989 akan dipindahkan ke negara-negara ketiga. Bagi PHV yang tidak diterima oleh negara-negara ketiga, Kerajaan Malaysia berserta negara-negara perlindungan pertama yang lain sedang mengadakan rundingan bagi melaksanakan dasar menghantar kesemua pendatang haram Vietnam yang tidak diterima itu pulang ke negara asal mereka secara paksaan (force repatriation).

Malaysia tidak dapat menghalang pendatang-pendatang haram Vietnam dari tiba di pantai Malaysia kerana Malaysia masih terikat dengan perjanjian dan persetujuan menjadikan negara ini sebagai "staging post" kepada pendatang-pendatang haram sebelum pendatang-pendatang

haram itu ditempatkan di negara-negara ketiga. Di samping itu Malaysia masih lagi menghormati prinsip-prinsip kemanusiaan sejagat di mana bantuan terpaksa diberi kepada PHV yang mendarat akibat daripada bot-bot mereka mengalami kerosakan injin ataupun bot-bot mereka telah pecah dan tidak berupaya lagi meneruskan pelayaran.

### TAHANAN ISA

**40. Tuan Hsing Yin Shean** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan berapakah ramai orang telah ditahan di bawah ISA kerana mempunyai milikan senjata di dalam negara ini sejak tahun 1987, 1988 dan sehingga 31-5-1989. Nyatakan negeri yang mempunyai jumlah tertinggi tahanan tersebut pada masa yang sama. Berapa ramaikah orang tahanan itu telah dibawa ke Mahkamah untuk menjalankan perbicaraan.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Seramai 554 orang telah ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri bagi tahun 1987, 1988 dan 1989 sehingga bulan Mei, kerana mereka didapati memiliki senjata secara haram. Daripada jumlah tersebut di atas, seramai 293 orang telah pun dihadapkan ke Mahkamah untuk menjalani perbicaraan.

Mengikut perangkaan, didapati bahawa Wilayah Persekutuan mempunyai bilangan orang tahanan tertinggi di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri kerana memiliki senjata iaitu seramai 150 orang bagi tempoh masa tahun 1987 sehingga Mei, 1989.

### MELARIKAN CUKAI

**41. Tuan Haji Abdul Manaf Haji Ahmad** minta Menteri Kewangan menyatakan berapakah jumlah tangkapan orang-orang yang melarikan cukai bagi tahun 1988 dan

berapakah jumlah nilai barang-barang rampasan itu dan adakah Kerajaan bercadang hendak menubuh satu unit perisik dalam Jabatan Kastam kerana ada kegiatan penyeludupan di tengah laut malah kapal-kapal besar yang kemudiannya mengguna bot-bot nelayan menyeludup melalui pengkalan-pengkalan Nelayan atau melalui pantai kita yang luas dan apakah usaha-usaha yang dibuat mengenainya.

**Dato' Loke Yuen Yow:** Jumlah tangkapan orang-orang yang melarikan cukai bagi tahun 1988 ialah seramai 5,536 manakala jumlah nilai barang-barang rampasan pula adalah sebanyak \$16,754,279.34.

Mengenai Unit Perisikan, unit ini memang telah diwujudkan di Jabatan Kastam dan Eksais Diraja. Di antara usaha-usaha Jabatan Kastam dalam mencegah penyeludupan melalui laut adalah seperti berikut:

- (a) mempertingkatkan rondaan-rondaan laut dengan menggunakan bahtera dan bot-bot;
- (b) rondaan-rondaan darat dan sekatan jalan di kawasan pendaratan tertentu;
- (c) mewujudkan hubungan kerjasama dengan agensi-agensi luar negeri di dalam pertukaran maklumat;
- (d) mengadakan operasi-operasi khas di kawasan-kawasan strategik;
- (e) mempertingkatkan pemeriksaan kapal-kapal di kawasan pelabuhan; dan
- (f) mengadakan kempen kesedaran mencegah penyeludupan di seluruh negara dari masa ke semasa.

#### JALANRAYA SANDAKAN-TELUPID—MEMPERBAIKI

**42. Tuan Fung Ket Wing** minta Menteri Kerjaraya menyatakan sebab-sebab mengapa beliau tidak memeriksa

bagian jalanraya Sandakan-Telupid yang teruk iaitu antara batu 49 dan batu 60. Sila juga menyatakan sama ada kerajaan telah pun siap memperbaiki lebuhraya Sandakan-Telupid dalam masa tiga bulan sebagaimana yang dijanjikan oleh beliau. Nyatakan sama ada beliau telah dikelirukan oleh pemimpin-pemimpin tempatan supaya mengelakkan dari memeriksa bahagian jalanraya yang paling teruk itu dan juga sama ada beliau telah membazir masanya dengan hanya melihat bahagian-bahagian jalan yang cuma sedikit rosak sahaja.

**Timbalan Menteri Kerjaraya (Tuan Luhah Wan):** Jalanraya yang disebut oleh Yang Berhormat adalah jalanraya persekutuan dan Menteri Kerjaraya sentiasa sedar tentang keadaan jalanraya di Malaysia khususnya di Sabah. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, suatu kontrak segera telah ditawarkan pada 27 Mac, 1989, untuk memperbaiki keadaan jalanraya Sandakan-Telupid dari batu 36 hingga batu 65.

Skop kerja kontrak tersebut ialah untuk mengganti bahan-bahan yang tidak sesuai yang terdapat di atas jalanraya tersebut serta kerja-kerja memperbaiki permukaan jalan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat tempoh kontrak berkenaan ialah 3 bulan dan kerja-kerja telah pun bermula pada 25 April, 1989.

Sukacita saya memberitahu Dewan yang mulia ini, iaitu kemajuan kerja-kerja fizikal jalan tersebut sehingga tarikh ini adalah lebih kurang 90 peratus dan dijangka siap pada 24 Julai, 1989.

**Ingin saya tegaskan di sini bahawa lawatan bekas Yang Berhormat Menteri Kerjaraya pada 27 Mac, 1989 tidak membazir masa seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat. Sebaliknya beliau melawat**

Sabah sebagai Menteri Kerjaraya yang bertanggungjawab ke atas jalanraya-jalanraya. Beliau ingin mengenalpasti jalan-jalan yang rosak dan ingin mendapatkan maklumat yang tepat berkenaan dengan jalanraya di Sabah. Semasa beliau di sana bekas Menteri Kerjaraya itu telah mendapat kerjasama yang baik daripada pegawai di Sabah.

### YACCINE ENGERIX B

**43. Tuan Fung Ket Wing** minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada 1/2 sukatan vaccine engerix B adalah selamat untuk suntikan Hepatitis B, manakah negara-negara lain yang telah membuktikan bahawa penggunaan jenis vaccine ini adalah selamat; sama ada negara Belgium iaitu negara yang membuat vaccine ini telah membuktikan selamatnya penggunaan vaccine ini, jika tidak, mengapakah ianya digunakan di Malaysia. Bagaimanakah Kerajaan dapat menjamin vaccine ini adalah 100% selamat untuk digunakan oleh rakyat kita.

**Tuan Ng Cheng Kiat:** Bahan Vaksin dalam 1/2 dos vaksin Engerix B adalah sama dengan bahan vaksin dalam Engerix B. Hanya dosagenya yang berlainan, dos dewasa Engerix B adalah 20 mikrogram dan dos kanak-kanak adalah 10 mikrogram. Suntikan 1/2 dos vaksin Engerix B mengandungi 10 mikrogram bahan vaksin Hepatitis B dan sesuai untuk kanak-kanak.

Pihak berkuasa di negara pengeluar, iaitu Belgium, telah mengesahkan bahawa bahan vaksin Engerix B dan 1/2 dos vaksin Engerix B disediakan mengikut spesifikasi yang telah ditetapkan oleh Persatuan Kesihatan Sedunia (WHO). 32 negara termasuk negara Belgium, telah meluluskan penggunaan 10 mikrogram sebagai dos untuk kanak-kanak. Di antara negara-negara lain adalah Hongkong, Filipina, Singapura, Afrika Selatan, Korea Selatan, Thailand dan New Zealand.

Pengeluar vaksin telah membuktikan keselamatan 1/2 dos vaksin Engerix B dengan kajian-kajian klinikal yang telah dijalankan di Indonesia, Thailand, New Zealand, Hongkong, Australia, Belgium, Jerman, Perancis, Switzerland, Italy, Korea dan negara-negara lain.

Sebelum vaksin ini dibenarkan diguna di negara ini ianya telah didaftarkan dengan Pihak Berkuasa Kawalan Dadah kita, iaitu, (Drug Control Authority) atau (PBKD). PBKD telah menilai maklumat-maklumat dan dokumen-dokumen mengenai 1/2 dos vaksin Engerix B dalam proses pendaftaran dan mendapati bahawa vaksin ini adalah selamat, berkesan dan bermutu. Juga Kementerian Kesihatan telah meninjau literature mengenai kajian-kajian klinikal di Malaysia dan negara-negara lain dan mendapati bahawa vaksin adalah berkesan dan selamat.

### LOTERI BIGSWEEP

**44. Tuan Ngoi Thiam Woh** minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) atas alasan-alasan apakah lesen loteri "Big sweep" dikeluarkan;
- (b) butir-butir terperinci mengenai identiti orang-orang atau syarikat atau pertubuhan yang mempunyai kepentingan dalam pertubuhan loteri "Big sweep" ini.

**Dato' Loke Yuen Yow:** Soalan ini telah pun dijawab di dalam Dewan yang mulia ini pada 7 Mac, 1989; 10 Mac, 1989 dan 23 Mac, 1989. Oleh yang demikian, saya tidak bercadang untuk membuat apa-apa tambahan.

### HARGA BESI/SIMEN—KENAIKAN

**45. Tuan S. S. Subramaniam** minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) apakah kesan dengan kadar pembinaan bilangan rumah

dalam 6 bulan yang ke lampau di negara kita dengan kesukaran dan kenaikan harga bagi besi dan simen. Bilakah kerajaan akan membenarkan importasi kedua-dua bahan tersebut untuk menaikkan kadar pembinaan rumah-rumah khasnya rumah-rumah kos rendah; dan

- (b) adakah pihak Kerajaan sedar pihak KWSP telah lebih mengikatkan sistem pinjaman wang dari KWSP untuk membeli rumah-rumah oleh pekerja-pekerja dan ikatan tersebut sedang menyusahkan beribu-ribu pembeli-pembeli rumah kos murah dan juga pemaju-pemaju. Apakah tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan untuk membantu pembeli-pembeli dan pemaju-pemaju seperti yang dilakukan di negara Singapura.

**Dato' Loke Yuen Yow:**

- (a) Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan belum lagi mempunyai perangkaan kadar pembinaan bagi bulan Januari, 1989 sehingga sekarang kerana angka-angka ini hanya akan dikemukakan oleh pemaju melalui Borang 7F pada bulan Julai dan bulan Disember setiap tahun. Dengan itu perangkaan 6 bulan yang lepas hanya akan dapat diberi selepas bulan Julai nanti.
- (b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini KWSP tidak mengenakan syarat-syarat pengeluaran yang ketat. Ahli yang memohon pengeluaran caruman KWSP untuk tujuan pembelian rumah dikehendaki mengemukakan Perjanjian Jual Beli rumah tersebut sebagai bukti untuk melayakkan ahli mengeluarkan sebahagian daripada carumannya. Tindakan ini diperlukan

untuk mengelakkan penyelewengan oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab. Dari masa ke semasa pihak KWSP mengkaji sistem pengtuanan caruman KWSP untuk memudahkan perkhidmatan yang diberikan kepada ahli-ahlinya.

**KAJIAN SEPARUH PENGGAL  
RANCANGAN MALAYSIA  
KELIMA**

**46. Tuan Lee Lam Thye** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelima telah lama ditunggu-tunggu dan mengapa sehingga sekarang satu kajian masih belum dibentangkan di Parlimen untuk dibahaskan.

**Tuan Othman bin Abdul:** Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelima akan dibentangkan di Dewan ini pada 28 Jun, 1989 mengikut Kertas Perintah Bil. 23 tahun 1989.

**TENTERA MALAYSIA DI  
NAMIBIA—JUMLAH**

**47. Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan** minta Menteri Pertahanan menyatakan:

- (a) setakat ini berapakah pegawai dan askar-askar kita berada di Namibia;
- (b) berapa lamakah mereka terpaksa berada di sana;
- (c) berapakah perbelanjaan yang dikenakan kepada Kerajaan Malaysia;
- (d) apakah kelengkapan senjata yang dipunyai oleh Kerajaan Malaysia yang dibawa ke sana dan nilai semuanya; dan
- (e) bagaimanakah laporan dari mereka dalam semua hal termasuk kesihatan mereka hingga setakat ini.

**Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha:**  
Jawapan kepada soalan,

- (a) Jumlah kekuatan Kontinjen Malaysia yang bertugas di Namibia ialah seramai 889 anggota.
- (b) Mereka akan berada di sana untuk jangka masa satu tahun.
- (c) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tidak ada perbelanjaan yang dikenakan kepada Kerajaan Malaysia melainkan pembayaran gaji dan elaun biasa tentera. Semua pembayaran dibiayai oleh PBB.
- (d) Ketangkapan senjata yang dibawa oleh Kontinjen kita ialah senjata persendirian, pistol dan senjata-senjata bantuan Kompeni dan Platun.
- (e) Alhamdulillah setakat ini semua anggota tentera kita di Namibia berada di dalam keadaan sihat dan memuaskan. Mengikut laporan dari pihak PBB prestasi yang ditunjukkan oleh Kontinjen Malaysia di sana adalah sangat membanggakan. Ini telah disampaikan sendiri oleh perwakilan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) kepada Kementerian Pertahanan. Prestasi yang ditunjukkan oleh Kontinjen kita bukan sahaja mendapat pujian dari pihak PBB juga dari penduduk Namibia itu sendiri. Perwakilan SWAPO semasa memberi taklimat di PBB pada 2 Jun, 1989 memuji dan telah mensifatkan pasukan kita sebagai satu pasukan yang tidak bersifat berat sebelah (impartial) semasa menjalankan tugas. Dengan semangat yang ditunjukkan oleh Kontinjen Malaysia ini saya yakin mereka akan dapat mengekalkan prestasi dan sekaligus mengharumkan nama Negara.

## GRADUAN MENGANGGUR

**48. Tuan Gerard Math Lee Min** minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (i) mengapakah terdapat begitu ramai para graduan yang menganggur;
- (ii) adakah ini disebabkan pelajar-pelajar tersebut mengikuti kursus-kursus yang tidak diperlukan oleh sektor swasta dan Kerajaan atau adakah kerana terlalu ramai pelajar mempunyai kelayakan yang sama sehingga mengakibatkan 'kelebihan kelayakan yang diperlukan di pasaran bidang pekerjaan; dan
- (iii) apakah langkah-langkah yang diambil untuk mengatasi masalah tersebut.

**Tuan Woon See Chin:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, wujudnya pengangguran di kalangan siswazah adalah berpunca daripada kemelesetan ekonomi negara ini, pengurangan saiz perkhidmatan di sektor awam dan swasta, sikap terlalu memilih dan ramainya bilangan siswazah di pasaran buruh serta faktor-faktor lain yang berkaitan.

Institusi Pengajian Tinggi (IPT) tempatan bertanggungjawab menyediakan pendidikan dalam pelbagai bidang pengajian profesional dan bukan profesional untuk menghasilkan para graduan yang bertanggungjawab terhadap masyarakat dan negara. Oleh itu Institut Pengajian Tinggi sentiasa berusaha mempertimbangkan mutu kursus-kursus yang dijalankan mengikut keperluan negara.

Untuk mengatasi masalah pengangguran di kalangan siswazah, Jawatankuasa Program Peluang

Pekerjaan Siswazah telah mengaturkan beberapa program seperti berikut:

- (i) Skim Khidmat Sementara (SKS)
- (ii) Skim Siswazah Tani
- (iii) Latihan Khas I (Latihan Keusahawanan)
- (iv) Latihan Khas II (Agen Per-cukaian)
- (v) Latihan/Kursus Pengenalan Kepada Asas-Asas Per-niagaan
- (vi) Skim Latihan Khas Graduan 'Lulusan Dalam Bidang Komputer
- (vii) Skim Latihan Khas oleh MAMPU.

Program-program tersebut telah berjaya mengurangkan kadar siswazah menganggur setakat ini.

#### UNDANG-UNDANG PENTADBIRAN ZAKAT

**49. Tuan Haji Mohammad Yusoff bin Haji Abdul Latif** minta Perdana Menteri menyatakan tentang melaksanakan penyelarasan zakat di seluruh negara. Bilakah akan dilaksanakan.

**Tuan Othman bin Abdul:** Satu draf undang-undang pentadbiran zakat telah diluluskan oleh Jawatankuasa Kemajuan Hal Ehwal Islam Malaysia dan draf undang-undang itu telah diedarkan kepada tiap-tiap pihak berkuasa Kerajaan Negeri untuk diterimapakai dan dijadikan undang-undang negeri. Setakat ini semua pihak berkuasa Kerajaan Negeri sedang menyemak draf undang-undang tersebut. Bilakah undang-undang itu akan dilaksanakan adalah terserah kepada pihak-pihak berkuasa tersebut.

#### DASAR EKONOMI NEGARA— PENGUBALAN

**50. Tuan Chew Kam Hoy** minta Perdana Menteri menyatakan apakah Dasar Ekonomi Negara masa hadapan dengan merujuk kepada Pelan Induk Perindustrian.

**Tuan Othman bin Abdul:** Buat masa ini adalah terlalu awal untuk memastikan apakah Dasar Ekonomi Negara pada masa hadapan dengan hanya berpandukan kepada Pelan Induk Perindustrian (PIP). Dasar Ekonomi Negara pada masa hadapan sedang di dalam penggubalan. Walau bagaimanapun, PIP bukanlah merupakan satu dasar khusus tetapi ianya merupakan rancangan indikatif yang menyenaraikan strategi-strategi utama dalam usaha mempercepatkan pembangunan bagi sektor perindustrian. Pelan ini menerangkan perancangan bagi tempoh mulai daripada 1986 hingga 1995. Falsafah yang digunakan di dalam PIP adalah berdasarkan rancangan yang rasional (Planrational) dan memberi penekanan yang sama berat kepada kuasa pasaran dan perancangan yang sistematik dan teliti. PIP ini juga mengharapkan pihak swasta akan memainkan peranan yang lebih besar di dalam pembangunan sektor pembuatan. Peranan Kerajaan pula adalah tertumpu kepada menyediakan infrastruktur yang mencukupi dan iklim pelaburan yang positif.

#### PERTUMBUHAN EKONOMI MALAYSIA

**52. Tuan Haji Abdul Rahman Bakar** minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) Perkembangan ekonomi Malaysia, berapa peratuskah yang dijangkakan pertumbuhannya untuk tahun 1989 dan 1990;

- (b) apakah benar seperti yang didakwa ekonomi kita dan nilai wang ringgit kita telah jatuh. Ini menyebabkan pendapatan dari hasil-hasil komoditi kita berkurangan. Jika benar, apa tindakan yang telah diambil bagi mengatasi masalah ini; dan
- (c) Bagaimanakah kedudukan ekonomi negara kita jika dibandingkan dengan negara-negara ASEAN yang lain.

**Dato' Loke Yuen Yow:**

- (a) Jangkaan kadar pertumbuhan ekonomi Malaysia pada nilai sebenar ialah 7.3 peratus pada tahun 1989. Bagi tahun 1990 pula, ramalan kadar pertumbuhan ekonomi adalah dalam lingkungan 6-7 peratus.
- (b) Adalah tidak benar ekonomi kita telah jatuh. Semenjak tahun 1987, ekonomi kita telah mencapai pertumbuhan yang menggalakkan iaitu 5.2 peratus pada tahun 1987 dan 8.7 peratus pada tahun 1988. Bagi tahun 1989 ekonomi negara dijangka berkembang pada kadar yang melebihi 7 peratus. Memang benar nilai ringgit telah jatuh semenjak tahun 1985 sehinggalah akhir tahun 1988. Kejatuhan ini adalah disebabkan oleh usaha-usaha jajaran matawang utama (dengan izin "currency realignments"), yang telah mengurangkan nilai dolar Amerika Syarikat tetapi menaikkan nilai yen, deutschemark dan lain-lain nilai matawang utama serta kemelesetan ekonomi kita pada tahun 1985 dan 1986. Walau bagaimanapun, penurunan matawang kita seperti yang telah berlaku sebenarnya telah memberikan faedah kepada kita dengan menjadikan eksport kita lebih kompetitif. Ini telah meningkatkan lagi jumlah

eksport kita dan seterusnya meningkatkan pengeluaran dan pendapatan eksport negara.

Namun begitu suka saya nyatakan di sini bahawa semenjak awal tahun 1989, nilai ringgit berbanding dengan nilai komposit menunjukkan trend yang semakin kukuh.

- (c) Pada tahun 1988, kadar pertumbuhan Malaysia sebanyak 8.7 peratus adalah yang ketiga tertinggi di ASEAN selepas Singapura dan negeri Thai. Kadar pertumbuhan ekonomi bagi semua negara ASEAN adalah seperti berikut:

	1987	1988	1989 (Jangkaan)
KDNKsebenar(%)			
Malaysia . . .	5.2	8.7	7.3
Brunei .. ..	1.1	2.2	2.0
Indonesia ..	3.6	5.0	4.5
Filipina .. ..	4.7	6.6	6.5
Singapura .	8.8	10.9	7.0
Negeri Thai ..	8.0	10.3	8.0

**INTEGRASI KAMPUNG BARU  
DENGAN KERAJAAN TEMPATAN**

**53. Dr Tan Seng Giaw** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan di antara kandungan-kandungan dalam rancangan jangka panjang Kerajaan bagi mengintegrasikan Kampung-kampung Baru dengan Kerajaan Tempatan. Adakah had tempoh membangunkan Kampung-kampung Baru atau memulakan pelaksanaan rancangan integrasi akan berubah-ubah mengikut keupayaan Kampung-kampung Baru tertentu mempercepatkan perkembangan supaya setanding dengan daerah-daerah lain di bawah Kerajaan Tempatan berkenaan? Jika tidak, bagaimanakah rancangan integrasi akan diselaraskan di Kampung-kampung Baru di mana

pembangunan masih belum dapat menandingi daerah-daerah lain dalam kawasan kerajaan tempatan yang terlibat? Jika ya, maka, seawal-awainya bila dan Kampung Baru di negeri yang manakah yang berkemungkinan besar pertama sekali melaksanakan rancangan integrasi jangka panjang? Kampung Baru di negeri manakah mungkin berupa kawasan terakhir sekali melaksana rancangan integrasi dan sekurangnya, berapa lamakah tempoh masa yang diperlukan sebelum hasrat Kerajaan tercapai? Pada puratanya, berapa lamakah Kampung-kampung Baru yang lain akan perlu diberi bagi mempertingkatkan pembangunan supaya setaraf dengan daerah-daerah lain?

**Tuan Osu bin Haji Sukam:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sedang mengkaji secara teliti dan menyeturuh mengenai rancangan jangka panjang bagi mengintegrasikan Kampung-kampung Baru dengan Kerajaan Tempatan, khususnya Kampung-kampung Baru yang terletak di dalam kawasan Penguasa-Penguasa Tempatan. Walau bagaimanapun, semua pelaksanaan rancangan pembangunan termasuk rancangan-rancangan untuk Kampung-kampung Baru akan dilaksanakan mengikut keperluan serta keutamaan dan bergantung kepada keupayaan Kerajaan.

#### BILIK DARJAH/SEKOLAH BARU—PEMBINAAN

**54. Tuan P. Patto** minta Menteri Pendidikan menyatakan mengapa Kementerianya tidak mempunyai "forward planning" yang lengkap dan sempurna untuk menjadikan kenyataan apa yang tercatat dalam KBSR dan KBSM dalam soal memastikan bahawa bilangan murid dalam setiap kelas (darjah) tidak melebihi 35 orang sehingga Timbalan Menterinya dari Parti MCA telah

mengaku bahawa matlamat ini tidak boleh dicapai kerana permintaan bagi bilik darjah sering meningkat dengan bertambahnya jumlah bilangan murid bagi sekolah-sekolah rendah setiap tahun; dan tidakkah kegagalan ini juga akan menggagalkan pencapaian matlamat KBSR dan KBSM.

**Tuan Woon See Chin:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan memanglah menyedari akan kekurangan bilik-bilik darjah seperti yang ditimbulkan. Waiau bagaimanapun, perancangan dan pembinaan bilik-bilik darjah tambahan dan sekolah-sekolah baru adalah merupakan satu usaha yang berkesan selaras dengan peruntukan yang diberikan kepada Kementerian Pendidikan.

Bagi tahun 1988, purata saiz kelas bagi sekolah rendah biasa seluruh Malaysia ialah 33.3. Mengikut trend lima tahun yang lepas, purata saiz kelas semakin baik. Oleh itu pencapaian matlamat KBSR dan KBSM tidak perlu dipertikaikan kerana purata saiz kelas sentiasa diperbaiki mengikut rekod Kementerian ini.

#### PERKHIDMATAN TELEFON

**55. Tuan Lau Dak Kee** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan mengapa perkhidmatan telefon untuk penjaja-penjaja di gerai baru yang menjual ayam dan itik di Pasar Besar, Ipoh belum dapat perkhidmatan sehingga hari ini, dan bilakah perkhidmatan tersebut akan dibekalkan semula.

**Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Dato' Seri S. Samy Vellu):** Perkhidmatan telefon bagi penjaja-penjaja di Pasar Besar Ipoh tidak dapat disediakan awal kerana bangunan berkenaan tidak membekalkan saluran pendawaian telefon (internal trunking) bagi membolehkan pembekalan dibuat.

Dewan Bandaraya Ipoh sedang berusaha untuk mengadakan saluran pendawaian tersebut dan sekiranya ini dapat disiapkan awal, maka pembekalan dijangka dapat dibuat menjelang akhir tahun ini.

### RAPAT UMUM DIHARAMKAN

**56. Tuan Ting Chek Ming** minta Menteri Dalam Negeri kenapa rapat umum masih diharamkan di sebalik pandangan Suruhanjaya Pilihanraya dan kenyataan-kenyataan Menteri-Menteri dan Polis yang pengawas komunis tidak lagi menjadi masalah keselamatan.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat berkenaan rapat-rapat umum masih diharamkan adalah bertujuan untuk menjaga kepentingan keselamatan dan ketenteraman awam persekutuan. Ancaman penganas komunis sahaja bukanlah merupakan punca utama yang boleh mengganggu keselamatan dan ketenteraman awam, tetapi soal kaum, ugama, kebudayaan dan Isu-isu sensitif adalah faktor yang perlu untuk diberi pertimbangan bagi menentukan sama ada rapat umum patut dibenarkan atau tidak.

### PENGARAH URUSAN TV3 AHMAD SEBI

**57. Tuan Lun Kit Siang** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan samada pihak Polis bila-bila masa telah mengeluarkan atau memikir untuk mengeluarkan waran penangkapan terhadap bekas pengarah urusan TV3 Ahmad Sebi dalam masa 12 bulan kebelakangan ini yang menyebabkan beliau meninggalkan negara ini, dan jika ya, beri butir-butir lanjut.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Pihak Polis tidak pernah mengeluarkan Waran Tangkap terhadap Encik Ahmad Sebi, bekas Pengarah Urusan TV3 dalam masa 12 bulan kebelakangan ini.

### ISU HAK ASASI MANUSIA

**58. Tuan Lim Kit Siang** minta Menteri Luar Negeri menyatakan sama ada Malaysia bercadang menonjolkan (highlight) isu hak-hak manusia di Persidangan Ketua-ketua Kerajaan Komanwel di Kuala Lumpur dalam bulan Oktober tahun ini khasnya dalam menggesa Kerajaan-kerajaan Komanwel memainkan peranan yang lebih positif dan utama dalam pembelaan hak-hak manusia baik di negara-negara Komanwel atau bukan Komanwel,

**Dato Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan:** Isu mengenai hak asasi manusia memang sentiasa dibincangkan di Mesyuarat-mesyuarat Ketua-ketua Kerajaan Komanwel yang telah lepas,, samada secara khusus mahupun dalam membincangkan isu-isu lain seperti apartheid dan Namibia. Sesuai dengan keadaan ini CHOGM Kuala Lumpur dijangka akan turut membincangkan isu-isu ini. Soal samada perkara itu akan diberi perhatian yang lebih atau tidak, adalah terpulang kepada hasrat dan kemahuan Ketua-ketua Kerajaan Komanwel semasa mesyuarat itu nanti.

### SEKOLAH RENDAH CINA/ TAMIL—PERUNTUKAN

**59. Tuan Lim Guan Eng** minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) jumlah peruntukan yang diberikan untuk sekolah-sekolah rendah Cina dan Tamil;
- (b) bilangan guru-guru bahasa Cina dan Tamil yang berkurangan di sekolah-sekolah rendah jenis kebangsaan di antara tahun-tahun 1985 dan 1986;
- (c) mengapakah guru-guru sandaran tidak diambil untuk memenuhi kekurangan ini; dan

- (d) langkah-langkah lain yang diambil untuk menyelesaikan masalah ini.

**Tuan Woon See Chin:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat:

- (a) Kementerian Pendidikan tidak membuat sebarang perbezaan dalam pemberian peruntukan kepada sekolah, tidak kira sama ada Sekolah Kebangsaan, Sekolah Rendah Kebangsaan, Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina ataupun Tamil). Biasanya peruntukan yang diberikan kepada sekolah-sekolah di bawah Belanja Mengurus adalah berdasarkan kepada asas dan kadar yang sama dan oleh yang demikian ianya tidak diagihkan mengikut jenis sekolah-sekolah tersebut. Jumlah peruntukan yang diterima oleh sesebuah sekolah pula adalah bergantung kepada saiz sekolah tersebut, iaitu sekolah yang mempunyai bilangan murid yang besar akan menerima bantuan yang lebih dari sebuah sekolah yang kecil.
- (b) Bilangan kekurangan guru-guru Bahasa Cina dan Tamil di sekolah-sekolah rendah jenis kebangsaan di antara 1985-1989 adalah seperti berikut:

<i>Tahun</i>	<i>Jumlah Kekurangan Guru Bahasa Cina</i>	<i>Jumlah Kekurangan Guru Bahasa Tamil</i>
1985 ..	3,207	844
1986 ..	3,726	1,008
1987 ..	3,805	1,178
1988 ..	4,608	1,342
1989 ..	3,774	1,460

NOTA: Bagi tahun 1989 itu hanya anggaran sahaja,

- (c) Kenyataan Yang Berhormat adalah tidak benar. Kementerian telahpun memberi kebenaran kepada Pengarah-Pengarah Pendidikan Negeri untuk melantik Guru-Guru Sandaran Tidak Terlatih bagi menampung kekosongan jawatan di SRJK(C) dan SRJK(T). Sungguhpun syarat asas untuk menjadi Guru Sandaran Tidak Terlatih ialah mempunyai kredit Bahasa Malaysia, guru-guru yang dilantik bagi tujuan ini telah diberikan kelonggaran.
- (d) Kementerian telahpun mengambil langkah menempatkan Guru-guru Sandaran Terlatih (Guru Latihan Maktab) ke SRJK(C) dan SRJK(T) pada setiap tahun.

#### **TANAMAN LADA HITAM/ KOKO/TEH DAN TEMLBAKAU—PROSPEK**

**60. Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis** minta Menteri Pertanian menyatakan:

- (a) apakah prospek tanaman lada hitam, koko teh dan tembakau ditanam dan dihasilkan di Sarawak;
- (b) apakah langkah-langkah yang berkesan diambil oleh Kerajaan untuk menentukan supaya tanaman-tanaman tersebut maju di Sarawak;
- (c) semenjak MARDI beroperasi di Sarawak, apakah program-program yang telah terlaksana olehnya di negeri tersebut dan apakah rancangan-rancangan di masa akan datang;
- (d) adakah rancangan untuk menyerap bahagian penyelidikan Jabatan Pertanian Sarawak ke dalam MARDI dan kalau ada, bila. Apakah manfaatnya kalau penyerapan itu dilakukan.

**Dato' S. Subramaniam:**

- (a) *Prospek untuk lada hitam, koko, teh dan tembakau.*

**Lada Hitam**

Permintaan dunia bagi lada hitam meningkat sebanyak 4% permintaan ini (dari segi keperluan import) berjumlah 130,000 hingga 140,000 tan setahun. Keperluan import tahunan dan bekalan tahunan biasanya tidak seimbang dan ketidakseimbangan ini menyebabkan harga lada hitam tidak stabil. Bagaimanapun permintaan jangka panjang sedunia bagi komoditi ini akan terus meningkat disebabkan oleh pertambahan penduduk, pendapatan per kapita, perubahan dalam tabiat pemakanan dan penggunaan baru lada hitam. Malaysia merupakan salah satu daripada empat pengeluar utama lada hitam di samping Brazil, Indonesia dan India. Pada masa ini Malaysia mengeluarkan kira-kira 22% daripada jumlah eksport lada hitam setahun. Pada tahun 1989 Malaysia mempunyai 10,200 hektar yang ditanami dengan lada hitam dan pengeluaran bagi tahun ini dijangka meningkat kepada 22,000 tan.

**Koko**

Prospek bagi koko nampaknya baik dan penanaman koko sedang dipergiatkan di Sarawak. Seluas 15,000 hektar sedang dirancangan untuk penanaman oleh pekebun-pekebun kecil setiap tahun.

**Teh**

Buat masa ini prospek untuk pengeluaran teh secara komersial di Sarawak tidak begitu menggalakkan. Yang menjadi

masalah ialah pemasarannya di pasaran yang sudah dibanjiri oleh komoditi tersebut.

**Tembakau**

Perusahaan tembakau merupakan perusahaan yang dikawal di Malaysia. Meskipun tembakau awet boleh ditanam dan diproses di Sarawak tetapi pemasarannya akan menjadi masalah kecuali jika Lembaga Tembakau Negara dapat memberi kuota pengeluaran kepada Sarawak. Kementerian Pertanian dan Pembangunan Masyarakat bercadang untuk berunding dengan Kementerian yang berkaitan dan Lembaga Tembakau Negara bagi mendapatkan kuota untuk Sarawak.

- (b) *Langkah-langkah berkesan yang diambil oleh Kerajaan.*

**Lada Hitam**

Langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan untuk menentukan supaya perusahaan lada hitam dimajukan di Sarawak termasuk penyelidikan, program penanaman lada hitam, kawalan mutu bagi memastikan penghasilan lada hitam yang berkualiti untuk dieksport dan penyertaan dalam International Pepper Community bagi memastikan pengeluaran lada hitam kekal sebagai satu perusahaan yang menguntungkan melalui pertukaran maklumat dan kerjasama yang lebih baik antara negara-negara pengeluar dan antara negara-negara pengeluar dan negara-negara pengguna.

**Koko**

Di Sarawak langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan untuk menggalakkan

perkembangan perusahaan koko ialah penyelidikan, program penanaman dan latihan dalam memproses koko bagi menentukan penghasilan biji koko yang bermutu tinggi untuk dieksport.

### Teh

Selain daripada projek Teh Mayang, Kerajaan memang berniat untuk memberi insentif khas kepada pengeluar teh di Malaysia tetapi dengan cara membiarkan pengeluaran itu bergerak balas dengan keadaan bekalan dan permintaan di pasaran komoditi tersebut.

### Tembakau

Kementerian Pertanian dan Pembangunan Masyarakat merancang untuk memperkenalkan tembakau kepada pekebun-pekebun kecil di Sarawak sebaik sahaja butir-butir teknikal mengenainya selesai diuruskan. Percubaan telah pun dijalankan oleh MARDI dan Jabatan Pertanian Sarawak dan hasilnya sangat menggalakkan.

(c) *Semenjak MARDI beroperasi di Negeri Sarawak pada 1 hb Ogos, 1985, berbagai aktiviti berikut telah dijalankan meliputi seluruh negeri Sarawak:*

- (i) Menjalankan aktiviti-aktiviti penyelidikan melalui Kementerian Pertanian Sarawak dalam bidang-bidang yang dikenalpasti seperti teknologi pengeluaran koko, buah-buahan, sayur-sayuran, cendawan, madu lebah dan teknologi pemrosesan makanan.

- (ii) Mengadakan kursus-kursus tertentu untuk menentukan supaya tiada terdapat jurang perbezaan yang besar terhadap pengetahuan terhadap beberapa teknologi yang telah wujud di Semenanjung dengan Sarawak. Ianya juga akan memastikan teknologi dapat dipindahkan kepada kumpulan sasaran tertentu.

- (iii) Menjalankan percubaan verifikasi tempatan (local verification trials, LVT) untuk menguji kesesuaian teknologi dengan keadaan setempat supaya hanya teknologi wajar akan disebarkan untuk penggunaan.

- (iv) Menjalankan projek perintis terhadap teknologi tertentu untuk menentukan yang teknologi wajar yang telah diuji di petak LVT dapat digunakan dengan luasnya; dan

- (v) Menjalankan kajian kemungkinan pembangunan kawasan tertentu seperti di kawasan Buntal/Damai.

Untuk rancangan masa hadapan, MARDI akan mempergiat dan memperluaskan lagi aktiviti-aktiviti yang telah dimulakan di samping memperkenalkan teknologi-teknologi baru yang berpotensi tinggi di Sarawak. Selaras dengan itu, MARDI telah menyiapkan pelan untuk mendirikan pusat latihan dan pemerosesan makanan dan bangunan pejabatnya di Kuching.

Adalah menjadi harapan kerajaan supaya lebih ramai lagi penduduk Sarawak dapat manfaat dari hasil Penyelidikan yang dijalankan oleh MARDI.

- (d) Pada masa kmi, Kerajaan tidak mempunyai rancangan untuk menyerapakan Bahagian Penyelidikan, Jabatan Pertanian Negeri Sarawak ke dalam MARDI memandangkan perhubungan dan peraturan kerja di antara kedua-dua pihak ini yang diamalkan sekarang adalah baik dan berkesan.

#### APARTHEID REGIM AFRIKA SELATAN

**61. Tuan Peter Paul Dason** minta Menteri Luar Negeri menyatakan langkah-langkah konkrit yang diambil oleh Kerajaan untuk membuktikan dakwaan bahawa Malaysia adalah benar-benar anti-regim perkauman di Afrika Selatan dan tambahan dari langkah-langkah yang ada, sama ada Kerajaan sedia untuk mengharamkan semua jenis iklan di akhbar-akhbar tempatan yang bertujuan untuk memperkenalkan barangan syarikat yang mempunyai perhubungan dengan Afrika Selatan.

**Dato Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan:** Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, Malaysia mengutuk sekeras-kerasnya polisi Apartheid Regim Afrika Selatan yang hina lagi tidak berperikemanusiaan itu. Selaras dengan pendirian ini Malaysia bersama-sama dengan kebanyakan negara-negara dan badan-badan antarabangsa lain telah mengenakan tekanan dan sekatan ke atas Regim Afrika Selatan bertujuan memaksa Afrika Selatan menggugurkan sistem apartheid itu. Malaysia tidak dapat menerima pandangan setengah golongan yang menyarankan bahawa untuk memujuk Afrika Selatan

menggugurkan sistem apartheid, Afrika Selatan perulah diperlibatkan di dalam satu dialog konstruktif. Golongan ini menyarankan bahawa tekanan terhadap Afrika Selatan bukan sahaja tidak akan mencapai matlamatnya bahkan akan mendatangkan kesusahan kepada negara-negara jiran Afrika Selatan.

Saraan seperti ini perlulah ditolak sekeras-kerasnya kerana ianya akan mendorong Afrika Selatan mengekalkan sistem apartheid. Di samping itu masyarakat antarabangsa perlu juga membongkarkan muslihat Afrika Selatan yang menyatakan apartheid itu boleh diperbaiki. Kita perlu memperingatkan masyarakat antarabangsa bahawa apartheid itu tidak boleh diperbaiki, ianya mesti dimusnahkan, atau dalam bahasa Inggeris:

"Apartheid cannot be reformed. It must be eliminated".

Selain daripada usaha-usaha kita di arena antarabangsa kita juga telah mengambil langkah-langkah dalam negeri untuk menyokong pendirian kita itu. Di samping tidak mengiktiraf Afrika Selatan, kita juga telah mengharamkan semua jenis hubungan diplomatik, perdagangan, ekonomi, sosial, kebudayaan dan sukan dengan regim Afrika Selatan yang terkutuk itu. Kita juga telah mengharamkan lawatan rakyat Malaysia ke Afrika Selatan dan lawatan rakyat Afrika Selatan ke Malaysia.

Di samping itu kita juga memberikan bantuan teknikal kepada negara-negara jiran Afrika Selatan yang terpaksa mengalami kerumitan akibat polisi "destabilisation" Afrika Selatan. Selain daripada bantuan teknikal di bawah Program Kerjasama Teknikal Malaysia, kita juga telah berjanji akan mendermakan bantuan bernilai AS\$2 juta kepada Tabung Afrika yang telah

ditubuhkan oleh Pergerakan Negara-negara Berkecuali untuk membantu negara-negara jiran Afrika Selatan.

Bagi menjawab bahagian kedua soalan Ahti Yang Berhormat dari Bagan Baru, ingin saya memaklumkan bahawa selaras dengan pendirian anti-apartheid kita yang tersebut di atas, Kerajaan sentiasa mengawasi semua jenis iklan di akhbar-akhbar tempatan yang bertujuan memperkenalkan barangan syarikat yang mempunyai perhubungan dengan Afrika Selatan. Walau bagaimanapun dalam hal pengharaman sebarang iklan, Kerajaan harus bertindak berhati-hati dan mengikut lunas undang-undang yang sedang berkuatkuasa.

### PERHIMPUNAN POLITIK

**62. Tuan Haji Ibrahim bin Ali** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan apakah individu warganegara Malaysia boleh menganjurkan Perhimpunan Politik dan memberi ucapan sebagaimana hak seseorang yang terjamin di bawah Perlembagaan Negara yang dikatakan mengamal demokrasi. Jika tidak boleh apakah sebab-sebabnya dan apakah Kerajaan sedia memberi kebenaran jika Penganjur boleh menjamin keamanan dan tidak menyentuh isu sensitif seperti yang berunsur perkauman. Apakah pihak Kementerian Dalam Negeri sedar Akta Polis yang melarang sebarang Perhimpunan lebih dari 5 orang tanpa permit merupakan pencabulan hak terhadap rakyat dalam sebuah negara yang merdeka.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Sungguhpun terdapat peruntukan di dalam Perlembagaan Persekutuan yang bermaksud memberi kebebasan untuk berucap dan berhimpun kepada warganegaranya, Perlembagaan Persekutuan juga memberi kuasa kepada Parlimen bagi membuat undang-undang untuk mengenakan

sekatan-sekatan ke atas kebebasan tersebut demi menjaga kepentingan keselamatan dan ketenteraman awam Persekutuan.

Sehubungan dengan ini bermaknalah Kerajaan boleh dengan undang-undang mengenakan sekatan ataupun kawalan tertentu kepada sebarang kumpulan atau individu dari mengadakan ucapan-ucapan di dalam sebarang perhimpunan yang diragui akan menimbulkan ancaman kepada keselamatan dan ketenteraman awam persekutuan. Berdasarkan kenyataan ini, nyatalah sebarang bentuk ucapan di dalam perhimpunan-perhimpunan politik tidaklah sepatutnya dibenarkan selaras dengan kehendak-kehendak seperti yang dinyatakan di dalam Perlembagaan di atas.

Menyentuh dakwaan Ahli Yang Berhormat bahawa Akta Polis 41/1967 yang melarangkan sebarang perhimpunan lebih dari lima orang tanpa permit merupakan pencabulan hak terhadap rakyat dalam sesebuah negara merdeka tidaklah timbul kerana Akta tersebut digubal mengikut kehendak peruntukan Perlembagaan Persekutuan yang membenarkan Parlimen membuat undang-undang bagi mengenakan sekatan-sekatan ke atas hak kebebasan berhimpun dan berucap kepada warganegara seperti yang dinyatakan bagi menjaga kepentingan keselamatan dan ketenteraman awam Persekutuan.

### WANG TAK DITUNTUT—JUMLAH

**63. Tuan Teoh Teik Huat** minta Menteri Kewangan menyatakan jumlah penuh wang yang telah dipungut untuk Perbendaharaan melalui wang tak dituntut di bawah Akta Wang Tak Dituntut, 1965.

**Dato' Loke Yuen Yow:** Untuk menjawab pertanyaan yang dibangkit oleh Y.B. Tuan Teoh Teik

Huat, Ahli Parlimen Kawasan Bagan. sukacita dimaklumkan bahawa jumlah penuh wang yang telah dipungut oleh Pendaftar Wang Tak Dituntut di bawah Akta Wang Tak Dituntut, 1965 adalah sebanyak \$148,371,070.80.

### TARAF PENDUDUK TETAP DI SARAWAK

**64. Tuan Jawah Anak Gerang** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) jumlah pemohon untuk menjadi rakyat Malaysia (PR Status) yang telah diterima dari Sarawak sampai sekarang dan dari negara mana; dan
- (b) sama ada Kerajaan sedar bahawa banyak PR status telah diberi kepada rakyat asing untuk maksud menjadi pengundi semasa pilihanraya, tetapi yang betul-betul berkehendakkan PR status dan sudah tinggal di negara ini selama berpuluh-puluh tahun masih lagi belum dapat PR status.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Bilangan warganegara asing yang telah diberi taraf penduduk tetap untuk tinggal di Sarawak sehingga April 1989 adalah seperti berikut:

<i>Warganegara</i>	<i>Jumlah</i>
1. Taiwan . . . .	1
2. British.. ..	2
3. Singapura . . . .	1
4. Indonesia . . . .	1
5. Lain-lain . . . .	2
<b>JUMLAH ..</b>	<b>7</b>

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat orang-orang asing yang ber-taraf penduduk tetap (Permanent

Resident) negara ini adalah tidak layak mengundi selagi mereka tidak menjadi warganegara negara ini.

### PENGUSAHA BAS DI SABAH

**65. Tuan Samson Chin Chee Tsu** minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan:

- (a) mengapakah pengusaha-pengusaha Bas di Sabah dikehendaki membayar 100 peratus lehih cukai jalan raya berbanding dengan mereka di Semenanjung Malaysia; dan
- (b) mengapakah pengusaha-pengusaha Bas di Sabah terpaksa membayar satu permit bagi setiap satu kenderaan yang dimiliki sedangkan tidak ada undang-undang seperti ini di Semenanjung dan Sarawak.

**Dato' Napsiah binti Omar:**

- (a) Cukai jalan yang dibayar oleh pengusaha-pengusaha Bas perkhidmatan awam di Sabah sekarang adalah mengikut kadar yang telah ditetapkan di bawah perundangan subsidiari yang dibuat di bawah Ordinan Lalulintas Jalan Sabah 1963 yang lama. Sejak Jabatan Pengangkutan Jalan Sabah dipersekutukan mulai 12 April 1984, Kementerian Pengangkutan telah mengambil tindakan untuk menyelaras dan menurunkan beberapa jenis cukai jalan yang didapati lebih tinggi di Sabah seperti cukai jalan untuk kenderaan-kenderaan "4-wheel drive". Saya difahamkan Kementerian Pengangkutan akan mengkaji cadangan untuk mengurangkan kadar cukai jalan raya bagi pengusaha-pengusaha bas di Sabah itu.

- (b) Mengenai bayaran-bayaran lesen bagi semua jenis kenderaan perdagangan, Kementerian Perusahaan Awam akan menyelaraskan semua jenis bayaran lesen kenderaan bagi Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak di bawah kaedah Bayaran Lesen Kenderaan Perdagangan yang baru. Apa-apa kadar yang akan dikenakan akan berupa kadar yang berpatutan dan wajar kepada Pengusaha-pengusaha Kenderaan Perdagangan.

(ii) Had umur melawat Republik Rakyat China di bawah kategori lawatan sekali seumur hidup diturunkan dari 60 tahun ke 50 tahun. Ini boleh dibuat sekali dalam tempoh 3 tahun; dan

(iii) Lawatan untuk tujuan perdagangan tidak perlu surat jemputan dari mana-mana pihak di Republik Rakyat China.

(b) 67 buah.

(c) 15 buah.

#### LAWATAN KE CHINA— KELONGGARAN SYARAT

**66. Tuan Chian Heng Kai** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) butir-butir berkenaan dengan kelonggaran syarat bagi warganegara Malaysia melawat negara China;
- (b) sehingga 15-6-1989 jumlah firma pelancongan yang telah membuat permohonan untuk mendapat kebenaran untuk membawa pelancong ke China; dan
- (c) nyatakan jumlah firma pelancongan yang berjaya dalam permohonan mereka untuk membawa pelancong ke China sehingga 15-6-1989.

**Dato\* Megat Junid bin Megat Ayoh:**

- (a) Butir-butir kelonggaran syarat adalah seperti berikut:
- (i) Melawat Republik Rakyat China untuk tujuan melancong bagi mereka yang berumur 30 tahun ke atas yang dahulu tidak dibenarkan telah dibenarkan dengan syarat-syarat tertentu;

#### MICHAEL GORBACHEV KE BEIJING—KUNJUNGAN

**67. Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad** minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

- (a) sejauh manakah hasil kunjungan pemimpin Soviet Michael Gorbachev ke Beijing membantu rantau Asia Tenggara mewujudkan dasar berkecualinya seperti yang dipersetujui dalam perjanjian Bangkok;
- (b) kini bolehkah negara-negara ASEAN meminta Amerika supaya tidak mengekalkan pengkalannya di Teluk Siam dan Filipina; dan
- (c) bolehkah diandaikan bahawa Soviet Union juga akan melepaskan penglibatan ketenteraannya dari Vietnam berikutan dengan pulihnya hubungan Soviet-China itu.

**Dato Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan:**

- (a) Berikutan dari ucapan dasar baru Soviet yang dibuat oleh Presiden Gorbachev di Vladivostok dan Kransnoryask, Soviet Union dengan daya

usaha sendiri telah mengambil beberapa inisiatif untuk mengurangkan ketegangan di rantau Asia Pasifik. Kunjungan pemimpin Soviet ke Beijing pada bulan Mei 1989 untuk memulih hubungan di antara kedua-dua negara dianggap sebagai salah satu usaha ke arah ini.

Usaha-usaha Soviet Union untuk mengurangkan ketegangan di rantau Asia-Pasifik adalah secocok dengan hasrat kita untuk mewujudkan kawasan aman, bebas dan berkecuali (ZOPFAN) di Asia Tenggara.

- (b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, soal pengkalan Amerika di Filipina adalah tanggungjawab Filipina dan Amerika Syarikat.
- (c) Persoalan mengenai Soviet Union mengundurkan ketenteraannya dari Vietnam berikutan dengan pulihnya hubungan Soviet-China itu tidak timbul. Kehadiran tentera Soviet Union di Vietnam adalah di atas undangan Vietnam.

### PEKERJA ASING

**68. Tuan Fung Ket Wing** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan jumlah pekerja-pekerja asing termasuk orang-orang pelarian dan pendatang-pendatang haram yang sedang bekerja di:

- (i) Semenanjung Malaysia;
- (ii) Sabah; dan
- (iii) Sarawak.

Apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk mengurangkan bilangan mereka supaya memberi peluang pekerjaan bagi 7.9% rakyat Malaysia yang menganggur dan juga bagi mereka yang kini mencari pekerjaan di Taiwan dan Singapura.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Bilangan pekerja-pekerja asing yang sedang bekerja di negara ini pada 31-5-1989 atas Pas Lawatan (Kerja sementara adalah seperti berikut:

(a) Semenanjung	10,269 orang
(b) Sarawak ..	2,224 orang
(c) Sabah ..	158,288 orang
Jumlah ..	<u>170,781 orang</u>

Pas Kerja ini hanya kepada orang-orang asing yang memasuki negara ini secara sah sahaja, dan tidak kepada yang tergolong dalam golongan Pendatang Tanpa Izin; inipun setelah pihak Kerajaan berpuashati yang pihak majikan telah habis berusaha tetapi gagal mendapat pekerja-pekerja tempatan.

Untuk mengatasi masalah pengangguran, Kerajaan Dersama agensi-agensinya sedang berusaha menarik rakyat tempatan supaya lebih berminat untuk bekerja di sektor perladangan. Sementara itu pihak majikan juga diminta bekerjasama bagi menyelesaikan masalah ini terutama dalam menyediakan kemudahan-kemudahan yang lebih baik kepada pekerja.

### GURU KEMAS

**69. Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan** minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan sama ada Kementerian berkenaan berhasrat untuk menambah lagi anggota-anggota KEMAS kerana memandangkan banyak kampung-kampung yang tidak mempunyai guru-guru KEMAS yang cukup dan ramai lulusan-lulusan SRP, SPM dan STPM masih menganggur.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Tuan Mohamed bin Jamrah):** Kementerian ini sentiasa berusaha

untuk menambah bilangan anggota KEMAS dari semasa ke semasa selaras dengan permintaan terhadap aktiviti-aktivitinya yang bertambah. Walau bagaimanapun, Kementerian ini tidak berupaya untuk memenuhi semua permintaan tersebut kerana peruntukan yang terhad dan dasar pengecilan saiz perkhidmatan awam yang dilaksanakan oleh Kerajaan pada masa ini. Di samping itu pengisian jawatan kosong dengan anggota-anggota baru bukanlah merupakan satu-satu cara untuk menyelesaikan masalah ketidakcukupan guru-guru KEMAS pada masa ini.

Untuk makluman Yang Berhormat, beberapa langkah telah diambil untuk menampung keperluan dan permintaan terhadap program-program kelolaan KEMAS yang kian bertambah. Salah satu daripadanya ialah rancangan untuk mempelbagaikan tugas Pemaju Masyarakat. Dengan terlaksananya rancangan ini, seorang Pemaju Masyarakat adalah dikehendaki mengajar (2) kelas dan mengendalikan dua (2) aktiviti kemasyarakatan yang lain. Selain daripada itu, KEMAS juga bercadang untuk menswastakan program-program seperti Taman Bimbingan Kanak-kanak (TBK) dan Kumpulan Latihan Kerja (KLK). Di bawah konsep penswastaan ini KEMAS akan hanya memberi latihan kepada guru manakala masyarakat setempat akan membiayai calon guru yang terlibat.

Pada peringkat awal pelaksanaan penswastaan program Taman Bimbingan Kanak-kanak (TBK), KEMAS akan menyediakan peralatan dan makanan sehinggalah masyarakat setempat mampu menanggung perbelanjaan program tersebut. Bagi program Kumpulan Latihan Kerja (KLK) pula, guru dan masyarakat setempat digalakkan menubuhkan koperasi untuk memulakan perniagaan.

## KEDUDUKAN PELABURAN

**70. Tuan Chew Kay Hoy** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) kedudukan pelaburan sebenar kemaskini;
- (b) hutang negara kemaskini; dan
- (c) perkembangan penggunaan sumber alam (termasuk keluasan kawasan balak dan kadar pembalakan, dan simpanan minyak dan gas).

**Tuan Othman bin Abdul:**

- (a) Jumlah pelaburan dilihat dari sudut pembentukan modal (capital formations) bagi tahun 1988 mengikut harga semasa adalah sebanyak \$22.3 ribu juta. Kira-kira 63% dari jumlah ini adalah pelaburan sektor swasta sementara bakinya adalah pelaburan sektor awam. Pelaburan sektor swasta menunjukkan peningkatan yang pesat iaitu sebanyak 27.8 peratus, Bagi tahun 1989 pula, Kerajaan menjangka bahawa jumlah pelaburan akan terus bertambah iaitu sebanyak \$27.9 ribu juta. Dari jumlah ini, pelaburan sektor swasta adalah sebanyak \$17 ribu juta atau meningkat sebanyak 20 peratus, iaitu satu kadar yang boleh dibanggakan.

Ahli-ahli Yang Berhormat, ini telah cukup membuktikan bahawa langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk meningkatkan pelaburan swasta adalah berkesan dan mendatangkan hasil yang diharapkan. Peningkatan pelaburan ini tidak sahaja datang dari pelabur-pelabur asing tetapi juga dari pelabur-pelabur tempatan sendiri. Bagi memastikan perkembangan pelaburan yang berterusan, Kerajaan akan sentiasa memberi galakan

melalui langkah-langkah fizikal dan kewangan serta mengurangkan kerenah-kerenah pentadbiran sekiranya ada. Pelaburan sektor swasta pula akan ditumpukan kepada peningkatan mutu infrastruktur fizikal dan sosial yang bertujuan untuk membantu pertumbuhan sektorswasta.

- (b) Hutang negara atas hutang" luar negeri sehingga akhir tahun 1988 adalah berjumlah \$47,294 juta. Daripada jumlah ini \$42,089 juta adalah hutang luar negeri sektor awam dan \$5,205 juta hutang luar negeri sektor swasta.

Kedudukan negara yang pada satu ketika menjejaskan kewangan sektor awam telah dapat diperkukuhkan dengan pembayaran awal dan pembiayaan semula hutang-hutang luar negeri yang diambil pada kadar faedah yang tinggi dan hutang yang terdedah kepada risiko pertukaran wang. Hutang luar negeri yang pada tahun 1987 telah meningkat kepada paras yang tertinggi iaitu \$50,855 juta kini telah dapat dikurangkan. Sejak tahun 1984 Kerajaan telah membuat pembayaran semula sebanyak \$8,296 juta, manakala pembayaran awal pula sebanyak \$7,447 juta. Arah aliran ini tidak sahaja terhad kepada sektor awam, malah sektor swasta juga telah membuat pembayaran awal kepada hutang-hutang luar negeri mereka sejak kedudukan kewangan mereka bertambah baik. Perkembangan ini tidak sahaja dapat mengurangkan beban hutang luar negeri tetapi juga nisbah hutang luar negeri, dengan izin "debt service ratio". Ini jelas dilihat dengan berkurangan nisbah tersebut dari 18.7 peratus dalam tahun

1986 kepada 13.3 peratus dalam tahun 1988.

Ahli-ahli Yang Berhormat, Kerajaan akan terus membuat pembayaran awal di masa-masa yang akan datang dengan tujuan untuk mengurangkan lagi beban hutang luar negeri. Walau bagaimanapun, keputusan membayar awal ini adalah tertakluk kepada kedudukan kewangan negara dan kesesuaian keadaan.

- (c) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kawasan hutan yang mempunyai potensi untuk dibalok di seluruh Malaysia pada tahun 1988 ialah 21.8 juta hektar. Walau bagaimanapun, dalam melaksanakan Dasar Pemuliharaan Hutan (Forest Conservation Policy) kadar pembalakan bagi tiap-tiap tahun adalah dihadkan. Bagi tahun 1988, kadar catuan bagi Semenanjung Malaysia ialah 152,100 hektar, manakala di Sabah seluas 179,800 hektar dan 300,000 hektar di Sarawak.

Menjawab soalan Yang Berhormat mengenai simpanan minyak mentah negara pula, angka terakhir bagi tahun 1988 menunjukkan bahawa kita mempunyai simpanan minyak kira-kira 3 ribu juta tong. Berdasarkan kepada kadar pengeluaran sebanyak 543,000 tong sehari, simpanan minyak kita habis dalam masa 15 tahun kecuali telaga-telaga baru di temui. Dalam hubungan ini, usaha-usaha mencari gali minyak telah dipertingkatkan.

Mengenai simpanan gas asli pula, simpanan bahan tersebut dianggarkan berjumlah 52.2 trillion kaki padu. Jumlah ini boleh mengekalkan pengeluaran kita untuk lebih 50 tahun.

## USUL

### WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT DAN PENANGGUHAN

**Timbalan Menteri Buruh (Dato' K. Pathmanaban):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12, Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga pukul 10.00 malam dan sebaik sahaja selepas itu, Dewan hendaklah ditangguhkan sehingga 2.30 petang esok iaitu 28hb Jun, 1989.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Tuan Osu bin Haji Sukam):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Ahli-ahli Yang Berhormat. satu usul yang berbunyi:

Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyurat 12, Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga pukul 10.00 malam dan sebaik sahaja selepas itu, Dewan hendaklah ditangguhkan sehingga 2.30 petang esok iaitu 28hb Jun, 1989.

hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12, Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga pukul 10.00 malam dan sebaik sahaja selepas itu, Dewan hendaklah ditangguhkan sehingga 2.30 petang esok iaitu 28hb Jun, 1989.

## RANG UNDANG-UNDANG

### RANG UNDANG-UNDANG DARURAT (KETENTERAMAN AWAM DAN MENCECAH JENAYAH) (PINDAAN)

*Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga*

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang". (26hb Jun, 1989).

*Perbahasan disambung semula.*

*3.38ptg.*

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad (Pengkalan Chepa):** *(Bangun)*

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa, panjang lagikah, Yang Berhormat?

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** Pendek, sepatutnya kelmarin sudah habis tetapi kerana gangguan banyak sangat.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Teruskan, Yang Berhormat.

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana kelmarin saya tidak dapat tamat dengan ucapan saya, kerana masa habis dalam soal jawab sahaja, jadi hari ini saya minta pandangan dari Tuan Yang di-Pertua sama ada saya memberi jawapan penuh ataupun saya sambung ucapan saya dan saya tidak puashati **jawapan saya kelmarin, kalau boleh saya tambah lagi jawapan.**

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat teruskan dengan ucapan.

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** Untuk ucapan sahaja, Tuan Yang di-Pertua . . . .

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Nanti kalau berhujjah masa kita akan habis begitu sahaja. Itu terserah kepada Yang Berhormat dan peluang diberi kepada Yang Berhormat untuk meneruskan.

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** Saya bimbang, takut akan timbul perkara yang sengaja dibuat oleh anggota-anggota Kerajaan terutama sekali masalah isu kafir-mengkafir dan politik tidak boleh campur dengan agama. Kelmarin sampai minta hujjah Al-Quran dan Hadis daripada saya.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Itu terserah kepada Yang Berhormat untuk mengendalikan ucapan.

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, masalah fitnah yang ditabur sepanjang masa oleh pihak anggota Kerajaan mengenai kafir-mengkafir, saya harap untuk masa akan datang bolehlah diberhentikan kerana perkara itu sengaja direka-reka oleh orang-orang UMNO sahaja.

Keduanya, timbul masalah kafir-mengkafir ialah berpunca daripada telatah pemimpin-pemimpin UMNO terutama sekali bekas Perdana Menteri Pertama Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman yang mengatakan Quran tidak boleh pakai. Kalau dijalankan undang-undang Islam, huru-hara akibah daripada kalimatul-kufuri dalam Islam, maka orang-orang PAS yang bertanggungjawab terpaksa memberi penjelasan supaya lidah seperti itu dapat ditahan dan kita tidak akan terjejas keimanan dengan

menceritakan. dengan perkataan, dengan niat dan perbuatan, dan itulah punca yang menyebabkan orang-orang UMNO serang balik, buat tuduhan mengatakan PAS mengkafirkan orang-orang UMNO.

Saya sudah beberapa kali dalam Dewan ini menyatakan kita orang PAS tidak pernah mengkafirkan sesiapa, tetapi kita ceritakan, kalau kita bercakap begini, kita buat begini, kita niat begini akan jadi rosak iman kita, bukan kepada orang UMNO, sesiapa pun atas nama orang Islam. Itu sahaja, tetapi UMNO ambil kesempatan menimbulkan masalah seperti yang disoal kelmarin sampai minta ayat dan kelmarin saya telah baca satu daripadanya, ayat itupun sudah cukup. Sebab politik dengan agama ini, Tuan Yang di-Pertua. ibarat gula dengan manis, bila boleh pisah gula dengan manis, tetapi bukanlah manis itu gula, tetapi gula mesti manis, bukan manis itu gula sebab manisan pun manis juga, cokelat pun manis juga, bubur pun manis juga, tetapi kalau gula wajib manis. Begitulah bila Islam mesti polttik tetapi bukanlah politik mesti Islam sebab ada politik yang tidak Islam seperti politik UMNO. Sebab itulah kita tentang.

Jadi, punca inilah sampai hari ini tidak habis-habis dan sengaja dibuat dan yang mendukacitakan kepada saya ialah pemimpin-pemirnpin yang terdiri daripada ahli agama dalam UMNO yang sengaja berdiam diri, sengaja beralah, takut tidak mendapat tempat, tidak hendak cuba untuk membetulkan keadaan yang sebenar untuk mengelak daripada perpecahan. Itulah masalahnya. Keduanya, dalam Hadis pun Rasulullah s.a.w. bersabda, dengan Hadis itu terang-terang Rasulullah s.a.w. bersabda di mana orang Bani Israel pada masa dahulu dipegang kuasa politiknya oleh para nabi-nabi. Bila sebut politik, kalau diertikan memerintah Kerajaan, maka dengan sendirinya Rasulullah s.a.w.

memerintah. Rasulullah s.a.w. ada Kerajaan, jadi bagaimana politik tidak boleh campur dengan agama. Saya harap ini tidak akan timbul lagi untuk masa akan datang dan jangan buat fitnah kalau kita mahu cari perpaduan dan untuk perpaduan itu kenalah masing-masing menjaga kenalah masing-masing menjaga kebenaran hidup. Itulah, Tuan Yang di-Pertua, sebagai tambahan daripada saya supaya tidak timbul lagi dan jangan mengada-ngada dengan perkara yang tidak ada.

Tuan Yang di-Pertua, saya harap Kerajaan mesti sedar hari ini dan hendaklah yakin bahawa kuasa tidak boleh menyelesaikan apa-apa masalah sekiranya keadilan tidak wujud bersama dan kebenaran diketepikan dengan sewenang-wenangnya. Masyarakat majmuk dan rakyat berbilang kaum bukan faktor yang utama yang menimbulkan huru-hara dan berlakunya jenayah-jenayah di dalam negara kita. Tetapi tindakan Kerajaan menyalahgunakan kuasa, mengenyepikan hak keadilan, menyekat hak demokrasi, menunjukkan kehausan nafsu liar dengan kuasa, itulah satu-satunya punca yang menimbulkan kegelisahan awam, khususnya anggota-anggota parti politik dari kami pembangkang yang sama-sama memikul tanggungjawab terhadap ummah dan negara. Kami tidak akan membiar dan berdiam diri dengan begitu sahaja, sekalipun, kami ditekan, ditindas, difitnah dan berbagai-bagai tindakan yang kami telah ambil sampai ke hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, kalau setakat kita hendak menjadi pakar doktor untuk mengubat penyakit tubuh dan kulit manusia secara lahir, maka saya mengakui Perdana Menteri kita ini pun doktor dan pernah membuka klinik bersama-sama isterinya yang seorang doktor juga, tetapi kalau mahu jadi seorang pakar doktor untuk mengubat penyakit rohani, penyakit masyarakat

dan penyakit ummah, maka saya minta Perdana Menteri kita jangan cepat mendabik dada, mengaku ianya pakar dalam bidang ini kerana ianya sendiri belum kenal lagi jenis-jenis penyakit rohani dan dia tidak boleh juga membuka klinik secara bebas, apa lagi untuk menawarkan ubat-ubat beracun kepada orang-orang yang sihat. Tetapi sayang, Tuan Yang di-Pertua, Perdana Menteri kita hari ini nampaknya bukan setakat hendak jadi pakar doktor rohani yang tidak berijazah, bahkan mahu menjadi pakar dalam bidang undang-undang pula padahal kita tahu, dia pun tahu dia tidak tahu. Dia mahu juga menyatakan dia tahu dan dia mahu cuba mengatakan PAS dan DAP sebagai cermin tetapi cermin gelap dan merajuk.

Sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, bukan cermin DAP dan cermin PAS yang gelap tetapi mata doktor sendiri kurang cerah dan kelabu, tidak nampak hendak melihat rupanya penyakit dan tidak kenal jenis penyakit tetapi berani mencabar sesiapa sahaja yang menegur dan menolak ubatnya. Alangkah rakus dan rapuhnya perasaan melulu. Kalau inilah cara dan amalannya, ayuh, jalankanlah semasa berkuasa ini, jangan tunggu hilang kuasa, jangan tunggu maut tiba, inilah peringatan saya atas dasar kolektif dan tanggungjawab bersama.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya, saya menentang Rang Undang-undang (Pindaan) ini. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat dari Simunjan.

*3.46ptg.*

**Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis (Simunjan):** Saya mengucapkan terima kasih atas peluang yang diberikan kepada saya untuk bersama-sama membahaskan Rang Undang-undang Ordinan Dharurat (Ketenteraman

Awam dan Mencegah Jenayah) 1969 dan saya dapati bahawa selama saya menjadi Wakil Rakyat di negara ini, di Dewan yang mulia ini, memang tidak pernah apa yang dikemukakan oleh pihak Kerajaan itu ditentang oleh Dewan dan jarang sekali ia gagal menjadi undang-undang sebagaimana yang dimaksudkan.

Sebenarnya inilah sistem kita dan cara kita dan hakikat itu perlulah kita terima dan saya bagi pihak rakyat yang diwakili oleh saya terpaksa menerima hakikat ini dan lantaran itu macam mana kita bercakap pun, macam mana kita menentang Rang Undang-undang ini pun, bagaimana banyaknya hujah yang kita kemukakan, namun akhirnya Rang Undang-undang begini rupa akan tetap diluluskan oleh Dewan yang mulia ini dan oleh pihak Kerajaan. Menyedari hakikat bahawa ianya akan tetap diluluskan tantaran penyokong-penyokongnya tetap berada untuk menyokong dan meluluskan Rang Undang-undang ini, saya bercakap hanya dalam konteks menyarankan kepada pihak Kerajaan dari segi pelaksanaannya.

Pertama, kalau sekiranya apa-apa tindakan yang akan diambil oleh pihak Kerajaan itu, dengan izin, "will not subject to review" oleh Mahkamah, dengan izin, maka sudah tentu apa yang harus dibuat oleh pihak Kerajaan, terutama sekali kakitangan Kerajaan dalam bentuk pegawai-pegawai Polis yang bertugas, hendaklah dilakukan penyiasatan yang rapi dengan bukti yang sejelas-jelasnya sebelum mengambil tindakan terhadap mereka yang disyaki terlibat dalam mana-mana aktiviti, kerana dosa yang ditanggung oleh kita sebagai umat manusia yang memimpin amatlah berat sekali andaikata orang yang ditangkap dan diambil tindakan oleh kita itu ialah orang yang sebenarnya tidak berdosa dan siapa yang hendak tanggung dosa itu.

Saya rasa kita semua tidak mahu berdosa. Sebab itulah saya menyarankan kepada pihak Kerajaan supaya sebelum tindakan diambil untuk "detain", dengan izin, untuk menangkap mereka itu, penyiasatan berasaskan kepada bukti-bukti yang jelas harus kita perolehi supaya dosa yang begitu berat tidak menimpa kita, terutama sekali pihak yang bertanggungjawab.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga terbaca, malah membaca semasa interogasi terhadap seorang yang ditangkap di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri di bawah Undang-undang Darurat ini yang juga jatuh di bawah "Operasi Api", sebagaimana disebutkan terhadap mereka terlibat di negeri Sarawak. Dalam masa interogasi itu kadang-kadang saya tidak percaya perkara ini boleh dilakukan oleh pegawai-pegawai penyiasat dan yang disuruh menginterogasi kalau sekiranya yang dilaporkan dalam affidavit Saudara Abdul Rahman Hamzah itu betul, entah penangkapan itu berasas atau tidak, saya tidak tahulah, tetapi dalam proses menginterogasi mereka ini apa yang dilakukan nampaknya begitu teruk dan kejam dan tidak boleh kita terima langsung. Misal kata contohnya: "I was ordered to masturbate (melancap) with soap provided while they watched". Ini teruk. Jadi, saya rasa kalau ini berlaku dan saya menyanjung tinggi jaminan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semalam bahawa mereka ini sedang disiasat dan pihak Kerajaan setelah menyiasat akan mengambil tindakan terhadap mereka yang melakukan penginterogasi yang saya sebutkan.

Satu lagi, dengan izin: "I was ordered to pretend I was having sexual intercourse with the floor while interrogators watched me". Benar atau tidak, tetapi kalau benar, memang

teruk. Jadi saya mohonlah pihak Kerajaan dan menyanjung tinggi jaminan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri supaya perkara seperti ini kalau telah berlaku akan disiasat dan tindakan diambil terhadap mereka yang bertanggungjawab menjalankan interogasi yang begini rupa. Sebab itulah saya kembali kepada saranan saya supaya yang ditangkap di bawah Undang-undang ISA ini haruslah diteliti. Memanglah sebagaimana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengatakan semalam bahawa kalau hendak siasat betul-betul, hendak cari bukti betul-betul maka memakan masa panjang, tetapi setidak-tidaknya kita tentukan supaya bukti itu jelas dan benar-benar menjamin kita bahawa apa tindakan yang kita ambil itu tidak akan memberi dosa kepada kita, tidak akan membeban kita dengan dosa yang tidak sepatutnya dibebankan kepada kita.

Satu lagi ialah kalau sekiranya tindakan pihak Eksekutif, pihak Kerajaan untuk menangkap sesiapa yang disangka terlibat itu betul dan tidak boleh dipersoalkan oleh pihak mahkamah maka sudah barang tentu saya rasa mereka ini kalau sudah ditangkap itu memang bersalah. Jadi, saranan saya ialah kalau sudah bersalah tidak sepatutnya mereka ini diinterogasikan lagi dalam penangkapan kerana interogasi yang dibuat itu hanya berdasarkan kepada hakikat bahawa tujuannya untuk menentukan sama ada mereka ini terbukti salah atau tidak. Jadi kalau sekiranya tindakan pihak Kerajaan untuk menangkap itu adalah tidak boleh direview oleh pihak mahkamah dan sebagainya, maka saya menyarankan supaya mereka ini dalam proses interogasi itu tidak sepatutnya diberi hukuman yang begitu berat. Ataupun secara jelas saya beritahu bahawa mereka ini tidak sepatutnya diinterogasikan lagi kerana ditangkap dan tidak siapa boleh mempersoalkan dan mereka itu adalah golongan yang sudah terbukti oleh

pihak Eksekutif, pihak Kerajaan sebagai golongan yang salah.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara yang saya ingin timbulkan ialah kita takut juga bahawa maklumlah kita ini semua manusia, pihak Kerajaan manusia, orang macam saya ini pun manusia, pihak Pembangkang pun manusia dan pegawai-pegawai yang ditugas untuk menangkap yang disangka terlibat dalam apa-apa jenis aktiviti darurat pun manusia, termasuk jugalah Perdana Menteri manusia juga dan Timbalan Menteri Dalam Negeri pun begitu juga. Jadi, kita ini tidak boleh tari daripada perasaan sebagaimana kita dilahirkan dengan perasaan manusia—emosi, perasaan benci, "vindictiveness" misai kata, "revenge" misal kata, memang ada. Jadi oleh kerana itu kadang-kadang kalau sekiranya kita berharap kepada pegawai-pegawai Polis untuk mengambil tindakan terhadap menangkap sesiapa yang kita fikir terlibat, pegawai Polis inipun kadangkala kalau mereka dianggap manusia ada juga yang bertindak mungkin mengikut hawa nafsu, benci kepada dia itu samar-samar sahaja tangkap terus. Jadi, kita takut ini berlaku. Kalau mereka itu melakukan ini, kemungkinan saya rasa kita menangkap orang yang tidak berdosa. Sebab itulah dalam agama Islam, Tuhan mengingatkan kita bahawa menghasut, memfitnah adalah lebih buruk daripada membunuh kerana dengan fitnah yang dibuat oleh pegawai-pegawai itu mungkin akan membawa kepada seorang yang ditangkap itu menghadapi bermacam-macam tuduhan walaupun dia sebenarnya tidak berdosa. Ini saya takut bukan ini berlaku, tetapi saya takut ini akan berlaku.

Satu lagi ialah kita ini disarankan oleh Allah s.w.t. untuk berlaku adil kepada sesiapa sahaja dan tidak terburu-buru untuk mengambil

tindakan terhadap sesiapa yang kita sangka. Misal kata, dalam Al-Quran Allah telah berfirman kepada Nabi Daud a.s. yang bermaksud:

"Hai Daud, kami menjadikan engkau sebagai khalifah di muka bumi, sebab itu hendaklah engkau menghukum antara manusia dengan keadilan ataupun kebenaran dan janganlah engkau turut hawa nafsu, nanti ia menyesatkan engkau dari jalan Allah s.w.t."

Jadi, ada dua maksudnya. Pertama, kita hendaklah menghukum dengan adil. Kedua, jangan kita mengambil tindakan terhadap sesiapa berasaskan semata-mata hawa nafsu kerana kalau kita melakukan sesuatu berasaskan hawa nafsu maka akibatnya bukan hanya akan menimpa orang yang diambil tindakan itu ke atasnya, tetapi menimpa ke atas kita sendiri.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya berharap dalam proses melaksanakan Rang Undang-undang ini yang sudah tentunya akan diluluskan oleh pihak Kerajaan, saya berharap pihak Kerajaan mengambil perhatian terhadap saranan saya tadi ialah supaya, pertama diberi penelitian yang sewajarnya berasaskan kepada bukti-bukti yang nyata agar pihak yang dipertanggungjawabkan untuk menangkap sesiapa sahaja yang difikirkan terlibat dalam mana-mana aktiviti yang dianggap mengakibatkan darurat di negara kita ini adalah diambil tindakan berasaskan bukti-bukti yang sebenarnya sebelum ditangkap ataupun diambil tindakan terhadap mereka, kerana kita takut sesiapa sahaja ditugaskan untuk menangkap, menyasat dan sebagainya kita takut nanti mereka ini didorong oleh hawa nafsu mereka, maklumlah kita ini manusia.

Yang keduanya supaya mereka yang ditangkap ini oleh kerana tidak lagi dibenarkan pihak mahkamah untuk review, dengan izin, akan tindakan

pihak eksekutif dan pihak Kerajaan supaya interogasi yang sepatutnya dilakukan dihapuskan sama sekali kerana mereka ini sudah ditangkap dan terbukti salah, jadi tidak perlu lagi kita interogasi mengambil tindakan apa-apa semasa mereka itu dalam tahanan.

Tuan Yang di-Pertua, itu sahaja hujah daripada saya. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat dari Kuala Terengganu.

*4.01 ptg.*

**Tuan Zubir bin Embong (Kuala Terengganu):** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi peluang kepada saya untuk turut sama membahaskan Ordinan Darurat (Ketenteraman Awam dan Mencegah Jenayah) 1969. Adalah satu perkara yang wajar kalau saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang juga Menteri Dalam Negeri dengan berani, cara yang bijaksana membentangkan pindaan kepada Ordinan Darurat ini.

Kepada saya tindakan beliau ini menggambarkan beliau sebagai seorang ideologist. Ideologist dalam pengertian yang diberikan oleh Al-Marhum Dr Ali Sharyati dalam bukunya yang bertajuk Peranan Cendekiawan Muslim. Al-Marhum Dr Ali Sharyati mentakrifkan ideologi sebagai suatu gagasan, tindakan dan pendapat. Apabila setelah dikaji serta melihat masalah sosial, masalah politik, masalah pendidikan, masalah ekonomi yang menentukan status quo sesuatu keadaan dan negara di mana kelihatan ia memerlukan suatu tindakan untuk menukarkannya bagi manjamin kedudukan yang lebih baik, bukan sahaja pada masa itu bahkan juga pada masa yang akan datang. Oleh itu, saya melihat bahawa tindakan yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ini suatu

tindakan yang berani, bersifat ideologist sebagaimana yang disebut oleh Dr Ali Sharyati itu meskipun terpaksa berhadapan dan menghadapi risiko tinggi terhadap politik, parti Barisan Nasional yang memerintah pada masa kini dan insya Atlah pada masa-masa yang akan datang. Risiko politik yang tinggi khususnya juga kepada UMNO yang menjadi tulang belakang kepada parti Barisan Nasional apatah lagi dalam suasana sekarang yang ada beberapa parti politik Pembangkang yang tidak bertanggungjawab seperti DAP dan PAS yang kerjanya tidak ada lain menanggung di air keruh, mengaut keuntungan daripada suasana yang ada, mengeksploitasi dan memanipulasi, yang betul diputar belitkan sehingga ianya kelihatan tidak betul di mata rakyat dan orang ramai.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Dan ini memang bedaku, sikap yang tidak bertanggungjawab ini adalah semata-mata kerana DAP dan PAS tidak mempunyai apa-apa modal. Maka terpaksa mereka mengambil suasana yang ada untuk dijadikan sebagai modal dan memutar belitkan suasana untuk ia kelihatan kepada rakyat sebagai suatu perkara yang tidak betul dan harus ditentang.

Tuan Yang di-Pertua, sepatutnya peranan parti Pembangkang sebagaimana yang disebut oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri seharusnya constructive bukannya destructive. Tetapi malangnya dan wajarlah kalau disebut bahawa parti Pembangkang yang ada di negara kita ini seperti parti Pembangkang kalau diibaratkan sebagai cermin kata Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, cermin yang pecah di mana Kerajaan tidak dapat menggunakannya sebagai garis panduan atau tempat untuk mendapat pandangan bagi membaiki kelemahan yang dilakukan oleh

Kerajaan ataupun menguatkan di mana ada kelemahan, memperbaiki di mana ada kesilapan tetapi oleh kerana untuk mendapat political mileage sebagaimana yang saya katakan tadi maka terpaksa golongan parti Pembangkang ini menggunakan apa-apa sahaja modal yang ada. Meniupkan semangat perkauman, membangkitkan semangat perkauman dan DAP kalau kita mahu ambil contoh sebagaimana ditunjukkan oleh Ketua parti Pembangkang Yang Berhormat dari Tanjong, saya telah membaca ucapan beliau dalam dua jilid buku, ucapan di Parlimen, satu yang dinamakan "Time Bomb in Malaysia", yang kedua "Crisis of Identity". Sedikit pun tidak cuba mengatakan bahawa apa yang dilakukan oleh Kerajaan itu betul dan boleh dikatakan semua yang dilakukan oleh Kerajaan itu salah dan tidak ada yang benar, dan inilah contoh bagaimana rendahnya akal budi parti Pembangkang di negara kita.

Kelmarin ketika membahaskan Akta Keselamatan Dalam Negeri, sering membangkitkan soal hak asasi manusia yang pada pendapat saya hak asasi manusia ini merupakan suatu impian yang hanya ada dalam fikiran golongan mereka yang dilatih sebagai peguam dan sebenarnya ia tidak wujud dalam alam nyata sebagaimana yang dikehendaki oleh idealisme undang-undang itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, apabila golongan parti Pembangkang mengambil peluang dan meniupkan semangat perkauman dan dilihat bahawa sikap dan perubahan itu boleh mengancam keselamatan negara, mereka pun ditangkap dan memang wajar mereka ditangkap kerana perbuatan yang sedemikian. Dan apabila mereka ditangkap dan mereka dimasukkan di Pusat Tahanan Kamunting, mereka telah mempergunakan beberapa kawan-kawan mereka yang ada di luar dengan

berbagai-bagai cara sehingga sampai ke Parlimen ini soal isu tahanan, politik itu dibangkitkan dari masa ke semasa walaupun isu yang sedemikian menjadi sudah basi. Oleh kerana sudah begitu desperate, dengan izin.

**Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat.

**Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Saya minta jalan.

**Tuan Zubir bin Embong:** Sila.

**Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Bolehkah atau tidak diberikan kepada saya contoh ataupun isu-isu parti Pembangkang ini yang membangkitkan soal-soal ketenteraman awam sehingga menjadikan masalah kepada negara sebagaimana yang diucapkan tadi, saya tidak berapa fahamlah. Terima kasih.

**Tuan Zubir bin Embong:** Tuan Yang di-Pertua, sekolah Cina yang merupakan purely administrative sebagai suatu perkara pentadbiran boleh diselesaikan dengan secara pentadbiran tetapi dipergunakan oleh golongan DAP, ini sebagai contoh.

Oleh kerana mereka terlalu desperate boleh ditangkap kerana perbuatan yang sedemikian mereka pun mengadakan mogok lapar. Mengerahkan beberapa pengikut-pengikut mereka yang buta walaupun celek tetapi tidak tahu hakikat yang sebenarnya sebelum daripada mogok mereka lebih dahulu berjamu selera makan pagi, mogok lapar yang tidak lapar, kononnya mahu dilepaskan daripada Pusat Tahanan Kamunting itu. Apakah ini sikap pemimpin? Seperti Yang Berhormat dari Kota Melaka, Yang Berhormat dari Pasir Pinji, Yang Berhormat dari Tanjong, Yang Berhormat dari Jelutong serupa sahaja!

**Tuan Lau Dak Kee:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat dari Pasir Pinji bangun.

**Tuan Zubir bin Embong:** Okay.

**Tuan Lau Dak Kee:** Yang Berhormat katakan mogok lapar itu buat sia-sia sahaja. Ini mogok lapar ada berkaitan dengan. . . . .

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat pandang ke sini.

**Tuan Lau Dak Kee:** Terima kasih. Mogok lapar ini benar berlaku di Kem Tahanan Kamunting. Ini berasalkan kami telah ditahan tanpa perbicaraan. Dan saya hendak meminta penjelasan kalau sebagai rakyat Malaysia yang menyuarakan hak asasi manusia, adakah ini salah? Kalau tidak, mengapa Yang Berhormat tadi kata hak asasi ini hanya bagi segelintir orang-orang yang tahu hak asasi sahaja, kebanyakan tidak tahu, tetapi ini benar wujud. Hak asasi adalah satu hak diberikan kepada sesiapa tanpa mengira kulit, agama, kedudukan atau kewarganegaraannya. Hak asasi memang ada wujud dalam United Nations' Human Rights Charter.

**Tuan Zubir bin Embong:** Tuan Yang di-Pertua, dengan menangkap dan dengan tertangkapnya pemimpin-pemimpin DAP dan dimasukkan ke dalam kem tahanan politik, ertinya Perdana Menteri telah pun menjamin hak asasi manusia di negara ini. Hak asasi bukan hanya untuk pemimpin-pemimpin DAP yang ditangkap tetapi juga untuk jutaan rakyat di Malaysia. Apa akan jadi sebagaimana yang telah terjadi dalam tahun 1969? Apakah perkara-perkara itu mahu diulangi lagi? Apakah mereka tidak sedar perbuatan mereka, percakapan mereka, tindakan mereka, pemikiran mereka boleh mencetuskan huru-hara

di negara ini? Kita tidak mahu melihat peristiwa berdarah 1969 berulang kembali bahkan kita tidak mahu sebut pun perkara itu? Tetapi perbuatan pemimpin-pemimpin DAP yang hendak dikatakan tidak ada akal, memang berakal, hendak dikatakan tidak bersekolah, memang bersekolah. Sudah jadi lawyer, bermacam-macam. Tetapi sebenarnya. . . . .

**Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Minta jalan. Adakah maksud Yang Berhormat dari Kuala Terengganu tadi, 13 Mei itu disebabkan oleh DAP?

**Tuan Zubir bin Embong:** Mungkin. Sejarah meneliti perkara itu dan malangnya saya pada waktu itu berumur hanya 15 tahun sama dengan Yang Berhormat dari Marang, belum erti apa-apa hanya baca buku sahaja. Apakah kita mahu peristiwa itu berlaku untuk kali yang kedua? Maka dengan sebab itu saya ucap tahniah kepada Kerajaan yang berani menangkap, yang berani menahan golongan ini kerana mahu menyelamatkan jutaan rakyat di negara kita.

**Tuan Lau Dak Kee:** Tuan Yang di-Pertua. . . . .

**Tuan Zubir bin Embong:** Apakah ertinya keadilan, kalau jutaan rakyat di Malaysia ini lidak terselamat. Hanya mahu menyelamat dua, tiga kerat pemimpin-pemimpin yang tidak bertanggungjawab. Barulah kena.

**Tuan Lau Dak Kee:** Tuan Yang di-Pertua, menurut ucapan Yang Berhormat tadi itu dikatakan mungkin DAP yang menimbulkan kekacauan pada 13 Mei, 1969. Kalau Yang Berhormat itu cakap dalam Dewan yang mulia ini jangan gunakan mungkin, tetapi isi kandungan tetap ada, tetap menunjukkan Parti DAP yang menimbulkan kekacauan itu. Kalau Yang Berhormat berani sebagai seorang lawyer nyatakan luar daripada

Dewan ini dan buktikan DAP adalah bersangkutan dengan itu, bukan UMNO Youth.

**Tuan Zubir bin Embong:** Kalau begitulah ucapannya memanglah betul DAP yang terlibat dalam tahun 1969. Saya kembali kepada soal mogok lapar. Mogok lapar yang tidak lapar inilah suatu mogok yang ada di negara kita. Yang saya tahu mogok itu tidak bekerja. Tetapi ini mogok lapar tetapi makan. Bagaimana mahu dikatakan mogok lapar. Kepada saya perbuatan mereka ini tidak lebih sebagai satu sandiwara. Sandiwara yang menggeli hati dan mereka ini morally corrupted and politically highly irresponsible.

**Tuan Lau Dak Kee:** Ulang di luar Parlimen ini maka DAP boleh ambil tindakan terhadapnya.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat, Yang Berhormat dari Pasir Pinji.

**Tuan Zubir bin Embong:** Tunggu, time will come, dengan izin. Tuan Yang di-Pertua, apabila bercakap soal demokrasi kepada pemimpin-pemimpin Pembangkang ini mereka mahu absolute freedom. Tidak ada yang tidak boleh dibuat, mesti semuanya boleh dibuat. Kalau tidak benar, tidak demokratik. Kalau tidak beri, tidak demokratik, sehingga kita menjadi keliru apakah ertinya demokrasi yang sebenar. Sebenarnya golongan yang tidak bertanggungjawab ini memperjuangkan demokrasi dari segi bentuk "fault", tetapi Kerajaan memperjuangkan demokrasi dari segi substance kandungan yang mesti ada dalam demokrasi. Apakah kandungan yang mesti ada dalam demokrasi?

Tidak ada ertinya negara ini kalau mengamalkan demokrasi tetapi rakyat masih papa kedana, tidak ada tempat tinggal, tidak cukup makan, tidak ada pakaian dan mereka tidak mempunyai

peluang untuk belajar. Anak-anak mereka tidak mempunyai peluang tidak belajar di sekolah. Tidak ertinya demokrasi pada kita. Tetapi hari ini Kerajaan dengan cara yang bersungguh-sungguh memberikan ini semua, melakukan ini semua, tetapi Parti Pembangkang tidak pernah menyatakan apa yang dilakukan oleh Kerajaan itu sebagai betul. Inilah menggambarkan sikap yang tidak bertanggungjawab. Sekolah Cina ada dibenarkan dan diberi bantuan, sekolah Tamil ada diberi bantuan.

**Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar:**

Tuan Yang di-Pertua, minta jalan. Adakah maksud Ahli Yang Berhormat dari Kuala Terengganu itu DAP tidak memperjuangkan soal kemiskinan, soal kemelaratan hidup di desa-desa, adakah ini diberikan peranan dan tanggungjawabnya kepada Kerajaan sahaja di mana DAP ini hanya bercakap bising sahaja di dalam Dewan seperti Ahli Yang Berhormat dari Pasir Pinji atau dua, tiga orang lagi? Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat tidak payah jawab itu.

**Tuan Zubir bin Embong:** Okay, tidak payah, Yang Berhormat dari Marang. Tuan Yang di-Pertua, kita memperjuangkan demokrasi dari segi substance, dari segi kandungan. Sebab itu hari ini tidak ada orang pun yang boleh mengungkit dan mengatakan kepada Kerajaan yang ada pada hari ini bahawa anak-anak mereka tidak mempunyai peluang untuk pergi ke sekolah sebab daripada sekolah rendah sampai ke sekolah menengah mereka diberi pelajaran percuma. Apakah DAP pernah menyokong perbuatan yang sedemikian? Ini satu sikap yang tidak bertanggungjawab. Kalau tangkap sedikit, tidak demokrasi. Tidak benar sedikit, tidak demokrasi. Apa yang diperjuangkan oleh DAP

semata-mata berbau perkauman. Satu sikap yang terlalu sempit dalam sebuah negara yang mengamalkan demokrasi yang terdiri dari berbagai-bagai kaum dan bangsa. Kita tahu bahawa mereka mampu memamkan emosional masyarakat Cina. Membakar emosi masyarakat Cina. Kita tahu kerana mereka tidak bertanggungjawab, mereka tidak ikhlas dan mereka tidak jujur untuk membangunkan negara ini untuk faedah bukan sahaja jenerasi sekarang bahkan juga jenerasi yang akan datang, jenerasi yang masih kecil pada masa sekarang hendak mewarisi negara ini. Mereka tidak ikhlas dan saya cabar pemimpin-pemimpin DAP menafikan apa yang saya katakan ini kalau mereka itu benar-benar ikhlas dan jujur.

**Tuan Lau Dak Kee:** Bila-bila nafi. Cakapan ini tidak benar. Kalau apa. . . .

**Tuan Zubir bin Embong:** Tuan Yang di-Pertua, di bawah Order mana dia bangun dan berdiri bercakap ini? Di bawah Order mana? Kalau dia faham peraturan, tentu dia minta izin dahulu.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat dari Pasir Pinji.

**Tuan Lau Dak Kee:** Saya minta penjelasan.

**Tuan Zubir bin Embong:** Kalau minta penjelasan, kalau saya beri jalan, baru boleh beri penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Nanti Yang Berhormat.

**Tuan Lau Dak Kee:** Bukan Yang Berhormat beri, Tuan Yang di-Pertua beri. Bukan Yang Berhormat beri.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat minta penjelasan?

**Tuan Zubir bin Embong:** Kalau bodoh, bodohlah.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Benarkah Yang Berhormat?

**Tuan Zubir bin Embong:** Tidak benar. Tidak beri, duduk!

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat dari Pasir Pinji, duduk!

**Tuan Zubir bin Embong:** Tuan Yang di-Pertua, kalau partinya faham peraturan dia tidak bangun bercakap terus, dia tentu minta izin dengan saya dahulu. Jadi minta izin seperti Ahli Yang Berhormat dari Marang tahu peraturan. Memang betulah seperti kata Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, memang kata DAP memerintah, barang dijauhi Allah, huru-hara negara ini. Kerana dia perintah tidak ada peraturan. Dalam Dewan ini pun peraturan yang begitu kecil pun dia tidak boleh patuh, bagaimana dia boleh mematuhi peraturan-peraturan yang lebih besar daripada ini.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Bolehkah kita balik kepada Ordinan Darurat, Yang Berhormat?

**Tuan Zubir bin Embong:** Ya, I am coming to it, dengan izin. Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana yang sedemikianlah suatu kumpulan bijak pandai telah berkumpul di kota Tokyo dalam tahun 1974 yang terdiri dari cendekiawan daripada berbagai-bagai negara dan mereka melahirkan rasa susah hati terhadap perkembangan yang berlaku di negara-negara yang mengamalkan demokrasi yang mereka istilahkan kebimbangan mereka ini sebagai excessive democracy.

Saya melihat apa yang dilakukan dan berlaku di negara kita ini kalau

Kerajaan tidak menguatkuasakan dan mengimbangi serta menjaga akan berlaku satu budaya yang disebut sebagai excessive democracy. Kalau berlaku excessive democracy dan sekarang ini sedang cuba dipelopori oleh parti Pembangkang terutama Parti DAP dan juga PAS walaupun cuma seorang tetapi masih kuat suaranya. Saya akan memberi jawapan, hendak membuat reply, dengan izin, apa yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa dan saya minta dia tunggu untuk mendengar hujah-hujah saya atas soal apa yang telah disebutkan soal antara tidak ada hubungan antara agama dan politik. Saya akan menjawab soalan itu. Tunggu.

Tuan Yang di-Pertua, apabila kita mengkaji soal demokrasi kita harus kembali kepada keadaan yang ada di negara kita ini kerana kepentingan orang Melayu sebagai peribumi, kepentingan orang Cina, kepentingan orang India, ketiga-tiga bangsa, ketiga-tiga kaum ini mempunyai kepentingan yang bertentangan di antara satu sama lain daripada sejarah, daripada budaya, daripada bahasa dan pemikiran yang ada kalangan ketiga-tiga bangsa ini.

Bagaimana kita mahu harmonikan kepentingan ketiga-tiga kaum ini. Tidak dapat tidak kita melihat demokrasi adalah cara yang terbaik, lalu kita letakkan kepentingan negara yang didiami oleh ketiga-tiga kaum ini sebagai kepentingan yang teratas, bukan kepentingan bangsa-bangsa yang ada di negara ini. Sebab itu saya katakan bahawa demokrasi ini bukanlah matlamat kita. It is not our goais, it is not our aim, dengan izin, tetapi demokrasi adalah merupakan, it's a means, suatu cara atau kaedah untuk membangunkan negara ini bagi faedah semua orang, untuk memanfaatkan negara ini bagi faedah semua kaum. Maka kalau demokrasi sudah tidak boleh berfungsi sebagai

suatu alat yang boleh membangunkan negara, yang boleh mendatangkan kebaikan kepada semua rakyat maka tidak ada ertinya diamalkan demokrasi. Nampaknya pemimpin-pemimpin DAP tidak melihat perkara ini dan memang dia buta, buta hati, Tuan Yang di-Pertua.

Semalam kita dengar Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa, dia kata Kerajaan sekarang terutama Perdana Menteri ini tidak percaya kepada hakim dan menarik kuasa daripada hakim. Saya hendak bertanya dia hari ini dia erti atau tidak apa ini pindaan Ordinan Dararut ini yang kita kata macam itu? Sebenarnya walaupun pindaan ini tidak dibawa, saya hendak beritahu kepada Ahli Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa, walaupun pindaan ini tidak dibawa memang hakim dan mahkamah telah menafikan bahawa mereka tidak mempunyai hak untuk campurtangan dalam soal-soal ini. Sebab itu dalam kes Theresa Lim Chin Chin vs. Inspector General of Police (IGP) yang dilaporkan dalam MLJ (Malayan Law Journal) 1988 Vol. 1 mukasurat 298, Salleh Abas, Lord President, kes ini diputuskan oleh Mahkamah Agung, dan Salleh Abas dengan terang telah mengatakan bagi pihak mahkamah, saya baca dalam bahasa Inggeris:

"In a proceeding like the present one where both the Legislature and Executive acts under it are challenged, our duties are not to substitute our decision for that of the Executive. We are only concerned with the procedural aspect of the exercise of Executive's discretion. We have no interest nor desire to embark upon trespassing into the domains of the Legislature or the Executive. In a democratic society in which the government is not absolute but a limited one there is a duty on the part of the Executive to act with fairness and follow a fair procedure".

Saya tidak nampak pindaan ini untuk menarik kuasa hakim. Bahkan hakim

pada awal-awal lagi sudah mengatakan bahawa mereka tidak mempunyai kepentingan, mereka tidak boleh melakukan sebagaimana yang diminta oleh parti Pembangkang, bahkan pindaan ini untuk menguatkan tagt supaya rakyat tidak memandang serong kepada sistem kehakiman di negara kita, tidak mengatakan bahawa hakim ini berat sebelah menyokong Kerajaan pada setiap masa. Sebab itu dibuat pindaan ini supaya lebih jelas, bukan jelas dari segi niat parlimen sahaja, bahkan jelas dari segi bahawa hakim tidak boleh bertindak kerana dia sudah mengakui sebagaimana yang disebutkan di dalam kes ini. Ahli Yang Berhormat dari Jelutong tentu tahu bahawa kes ini pun menurut satu kes yang telah diputus terdahulu daripada ini, atas doktrin by means of precedent, duluan mengikat dan disebutkan dalam kes Karam Singh, tetapi saya tidak nampak bagaimana Ahli-ahli Parti Pembangkang DAP terutamanya keliru. Itulah yang sebab saya katakan bahawa mereka memutarbelitkan isu, yang sepatutnya tidak boleh diputarbelit tetapi kerana mahukan political mileage. political advantage, lalu diputarbelitkan isu ini dengan harapan bahawa rakyat akan menyokong mereka, lalu digunakan perkataan-perkataan seperti dictator, dia pun tak tahu apa itu dictator, dia sebut sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, kalau Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa bercakap semalam seolah-olah dia pun tidak tahu, saya memang tahu dia tak tahu. Kalau dia tahu memang dia tak cakap macam itu, maka logiklah juga kalau dia menimbulkan isu soal kafir mengkafir, soal tidak ada hubungan antara agama dan politik. Sebenarnya mereka ini salah konsep. Saya mesti menerangkan perkara ini untuk menjawab apa yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa.

**Saya kira Ahli Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa tersalah sebut, kita**

tidak pernah pun kata bahawa tidak ada perhubungan antara agama dan politik. Bukan sekadar itu kerana agama itu, agama Islam merupakan addin, bukan hanya sekadar politik, bahkan ekonomi, bahkan budaya, bahkan sosial, apa lagi semuanya itu termasuk yang disebut sebagai a complete civilization, sebagai suatu peradapan yang sempurna. Bukan kata saya. tetapi kata Hamilton Bib berkata, "Islam is not merely a religion but it is a complete civilization," dengan izin. Suatu peradapan yang sempurna, bukan hanya sekadar politik dan ini sudah dimengerti oleh semua orang yang mengaku dirinya Islam. Tetapi oleh kerana PAS ini sudah tidak ada moral, terpaksa mempolitikkan juga perkara ini.

Saya kita dia terkeliru dengan istilah the separation between church and the state, secularism yang timbul dari pemikiran barat dan ia tidak pernah timbul dalam pemikiran orang-orang Melayu, Kita tidak pernah berkata God is dead, kita tidak pernah berkata Tuhan itu sudah mati, setiap apa yang kita buat masih mengingatkan bahawa Allah itu ada dan apa yang kita lakukan ini semuanya dikira. Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa sudah salah faham. Kalau dia tidak tahu apa dia itu secularism jangan dia sebut. Tidak pernah pun Kerajaan yang ada pada hari ini, pemimpin-pemimpin UMNO yang ada pada hari ini berkata: render unto Caesar what is Caesai's, render unto God what is God's. Tidak pernah berkata. Yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa apabila menyebut Islam itu ia hanya nampak potong tangan, rejara, rotan. Itu sahaja yang dia nampak apabila menyebut Islam, Apakah memberi pendidikan itu tidak termasuk apa yang disuruh oleh Islam? Apakah membasmi kemiskinan itu tidak termasuk apa disuruh oleh Islam?

Saya hendak dengar Yang Berhormat Pengkalan Chepa jawab. Diam pasal apa?

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Jangan usik dia, Yang Berhormat.

**Tuan Zubir bin Embong:** Saya bukan usik, tanya sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Tidak boleh tanya.

**Tuan Zubir bin Embong:** Maka dengan sebab itu walaupun percampuran antara orang-orang Melayu Islam dengan orang-orang bukan Melayu untuk maksud pemerintahan negara ini maka kita kena ingat, dalam ayat Al-Quran ada berkata. Dia suruh saya terjemah, boleh saya terjemah?

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Sila.

**Tuan Zubir bin Embong:** "Kalaulah tidak dengan rahmat Allah, nescaya hati engkau tidak akan lembut terhadap mereka. Kalau kamu keras pedal, nescaya mereka akan lari dari kamu. Oleh itu berilah keampunan kepada mereka. Berikhtifarlah bagi pihak mereka. Bermusyawarahlah dengan mereka dalam satu-satu perkara. Dan apabila telah kamu berazam dan bercita-cita maka serahkanlah kepada Allah s.w.t. kerana Allah itu kasih kepada mereka yang bertawakal kepadanya".

Ini dia konsep yang dibawa oleh UMNO bukan sebagaimana PAS. PAS tidak mahu bekerjasama dengan orang lain tetapi apabila dilihat bahawa kerjasama itu sebenarnya boleh membawa manfaat kepada negara, kepada agama, kepada bangsa barulah dia sedar dan baru mula bekerjasama dengan orang-orang bukan Melayu. Sebab itulah wujudnya pakatan CCC dalam tahun 1986, dan rakyat mengerti tentang sandiwara itu. Akhirnya oleh kerana CCC itu sudah tidak ada, CCC

sudah tidak laku, maka dia sudah mula berjinak-jinak dengan DAP. Malang, saya tidak tahu kepada kita orang-orang Melayu Islam, kepada orang-orang UMNO, dia kata kita ini tidak guna, dia kata kita ini kafir, dia kata kita ini macam-macam. Tetapi dengan DAP yang ternyata anti, bukan sekadar anti-Melayu tetapi anti-Malaysia, anti negara ini kerana dia tidak mahu membangun negara ini sebagaimana dalam hujah saya terdahulu daripada ini. Kalau Yang Berhormat dari Kota Melaka hendak jawab, jawab!

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat berapa lama lagi?

**Tuan Hu Sepang:** (*Bangun*)

**Tuan Zubir bin Embong:** Itu dia bangun. Hendak apa?

**Tuan Hu Sepang:** Minta penjelasan.

**Tuan Zubir bin Embong:** Boleh. Kalau Yang Berhormat dari Rasah, okay.

**Tuan Hu Sepang:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin hendak tahu dari Ahli Yang Berhormat dari Kuala Terengganu kenapa beliau begitu hangat hari ini, adakah kerana beliau baru kalah dalam pilihanraya kecil Teluk Pasu (*Ketawa*), dekat kawasannya sebab itu beliau sangat bimbang. Ini saya mahu taulah. (*Ketawa*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Itu bukan penjelasan, Yang Berhormat.

**Tuan Zubir bin Embong:** Saya tidak tahu behau seorang lawyer, Tuan Yang di-Pertua, sama ada perkara ini relevant atau tidak saya tidak tahu.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Tidak relevant.

**Tuan Zubir bin Embong:** Perlu dijawab, Tuan Yang di-Pertua?

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Tidak perlu.

**Tuan Zubir bin Embong:** Tidak perlu. Saya oleh kerana Tuan Yang di-Pertua kata tidak perlu jawab saya tidak mahu jawab soalan ini. Saya minta maaf kepada Yang Berhormat dari Rasah.

**Tuan Lim Guan Eng:** (*Bangun*)

**Tuan Zubir bin Embong:** Ya, Yang Berhormat dari Kota Melaka anak Yang Berhormat dari Tanjong. Sila.

**Tuan Lim Guan Eng:** Minta penjelasan. Saya rasa sama ada pemimpin-pemimpin DAP setia atau tidak kepada negara Malaysia tidak boleh dipertikaikan lagi. Apabila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menyalahgunakan kuasanya di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri untuk menahan kami, kami tidak lari seperti pemimpin MCA, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan yang lari ke Australia. Kami rela menghadapi apa-apa tindakan yang diambil oleh Kerajaan Malaysia. Saya hendak bertanya sama ada Yang Berhormat dari Kuala Terengganu rmenyokong tahanan yang dibuat oleh Kerajaan terhadap Yang Berhormat Menteri Pendidikan.

**Tuan Ong Tee Keat:** Point of order.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat, peraturan nombor berapa?

**Tuan Ong Tee Keat:** Tuan Yang di-Pertua, point of order 36 (6) sangkaan jahat ke atas ahli lain. (*Tepuk*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Itu secara am, Yang Berhormat.

**Tuan Zubir bin Embong:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingat anak Yang Berhormat dari Tanjong ini cerdik macam ayah dia, tetapi rupanya tidak macam ayah dia. Jadi, tidak boleh katalah "like father, like son".

**Tuan Hu Sepang:** Ini sangkaan jahat. Peraturan Mesyuarat 36 (6). (*Ketawa*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Saya bersetuju Yang Berhormat. Jangan timbulkan perkara itu.

**Tuan Zubir bin Embong:** Saya kata apa?

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Jangan Yang Berhormat gunakan perkataan "like father, like son".

**Tuan Zubir bin Embong:** Yalah, sebab ayah dia Yang Berhormat dari Tanjong. Tidak betul?

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Itu tidak payah, Yang Berhormat.

**Tuan Zubir bin Embong:** Betullah itu. Cuma yang dia itu Yang Berhormat dari Tanjong, yang ini Yang Berhormat dari Kota Melaka. Serupa sahaja. Dari segi Yang Berhormat sama taraf. Saya hendak jawab soalan dia.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat sudah bercakap lebih kurang 40 minit.

**Tuan Zubir bin Embong:** Oleh kerana banyak gangguan, Tuan Yang di-Pertua, kalau tidak saya entertain gangguan ini, saya tidak dianggap. . . . .

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Tidak payah entertain Yang Berhormat, kalau Yang Berhormat tidak hendak.

**Tuan Zubir bin Embong:** Saya hendak menjelaskan. Okay, saya jawab sekarang. Saya kira Yang Berhormat dari Kota Melaka ini tidak nampak dengan mata, buta hati, buta telinga. Apakah yang dibuat oleh Yang Berhormat dari Puchung ketika pergi ke luar negeri meminta supaya GSP dibatalkan. Siapa yang menanggung? Bukankah ribuan pekerja yang berpendapatan rendah di Malaysia ini, bukan sahaja orang Melayu, bahkan Cina bahkan India. Apakah ini satu sikap yang menunjukkan setia kepada negara.

Begitu juga Yang Berhormat daripada Bukit Bintang pergi ke Australia, menghentam Kerajaan Malaysia kerana penggunaan Akta Keselamatan Dalam Negeri. Tetapi saya hendak tanya Yang Berhormat dari Kota Melaka pernahkah Yang Berhormat memikirkan apa yang dilakukan oleh Kerajaan Australia terhadap bumiputera Australia sekarang ini? Di mana dia soal human rights yang awak katakan, yang kamu katakan selama ini yang merupakan satu right yang universal? (*Diganggu*) Apa dia?

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat jangan berdialog.

**Tuan Zubir bin Embong:** Saya tidak berdialog tetapi dia pandang kepada saya. Satu macam punya pandang. (*Ketawa*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Jangan pandang ke sana, Yang Berhormat. Lebih baik kalau Yang Berhormat pandang ke mari. Tidak susah begitu.

**Tuan Zubir bin Embong:** Inikah dia contoh-contoh pemimpin yang katakan "I love Malaysia", saya cintakan negara ini, di sini saya lahir, di sini saya

mahu mati! Inikah dia contohnya? Inikah dia contoh pemimpin DAP yang hendak tunjuk kepada generasi muda Malaysia. Ini sebagai contoh? Tidak mungkin. Kita, walaupun betul, walaupun ada tindakan dalam negara kenapa kita bawa soal rumahtangga kita ke luar negeri sebagaimana yang dilakukan oleh Yang Berhormat dari Bukit Bintang. Pasal apa kita laungkan soal rumah-tangga kita, soal negara kita kepada orang luar, apa yang mereka faham dengan negara Malaysia? Saya hendak tanya kepada Yang Berhormat dari Kota Melaka. Kita mempunyai tiga bangsa, itu telah saya katakan tadi yang berlainan budaya, berlainan bangsa, berlainan keturunan, berlainan agama. Apakah mudah untuk kita tadbirkan sebuah negara dengan tiga bangsa yang berlainan ini? Dia tidak mengerti itu. Kalau negara ini Cina semua, memanglah senang cakap. Kalau Melayu belaka, senang cakap. Kalau India semua, senang cakap. Kita berlainan keturunan, berlainan bahasa, berlainan agama.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat, ada banyak lagi?

**Tuan Zubir bin Embong:** Ada lagi. Ini sampai pukul 10.00 malam, panjang.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Tidak boleh, Yang Berhormat.

**Tuan Zubir bin Embong:** Nanti, beri dahulu 10 minit.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Saya beri 5 minit lagi.

**Tuan Zubir bin Embong:** Now I am going to complete. . . . .

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** 5 minit lagi, Yang Berhormat.

**Tuan Zubir bin Embong:** Sebab itu saya hendak ingatkan kepada. . . . .

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Saya faham, tetapi sudah terlalu lambat.

**Tuan Zubir bin Embong:** . . . Yang Berhormat—Yang Berhormat daripada DAP, soal penggunaan Akta Keselamatan Dalam Negeri bukanlah merupakan satu perkara baru. Dalam mana-mana negara pun ada Akta Keselamatan Dalam Negeri—di India ada. Saya hendak bawa satu contoh di mana Lord MacMillan kata dalam case "Lever Shears vs Sir John Anderson"—1942, Appeal Cases (AC), Yang Berhormat dari Rasah tahu, mukasurat 206—ini menunjukkan bahawa dalam sistem Inggeris pun ada yang kita warisi sistem perundangan sekarang, ada dalam sistem perundangan Inggeris kuasa menahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri, ada dan yang dia duduk bisung lagi itu fasal apa—kata Lord MacMillan:

<sup>1</sup>But how could a court of law deal with the question whether there was a reasonable cause to believe that it was necessary to exercise control over the person proposed to be detained, which is a matter of opinion and policy, not of fault. A decision on this question can manifestly be taken only by one who has both knowledge and responsibility which no court can share".

Sebab itu saya bersetuju dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, kerana Kerajaanlah yang mempunyai pengetahuan, Kerajaanlah yang bertanggungjawab. Apa lojiknya kalau kita membiarkan mahkamah memutuskan soal ini sedangkan mahkamah tidak mempunyai pengetahuan dan tidak mempunyai tanggungjawab terhadap keselamatan negara ini. Yang mempunyai

tanggungjawab ialah Kerajaan yang memerintah. Maka adalah wajar untuk Kerajaan menentukan soal ini. Sebab itu dalam preventive detention, kata Lord MacMillan lagi, sambung lagi.

"The question is one of preventive detention justified by reasonable probability, not of criminal conviction, which can only be justified by legal evidence."

Sebab itu orang-orang yang ditangkap ini tidak dibawa ke mahkamah, tidak perlu dibawa ke mahkamah kerana ini preventive detention. Singapura ada Akta Keselamatan Dalam Negeri ini, India ada Akta Keselamatan Dalam Negeri ini.

**Tuan Lim Guan Eng:** (*Bangun*)

**Tuan Zubir bin Embong:** Apa dia bangun ini?

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat, dia minta penjelasan.

**Tuan Zubir bin Embong:** Okaylah, boleh beri sebab dia anak daripada Yang Berhormat dari Tanjong.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya Yang Berhormat yang berkenaan, sama ada beliau yang bercakap menyokong preventive detention, sama ada beliau menyokong tahanan Yang Berhormat Menteri Pendidikan dalam tahun 70an—Yang Berhormat Menteri Pendidikan telah ditahan oleh Perdana Menteri pada masa itu iaitu Yang Amat Berhormat Tun Abdul Razak. Kalau dia sokong preventive detention, saya minta dia beritahu kepada Dewan yang mulia ini sama ada beliau menyokong tahanan yang dibuat ke atas Yang Berhormat Menteri Pendidikan sekarang.

**Tuan Zubir bin Embong:** Law is the law. Undang-undang tetap undang-undang, dia tidak kira siapa, tidak ada

discrimination dari segi soal pelaksanaan. Dia ingat saya hendak jawab saya tidak setuju. (*Ketawa*) Itulah sebab saya kata, dia ini walaupun anak Yang Berhormat dari Tanjong tetapi malangnya Yang Berhormat dari Tanjong yang dikatakan sebagai bertanggungjawab, gagal menghadirkan diri dalam Parlimen pada hari ini. Apakah ini sikap yang bertanggungjawab? Kalau Yang Berhormat—Yang Berhormat dari penyokong Kerajaan tidak hadir sedikit sahaja—itupun bukan tidak hadir, cuma keluar pergi bilik air, pergi makan—merekalah yang bising di luar, beritahu kepada rakyat bahawa penyokong-penyokong Kerajaan tidak pernah hadir dalam sidang Parlimen. Hari ini saya hendak minta Yang Berhormat daripada DAP beritahu kepada rakyat bahawa Yang Berhormat dari Tanjong tidak hadir di dalam ini. Kalau betul-betul ikhlas, kalau betul-betul bertanggungjawab . . . . .

**Tuan Lim Guan Eng:** Perdana Menteri pun tidak ada. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mana?

**Tuan Zubir bin Embong:** Ini tidak ikut Peraturan, Tuan Yang di-Pertua. (*Ketawa*)

Yang Berhormat dari Tanjong ini, dia bukan menganggotai Kerajaan Yang Amat Berhormat ini orang yang ada kerja. Jentera-jenteranya pun sudah ramai, penyokong-penyokongnya pun sudah ramai, apa lagi perlu.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah pun membentangkan pendapat dan pandangan saya. Akhirnya, oleh kerana Yang Berhormat dari Simunjan telah pun mengeluarkan pandangan, saya pun juga nampaknya sukaiiah mengingatkan, bukan kerana Akta, tetapi di segi pelaksanaan. Saya bersetuju bukanlah 100% dengan Yang Berhormat dari Simunjan tetapi saya kira apa yang disebut oleh Yang

Berhormat dari Simunjan itu harus diambil ingatan supaya tidak berlaku sebarang penindasan dan juga salahguna Akta yang memang bertujuan baik untuk menjaga keamanan negara. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat dari Pasir Mas.

4.46 ptg.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali (Pasir Mas):** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan setinggi terima kasih kerana diberi peluang untuk turut serta dalam perbahasan mengenai dengan Rang Undang-undang bagi meminda Ordinan Dharurat (Ketenteraman Awam dan Mencegah Jenayah) 1969 dan bagi mengadakan peruntukan mengenainya perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

Rang Undang-undang ini samalah dengan Rang Undang-undang pindaan kepada Akta Keselamatan Dalam Negeri yang dilulus oleh Dewan yang mulia pada hari semalam.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengikuti perbahasan mengenai dengan pindaan Akta ini daripada semalam sehingga hari ini termasuk pandangan-pandangan dan hujah-hujah yang telah dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di atas perlunya kepada pindaan-pindaan ini.

Saya berdiri di sini bagi mewakili rakyat saya dari kawasan Pasir Mas dan sebagai anggota Bebas. Sebagai anggota Bebas, sebagaimana yang kita memperjelaskan sebelum ini, mana-mana perkara yang baik yang dilakukan oleh Kerajaan tetap akan mendapat sokongan kita. Mana-mana perkara yang kita rasakan perlu kita beri teguran, insya Allah kita akan beri teguran. Begitu juga mana-mana pendapat yang kita anggap baik oleh

pihak Pembangkang, kita akan memberi sokongan dan mana-mana perkara yang kita kira tidak wajar kita akan memberi teguran. Insya Allah, kita akan cuba berlaku adil dalam memainkan peranan dan fungsi kita memberi pandangan terhadap sesuatu perkara yang kita anggap boleh memberi faedah kepada rakyat dan negara.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai orang yang pernah mengalami peristiwa ISA sebanyak dua kali, sudah barang tentu saya tidak akan terbawa emosi dengan pengalaman-pengalaman yang pernah saya lalui. Tetapi pandangan-pandangan saya ini bukan sekadar untuk mengambil peluang berbahas, berhujah, berkelahi, berdebat dengan mana-mana pihak tetapi sekadar kerana kasih kita kepada rakyat dan negara yang kita diami ini. Kasih kepada sistem dan amalan yang kita anuti selama ini. Oleh sebab itu pandangan-pandangan yang dikemukakan terhadap hujah-hujah ini nanti yang telah pun kita dengar, satu dalam aspek keselamatan perlunya Akta ini dipinda kerana demi keselamatan negara. Ada yang berhujah dari segi demokrasi, ada yang berhujah dari segi pandangan keagamaan, iaitu pandangan prinsip-prinsip Islam khususnya, dan ada yang berhujah dalam pandangan dari segi perlaksanaan kepada Akta ini, dari segi adil ataupun tidak adil.

Saya hanya ingin merumuskan, Tuan Yang di-Pertua, bahawa sesuatu undang-undang itu memang dibuat untuk faedah rakyat dan negara. Tinggal lagi, apa yang hendak dibuat untuk faedah rakyat dan negara ini, ada yang mengatakan ini baik dan ada yang mengatakan ini tidak baik. Dalam hal ini, rasionalnya nanti ialah kepada pindaan ini kita lihat ialah untuk menentukan bahawa keselamatan negara terjamin bagi menjamin tidak wujudnya perpecahan kaum, bagi menjamin kestabilan politik negara dan keamanan negara.

Izinkan saya, Tuan Yang di-Pertua, untuk menggambarkan bagaimanakah kita boleh menghadapi ancaman-ancaman bagi menjamin keselamatan negara.

Pada pandangan saya, Tuan Yang di-Pertua, ada dua perkara. Satu, ancaman luar dan satu lagi ancaman dalam negeri. Ancaman luar yang boleh menggugat kestabilan negara kita mungkin daripada kuasa-kuasa besar. Mungkin dah pada peristiwa-peristiwa yang berlaku di jiran-jiran negara kita. Tetapi dari segi ancaman luar, kepada negara kita buat masa ini, pada pandangan kita ianya agak reda. Reda kerana kita lihat masalah peristiwa di Indo-China hari ini, kita dapati pihak-pihak yang terlibat sudah pun mengadakan rundingan-rundingan yang memungkinkan satu persetujuan akan diadakan bagi menjamin wujudnya keamanan di negeri Indo-China. Manakala kalau di Asia Barat termasuk negara Afghanistan, boneka Soviet Union sudah pun mula mengundur diri. Iran dan Iraq sudah pun reda dari segi pertelingkahannya. Umumnya keadaan sudah nampak aman, bererti kita tidak menghadapi bahaya ancaman luar begitu besar. Maka sebab itu dalam hendak menjamin keamanan negara dan kita perlu kepada pertahanan yang kuat dan dalam perbincangan yang lalu mengenai dengan Belanjawan Peruntukan Tambahan saya mengatakan tidak perlu Kerajaan terburu-buru dalam pembelian senjata \$4.3 billion untuk pertahanan ini oleh kerana melihat suasana tidak begitu mendesak bagi menghadapi ancaman luar.

Bagi menghadapi ancaman dalam negeri, saya melihat ada beberapa sudut. Satu, ancaman kepada komunisme. Kedua, ancaman kepada perpaduan kaum. Ketiga, ancaman kepada kegiatan dadah. Keempat, ancaman daripada golongan-golongan jenayah dan ada lagi lain-lain ancaman

yang boleh membawa kepada kegiatan yang tidak stabil dalam negara kita. Jadi, sekarang ini saya nampak, melalui pindaan ini, Kerajaan sebagaimana hujah yang diberi oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semalam bahawa ianya dibuat terutamanya lebih-lebih lagi dalam soal hendak menjaga perpaduan kaum dalam negara ini. Selain daripada hendak menjamin keselamatan negara dalam aspek-aspek lain.

Kita tahu dalam bidang kegiatan komunisme, kita sedar dan kita tahu sebagaimana diberitahu dalam Dewan Rakyat yang mulia ini, sebelum ini bahawa keadaan terkawal. Malah Akta Keselamatan Dalam Negeri kalau dihubungkan dengan perbincangan bagi menghujahkan apa yang saya hendak hujahkan ini, Akta ini dibuat pada tahun 1960 dahulu semata-mata untuk dikenakan ke atas mereka yang terlibat dalam kegiatan komunisme. Sebab ianya boleh membawa ancaman kepada keselamatan dalam negeri dan hari ini, ditambah pula bagi menjamin keselamatan dalam konteks soal perpaduan kaum. Segala niat yang baik, kita akan terima dengan baik tetapi soalnya apakah rasional dan hujah itu boleh kita terima kerana dalam pada kita berhujah untuk kepentingan tersebut, apakah kita nilai dari segi sudut demokrasi, dari segi sudut pandangan keagamaan, dari segi sudut pelaksanaan nanti, semuanya ini penting dalam menjamin berlakunya keadilan, lebih-lebih lagi pindaan ini satu perkara yang besar bukan satu perkara yang kecil. Walaupun Barisan Nasional yang memerintah hari ini, mendapat mandat daripada rakyat, kita juga ingin mengingatkan bahawa janganlah mandat itu nanti, makin hari makin terhakis daripada rakyat.

Maka sebab itulah, saya ingin mencadangkan, pindaan-pindaan yang boleh membabitkan rakyat dari segi sudut hak rakyat, hak asasi, ini

perkara-perkara yang besar dari segi pindaan seperti ini, sudah sampainya Kerajaan menjalankan referendum untuk mendapat pandangan-pandangan rakyat selain daripada dibawa terus ke Dewan Rakyat. Ini mungkin baik kepada Kerajaan sebab kadang-kadang kita mengatakan mandat yang kita dapat itu memang mandat dahulu, belum tentu mandat yang akan datang. Tetapi bagi kita, soal siapa mendapat mandat bukan soal penting. Soal penting ialah hendak menjamin bahawa sesiapa yang diberi mandat itu, tanggungjawab itu, amanah itu, ialah untuk kepentingan rakyat dan negara.

Sekarang ini, pindaan ini, sekaligus iaitu, segala tindakan ataupun keputusan yang dibuat oleh Menteri ataupun atas nama Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong "will not subject to review" oleh mahkamah, dengan izin, iaitu oleh bidang kehakiman. Hujahnya ialah kononnya, hendak memperjelaskan lagi peranan eksekutif, peranan legislature, dengan izin, peranan judiciary iaitu bidang kehakiman kerana bidang kehakiman tidak mungkin tahu soal keselamatan dalam negeri, itu hujahnya. Kalau kita mengatakan bidang kehakiman tidak tahu soal keselamatan negara, bagaimana pula bidang kehakiman boleh membicarakan soal-soal kes yang lain.

Apakah bidang kehakiman tahu berlakunya suatu kes kemalangan di jalanraya? Apakah mahkamah tahu soal-soal urusan perniagaan sehingga orang pergi ke mahkamah mengadu untuk mendapat keadilan. Apakah mahkamah tahu semuanya yang berlaku ini sehingga orang pergi ke mahkamah untuk mendapatkan keadilan? Sudah barang tentu mahkamah tidak tahu. Jadi, kalau mahkamah tidak layak untuk mendengar kes seperti ISA ini, seseorang itu ditahan dan untuk

mendapat keadilan mengadu di mahkamah, maka atas dasar bahawa mahkamah tidak mengetahui soal keselamatan negara ini, apakah rasionalnya pihak mahkamah untuk mendengar kes-kes lain?

Saya bimbang nanti ada pandangan-pandangan, cadangan-cadangan mengatakan bahawa mahkamah sudah tidak perlu lagi di negara kita ini. Cukup di antara legislature dengan eksekutifnya. Dewan yang mulia ini membuat undang-undang, pihak eksekutif mentadbir undang-undang. Tidak payah lagi ada golongan yang menterjemahkan undang-undang itu kerana penterjemahan undang-undang itu boleh membabitkan kepentingan keputusan yang dibuat oleh pihak yang menggubal undang-undang itu. Ini pandangan yang saya kemukakan ini, Tuan Yang di-Pertua, sebab ianya boleh dilihat dari berbagai sudut tetapi prinsipnya pada pandangan saya, pindaan ini sedikit sebanyak, mahu tidak mahu kita mesti mengakui hakikat bahawa kita sudah mencubit, kita sudah menyentuh kewibawaan prinsip demokrasi berparlimen.

Saya tidak bercadang untuk berhujah dengan mengemukakan pandangan berbagai-bagai tokoh. Kita boleh menyebut macam-macam tokoh, ada pandangan tokoh yang bersetuju, ada pandangan tokoh yang tidak setuju, kita boleh sebut nama-nama tokoh-tokoh besar tetapi saya tidak bercadang untuk menghabiskan masa dalam memperbahaskan mengemukakan pandangan-pandangan ini sebab kita yakin bahawa kita sendiri mampu mengeluarkan fikiran, pandangan kita untuk tujuan mencari kebaikan bagi kepentingan rakyat dan negara. Sebab itu, yang kita bimbang sekarang ini walaupun kita mengatakan law tetap law, memang betul, undang-undang tetap undang-undang tetapi jaminan jika kita pinda macam ini, pihak yang dikenakan

tindakan ini nanti, kalau dia kena itu betul-betul, dia bertanggungjawab, dia salah, dia komunis, dia pengacau, bagi saya memang wajarlah dia kena. Atas apa tindakan sekalipun tetapi yang kita bimbang macam mana kita boleh beri jaminan bahawa dalam kita laksanakan tanggungjawab ini, kita boleh berlaku adil, bahawa keadilan akan berlaku, akan terjamin. Hari ini kita mungkin telah diberi jaminan bahawa Menteri yang bertanggungjawab akan melaksanakan keadilan ini.

Saya masih ingat lagi Yang Berhormat dari Kok Lanas. Satu ketika dahulu waktu ditahan di bawah ISA dan dituduh terlibat dengan kegiatan komunismenya, sesudah dibebaskan dan bertanding dalam pilihanraya, menang, ucapan sulung di Dewan Rakyat ini dia menafikan sekeras-kerasnya bahawa dia tergulung dalam orang yang terlibat dalam kegiatan komunisme. Saya tidak mahu mempertahankan hujahnya sebab pihak penyiasat, dan polis lebih arif tentang apa yang sudah berlaku sewaktu beliau ditahan tetapi tinggal lagi, dia menolak hujah itu. Jadi, dari segi soal hendak menjamin wujudnya keadilan ini nanti, memang kita yakin bahawa pasukan keselamatan kita di kalangan orang-orang yang profesional, mereka tahu tanggungjawab mereka, mereka akan berlaku adil tetapi sifatnya nanti kita bimbang. Kita hanya menaruh kebimbangan ianya mungkin boleh tersalah bawa, tersalah laku, tersalah buat yang menyebabkan berlakunya ketidakadilan pada seseorang itu. Dan kalau berlaku ketidakadilan, seseorang itu ditahan dan akhirnya didapati kesalahannya tidaklah sebegitu rupa sekali, tetapi kawan ini sudah 2 bulan dalam lokap, sudah tidur di tepi tandas dan sebagainya. Mungkin pengalaman saya dengan pengalaman lain-lain pihak yang terlibat dalam ISA berbeza.

Sewaktu saya ditahan di waktu saya menjadi pemimpin pelajar dahulu—lain, baharu-baharu ini saya

mengalami satu proses yang lain, dan saya tak tahu orang lain yang ditahan di bawah ISA macam mana dia dilayan, dan saya sendiri saya tahu bagaimana saya alami, itu berbeza. Sebab itu sukar untuk kita untuk menyatakan sesuatu dengan tepat. Cuma tinggal lagi walaupun mungkin layanan itu berbeza-beza tetapi prinsip sesudah seseorang itu dikenakan tindakan, maka kalau ianya tidak terlibat, cuba bayangkan betapa kita berdosa kepada manusia itu. Orang yang bertanggungjawab bertemulah dengan orang ini di Padang Mahsyar nanti. Kalau kita sesama umat Islam, kita boleh maafkan, bagi mereka yang sudi maaf.

Saya sendiri sampai hari ini tidak sedikitpun saya menaruh hati, saya menaruh dendam (vindictive) tidak ada, sifat apa pun tidak ada. Sebab itu dalam kita bersikap seperti sekarang ini, sikap ini akan kita teruskan. Walaupun kita terlibat dalam politik, segala pandangan kita ini dianggap politik—tidak, Altah s.w.t. sahaja mengetahui. Sebab kita bimbang kalaulah ianya tersalah bawa, ianya mungkin boleh memudaratkan lagi daripada melahirkan harapan supaya sesuatu pindaan itu untuk kebaikan negara.

Kita sudah lihat banyak pengalaman di negara di dunia ini, Tuan Yang di-Pertua, banyak pengalaman kita lihat. Makin banyak undang-undang, makin banyak tekanan, makin timbul huru-hara. Kita lihat bagaimana berlaku di negeri China, kita lihat apa yang berlaku di negeri Filipina, kita lihat bagaimana berlaku di Burma. Betul, untuk mentadbir sebuah negara kita perlu kepada undang-undang, tetapi selain daripada undang-undang, kepimpinan yang berhemah tinggi, yang berwibawa, yang kasih di antara satu saraa lain, kasih itu merata-rata, bukan bertompok-tompok, kasih itu boleh dirasakan oleh semua pihak. Saya percaya undang-undang tidak perlu

lagi, manusia tetap akan menjadi manusia yang bertamadun. Undang-undang tidak boleh memandu manusia tetapi kewibawaan, hemah tinggi inilah yang kita perlukan.

Kita mengalami banyak peristiwa dalam negara kita ini. Tunku Abdul Rahman pernah menjadi Perdana Menteri. Ada waktu beliau dikritik, ada waktu beliau dikecam. Begitu juga di zaman Allahyarham Tun Razak, saya masih ingat lagi bagaimana peristiwa tunjuk-tunjuk perasaan berlaku lebih hebat daripada sekarang sebenarnya. Dahulu pernah pertubuhan pelajar mengadakan tunjuk perasaan sampai ke Masjid Negara—Yang Berhormat Menteri Pendidikan boleh jawab dalam hal ini, dia tahu mengenai dengan ini, Tetapi itu di zaman Allahyarham Tun Razak.

Kemudian, di zaman Tun Hussein Onn, dan segala-gaiannya tindakan itu diambil saya percaya bukan salah dari segi tindakan undang-undang. Ianya diambil di atas hikmah kewibawaan kepimpinan yang akhirnya pemimpin itu dihormati selain daripada ditakuti. Saya percaya kalau ini diamalkan, insya Allah negara kita akan selamat. Kita mahu kepada perpaduan kaum, kita mahu kepada keselamatan negara, kita mahu kepada keamanan negara, kita mahu kepada kestabilan politik negara. Tidak ada siapa yang mempersoalkan soal cita-cita ke arah vision negara ini. Kita hendak menyokong segala-gala apa yang dikirakan baik untuk kepentingan negara. Tetapi, ingatlah dalam pada kita hendak melaksanakan sesuatu, kadang-kadang kita lupa. Saya pun mungkin ada melakukan sesuatu ataupun pandangan saya tidak semuanya mungkin betul, mungkin saya sendiri pernah melakukan sesuatu yang tidak tepat tetapi takkanlah pandangan kita semua daripada kumpulan kita ini semua tidak betul, kumpulan sebelah sana sahaja semua betul, tidaklah begitu.

Kalau ini dapat dilakukan, saya percaya fungsi Pembangkang pun akan menjadi sihat, peranan Kerajaan lebih-lebih lagi dan insya Allah ianya memberi kebaikan kepada agama, bangsa dan negara kita ini, kalau inilah sikapnya. Tetapi tinggal lagi pindaan kepada Ordinan ini, saya percaya ianya mencatat sejarah hitam bagi negara kita. Walaupun ada hujah-hujah yang telah dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semalam tetapi sepatutnya sesudah kita merdeka selama 30 tahun lebih, maka kita lebih maju ke hadapan. Ini kita sudah mula undur ke belakang, kita mula undur ke belakang bukan maju ke hadapan. Sekali gus juga ianya membuktikan bahawa kita gagal mencari usaha-usaha ke arah perpaduan. Adakah kita gagal, denganagalnya dasar yang ada sekarang maka untuk mengatasi masalah ini, kita pinda kepada undang-undang untuk mejamin perkara tersebut.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat, cuba ringkaskan sedikit.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Baik, Tuan Yang di-Pertua. Jadi, saya berterima kasih di atas kesempatan yang telah diberi oleh Tuan Yang di-Pertua tadi dan saya sudah pun register pandangan saya dalam pindaan-pindaan seperti ini supaya kita mesti berlaku adil dan mencadangkan supaya perkara-perkara seperti ini harus dibuat referendum. Kepada rakan-rakan juga janganlah Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain pula janganlah mengambil kesempatan semata-mata kerana duduk dalam Kerajaan hendak hentam orang dan pihak Perabangkang pula mentang-raentang jadi Pembangkang, hendak hentam—tidak. Marilah kita berbahas di atas kepentingan, nawaitu kepentingan bangsa dan negara sebenarnya. Tradisi berilmu, perdebatan di atas asas pemikiran waras. Sebab itu . . .

**Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis (Simunjan);** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat . . .

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Boleh.

**Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis:** Tadi Yang Berhormat mengatakan soal referendum, apakah tujuan Yang Berhormat mengatakan referendum perlu, adakah disebabkan bahawa kadangkala mandat yang diberi oleh rakyat kepada pihak kepimpinan itu kadang-kadang lupa dipergunakan dengan betul dan perlu dibaharui ataupun sebab-sebab yang lain supaya benar-benar hasrat rakyat itu dapat dipatuhi oleh pihak yang bertanggungjawab?

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga Yang Berhormat dari Simunjan. Saya mengemukakan cadangan supaya diadakan referendum ini kerana pindaan ini memberi erti yang besar terhadap sistem prinsip demokrasi berparlimen negara kita dan referendum ini perlu untuk mengetahui sama ada rakyat menyokong atau tidak, sebab kalau rakyat tidak menyokong, mungkin Kerajaan tak jadi ubah. Kalau Kerajaan tak jadi ubah, maka dalam pilihanraya umum akan datang, mungkin untung kepada Barisan, saya hendak tolong Barisan, kalau tidak, rakyat tidak akan menyokong Barisan tagi. Kemungkinan begitu, Tuan Yang di-Pertua, tetapi kalau dia hendak buat juga, kita kadang-kadang kalau kita fikir dari segi kepentingan politik hendak buat, hendak buat apa—buat, hendak buat projek besar—buat, hendak betanja—buat, buat, buat, buat, supaya kita banyak isu; dalam pilihanraya kita lanyak habis-habis. Itu baru dikatakan kita ini kepentingan politik. Tetapi kalau kita kemuka secara positif, itu mungkin

akhirnya memberi kebaikan kepada pihak pemerintah, pada pandangan saya. Sebab itu saya katakan perlu kita adakan referendum tetapi dalam bab soal pindaan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya tidak boleh menyokong, minta maaf, kerana ianya bertentangan dengan prinsip demokrasi berparlimen.

Saya register sepertimana semalam saya mengundi saya tidak menyokong terhadap pindaan Akta ISA ini kerana bertentangan dengan prinsip, sebab saya katakan tadi ia sepatutnya kita maju ke hadapan tetapi kita undur ke belakang. Jadi, atas hujah-hujah itu tadi, saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dan saya sekali lagi berharaplah supaya "cermatlah dengan undang-undang, cermatlah dengan undang-undang, cermatlah dengan undang-undang" supaya kita berlaku adil. Kalau tidak, bukan sahaja kita menanggung di dunia tetapi juga di akhirat nanti, insya Allah.

Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat dari Pagoh.

5.08 *ptg.*

**Tuan Ahmad bin Omar (Pagoh):** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin turut membahaskan Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi meminda Ordinan Darurat (Ketenteraman Awam dan Mencegah Jenayah) 1969 bagi mengadakan peruntukan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengannya dan Akta ini dinamakan Akta Darurat (Ketenteraman Awam dan Mencegah Jenayah) (Pindaan) 1989.

Saya menyokong pindaan ini iaitu dengan memasukkan selepas sahaja seksyen 7B, seksyen-baru 7c, 7d dan 7E dalam Ordinan Darurat (Ketenteraman Awam dan Mencegah Jenayah) 1969.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengulangi pendirian saya untuk mengatakan dan mempertahankan bahawa dalam perkara-perkara keselamatan negara dan ketenteraman awam adalah jejas bahawa pihak Eksekutif ialah pihak berkuasa yang paling sesuai untuk menimbang maklumat dan untuk menentukan langkah-langkah berjaga-jaga yang patut diambil dan mempunyai kata putus dalam perkara-perkara sedemikian.

Malaysia adalah negara yang mengamalkan pemerintahan demokrasi, Sebagai negara yang memperjuangkan sistem demokrasi supaya tidak tercemar ia sentiasa menghormati pandangan ramai, sentiasa bersikap terbuka, sentiasa bersikap liberal dan peka terhadap apa juga reaksi orang ramai. Negara kita Malaysia tidak mengamalkan demokrasi yang sempit. Kita memberi peluang semua pihak mendapat hak dan ruang untuk sama-sama membentuk sistem demokrasi yang sihat dan baik untuk diamalkan di negara ini. Kerana sikap dan sistem demokrasi yang begitu liberal itu kedapatan orang atau pihak yang mentakrifkan dan menterjemahkan demokrasi mengikut kesesuaian, pandangan, sikap, dan kepentingannya sendiri. Demokrasi adalah amalan yang baik dan selesa untuk memenuhi keperluannya sendiri sahaja. Demokrasi dengan ini digunakan secara sewenang-wenang tanpa mengenal batasan demokrasi yang diamalkan dalam konteks kedudukan kepentingan negara ini. Akibat daripada tindakan ini wujudlah perlakuan dan muslihat buruk sama ada yang dapat dilihat dengan mata kasar atau yang dilakukan secara sembunyi dan senyap-senyap. Lantaran itu wujudlah unsur-unsur negatif yang berbahaya yang semakin meningkat di dalam masyarakat.

Sesiapa pun tidak berani menafikan bahawa negara ini tidak bersih dari anasir-anasir yang boleh merosak dan

mengancam keselamatan dan ketenteraman awam. Peningkatan kes-kes jenayah yang semakin dahsyat, semakin meningkat daripada hari ke hari. Pihak eksekutif mesti bertanggungjawab untuk mengawal dan mencegah apa juga rupa bentuk keganasan, kekejaman, hasutan, pengkhianatan dan penipuan dari terus berleluasa dan bermaharajalela sehingga menjejaskan ketenteraman awam.

Kalau mereka ini dibiarkan, saya anggap mereka ini akan menjadi musuh dalam selimut dan juga tidak ubah seperti musang berbulu ayam. Kalau ada musang berbulu ayam siapakah orang yang dapat mengenalnya kalau tidak orang yang hari-hari membela dan menjaga ayam-ayamnya, orang yang selalu memerhati tingkah laku dan rasmi ayamnya itu sendiri. Kalau ada perlakuan dan muslihat jahat dan buruk yang dilakukan oleh musang berbulu ayam, tidak siapa pun dengan fikiran waras akan membiarkan musang itu bermaharajalela dengan tanduknya yang rakus dan tamak. Bagi kumpulan yang berkepentingan dan bertujuan jahat tidak akan mengira isu, tempat dan masa untuk bergerak. Oleh itu, persoalan agama, persoalan bahasa, ekonomi, politik, persatuan, orang tua, orang muda dan kanak-kanak semuanya menjadi asas dan landasan untuk mereka membangkitkan perkara-perkara yang boleh menguntungkan diri mereka, tetapi sebenarnya mendatangkan akibat buruk kepada orang ramai. Akibat perbuatan meletakkan undang-undang di tangan mereka sendiri adalah amat buruk. Dalam keadaan yang sudah kusut dan melampauibatas kawalan, langkah berjaga-jaga tidak berguna lagi seperti nasi sudah menjadi bubur. Bayaran bagi memperbaiki keadaan yang buruk ini adalah mahal dan saya berpendapat bahawa langkah berjaga-jaga adalah langkah yang paling berkesan.

(Tuan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Tuan Yang di-Pertua, kita tidak boleh membiarkan begitu sahaja orang yang telah melakukan angkara keji ini tanpa sebarang tindakan. Orang yang didapati melakukan kesalahan boleh terlepas dari hukuman kerana tiada saksi yang berani ke hadapan disebabkan keselamatan dan perkara-perkara tertentu yang terlalu peribadi. Adalah tidak wajar dan adil kalau kes seperti ini terus dibiarkan terlepas begitu sahaja. Oleh itu dengan adanya pemisahan kuasa yang jelas antara kehakiman dan Eksekutif iaitu badan Kehakiman sebagai badan pengadilan sementara pihak Eksekutif menjalankan langkah-langkah kawalan dan pencegahan, maka tidak wujudlah pertindihan kuasa antara kedua-duanya dan berlaku konflik antara satu sama lain. Dengan cara ini akan terpeliharalah keharmonian fungsi kedua badan ini yang saling bantu-membantu di antara satu sama lain,

Memberi kuasa kepada Eksekutif yang tidak boleh dipersoalkan, tidak bermakna merampas atau mengurangkan kuasa Kehakiman, bahkan ia mengemaskmikan lagi pelaksanaan tugas oleh kedua-dua badan ini. Dengan adanya kuasa Eksekutif yang tidak boleh dipersoalkan itu, langkah kawalan dan berjaga-jaga dan pencegahan terhadap sebarang bentuk jenayah dapat dilaksanakan secara berkesan. Langkah berjaga-jaga akan hanya berkesan jika sekiranya tindakan awal dapat diambil sebelum sesuatu kejadian itu berlaku dan selepas sesuatu kajian itu berlaku. Saya yakin bahawa walaupun kuasa Eksekutif ini mutlak, segala rupa tindakan yang diambil oleh pihak Eksekutif adalah secara tindakan yang teliti, cermat dan lengkap dengan bukti serta bersesuaian dengan masa dan keadaan kerana ia diambil adalah berdasarkan kepentingan ramai dan

bukan kepentingan sesuatu pihak sahaja.

Keadaan yang berlaku ini tidak boleh disamakan dengan apa yang berlaku di tempat lain. Ini adalah hakikat, soalan mengenai siapa diktator, siapa tidak menghormati hak asasi manusia, adalah satu perkara yang tertakluk kepada pandangan sesuatu pihak. Kalau ada negara yang mempersoalkan dan ingin menjadi juara dalam hal ini, saya ingin menghadapkan soalan: bolehkah mereka menerima pengkhianat, penghasut dan penjenayah yang jelas ingin merosakkan dan menghancurkan negara. Mana ada negara yang akan membiarkan bermaharajalela perosak-perosak dan pengancam keselamatan rakyat dan negara.

Tuan Yang di-Pertua, kuasa Eksekutif yang digunakan bukanlah kuasa daripada perseorangan, tetapi kuasa daripada mandat rakyat yang diwakilkan kepada ahli-ahli badan Eksekutif. Hakim tetap hakim, mereka adalah yang arif dan kearifan mereka adalah dihormati. Oleh itu, saya percaya badan Kehakiman dapat membezakan antara bidang kuasa Kehakiman dan bidang kuasa Eksekutif. Amalan demokrasi di negara ini subur dan tidak menyeleweng, yang menyeleweng adalah pengamal-pengamal demokrasi yang melihat skop dan konsep demokrasi dari sudutnya sendiri. Kalau demokrasi baik untuk majoriti rakyat, tetapi tidak memenuhi kehendak perseorangan, tidak wajarlah kalau demokrasi itu dianggap sudah bankrap dan tidak tulin. Demokrasi tidak wujud untuk memenuhi fikiran yang sempit dan membahayakan serta tidak diterima ramai.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali, saya ingin mengatakan walau apapun undang-undang yang hendak dipertakatakan dan dibandingkan sama ada

"common law" atau "natural justice", dengan izin, di negara ini mestilah dilihat dalam konteks sensitiviti, kebudayaan dan keseluruhan aspek kehidupan rakyat negara ini supaya ia menepati kehendak rakyat dan negara. Apa yang "common", dengan izin, di tempat lain tidak semestinya "common", dengan izin, di negara kita dan apa yang "natural", dengan izin, di tempat lain juga tidak semestinya "natural", dengan izin, di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, sekian hujah saya. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, ada 8 lagi Rang Undang-undang, saya harap jangan panjang sangat. Yang Berhormat dari Jelutong.

5.20 ptg.

**Tuan R. Karpal Singh (Jelutong):** Tuan Speaker, tujuan Akta yang dibahaskan sekarang adalah untuk membuat satu pindaan serius seperti pindaan kepada Akta Keselamatan Dalam Negeri yang diluluskan dalam Dewan ini kelmarin dan dukacita ada Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini yang berucap sebagai seorang yang jual ubat di tepi jalan, seperti Ahli Yang Berhormat dari Kuala Terengganu yang tidak tuju kepada apa yang ada dalam Rang Undang-undang ini, apa asas Rang Undang-undang ini dan apa akibat Rang Undang-undang ini atas kepentingan orangramai. Dia buang masa lebih kurang satu jam atas ucapan-ucapan di mana beliau buat tohmahan-tohmahan, tuduhan-tuduhan serius ke atas Parti DAP. Beliau buat tuduhan seperti Parti DAP parti anti Melayu, anti-Malaysia dan Peristiwa 13 Mei disebabkan oleh DAP.

Lagi satu tuduhan, DAP hantar Yang Berhormat dari Bukit Bintang

ke luar negeri untuk mengutuk Kerajaan Malaysia, khususnya di Australia. Ada tuduhan-tuduhan lain, tuduhan-tuduhan seorang yang juvenile juga boleh buat atas seseorang atau parti lain dan saya tidak mahu jawab tuduhan-tuduhan seperti itu. Tuduhan-tuduhan yang ada disentuh oleh saya tadi adalah tuduhan-tuduhan yang tidak ada asas, tidak ada apa-apa isi, ini tohmahan-tohmahan yang tidak boleh diterima.

Saya jawab di sini, Tuan Speaker, Parti DAP ada pemimpin-pemimpin dan juga beribu-ribu penyokong. Parti DAP yang setia kepada negara ini lebih daripada 100%, lebih daripada parti-parti lain dalam negara ini. Kami bukan anti Melayu, itu satu tuduhan yang ada dibaling ke arah Parti DAP apabila Parti DAP ada ditubuhkan. Tidak ada apa-apa asas dalam tohmahan itu. Peristiwa 13 Mei bukan disebabkan oleh Parti DAP, tetapi pihak-pihak yang lain, bukan Parti DAP.

Saya jawab di sini, Tuan Speaker, Parti DAP ada pemimpin-pemimpin dan juga beribu-ribu penyokong. Parti DAP yang setia kepada negara ini lebih daripada 100%, lebih daripada parti-parti lain dalam negara ini. Kami bukan anti Melayu, itu satu tuduhan yang ada dibaling ke arah Parti DAP apabila Parti DAP ada ditubuhkan. Tidak ada apa-apa asas dalam tohmahan itu. Peristiwa 13 Mei bukan disebabkan oleh Parti DAP, tetapi pihak-pihak yang lain, bukan Parti DAP.

Baru-baru ini, Tuan Speaker, pada bulan Oktober ....

**Tuan Hashim bin Safin:** (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Tanah Merah bangun, hendak beri jalan?

**Tuan R. Karpal Singh:** Tidak payah, saya ingat buang masa sahaja.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak dibenarkan. Sila teruskan.

**Tuan R. Karpal Singh:** Tadi lagi satu tuduhan, DAP dan PAS tidak ada modal. Itu bermakna Parti Barisan Nasional, ini bukan parti, ini satu kumpulan jahat, parti-parti dalam Barisan Nasional ada modal. Jikalau itu benar, oleh apa PAS menang dalam pilihanraya kecil baru-baru ini di Teluk Pasu, oleh apa? Oleh kerana ada modal, oleh kerana itu Parti PAS menang. Apa yang mustahak Parti UMNO khususnya dan Barisan Nasional amnya kena terima . . . . .

**Tuan Hashim bin Safin:** (*Bangun*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Tanah Merah bangun pula.

**Tuan R. Karpal Singh:** Tidak payah, ini semua orang jahat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat . . . . .

**Tuan R. Karpal Singh:** . . . kena terima parti Pembangkang dalam . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Jelutong, jangan kata "orang jahat", tidak boleh kata, minta tarik balik.

**Tuan Hashim bin Safin:** Tidak apa, saya tidak minta dia tarik balik, dia kata "jahat" pun tidak apalah, sebab dia baik.

**Tuan R. Karpal Singh:** Orang yang tidak baik!

**Tuan Yang di-Pertua:** "Yang tidak baik" pun serupalah.

**Tuan R. Karpal Singh:** Serupa, lebih kurang.

**Tuan Hashim bin Safin:** Saya tidak minta tarik balik pun.

**Tuan Yang di-Pertua:** Minta tarik balik.

**Tuan Hashim bin Safin:** Saya tidak minta tarik balik pun, terserahlah hendak kata apa, bebas!

**Tuan R. Karpal Singh:** Saya tarik balik kalau Tuan Speaker minta tarik balik, ini perkara kecil, tidak apa, boleh tarik balik. Tetapi tuduhan-tuduhan yang ada dibuat terhadap Parti DAP bolehkah Ahli Yang Berhormat dari Kuala Terengganu tarik balik? Itu pertuduhan-pertuduhan serius, Tuan Speaker. Jikalau ini orang jahat, itu satu tuduhan am . . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Itu tidak serius!

**Tuan R. Karpal Singh:** Tidak serius. Jadi, apa yang serius sudah dicatat dalam rekod Parlimen, itu tidak ditarik balik. Tidak berani ada di sini untuk jawab sekarang, Tuan Speaker. Itu sikap pemimpin-pemimpin dalam UMNO. UMNO tidak ada modal. Barisan Nasional tidak ada modal.

Saya beri satu contoh, parti komponen dalam Barisan Nasional, Parti PPP, satu parti yang tidak guna sekarang, satu masa ada guna oleh kerana ada pemimpin-pemimpin kuat, pemimpin seperti D.R. Seenivasagam dan abangnya S.P. Seenivasagam. Ini jadi satu parti komponen Barisan Nasional. Timbalan Presidennya kadang-kadang dia jadi Presiden, kadang-kadang dia jadi Timbalan, Paramjit Singh ini. Saya beri satu contoh untuk buktikan dalam Dewan ini, Tuan Speaker, Barisan Nasional satu kumpulan yang tidak guna. Saya pilih PPP oleh kerana apa yang terjadi baru-baru ini Paramjit Singh sudah gadai PPP pertama kali kepada satu penjenayah, Tee Yang Chuan, berapa dia dapat, itu saya tidak tahu, tetapi tentu ada apa-apa tawaran dalam perkara itu. Selepas itu dia gadai, barangkali dia jual, saya tidak tengok

agreement yang ada dibuat oleh pemimpin ini dalam Barisan Nasional, jual kepada Datok Mak Hon Kam yang masa bila dia beli parti ini dia masih jadi ahli Parti MCA.

Apa yang terkejut lagi, Tuan Speaker, baru-baru ini, dua hari lalu juga dengan umum ada kenyataan dalam suratkhbar, Paramjit Singh, Timbalan Presiden atau Presiden, itu saya tidak tahu, tetapi dia diberi satu tawaran menjadi Pesuruhjaya Kehakiman (Judicial Commissioner), sebagai Hakim, dan beliau ada buat satu kenyataan yang ada dalam suratkhbar, beliau ada timbang tawaran ini, pilih mahu terima atau tidak. Tetapi apa yang terkejut, Tuan Speaker, dalam perkara yang serius ini, ini pemimpin-pemimpin Barisan Nasional, Ketua Hakim Negara, Tun Abdul Hamid Omar dalam satu statement ada dalam suratkhbar kelmarin nafikan tidak ada apa-apa tawaran bertulis atau secara lain kepada Paramjit Singh ini. Ini pemimpin-pemimpin Barisan Nasional. Saya tidak mahu buang masa, tetapi satu contoh yang saya beri untuk rakyat lihat apa pemimpin ada dalam Barisan Nasional, bukan kami datam parti Pembangkang yang jahat, orang jahat ada datam Barisan Nasional.

Lagi satu contoh, Tuan Speaker, peristiwa Operasi Lalang, masa itu siapa yang salah, siapa yang harus ditangkap masa itu di bawah ISA? Saya beri satu contoh, Menteri Belia dan Sukan yang menghangat-hangatkan perasaan orang Melayu. Oleh kerana apa dia tidak ada dalam senarai . . . . .

**Tuan Hashim bin Safin:** (*Bangun*)

**Tuan R. Karpal Singh:** Tidak payah. Apa yang saya kata tadi, saya tidak mahu buang masa. Tidak ada masa yang boleh diberikan kepada saya . . . .

**Tuan Hashim bin Safin:** Sedikit penjelasan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, dia tidak benarkan.

**Tuan R. Karpal Singh:** Jikalau point of order, boleh. Tidak ada apa-apa penjelasan. Saya beri penjelasan. Tidak perlu tanya penjelasan. Ada banyak penjelasan saya mahu beri. Sudah tahan lama dalam Kemunting, saya mahu masa ini untuk bongkar apa yang benar, Tuan Speaker.

Siapa ada kuasa untuk tahan seseorang di bawah ISA. Perdana Menteri sebagai Menteri Dalam Negeri atau pihak polis, Ketua Polis Negara, siapa ada kuasa?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, minta berucap di atas Ordinan Darurat, bukan ISA.

**Tuan R. Karpal Singh:** Ini satu contoh, ini serupa pindaan-pindaan serupa, saya mahu masuk dalam seksyen yang ada di sini, yang ada kaitan dengan Operasi Lalang. Semua serupa, Tuan Speaker, perkataan-perkataan semua serupa. Tidak ada perbezaan dalam tiga-tiga pindaan yang ada depan Dewan ini, dalam sesi ini, siapa ada kuasa? Pindaan apa yang ada depan kami tujuan 7c menghapuskan daripada kajian semula kehakiman akan segala tindakan yang dilakukan dan keputusan yang dibuat oleh Yang di-Pertuan Agong atau Menteri pada menjalankan kuasa menurut budi bicara mereka di bawah Akta kecuali mengenai apa-apa kehendak prosedur. Kuasa siapa untuk tahan, kuasa polis atau budi bicara Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebagai Menteri Dalam Negeri?

Tuan Speaker, dalam fikiran saya masa itu budi bicara tidak ada diguna dengau keadilan oleh kerana culprits, dengan izin, yang harus ditangkap

tidak ditangkap. Apa yang ada dicakap oleh Ketua Pembangkang kelmarin, satu culprit yang jahat—Menteri siapa dia sekarang, dahulu Buruh, bekas Menteri Buruh.

**Tuan Ong Tee Keat:** (*Bangun*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Ampang Jaya bangun.

**Tuan Ong Tee Keat:** Tuan Yang di-Pertua, on a point of order.

**Tuan Yang di-Pertua:** Point of order.

**Tuan Ong Tee Keat:** 36 (6) Sangkaan jahat terhadap Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

**Tuan R. Karpal Singh:** Apa sangkaan jahat, apa yang benar—jahat.

**Tuan Ong Tee Keat:** Jahat itu disebut-sebut berulang kali.

**Tuan R. Karpal Singh:** Itu bukan sangkaan jahat—itu bukan sangkaan jahat jikalau saya cakap apa yang benar. Apa yang benar tidak boleh jahat. Tidak boleh. Orang jahat yang tidak ditangkap, itu masalah.

**Tuan Ong Tee Keat:** (*Bangun*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Ampang Jaya.

**Tuan Ong Tee Keat:** Minta jalan boleh?

**Tuan Yang di-Pertua:** Dia minta jalan.

**Tuan R. Karpal Singh:** Apa jalan ini, kacau . . . (*Ketawa*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Dia tidak beri jalan.

**Tuan Ong Tee Keat:** Kalau tidak setuju . . . .

**Tuan R. Karpal Singh:** Tidak beri jalan, oleh kerana apa yang saya kata tadi, saya beri penjelasan lagi.

**Tuan Ong Tee Keat:** Gentarkah?

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat.

**Tuan R. Karpal Singh:** Apa gentar. Ini pun lagi satu juvenile yang baru masuk dalam Dewan, dia mahu tunjuk dia satu singa, singa lari, Lee Kim Sai dalam bahasa Cina lion, golden lion lari ke Australia, negara orang putih.

**Tuan Ong Tee Keat:** Tuan Yang di-Pertua, point of order lagi.

**Tuan R. Karpal Singh:** Point of order, boleh.

**Tuan Ong Tee Keat:** Kali ini 36 (1) "Seseorang Ahli hendaklah menghadkan percakapannya kepada perkara yang dibincangkan sahaja dan tidak boleh mengeluarkan apa-apa perkara yang tidak berkaitan dengan perkara yang dibincangkan itu."

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, saya bersetuju itu.

**Tuan R. Karpal Singh:** Itu kuasa Tuan Speaker, bukan dia Tuan Speaker. Itu kuasa Tuan Speaker. Jikalau Tuan Speaker putuskan seperti itu, saya ikut, bukan juvenile itu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tadi Yang Berhormat kata ada orang-orang yang bercakap tidak bersangkutan dengan perkara yang dibincangkan.

**Tuan R. Karpal Singh:** Ini ada bersangkutan, oleh kerana salah guna kuasa di bawah seksyen yang ada seperti yang ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tetapi itu bersangkutan dengan ISA. Bukan bersangkutan dengan Ordinan Darurat.

**Tuan R. Karpal Singh:** Ini pun serupa Tuan Speaker, serupa apa yang saya cakap tadi, serupa word for word—photocopy semua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Serupa itu serupalah tetapi tidak sama. (*Ketawa*)

**Tuan R. Karpal Singh:** Serupa dan sama serupa. (*Ketawa*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang itu Undang-undang lain Yang Berhormat.

**Tuan R. Karpal Singh:** Tuan Speaker, baru-baru ini perkataan "serupa" dan "sama" saya ada satu kes di Pulau Pinang depan Hakim Edgar Joseph, seminggu dahulu juga, dalam perintah lanjutan Menteri ada sebut, Tuan Speaker, atas alasan-alasan yang serupa saya lanjutkan tahanan ini, jikalau alasan-alasan yang sama tidak payah ada lagi satu peluang untuk pergi depan Lembaga, tetapi dalam affidavitnya Timbalan Menteri beliau sebut alasan-alasan yang similar grounds, sebab apabila kami mahu dapat tahu apa perbezaan similar dan sama, tidak ada. Dalam dictionary pun tidak ada. Similar—serupa dan sama dan sama—serupa. (*Ketawa*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Tuan R. Karpal Singh:** Ini apa yang terjadi dalam mahkamah, Tuan Speaker, ini ada dan saya boleh dapat nota-nota jikalau perlu. Tetapi itu beside the point apa yang saya kata tadi.

Tuan Speaker, dalam Seksyen baru ini 7c, "tidak boleh ada kajian semula kehakiman akan tindakan atau keputusan Yang di-Pertuan Agong". Jikalau budi bicara Yang di-Pertuan Agong, Tuan Speaker, kami boleh terima, tetapi budi bicara Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tidak boleh terima, oleh kerana dalam masa dahulu beliau tidak guna budi bicara yang ada diberi kepada beliau di bawah undang-undang dengan keadilan. Bukan budi bicara sendiri juga, ada bukti yang mengeluarkan dari mulut beliau juga, bukan budi bicara sendiri oleh kerana beliau tidak

buat apa-apa siasatan sendiri tetapi bina budi bicara itu atas siasatan pegawai polis dan kakitangan-kakitangan dalam Kementerian Dalam Negeri.

Tuan Speaker, di dalam Dewan ini pada 17hb Mac, 1988—masa itu saya ada dalam tahanan—nasib baik, kalau tidak, tentu saya bantai dia—dalam perbahasan Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan), ini apa yang ada dalam *Hansard*, dengan izin, Tuan Speaker, dan ini apa yang dikatakan oleh Menteri Dalam Negeri yang ada kaitan dalam perkara ini, kalau saya boleh baca apa yang ada di sini: "Kehakiman sepatutnya menumpukan perhatian kepada keadilan dan tidak memihak kepada sesiapa pun. Apabila Hakim berasa perlu ia membuktikan kebebasannya terlebih dahulu, maka keadilan akan mendapat tempat yang kedua. Dengan perkataan lain, keadilan tidak tercapai apabila Hakim lebih mengutamakan sikap bebasnya dari Kerajaan. Oleh sebab inilah, maka ada Hakim-hakim semasa menjatuhkan hukuman membuat kenyataan yang tidak berasas, seolah-olah melepaskan geram. Kenyataan-kenyataan ini dibuat kerana kepercayaan bahawa apa yang dikatakan oleh Hakim tidak boleh ditegur. Jika dikritik maka Hakim boleh mendakwa di bawah "menghina mahkamah" atau "contempt of court". Jika ada rayuan maka kes itu menjadi *sub judice* dan sekali lagi segala komen terhadap kes berkenaan dianggap salah. Dengan perkataan lain, Hakim boleh mencemuh seseorang kerana orang itu tidak berhak mempertahankan diri.

Apa yang mustahak sekarang, Tuan Speaker. "ini dapat dilihat apabila seorang Hakim mendakwa Menteri mempunyai niat buruk atau *mala fide* kerana tidak menyiasat sama ada maklumat yang disampaikan oleh

pegawainya tepat atau tidak." Masa itu seperti semua Ahli-ahli Yang Berhormat dan semua rakyat tahu Menteri Dalam Negeri "hantam" Yang Arif Peh Swee Chin yang ada buat satu perintah melepaskan saya dari tahanan. Apa yang ada dikata oleh Menteri ini.

"Setiap orang Menteri mempunyai berpuh-puluh pegawai yang ditugaskan dengan tugas-tugas tertentu. Setiap hari Menteri menerima berbagai-bagai laporan daripada pegawai-pegawai ini. Jika kerja-kerja Menteri hendak dijalankan maka Menteri terpaksa mempercayai maklumat yang disampaikan oleh pegawai kepadanya. Jika tidak, Menteri mestilah memeriksa dan menyelidiki sendiri setiap butir maklumat yang disampaikan oleh pegawainya sebelum ia membuat apa-apa keputusan. Jika Menteri terpaksa menyelidiki sendiri untuk menentukan benar atau tidak sesuatu butir maklumat maka pegawai tidaklah diperlukan lagi. Dalam keadaan yang Menteri mempunyai masa yang terhad untuk membuat keputusan maka penyelidikan terhadap kebenaran tiap-tiap maklumat tidak mungkin dibuat. Hanya apabila Menteri mensyaki maklumat yang disampaikan kepadanya tidak tepat, baru ia akan mengarahkan supaya penyelidikan dibuat oleh pegawai yang lebih tinggi."

Ini bermakna, Tuan Speaker, budi bicara ada digunakan atas satu fail yang ada dihantar oleh Polis kepada Kementerian. Pegawai-pegawai dalam Kementerian meneliti fail ini dan selepas itu buat satu rekomendasi kepada Menteri. Apa yang Menteri buat, Tuan Speaker, dia sign juga. Apa yang saya suspect, dengan izin, dia tidak meneliti fail itu dengan teliti tetapi dia sign. Ini ada bukti dalam kes saya sendiri, Tuan Speaker.

Dalam butir-butir pertuduhan ada enam butir-butir. Butir-butir pertuduhan No. 6 isi kandungannya satu masa pukul 10, 10hb Oktober, 1987 saya ada depan satu bangunan dekat Balai Polis Lebuh Beach, saya ada buat satu ucapan sensitif, satu ucapan yang ada kaitan dengan racial, sentiment, dengan izin, dan oleh itu, dengan lima pertuduhan lain dia berpuas hati untuk buat perintah, akibatnya saya masuk dalam Kamunting.

Apabila, Tuan Speaker, dalam application *habeas corpus* yang saya buat dalam Mahkamah Tinggi di Ipoh, saya nafikan pertuduhan itu oleh kerana dalam masa yang ada dalam pertuduhan No. 6 ini saya ada depan hakim, masa itu Hakim Besar Malaya, sekarang Ketua Hakim Negara, Lord President Tun Abdul Hamid bin Omar. Bila itu terjadi, Tuan Speaker, dalam satu surat sumpah yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dia setuju apa yang ada disebut dalam pertuduhan 6 itu tidak benar, it was an oversight, dengan izin. Tetapi, Tuan Speaker, dalam kes saya sendiri, yang ada difile dalam Mahkamah Tinggi Ipoh dalam alasan-alasan kehakiman yang ada diberi oleh Yang Arif Peh Swee Chin, inilah apa yang ada dikatakan oleh hakim itu. Saya baca apa yang ada dalam laporan ini, dengan izin, Tuan Speaker,

"One of the many issues raised by the detainee is *mala fide*, that is, the detention order was made *malafide*. The point was raised in connection with allegation of fact No. 6.

A most extraordinary state of affairs in this case is that of the six specific past activities of the detainee as set out respectively in the six allegations of fact, allegation of fact No. 6 is admittedly incorrect or not true in the sense that the detainee did not at the time, place and on the date stated used the issue by speaking of non-Mandarin

qualified headmasters in Chinese national primary schools etc.

Very properly and fairly the Minister has admitted that this allegation No. 6 is an error. But it was said to be due to oversight.

The detainee submitted that this showed the casual and cavalier attitude in regard to the issue of the detention order as to amount to *malafide*."

Dan selepas itu apa yang saya ada baca kelmarin dan tidak payah baca sekarang. Apa yang saya ada ikut kelmarin, Yang Arif Peh Swee Chin sambung alasan-alasan

"Having regard to the passage, the issue of *malafide* is raised which results itself in the final analysis into a simple and neat question: Was the detention order in this case made without care, caution and a proper sense of responsibility?

"To seek the answer to the question formulated by the court as to whether the detention order was made without care, caution and a proper sense of responsibility, first, the learned Senior Federal Counsel with considerable candour agreed that the Assistant Secretary of the Ministry of Home Affairs, Encik Ibrahim bin Mohamed, was careless in the drafting of the allegation."

"It would appear from the affidavit of the said Assistant Secretary that in receiving the case file from the Police he found that it contained a recommendation that the detention order be made under Section 8 (1) of the Act. On December 18th, 1987 the detainee's case was submitted to the Minister for his consideration. On December 19th, 1987 he prepared and signed the allegations of fact on the direction of the Minister. He said

further that expect for the oversight the allegations of fact contained all the facts presented to the Minister for his consideration.

I am not satisfied at all that the allegation of fact No. 6 as drafted in error by the Assistant Secretary was a mere fiction from the figment of the Assistant Secretary's imagination. He could not possibly have invented the date and time mentioned in the allegation of the fact No. 6. He prepared it on the direction of the Minister. It is inconceivable that the case file from the Police did not contain allegation of fact No. 6. The same file must have been given to the Minister for his consideration and to the Assistant Secretary to help him to draft the six allegations of fact. The error in my view originated from the Police."

Tuan Speaker, ini ada satu kaitan dengan apa yang saya berucap tadi. Guna budi bicara atas siasatan siapa, pihak Polis dalam kes ini apa jangan dicakap, "error in my view was originated." Boleh ada error lain dalam kes-kes lain.

Tuan Speaker, jikalau boleh saya sambung apa yang ada dalam alasan ini.

"It would be clear that the error relating to the allegation of fact No. 6 as presented to the Minister for his consideration was not of the Minister's make for the Assistant Secretary's."

Satu hakim, hakim yang adil tetapi Yang Amat Berhormat kata niat jahat hentam hakim itu dalam Dewan yang mulia ini. Tidak berani hentam di luar, jikalau seperti itu masuk jail, contempt of court. Salah guna kuasa dalam Dewan ini. Saya sambung apa yang ada di sini.

"I do not think, however, that the Minister can rid himself of the error of the Police because the process starting with the initial arrest of the detainee under Section 73 of the Act pending enquiries under the execution of the detention order made by the Minister would appear to be continuous one, according to Tun Mohd. Saleh, Lord President in the Supreme Court case of Lim Chin Chin, Theresa. Such being the case, any part of such one continuous process can be looked into to see that care and caution had been exercised with a proper sense of responsibility for the purpose of ascertaining the detention order was properly made."

Tuan Speaker, ada bukti jikalau, dan apa yang ada disetujui oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, beliau tidak ada masa untuk buat siasatan, apa yang ada dibuat ialah siasatan yang ada dibuat oleh Polis dan pegawai-pegawai lain dalam Kementerian, beliau terpaksa gunakan untuk buat satu perintah di bawah Akta ISA atau Akta ini.

Tetapi, Tuan Speaker, apa yang mustahak sekarang bolehkah Polis dipercayai atau pegawai-pegawai dalam Kementerian dalam satu perkara yang serius seperti ini? Tetapi dalam fikiran saya, tujuan, motif, pindaan kepada Akta Darurat ini dan juga kepada Akta ISA khususnya iaitu dia mahu ajar hakim-hakim dalam negara ini dan itu pun saya ada bukti oleh kerana pada satu masa dahulu dalam kes Lim Kit Siang vs. Dr Mahathir Mohamad tetapi sekarang saya ingat Barisan Nasional barangkali sudah curi—tetapi dalam satu article, jikalau saya tidak silap, pada tahun 1986 dalam *Time magazine* beliau ada buat satu kenyataan dalam bahasa Inggeris, dan jikalau saya boleh, bukan quote, tetapi baca isi kandungan article itu, iaitu: "If the courts do not interpret the law according to what we think they

ought to interpret it, then we will find a way to make them interpret it according to our wishes".

Ini bukti sekarang, bukti bahawa apa yang dikatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada masa itu, sekarang sudah jadi kenyataan. Jikalau itu tujuannya, Tuan Speaker, itu jadi satu tujuan bukan *bonafide*, apa yang ada dalam Huraian Akta ini dan juga Akta (Pindaan) Keselamatan Dalam Negeri, jikalau saya boleh baca Huraian itu:

"Seksyen baru 7c menghapuskan daripada kajian semula kehakiman akan segala tindakan yang dilakukan dan keputusan yang dibuat oleh Yang di-Pertuan Agong atau Menteri pada menjalankan kuasa menurut budi bicara mereka di bawah Akta kecuali mengenai apa-apa kehendak prosedur yang mengawalselia tindakan atau keputusan itu. Tujuan seksyen baru ini ialah untuk mengesahkan semula dengan tegas prinsip bahawa ujian subjektif terpakai bagi menentukan pgunaan yang wajar akan kuasa oleh Menteri menurut budi bicaranya sebagaimana yang ditetapkan di dalam kes Karam Singh Iwn. Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri. ..."

Ini bukan tujuannya, Tuan Speaker. Jikalau inilah tujuan untuk mengesahkan semula dengan tegas sebagai satu pindaan kepada Akta Keselamatan Dalam Negeri atau Akta Darurat ini, Tuan Speaker, oleh kerana apa dalam ucapannya kelmarin, beliau tegaskan dalam Dewan ini *mala fide* skop relevancy tidak boleh berbangkit dan satu hakim tidak ada kuasa untuk buat apa-apa keputusan atas perkara itu? Semua kuasa diketepikan dalam perkara ini termasuk *malafide* tetapi mengenai kes Karam Singh, Tuan Speaker pun saya ingat ada baca dengan teliti kes ini dalam tahun 1968. Dalam kes ini prinsip, dengan izin, subjective test is

the test applied by the court, i.e. the court cannot go into the sufficiency and the relevancy of the material upon which the Minister make an order under Section 8 (1) of the International Security Act.

Tetapi, ada qualification di situ, jikalau ada *mala fide*. Jikalau ada *mala fide* yang mana sesuatu perkara susah dibuktikan dalam mahkamah, tetapi prinsip ada di sana, jikalau ada bukti *mala fide* dalam satu perkara hakim ada kuasa. Itu prinsip dalam kes Karam Singh. Jikalau itu tujuan dalam Huraian, Tuan Speaker, oleh kerana apa yang Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mislead this House, dengan izin, kelmarin?

Mengikut ucapan beliau, *mala fide* pun tidak boleh dipersoalkan. Ini bukan ikhlas. Siapakah yang memberi nasihat seperti itu kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri? Barangkali Peguam Negara? Di bawah Perlembagaan, Peguam Negara menasihatkan, tidak ada orang lain. Adakah Peguam Negara berani untuk buat satu kenyataan dalam suratkhbar esok menyatakan bahawa beliau ada beri nasihat kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri iaitu *mala fide* pun tidak boleh dipersoalkan di bawah pindaan yang ada dalam pindaan-pindaan kepada ketiga-tiga Undang-undang ini? Adakah pegawai-pegawai lain dalam Jabatan Peguam Negara hari ini dalam Dewan ini untuk berdiri dan bersetuju ada beri nasihat seperti itu? Saya tahu, Peguam Negara tentu tidak berani, tidak berani, oleh kerana apa yang dikatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tidak boleh dipertahankan oleh kerana kes Karam Singh tidak tolak *mala fide* seperti satu punca atas mana satu perintah boleh diketepikan. Jikalau itu tujuan apa yang dikatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kelmarin jadi satu kenyataan yang tidak benar, beliau ada, dengan izin, misled this House.

Di dalam Huraian, Tuan Speaker, ada lagi satu perkara yang saya mahu membangkitkan. Saya baca apa yang ada dalam muka surat 4:

"Peruntukan ini adalah perlu untuk mengelakkan sebarang kemungkinan yang mahkamah-mahkamah akan menggantikan keputusan pihak Eksekutif dengan keputusan mereka mengenai perkara-perkara bersangkut dengan keselamatan dan ketenteraman awam negara sebagaimana yang telah dilakukan oleh mahkamah-mahkamah di negara-negara asing tertentu di mana keputusan-keputusan mereka telah berlandaskan keadaan-keadaan yang berlainan sama sekali dengan keadaan-keadaan di Malaysia".

Tuan Speaker, dalam tahun 1987 dalam satu kes, dan ini kes adalah kes dari Zimbabwe dan saya baca apa yang ada dalam kes itu mengenai apa ulasan kehakiman dalam kes itu.

Kes itu, Tuan Speaker, Minister for Home Affairs vs. Austine.

"In Austine, Section 17 (1) of the Emergency Powers (Maintenance of Law and Order) Regulations, 1983, admitted the making of a detention order if it appears to the Minister that it is expedient in the interest of public safety or public order to do so. The Supreme Court of Zimbabwe held that a judicial review was not excluded and though subjective language had been used, the Minister had to consider objective facts and the court could determine whether he had acted reasonably in doing so".

Tuan Speaker, Zimbabwe adalah satu negara di mana ada ancaman-ancaman lebih serius daripada ancaman-ancaman dalam negara ini. Ancaman dari pihak komunis minimal sekarang, dengan izin. Ada dipersetujui oleh Menteri-menteri dalam Dewan ini.

Jikalau Zimbabwe satu negara yang dapat merdeka baru-baru ini, lebih kurang saya ingat 8-9 tahun lalu kalau saya tidak silap, ada ancaman-ancaman serius di sana. Tetapi Menteri Dalam Negeri negara itu tidak ada kuasa untuk buat apa yang Menteri ada kuasa melalui apa yang ada diputuskan oleh mahkamah-mahkamah dalam negara ini.

Dalam satu lagi kes, Tuan Speaker, kes ini di South West Africa. "In the case of Kasofa in 1985, Tuan Speaker, Section 2 (1) of the Act in question provided:

"If the Administrator-General is satisfied:

- (a) that the peaceful development of South Africa is threatened by violence against, or intimidation of any particular person or persons generally; and
- (b) any person committed or in any manner promote the commission of such violence or intimidation, he may issue a warrant for the arrest and detention of such person".

"It was held that objective reasonable grounds had to exist to cause the Administrator-General to be satisfied. The mere . . . of the Administrator-General was insufficient as the court would not be able to judge therefrom whether his reasons in law justify the detention".

South West Africa, Tuan Speaker, negara itu pun di sana ada objective test. Oleh kerana apa kita dalam negara ini tidak boleh ikut negara seperti Zimbabwe dan South West Africa. Jikalau, Tuan Speaker, ada maklumat-maklumat tertentu yang tidak boleh disiarkan di dalam mahkamah terbuka, tidak bolehkah maklumat itu diberi kepada satu hakim dalam kamarnya on a "need to know" basis, Tuan Speaker, dan hakim itu atas maklumat itu dan maklumat lain

yang ada disiarkan oleh Menteri boleh buat keputusan. Apa yang merbahaya dalam perkara-perkara seperti ini, Tuan Speaker, bukan Menteri. In the last analysis, Tuan Speaker, dengan izin, bukan Menteri yang guna budibicara dengan keadilan oleh kerana ada laporan-laporan ada dibuat oleh pegawai polis dan kelakuan pegawai polis mutu pegawai polis sekarang ada perbezaan dengan pegawai-pegawai polis pada masa dulu. Tidak ada mutu sekarang, Tuan Speaker. Bukan saya yang cakap, tidak ada mutu, ada kes-kes dalam majalah MLJ, Tuan Speaker, di mana ada bukti pegawai-pegawai polis ada ugut, guna kekerasan, pukul suspect-suspect yang ada dalam tahanan.

Tuan Speaker, ada bukti juga dalam affidavit-affidavit dimasuk dalam mahkamah dalam kes-kes *habeas corpus*, dan saya baca apa yang ada dalam dua kes.

Dengan izin, very enlightening and true. Tetapi dahulu daripada itu saya baca apa yang ada dalam majalah *Malayan Law Journal*, July 1980. Ini ada dikatakan oleh Ketua Hakim Negara, Tun Suffian pada masa itu. Dengan izin, saya baca dalam bahasa Inggeris,

"The police force exists to protect the public from criminal elements and are given wide powers of arrest, search, investigation and so on, to detect offenders, to collect evidence against them and to bring them to book. These powers are to be found in the Criminal Procedure Code and other laws enacted by Parliament—seperti Ordinance depan kita sekarang—and welcomed by the people".

The police are expected to do their duty energetically and efficiently and, on the whole, they do it as witnessed by the comparative peace and tranquility that exists in the country. But one power the police do

not have, and it is both unlikely that Parliament and the people will give it to them, and that is power to assault and torture suspects in their custody. Least of all, power to kill. Parliament and the public expect the police to exercise their power in a civil and humane way. Those who exceed their powers should not expect to be protected by the law.

In this case—*kes hadapan Yang Arif masaitu*—on 18th June, 1977, at 9.20 a.m., the police arrested Nordin, a young boy of 16, son of an ex-sergeant of the Special Constabulary, on suspicion of being involved in a spate of house breakings and thefts in the Datuk Keramat area, Kuala Lumpur.

He was arrested in Johore in Chaah and taken to the Segamat police station. There was no complaint about his treatment in Johore. From there he was taken to the Cheras police station in Kuala Lumpur and then transferred to the Pudu police station where he was beaten to death."—*budak berumur enambelas tahun dipukul sampai mati oleh polis*".

When he arrived at the Cheras police station he was in good condition but when he arrived at Pudu police station there were fresh bruises on his body, obviously acquired while he was at Cheras police station. He was interrogated and insisted that he was innocent. This was regarded as non-cooperation and so he was subjected to what is known in the force as intensive interrogation, described as continuous interrogation for up to 12 hours by a team of interrogators (more like alligators) who changed every two hours.

During the interrogation at Cheras police station, beginning at 9.20 p.m. on the 19th of June, 1977, he was

hung from a window facing outwards, hand-cuffed to the windows grill in the manner of crucifixion. He was completely naked. He was beaten with a rubber hose by a succession of police officers, including—the learned judge found—the four appellants. He struggled and screamed in pain and shortly after midnight on the 19th or the 20th of June, he became lifeless. When his body arrived at the General Hospital at 2.50 a.m. the doctor who examined him pronounced him dead, the death having occurred an hour or so earlier.

A *post mortem* examination the following afternoon revealed over 24 linear abrasions all over his body caused by blows with a rubber hose and by falls, punches and kicks. The doctor said that the cause of death was the cumulative effects of multiple blows testicular reflex and lower resistance due to disease and possibly due to starvation also. There was no trace of drug inside the body. During the 40 hours he spent in custody he was given no food and there was positive evidence that during the interrogation he asked for water and was ordered not to be given any".

Pegawai-pegawai seperti ini, Tuan Speaker, buat laporan atas asas mana? Yang Amat Berhormat Perdana Menteri boleh buat satu perintah. Itu keadilan (*Tepuk*).

**Puan Ling Chooi Sieng:** (*Bangun*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Kluang bangun.

**Puan Ling Chooi Sieng:** Minta penjelasan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dia minta penjelasan. Yang Berhormat hendak beri?

**Tuan R. Karpal Singh:** Ini perempuan buat kacau sahaja, tidak payahlah (*Ketawa*). Saya baca:

"Such was brutal treatment that the accused and others the young man who unknown in the force saw fit to give this at along maintained his innocence and from whom they wanted to extort a confession or information, The learned judge sentenced the first accused, a Chief Inspector".

Ini bukan pegawai-pegawai rendah tetapi Chief Inspector, ada pengalaman lama-lama dalam pasukan polis, dia dapat 3 tahun, seorang lagi 80 bulan dan satu lagi 12 bulan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat bercakap sudah hampir satu jam.

**Tuan R. Karpal Singh:** Lagi dua, tiga contoh, Tuan Speaker, tidak berapa lama. Ini. . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Kalau dua, tiga contoh pun, adakah Yang Berhormat bercadang supaya polis ini tidak patut diadakan langsung?

**Tuan R. Karpal Singh:** Bukan tidak patut diadakan. Tetapi ada bukti di mana laporan-laporan ada dibuat terhadap pegawai-pegawai seperti ini, bukan satu dua, hari-hari dalam mahkamah, apabila ada percakapan amaran "trial within trial", Tuan Speaker pun tentu tahu ini sebagai seorang bekas Hakim.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya mengaku bahawa dalam polis ada orang yang buat salah dan ada yang tidak buat salah.

**Tuan R. Karpal Singh:** Ada banyak orang yang buat salah—banyak (*Tepuk*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya fikir. . . .

**Tuan R. Karpal Singh:** Oleh kerana. . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Jelutong, saya fikir dalam polis banyak yang tidak buat salah, banyak yang telah pun membuat jasa yang baik (*Tepuk*).

**Tuan R. Karpal Singh:** Tetapi orang yang ada buat salah, salah itu bukan salah yang kecil. Saya baca dari contoh yang ada di sini. Ini mengenai seorang yang ada ditahan di bawah ISA.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baiklah, Yang Berhormat. Saya beri Yang Berhormat 5 minit lagi, sudah hampir satu jam Yang Berhormat bercakap. Bagi peluang kepada orang lain pula.

**Tuan R. Karpal Singh:** Dalam kes ini, jikalau saya betul baca, apa yang dilakukan atas Encik Abdul Rahman bin Hamzah. . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya rasa sudah cukuplah. Kita menerima bahawa dalam mana-mana tempat sekalipun ada orang yang buat salah dan ada yang tidak buat salah. Maka itulah sebabnya ada Peguam, ada Hakim.

**Tuan R. Karpal Singh:** Ya, tetapi tangan Hakim semuanya sudah diikat (*Tepuk*). Itu aduan yang saya buat di sini sekarang sebab tidak ada judicial review. Jikalau tidak ada judicial review, ke arah mana ada keadilan? Itu adalah satu soalan yang kami membahaskan sekarang. Di atas judicial review ini, saya baca apa yang dikatakan oleh Tun Salleh Abas, bekas Ketua Hakim Negara dalam kes Lim Kit Siang vs Dato' Seri Dr Mahathir Mohamad dan apa yang dikatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam *Times*—saya sudah dapat apa yang saya cari tadi—jikalau saya boleh quotekan sekarang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, sesudah itu saya minta Yang Berhormat menghentikan ucapan. Sudah satu jam lama Yang Berhormat berucap.

**Tuan R. Karpal Singh:** Sedikit lagi, Tuan Speaker, saya quote:

"On the court, the judiciary says to us, "Although you pass a law with a certain thing in mind, we think your mind is wrong". Of course it is always right and we want to give our interpretation. If we disagree, the court will say we will interpret your disagreement. If we go along, we are going to lose our power of legislation. You know exactly what we want to do but once we do it, it is interpreted in a different way and we have no means to re-interpret it in our way. We find out that the court always throws it out on its own interpretation. If it interprets contrary to why we made the law, then we will have to find a way of producing a law that will have to be interpreted according to our wish".

Dictatorship, itu apa yang berlaku. (*Tepuk*) Datam kes ini juga apa yang dikatakan atas tajuk ini iaitu "Judicial Review" oleh Tun Salleh Abas ialah:

"When we speak of government, and it must be remembered that this comprises three branches, namely the Legislature, the Executive and the Judiciary". Ini bukan Kerajaan Mahathir juga "Kerajaan" bermakna Legislature, Executive and the Judiciary.

"The courts have a constitutional function to perform and they are the guardians of the Constitution. Within the terms and structure of the Constitution itself, they not only have the power of construction and interpretation of legislation but also the power of judicial review, a concept that pumps through the arteries of every constitutional adjudication and which does not imply the superiority of judges over

Legislatures but of the constitutions of both. The courts are the final arbiter between the individual and the state and between individuals *inter se* and in performing their constitutional role, they must of necessity and strictly in accordance with the Constitution and the law be the ultimate bulwark against unconstitutional legislation or excesses in administrative action. If that role of the judiciary is appreciated, then it will be seen that the courts have a duty to perform in accordance with the oath taken by the Judges to uphold the Constitution and act within the provisions of and in accordance with them".

Tuan Speaker, kuasa-kuasa yang boleh diberikan kepada Hakim, jikalau pindaan ini diluluskan, adalah kuasa-kuasa yang luas. Oleh kerana kuasa-kuasa ini luas dan kuasa-kuasa ini tidak boleh diterima oleh Parti DAP, saya merayu kepada Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong menurut Artikel 66 (4) Perlembagaan agar jangan luluskan ketiga-tiga pindaan ini setelah pindaan ini diluluskan oleh Senate atau apabila "(Rubber Stamp)" ini sudah meluluskan ketiga-tiga undang-undang ini; jangan tandatangan ketiga-tiga undang-undang yang tiada keadilan ini. Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong ada kuasa di bawah Artikel 66 (4) Perlembagaan. Terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri oleh kerana memberi kuasa seperti ini kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Tuan Speaker, apa yang mustahak, apa yang ada dikatakan dalam perkara seperti ini oleh Yang di-Pertuan Agong semasa Yang di-Pertuan Agong menjadi Hakim Besar dahulu,

**Tuan Zubir bin Embong:** (*Bangun*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Yang Berhormat dari Kuala Terengganu?

**Tuan Zubir bin Embong:** On a point of order.

**Tuan R. Karpal Singh:** Jikalau point of order, boleh. Kalau tidak, saya tidak beri jalan.

**Tuan Zubir bin Embong:** On a point of order. Masa yang Tuan Yang di-Pertua berikan tadi sudah berlebih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Jelutong, sila tutupkan ucapan.

**Tuan R. Karpal Singh:** Bila dia kena hentam, dia tidak berani ada di sini, sekarang dia sudah balik, dia mahu main-main lagi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Jelutong, minta ringkaskan.

**Tuan R. Karpal Singh:** Ya. Apa yang dikatakan oleh Yang di-Pertuan Agong semasa menjadi Hakim Besar Malaya, dalam kes Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan vs Seri Lempar Enterprise Sdn. Bhd. Ini dalam majalah MLJ 1979, Volume I muka surat 135 dan saya akan baca apa yang ada dalam muka surat 148. Inilah apa yang telah dikatakan oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada masa itu:

"I cannot subscribe to this proposition for a moment. Unfettered discretion is a contradiction in terms. My understanding of the authorities in these cases and in particular in the case of Tex Granite and his progeny compel me to reject it and to uphold the decision of the learned judge. It does not seem to be realised that this argument is fallacious—and this is important. Every legal power—termasuk kuasa ini—must have legal limit, otherwise there is dictatorship. Kalau ini diluluskan, akibatnya ialah dictatorship. In particular, it is a stringent requirement that the

discretion should be exercised for a proper purpose—*mala fide* pun boleh, itu proper purpose, Tuan Speaker— and it should not be exercised unreasonably. In other words, every discretion cannot be free from legal restraint. Where it is wrongly exercised, it becomes the duty of the courts to intervene. The courts are the only defence of the liberty of the subjects against departmental aggression (*Tepuk*). In these days when Government Departments and public authorities have such great powers and influence, it is a most important safeguard for the ordinary citizen so that the courts can see that these great powers and influence are exercised in accordance with law. I would once again emphasize what has often been said before that public bodies must be compelled to observe the law and it is essential that bureaucracy should be kept in its place". (*Tepuk*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, masa Yang Berhormat sudah cukup.

**Tuan R. Karpal Singh:** Kalau cukup tidak apa Tuan Speaker, kerana keadilan tidak apa.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya minta Yang Berhormat Menteri menjawab kerana kita tidak ada masa lagi.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Megat Junid bin Megat Ayob):** Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Yang Amat Berhormat Menteri Dalam Negeri, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang ini sama ada dari pihak pembangkang yang membantah undang-undang ini atau dari pihak Kerajaan yang telah memberikan sokongan yang padu. Ahli-ahli Yang Berhormat itu ialah Yang Berhonnat dari Pengkalan Chepa, Yang

Berhormat dari Simunjan, Yang Berhormat dari Kuala Terengganu, Yang Berhormat dari Pasir Mas, Yang Berhormat dari Pagoh dan yang terakhir sekali ialah Yang Berhormat dari Jelutong.

Ahli Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa telah memberi ucapan panjang lebar dan berjela-jela, dukacita sedikit ucapan Ahli Yang Berhormat itu sebenarnya telah terkeluar tajuk. Ucapan itu telah disediakan ke atas pindaan kepada Akta Keselamatan Dalam Negeri. Memandangkan pembentangan Akta itu telah selesai dan ucapan yang sama digunakan untuk Akta yang lain, tentulah ucapan itu tidak kena tempat dan terkeluar tajuk.

Walau bagaimanapun, sebagai Kerajaan yang bertanggungjawab, saya bersedia menjawab dan melayan perkara-perkara yang telah dibangkitkan. Agak saya, kalau di mahkamah, Ahli Yang Berhormat buat begini sudah pun dibuang kes. Ahli Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa itu telah menuduh Kerajaan tidak percaya kepada kewibawaan hakim. Dalam hal ini sukalah saya bertanya kepada Ahli Yang Berhormat, siapakah yang melantik hakim-hakim itu? Mereka dilantik di atas perakuan Kerajaan dan mengikut proses-proses yang ditetapkan oleh undang-undang. Jika Kerajaan memperakukan lantikan hakim-hakim maka adalah tidak logik bahawa Kerajaan tidak percaya kepada hakim-hakim. Saya ingin menyarankan di sini bukannya Kerajaan tidak percaya kepada hakim-hakim, cuma ada segolongan hakim-hakim yang didapati telah bertindak atau telah menghakimkan kes-kes tertentu dan kemudiannya membuat komen-komen di tuar dari kes-kes yang dihakimkan.

Yang Berhormat sendiri tahu bahawa baru-baru ini, Ketua Hakim Negara telah menegur hakim-hakim

kerana membuat kenyataan-kenyataan yang terkeluar daripada perkara-perkara yang dihakimkan. Tindakan itu tentulah tidak menyenangkan semua pihak termasuklah Kerajaan kecuali orang-orang yang mempunyai motif tertentu seperti mungkin Yang Berhormat sendiri. Dengan itu saya menyangkal kenyataan Yang Berhormat yang menyatakan hakim-hakim adalah bodoh. Saya kenal lama dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan saya tidak pernah mendengar Yang Amat Berhormat Perdana Menteri melafazkan kata-kata yang begitu kasar seperti "hakim bodoh". Kalau bodoh macam mana boleh dilantik menjadi hakim?

Pihak saya juga sungguh berbangga dan bersyukur yang pada masa ini Yang Berhormat tidak lagi menganggap orang-orang UMNO kafir sepertimana yang dibuat oleh Yang Berhormat di masa-masa yang lampau. Kesedaran seperti ini sangat dihargai dan boleh menguatkan lagi perpaduan ummah di negara ini. Ini membuktikan bahawa ISA telah dapat benar-benar membetulkan pendirian seseorang itu. Kita mesti sedar bahawa perkara yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi boleh memecahbelahkan rumahtangga, memecahbelahkan Islam. Harap perkara ini benar-benar dapat kita hentikan seperti mana yang telah diseru oleh Yang Berhormat sebentar tadi.

Elok jugalah saya menyentuh sedikit apa yang telah dibangkitkan oleh pihak Yang Berhormat dari Jelutong yang banyak menjawab apa yang telah dipercakapkan oleh Yang Berhormat dari Kuala Terengganu. Selepas itu Yang Berhormat banyak bercakap fasal Akta Keselamatan Dalam Negeri. Oleh kerana perkara ini telah dijawab oleh Yang Amat Berhormat Menteri semalam, dengan itu saya tidak ingin menambah apa-apa. Walau bagaimanapun Kementerian Dalam Negeri

akan mengambil perhatian berat atas peristiwa-peristiwa yang dilaporkan oleh Ahli Yang Berhormat atas kekejaman anggota polis seperti yang telah disarankan itu agar perkara seperti ini tidak akan berlarutan.

Berkenaan dengan perkara Seksyen 7c, adalah sia-sia kita membincangkan dengan panjang lebar dalam Dewan ini sama ada Seksyen 7c, menghalang prosiding-prosiding berkenaan *mala fide*. Ini perkara tafsiran dan terpulanglah kepada mahkamah untuk mentafsirkan skop dan effect Seksyen tersebut. Walaupun pihak Kerajaan mempunyai satu pandangan dan mungkin pihak pembangkang hanya . . . .

**Tuan Lim Kit Siang: (Bangun)**

**Tuan Yang di-Pertua:** Minta penjelasan Yang Berhormat?

Tuan Lim Kit Siang: Oleh kerana soal ini telah dibangkitkan semalam dan sungguhpun telah dijawab oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, mengenai sama ada *malafide* dan luar daripada skop adalah tertangkap oleh pindaan ini dan tentulah itu bukan benar tetapi oleh kerana hari ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada datang, adakah beliau dapat nasihat daripada Peguam Negara apa keadaan sebenarnya, mengenai sama ada, daripada pandangan Peguam Negara pindaan ini menghapuskan hak-hak *habeas corpus* melalui *mala fide* dan luar daripada skop atau tidak mendapat nasihat daripada Peguam Negara atau tidak mahu mendapat nasihat daripada Peguam Negara oleh kerana pindaan ini bukan sahaja menghapuskan kuasa tanggungjawab mahkamah tetapi menghapuskan tanggungjawab kewajipan Peguam Negara juga.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Yang di-Pertua, sebelum Akta ini dipinda, tentulah Kementerian ini

telah mendapat nasihat-nasihat dan tunjukajar-tunjukajar daripada pihak-pihak yang bertanggungjawab di atas pindaan undang-undang. Jadi saya ingat, perkara itu tidak timbul sama sekali.

Yang Berhormat dari Pagoh telah banyak menolong untuk membantu saya dengan menjelaskan perlunya pindaan ke atas Akta ini serta menjelaskan pula bahawa perkara-perkara penindasan tidak timbul dengan wujudnya pindaan ini.

Yang Berhormat dari Pasir Mas telah menganalisa keselamatan negara dari ancaman dari luar, ancaman dari dalam dan juga memecahkan ancaman dari dalam, komunisme, perpaduan kaum, dadah, jenayah dan sebagainya dan beliau minta supaya pindaan seperti ini eloklah dibuat referendum. Memang pernah kita mengadakan referendum apabila kita hendak melaksanakan hukuman mati mandatory terhadap pengedar-pengedar dadah dahulu. Oleh kerana pindaan ini bukanlah soal mati dan hidup, saya fikir tidaklah perlu diadakan referendum untuk perkara ini. Tentang keadilan pelaksanaan, Kerajaan cuba sedaya upaya untuk bertindak adil dan saksama. Nasihat Yang Berhormat dari Pasir Mas akan saya semat ke dalam hati saya terutama dari segi pelaksanaan undang-undang ini.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Terengganu telah banyak memperkatakan fasal-fasal definisi, demokrasi dan tanggungjawab dan sebagainya. Jadi, oleh kerana beliau telah banyak bercakap dari segi falsafah, perundangan dan sebagainya, saya tidak mahulah hendak sentuh apa-apa lagi.

Tentang Yang Berhormat dari Simunjan, memang benar semua kita takut menanggung dosa. Yang Amat Berhormat Menteri dan saya sendiri

pun takut menanggung dosa. Itulah sebabnya sebelum keputusan dibuat, diteliti dengan sedalam-dalamnya setelah berpuashati bahawa subjek yang berkenaan adalah benar-benar mengancam keselamatan orangramai barulah Yang Amat Berhormat Menteri atau saya membuat keputusan. Berkenaan dengan kekejaman yang dilakukan oleh pihak polis terhadap orang-orang yang ditahan, perkara ini telah pun diberi jaminan oleh Yang Amat Berhormat Menteri dan akan diambil tindakan yang sewajarnya apabila bukti-bukti diperolehi atas kekejaman mereka itu. Berkenaan dengan salah tangkap atau sengaja ditangkap kerana hendak membalas dendam . . .

**Dato' Zainal Abidin bin Zin:** Minta penjelasan. Ada sedikit conflicts of opinion. Saya kata, sama ada ia betul ataupun tidak, tetapi persoalan saya begini, Tuan Yang di-Pertua. Mengapakah orang-orang tahanan ini diinterrogate dan diseksa seperti yang telah diperkatakan oleh beberapa Ahli Parlimen sedangkan apa yang telah diberitahu oleh Yang Amat Berhormat Menteri dan jawapan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, orang-orang yang berkenaan telah pun disiasat dan diteliti secara hatius. Didapati bahawa kesalahan yang mereka lakukan itu adalah benar maka ianya ditangkap. Soalan kenapa setelah kita mengakui ada kebenaran ini maka disiasat pula di bahagian datam diinterrogate dan diseksa. Ada conflict di sini dan saya minta penjelasan.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Yang di-Pertua, di bawah Akta ini pihak Polis telah diberi kuasa untuk menangkap seseorang yang disyaki melakukan ketenteraman awam. Siasatan lanjut perlu dijalankan oleh pihak Polis sebelum seseorang itu ditahan. Jika dalam penyiasatan lanjut tidak terdapat bukti-bukti yang kukuh, maka orang itu akan dibebaskan.

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, misalnya datam Operasi Lalang dari seramai 106 orang yang ditangkap oleh pihak Polis, hanya 40 orang sahaja yang ditahan setelah penyiasatan lanjut dijalankan oleh pihak Polis. Soal tindakan Polis terhadap orang yang ditangkap sebagaimana yang didakwa—misalnya yang dibangkitkan oleh Ahli dari Simunjan—terhadap Rahman Hamzah dan sebagainya, perkara seperti ini adalah dalam penyiasatan. Jadi, perkara seksaan dan sebagainya tidak timbul, tetapi siasatan harus diperlukan untuk membuktikan adakah salah atau tidak seseorang itu kerana apabila kita tangkap, itu adalah disyaki buat sementara sebelum dapat kita buktikan.

Jadi, berkenaan dengan salah tangkap atau sengaja ditangkap atau sengaja ditangkap kerana hendak membalas dendam, saya ingat perkara ini tidak timbul, Tuan Yang di-Pertua. Ini dapat dikesan kerana sebelum sesuatu kes itu sampai ke meja Yang Berhormat Menteri ataupun Timbalan Menteri, ia ditapis dari daerah, negeri, pusat, pegawai-pegawai Kementerian Dalam Negeri, barulah sampai ke meja Yang Amat Berhormat Menteri atau Timbalan Menteri untuk keputusan terakhir. Jadi kalau kita hendak kata bahawa hanya satu pihak sahaja yang mengambil bahagian adalah tidak benar kerana tapisan yang buat adalah begitu terperinci sekali.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang telah dijelaskan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa membentangkan Rang Undang-undang ini semalam, pindaan yang dicadangkan ini bertujuan untuk menghalang perintah tahanan yang dibuat oleh Menteri Dalam Negeri itu dipersoal iaitu selain daripada atas alasan bahawa kehendak-kehendak acara penahanan yang ditetapkan oleh undang-undang tidak dipatuhi. Jika

mahkamah dibiarkan menggantikan keputusan Kerajaan dalam perkara keselamatan negara dan ketenteraman awam, saya kita ini bukan niat dan kehendak Parlimen yang mulai ini.

Sebagai sebuah Kerajaan yang bertanggungjawab memastikan keselamatan negara tentulah banyak perkara-perkara sulit yang tidak boleh didedahkan di dalam mahkamah terbuka. Keengganan saksi-saksi untuk memberi keterangan di mahkamah umpamanya, adalah satu daripada punca-punca mengapa seseorang itu perlu diambil tindakan di bawah undang-undang pencegahan seperti Undang-undang Darurat ini. Saksi-saksi takut memberi keterangan kerana keselamatan mereka akan terancam. Jika mereka dikenalpasti oleh sindiket-sindiket itu seperti sindiket dadah, sindiket senjatapi, sindiket colek, sindiket rompak, tentulah nyawa mereka terancam. Kadang-kadang Kerajaan perlu merahsiakan sesuatu maklumat juga dengan tujuan untuk menjalankan langkah-langkah keselamatan yang lain. Perkara ini perlu diketahui oleh Kerajaan dan tidak boleh diketahui oleh umum. Jika Kerajaan dituduh sebagai sebuah Kerajaan yang zalim atau tamak kuasa, tuduhan itu adalah satu tuduhan yang liar. Kuasa yang ada pada Kerajaan adalah mengikut undang-undang yang telah dibuat oleh Dewan yang mulia ini dan tugas Kerajaan adalah melaksanakan dan mematuhi undang-undang yang telah ditetapkan itu.

Perlu ditegaskan di sini bahawa undang-undang ini digunakan untuk menahan pencegahan ke atas penjenayah-penjenayah seperti ketua-ketua kongsi gelap, ketua-ketua sindiket senjatapi, colek, rompak dan sebagainya, mereka ini sungguh merbahaya dan perlu ditangkap dan ditahan.

Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalah ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

*Fasal 1 dan 2* diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

*Pendahuluan* diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**RANG UNDANG-UNDANG  
DADAH BERBAHAYA  
(LANGKAH-LANGKAH  
PENCEGAHAN KHAS)  
(PINDAAN)**

**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

*6.38 ptg.*

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya satu Rang Undang-undang beraama Suatu Akta untuk meminda Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985 dibacakan kali kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, penyalahgunaan dadah merupakan satu gejala yang amat bahaya kepada sesebuah negara. Ia bukan sahaja boleh melumpuhkan pembangunan sesebuah masyarakat tetapi ia juga menjadi punca berbagai jenayah termasuk keganasan, rompakan dan pembunuhan. Di negara-negara di mana penyalahgunaan dadah sudah merebak, gejala ini sukar dikawal kerana pihak yang ditugaskan untuk mengawal juga terlibat dengan pengedaran. Dengan itu ada kemungkinan kawalan ketenteraman dan keselamatan atau, dengan izin, preservation of law and order tidak boleh dilaksanakan dan anarki atau huru-hara akan wujud. Sebenarnya, di Malaysia juga sudah ada penglibatan beberapa pegawai keselamatan. Pendek kata, penyalahgunaan dadah boleh menghancurkan masyarakat dan negara. Justeru itu, Kerajaan mengambil sikap yang tegas dalam usaha mengawal dan membasmi jenayah ini termasuklah hukuman gantung yang mandatori bagi pengedar yang bersalah.

Walau bagaimanapun, kita mendapati tidak semua pengedar dan penjenayah dadah boleh dihadapkan di mahkamah. Oleh itu Kerajaan terpaksa menggunakan undang-undang pencegahan iaitu Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985 yang telah berkuatkuasa semenjak tahun 1985. Penguatkuasaan undang-undang ini telah dijalankan dengan rapi dan teliti sesuai dengan peruntukan-peruntukan di dalamnya. Ia juga dikuatkuasakan dengan seberapa adil dan saksama yang mungkin.

Malangnya, walaupun tujuan Kerajaan ialah membersihkan negara daripada jenayah yang amat bahaya ini, dan juga pihak yang berkepentingan memandangkan tindakan Kerajaan ini sebagai suatu yang bertentangan dengan hak asasi

manusia, dan sengaja mencari helah dan jalan untuk mencabarnya di mahkamah. Justeru itu terdapatlah kes-kes *habeas corpus* yang dikemukakan ke mahkamah untuk menentang keputusan Menteri Dalam Negeri yang telah dibuat mengikut peruntukan dalam Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985 ini.

Tuan Yang di-Pertua, jika dilihat dari dekat peruntukan-peruntukan dalam Akta yang berkuatkuasa ini, kita akan mendapati betapa telitinya perhatian diberikan kepada setiap kes. Dari mula seorang itu didapati melakukan kesalahan dan perlu ditahan sehinggalah ke peringkat Perintah Tahan dibuat, pihak berkuasa perlu mematuhi peruntukan-peruntukan dalam Akta dengan tepat. Malah Akta ini ada memperuntukkan peranan Pegawai Siasatan yang boleh menjalankan siasatan untuk menentukan kesahihan tiap-tiap kes yang telah disiasat oleh Polis. Dengan lain-lain perkataan, keputusan yang dibuat oleh Menteri untuk menahan seseorang itu, seperti yang diperuntukkan di dalam Seksyen 6 dan 11A Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985, dibuat hasil daripada suatu proses penapisan dan siasatan yang teliti dan adil. Di samping itu Menteri membuat keputusan berasaskan kepada hasrat untuk mengekalkan keselamatan dan kesejahteraan dan masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, proses yang diamalkan sekarang perlu dijaga. Kita tidak mahu pihak Eksekutif menjadi lumpuh sehingga tanggungjawab mereka memelihara keselamatan negara dan masyarakat tidak berkesan. Justeru itu, saya ingin mencadangkan pindaan-pindaan kepada Rang Undang-undang Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985 ini. Dengan pindaan ini kewibawaan dan keikhlasan

Menteri dalam membuat keputusan tidak boleh dipertikaikan lagi, terutama sekali mengenai usaha-usaha yang berkaitan dengan keselamatan negara dan ketenteraman awam. Dengan pindaan ini maka akan terjamin kuasa Menteri sebagai pihak yang bertanggungjawab dan berkuasa dalam sistem pemerintahan negara untuk menimbang dan meneliti maklumat tertentu dan membuat keputusan tentang tindakan pencegahan demi keselamatan negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Menteri Buruh (Dato' K. Pathmanaban):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985, dan bagi mengadakan peruntukan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengannya dibaca kali yang kedua dan sekarang terbit untuk dibahas. Yang Berhormat dari Jelutong.

6.43

**Tuan R. Karpal Singh (Jelutong):** Tuan Speaker, tidak boleh dinafikan salah guna dadah boleh memburukkan imej negara dan menjadi satu punca ancaman keselamatan negara dan kami dalam DAP menerima itu. Tetapi apa yang mustahak, Tuan Speaker, dalam kes-kes yang ada di hadapan mahkamah tentu ada keadilan, tentu ada satu proses apa yang dikatakan, dengan izin, due process of law. Kerapkali hakim-hakim dalam mahkamah-mahkamah kita, Tuan Yang di-Pertua, ada berkata, dengan izin, "However distasteful the character of an accused person, of a detainee, he is entitled to protection of the law, he is entitled to his rights which are accorded under the law".

Tuan Yang di-Pertua, proses *habeas corpus* menjadi satu proses yang kami ada ikuti dalam negara ini semenjak masa penjajahan. Dalam Bill of Rights 1215, dengan izin, ada peruntukan *habeas corpus*, bagaimana jikalau aduan yang dibuat oleh seseorang tahanan, kalau tidak ikuti undang-undang, beliau ada kuasa untuk buat sesuatu permohonan kepada hakim Mahkamah Tinggi dan proses ini diperlukan dan proses ini dianggap sebagai satu proses yang mustahak oleh hakim-hakim di Britain dan juga di Amerika Syarikat dan di India.

Tuan Yang di-Pertua, dengan peruntukan yang ada dalam pindaan depan kita sekarang *habeas corpus* boleh di "whittled" down to no consequence, dengan izin, Yang Arif Eusoffee Abdoolcader dalam kes Yap Hock Seng vs. Minister of Home Affairs Malaysia, yang ada dalam majalah MLJ 1975, dari muka surat 279 dan saya baca apa yang ada dalam muka surat 281.

"The Court must never, in my view, lose sight of the fact that a detention order made under Section 4 (1) of the Ordinance results in the deprivation of freedom without trial and constitutes a serious transgression on the fundamental right of liberty of the person. *Habeas corpus* is the high prerogative writ of summary character for the enforcement of this cherished right of personal liberty and entitles the subject of detention to a judicial determination that the administrative order adduced as warrant for the detention is legally valid in the sense that it is pursuant to valid statutory authority and to test whether the detention proceedings are, in the words of Justice Frankfurter, *Instead vs. the United States*, a mere sham, nothing but an empty form."

"The grant of *habeas corpus* is as of right and not in the discretion of

the Court as in the case of such extraordinary legal remedies as *certiorari* prohibition and *mandamus*. It is a writ of right against which no privilege of person or place can be of any avail. The heavy musketry of the law will always be brought to bear upon any suggestion of unlawful invasion or infringement of the fundamental right of an individual in the form of *habeas corpus* and kindred orders where necessary to grant relief when warranted. It was aptly put in the American case of *Evans vs. Brovides*, that at least in times of peace every human power must give way to the writ of *habeas corpus* and no prison door is stout enough to stand in its way."

Tuan Speaker, kami bukan berada dalam satu keadaan perang. Dalam *Liverswitch vs. Anderson*, satu kes dalam perang dunia kedua, dalam tahun 1942, keadaan seperti itu tidak ada di negara kita sekarang. Oleh itu apa-apa protection, dengan izin, yang ada sekarang dalam Perlembagaan Article 5 (2) dan juga Seksyen 365 Criminal Procedure Code, dengan izin, harus tidak boleh ditarik balik oleh Kerajaan. Di bawah Akta asal ini, Tuan Speaker, di bawah Seksyen 3 (1), Menteri selepas diadakan satu siasatan dan Seksyen 3 (1) peruntukan di bawah mana seseorang boleh ditahan sampai 60 hari dan selepas itu satu fail siasatan ada dihantar kepada Kementerian Dalam Negeri. Dalam perkara ini pun ada pegawai-pegawai Polis yang buat siasatan, ada enquiry officer sekarang dalam pindaan yang dibuat pada undang-undang ini dalam tahun 1985, tetapi apa yang tidak boleh diketepikan ialah risiko keseksaan, ugutan dan cara-cara lain yang boleh diguna atas satu-satu tahanan apabila beliau ditahan di bawah Seksyen 3 (1). Saya ada beri contoh-contoh tadi di mana ada salah guna kuasa oleh Polis apabila seseorang suspect yang ada dalam tahanan dan kalau saya boleh beri

contoh yang lain, ini pun mengenai tahanan selama 60 hari yang ada diperuntukkan di bawah Akta seperti ini.

Ini adalah dalam affidavit, Tuan Speaker, Encik Abdul Rahman bin Hamzah, satu affidavit yang ada ditandatangani oleh Encik Abdul Rahman bin Hamzah pada 11b September, 1988 dan saya baca apa yang ada dalam affidavit ini di dalam muka surat 5;

*"During the 60 days detention by the Police.*

- (a) When I was first arrested on the 27th of October 1987 I was detained at the police remand centre known as E3, somewhere in Sungai Besi for one month and two weeks. Subsequently I was transferred to another place, police remand centre known as E5B somewhere in Kampong Batu, Jalan Ipoh, Kuala Lumpur for 2 weeks.
- (b) During the first two weeks of my detention, I was interrogated very rigorously by Special Branch officers about my personal faith and my religious activities. I was not allowed to sleep for days at a stretch and was warned that I would not get any food if I did not co-operate. One Inspector Yusof also threatened to disturb my girlfriend if I did not give any information. I was assaulted by Inspectors Yusof, Zainuddin, Ayob and another officer on a number of occasions. On one occasion I was knocked to the ground and I injured my back. Since then, I have been passing blood in my urine and I have been suffering from pains in my lower back constantly.

In March 1988 and in July 1988 I was warded at the University Hospital, Kuala

Lumpur for treatment for my kidney condition. I have still not recovered and I am undergoing medication presently.

- (c) On one occasion during interrogation, Inspector Yusof forced me to strip naked and to enact the crucifixion of Jesus Christ. Inspector Yusof also forced me to crawl on the floor in a naked state for about 10 minutes. He then said to the other officers the following words, "ini orang Melayu tak sedar diri", meaning that a Malay must be a Muslim and that I have committed an unMalay act by becoming a Christian".

Tuan Speaker, jikalau saya boleh buat perubahan. Ini bukan dalam affidavit Encik Abdul Rahman Hamzah tetapi Jamaluddin bin Othman, ada affidavit lain yang saya akan baca sebentar lagi.

"On one occasion while I was detained at E3, a police constable forced me to stand on one leg with both my arms outstretched holding my slippers. He made me remain in this position for 2 hours. He then called in a woman constable and a young daughter and asked them to look at me saying, "ini Melayu tak sedar diri, tukar agama, tak malu".

"During my detention by the police I requested by the Special Branch officers for reading material and they gave me a book titled, "Dialog Masalah Ketuhanan Jesus" by K. D. Bahaudin Modhari which is an attack on the status of Jesus Christ as taught by the Holy Bible.

While I was detained in E5B, I was taken out everyday to the Ibu Pejabat Kontijen, Jalan Shaw, Kuala Lumpur where Special Branch officers would lecture me on alleged false teachings of Christianity.

For example, showing me a list of Bible verses in an attempt to prove that there is an error in the Christian religion, showing me heretical book like the Gospel of Barnabas in an attempt to prove that Christianity was not a proper religion."

Tuan Speaker, ada lain-lain tuduhan yang ada dibuat dalam affidavit ini dan jikalau saya boleh baca apa yang ada dalam affidavit Encik Abdul Rahman Abas, itu lagi teruk, itupun apabila beliau ada ditahan di bawah seksyen 73 Akta Keselamatan Dalam Negeri, 60 hari di bawah masa ada peruntukan untuk satu tahanan boleh ditahan di bawah undang-undang itu,

"From the 20th September 1988 while police detention I was placed in a police lock-up where I could not differentiate between day and night. Whenever I was taken out for interrogation, 3 floors above I was handcuffed and blind folded in very dark sunglasses. During interrogations, usually 3 Special Branch officers were present. They usually asked me to admit to certain activities as contained in the 3 allegations of fact against me. During the interrogation I was questioned over and over again regarding those said activities, especially those elaborated in the "butir-butir pertuduhan" (annexed hereto) which I vehemently denied. The Special Branch officers distorted by saying that they had witnesses who could give evidence of the said activities. I asked for the witnesses' names and requested that they be brought to see me in order to ascertain the truth. But the Special Branch officers refused. Thereafter they started physically and verbally abusing me as I will elaborate more in detail hereafter.

In spite of the physical and verbal abuse, I continued to deny the allegations made against me and begged the Special Branch officers to

check and double check the so-called witnesses and informers but they ignored my request and they intensified the physical and verbal abuse against me."

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Jelutong, pada pendengaran saya Timbalan Menteri tadi telah menjawab dalam jawapannya di dalam Rang Undang-undang yang lepas, iaitu pihak Kerajaan akan menyiasat semua tuduhan-tuduhan yang dibuat ke atas Polis. Jadi, pada fikiran saya tidak payahlah Yang Berhormat membaca.

**Tuan R. Karpal Singh:** Tetapi isi kandungan ini bolehkah saya tahu jikalau Timbalan Menteri ada dalam tangan dia apa yang ada dalam sini. Jikalau ada, boleh buat siasatan dan satu laporan Polis ada dibuat oleh Encik Abdul Rahman Abbas, saya difahamkan ada dibuat di Kuala Lumpur dan jikalau keadaan begitu barangkali pihak Kementerian boleh buat siasatan dan buat laporan barangkali kepada Dewan ini. Jikalau ada, boleh saya tahu, Tuan Speaker?

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah pihak Kerajaan akan membuat penyiasatan di atas segala aduan-aduan yang telah dibuat?

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Yang di-Pertua, bukan sahaja laporan telah dibuat tetapi keluarga saudara Abdul Rahman Hamzah sendiri telah bertemu dengan saya dan telah membincangkan perkara ini dengan panjang lebar dan dalam pengetahuan Kementerian sendiri dan kita akan menjalankan penyiasatan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, jikalau ada point lain, silalah bercakap di atas point lain.

**Tuan R. Karpal Singh:** Tuan Speaker, terima kasih. Satu point yang

lain, Tuan Speaker, ini berkaitan dengan peruntukan di bawah seksyen baru 7E (2). Dalam seksyen ini apa yang ada isi kandungan subseksyen ini, sebutan mengenai prosiding dalam subseksyen (1) tidaklah termasuk dalam sebutan mengenai prosiding yang telah tamat dan yang berkenaan dengannya keputusan muktamad mahkamah telah diberi sebelum mula berkuatkuasanya Akta ini atau sebutan mengenai apa-apa rayuan atau apa-apa permohonan untuk rayuan terhadap keputusan muktamad sedemikian.

Tuan Speaker, apa yang saya difahamkan bahawa undang-undang ini ada lebih kurang 150 kes-kes yang ada dalam Mahkamah Tinggi dalam Negara ini dan saya ingat lebih kurang 5 atau 6 dalam mana keputusan sudah dijatuhkan oleh mahkamah. Jikalau peruntukan ini dikuatkuasakan, ini tentu tidak adil oleh kerana kes-kes yang sudah ditailkan, tetapi tidak dibicarakan. Apabila peruntukan ini dikuatkuasakan, ini apa saya kata tadi, tidak adil. Apa yang adil, jikalau ada satu kes sudah difailkan dahulu daripada berkuatkuasa pindaan ini, dalam kes-kes itu keputusan boteh dijatuhkan oleh mahkamah-mahkamah, bukan 1 atau 2, ada 150 apa yang saya fahamkan. Barangkali Timbalan Menteri Dalam Negeri boleh beri sedikit pandangan beliau dalam perkara ini. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Kepong, lepas itu Timbalan Menteri menjawab.

6.59 ptg.

**Dr Tan Seng Giaw (Kepong):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian di dalam perbincangan Rang Undang-undang yang dibentangkan oleh Timbalan Menteri. Saya setuju dengan beliau bahawa langkah-langkah untuk mencegah pengedar dadah ini hendaklah diperketatkan supaya kita

dapat menghapuskan, membendung dan menghalang sesiapa sahaja untuk mengedar dadah yang merosakkan negara ini sama sekali. Walau bagaimanapun, sepertimana yang telah saya sebutkan semasa membincangkan Rang Undang-undang ke atas Akta Keselamatan Dalam Negeri, saya tidak begitu setuju dengan penghapusan kajian semula mahkamah.

Pindaan seperti ini melanggar peraturan-peraturan keadilan asas yang memberi hak kepada yang dituduh melakukan kesalahan hak untuk mendapat perbicaraan undang-undang di mahkamah.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Hak ini ialah di antara enam syarat asas dalam konsep Rule of Law, dengan izin. Walaupun saya bukan seorang peguam, Konsep Rule of Law mengesyorkan yang Kerajaan adalah Kerajaan yang berasaskan undang-undang dan bukan kehendak individu yang memerintah dan melaksanakan pentadbiran sesebuah negara demokratik.

Tuan Yang di-Pertua, Perlembagaan Malaysia mempunyai peruntukan-peruntukan yang tepat dan khusus menjaminkan kajian semula kehakiman (judicial review). Perkara 4, Perkara 128 dan Perkara 130 kesemuanya jelas memberi kuasa kepada badan kehakiman untuk mengkaji semula kesahan undang-undang peraturan-peraturan, arahan-arahan pentadbiran vis-a-vis peruntukan Perlembagaan serta mentafsir Perlembagaan itu sendiri. Pendek kata, badan kehakiman semata-mata menjalankan fungsi khas yang ditugaskan kepada mereka oleh Perlembagaan Malaysia. Maka pindaan yang dibuat untuk menghapuskan kajian semula kehakiman bukan sahaja mencerca keluhuran Perlembagaan akan tetapi

juga mencaci kewibawaan serta kebolehan badan kehakiman untuk menjalankan tugas yang diamanahkan kepada mereka oleh Perlembagaan sejak kebelakangan 30 tahun ini.

Tuan Yang di-Pertua, hak asasi manusia seperti yang termaktub dalam Perlembagaan Malaysia bukan diberi oleh Kerajaan yang memerintah, yang boleh mengambil balik hak-hak yang sama mengikut sesuka hati mereka akan tetapi berupa pengiktirafan serta pengakuan Kerajaan terhadap wujudnya hak-hak semulajadi rakyat. Maka Kerajaan tidak berhak mengambil balik kekuasaan kajian semula kehakiman yang sebenarnya hak semulajadi rakyat untuk menerima pengadilan mahkamah undang-undang. Sesungguhnya mereka yang mengedar dadah memang mengancam ketenteraman awam namun di bawah konsep "The Rule of Law", dengan izin, mereka berhak menerima kajian semula kehakiman. Mengikut Professor M.P. Zain dalam kertas kerja beliau di satu persidangan mengenai Perlembagaan Malaysia selepas 30 tahun pada 22hb hingga 23hb Ogos, 1987, beliau mengatakan bahawa falsafah politik moden memperbezakan di antara Perlembagaan dengan sistem pemerintahan yang berdasarkan Perlembagaan (constitution) and constitutionalism, dengan izin. Sesebuah negara mungkin mempunyai Perlembagaan tetap, tetapi tidak semestinya sistem pemerintahan didasarkan ke atas Perlembagaan itu. Sesuatu sistem pemerintahan yang berdasarkan Perlembagaan didefinisikan sebagai sebuah Perlembagaan yang bukan sahaja berkuasa malah terkawal juga.

Tuan Yang di-Pertua, untuk mewujudkan atau memperkembangkan sistem sedemikian, kita akan memerlukan kajian semula kehakiman. Kajian semula kehakiman boleh mendorong kepada perkembangan

constitutionalism, dengan izin, dalam negara, Rule of Law dan kelakuan berdemokratik dan berperlembagaan ke atas kesemua pihak berkenaan. Berasaskan pandangan ini maka pindaan menghapuskan kajian semula kehakiman dalam ketiga-tiga undang-undang yang terlibat termasuk Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985 bermakna bahawa dalam aspek tahanan pencegahan, Kerajaan tidak mengalami syarat-syarat Rule of Law, dengan izin, atau berkelakuan demokratik dan berperlembagaan. Ringkasnya kekuasaan pihak Eksekutif dalam aspek ini adalah tidak terbatas. Saya mengulangi kekuasaan pihak Eksekutif dalam aspek ini adalah tidak terbatas. Ini hanya membuka peluang kepada pihak Eksekutif untuk meminda Perlembagaan atau undang-undang menyesaikannya untuk memaparkan pandangan serta dasar-dasar parti pemerintah sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang disebutkan oleh Timbalan Menteri tadi memang terdapat segolongan orang sama ada penjaga ataupun pengawal penjara ataupun orang-orang yang lain serta pengedar-pengedar yang sangat cerdik untuk mengedar dadah. Dan juga dengan wang yang terlibat yang begitu besar, berjuta-juta ringgit, itu memang tambahkan satu lagi Rang Undang-undang yang lebih ketat sehingga kajian mahkamah tidak dibenarkan, maka ini membuka pintu lagi untuk pihak penjenayah yang besar ini untuk melakukan rasuah. Dengan lebih ketatnya Rang Undang-undang dan Penguatkuasaan Akta yang lebih ketat sekarang yang tidak mengikut The Rule of Law ini akan menambahkan peluang bagi penjenayah besar ini melakukan rasuah.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya pada pendapat saya kajian semula mahkamah yang terdapat sekarang sebelum Rang Undang-undang

diluluskan untuk dihapuskan ini, diadakan bukan satu kesalahan atau kelemahan, diadakan kerana memberi peluang satu escape, satu kaedah, supaya tidak boleh berlakunya ketidakadilan ke atas orang-orang yang tidak berdosa. Setahu kita semua yang dimaklumkan oleh pelbagai pihak termasuk Yang Berhormat dari Jelutong berbagai-bagai kes di mana berlakunya keseksaan dan ketidakadilan ke atas orang-orang tahanan dilakukan dah masa ke semasa, Ini bermakna walaupun dianggap sebagai profesional pegawai-pegawai polis, memang profesional, tetapi ada setengah-setengahnya melakukan kesalahan kerana mereka itu bukan semuanya Tuhan, bukan semua itu yang tidak berdosa, kerana orang-orang segelintir inilah kita patut mengekalkan kajian semula mahkamah untuk mencegah segelintir orang yang berdosa yang melakukan ketidakadilan, yang mengambil undang-undang ke atas tangan sendiri, yang tidak dapat dibendungkan dengan 100% oleh pihak Kerajaan termasuk Timbalan Menteri. Semasa beliau menjadi Timbalan Menteri itulah berlakunya pelbagai kes yang dikatakan sedang diasiat. Oleh itu saya tidak menyokong Rang Undang-undang seperti ini kerana escape clause itu, kerana perlindungan yang diadakan sekarang ini akan dihapuskan. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):**  
Dijemput Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

*7.06 mlm.*

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:**  
Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Wakil Jelutong dan juga Wakil Kepong yang telah bercakap di atas pindaan ini.

Bagi saya, pendapat-pendapat yang pro dan kontra itu menunjukkan bahawa Ahli-ahli Yang Berhormat berminat dan ingin menyampaikan pendapat sebelum pindaan ini diluluskan. Seperti yang kita semua maklum kesalahan-kesalahan yang dilakukan di bawah Akta ini adalah satu perbuatan yang dibuat secara sengaja, malah ada yang dirancang sebagai satu sindiket yang besar yang beroperasi di peringkat antarabangsa. Perbuatan ini seperti yang kita tahu adalah didorong oleh motif kewangan dan keuntungan. Sebilangan besar pula menjadikan sebagai satu kegiatan perniagaan. Mereka yang terlibat ini terang-terang tidak menghiraukan nasib bangsa mereka iaitu rakyat negara kita yang terdiri daripada anak-anak muda dari berbilang kaum di seluruh negara.

Tuan Yang di-Pertua, sememangnya Kerajaan telah kegiatan menguatkuasakan Akta-akta tertentu untuk membanteras dan menentang penyalahgunaan dadah dan penyeludupan ini. Tetapi seperti yang saya sebutkan pada awal-awal tadi masih ada juga pihak-pihak yang berkepentingan sendiri yang sengaja mahu mencari kelemahan-kelemahan dalam Akta ini untuk menentang keputusan Menteri Dalam Negeri dalam bidang Mahkamah. Hasil daripada kes-kes ini, kita telah melihat beberapa kes yang berkaitan dengan Akta ini telah mendapat keputusan yang bertentangan dengan keputusan Menteri Dalam Negeri dan seterusnya subjek-subjek tertentu dibebaskan. Dalam hubungan ini walaupun dari segi prosedurnya Kerajaan telah kalah, namun Kerajaan masih berpendapat bahawa setiap perintah yang dikeluarkan oleh Menteri Dalam Negeri itu adalah berasaskan kepada fakta-fakta dan kenyataan. Seseorang itu mungkin telah dibebaskan hasil dari keputusan Mahkamah, namun mereka sebenarnya tidak lepas dari kesalahan yang mereka telah lakukan itu.

Mereka masih lagi orang penjenayah. Adakah kita mahu keputusan Menteri Dalam Negeri itu diketepikan dan penjenayah-penjenayah itu dibebaskan?

Ahli Yang Berhormat dari Jelutong mesti memahami bagaimana hasrat, bagaimana tenatnya masyarakat kita terlibat dengan dadah ini. Ini berlaku kerana pengedar-pengedar adalah bagitu licin yang sukar ditangkap dan dibuktikan oleh pihak Polis dan Mahkamah. Dengan itu keputusan Menteri tidak patut dipersoalkan setelah beliau berpuas hati bahawa subjek adalah sungguh bahaya sebagai pengedar dadah. Bagaimana, keputusan ini boleh dipersoalkan jika ia bersangkutan-paut dengan prosedur seperti kesilapan tarikh atau kesilapan masa, mungkin tempat yang diletakkan subjek tidak betul, kesilapan-kesilapan teknikal dalam perintah dan sebagainya.

Nampaknya lagi sekali Yang Berhormat dari Jelutong bercakap tentang penyeksaan pihak Polis. Perkara ini telah beberapa kali telah dinyatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Ketua Polis dan saya sendiri bahawa perkara ini akan disiasat dengan rapi dan jika cukup bukti, pegawai-pegawai yang terlibat akan diambil tindakan. Kerana itu tidak perlulah diulang-ulangkan lagi atas perkara ini. Memang pada masa ini ada lebih kurang 100 kes yang bersangkutan-paut dengan perkara ini sedang berada di Mahkamah.

Wakil dari Kepong bercakap fasal hak asasi dan hak semula jadi manusia. Kenalah kita fikirkan tentang keselamatan orang ramai, rakyat keseluruhannya. Bagi kita yang belum dapat menghayati penderitaan ahli keuarga kerana dadah, merasakan elok diberi hak semula jadi kepada mereka, mereka yang menjadi pengedar dadah. Tetapi jika sudah ada dalam keluarga kita yang berani memukul ayahnya. . . .

**Dr Tan Seng Giaw: (Bangun)**

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Dia hendak penjelasan.

**Dr Tan Seng Giaw:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, suka saya hendak bangkitkan ini kerana saya pun hampir tiap-tiap bulan, tiap-tiap minggu menghadapi keluarga seperti ini—saya menghadapi juga. Sebab itu saya sangat benci kepada orang yang mengedar dadah. Tetapi saya hendak mempertahankan di sini kalau seseorang itu ditangkap dan tidak berdosa, bagaimana beliau dapat dilepaskan, membela diri. Sebab itulah saya sangat mementingkan perkara ini difikir dan difaham dengan betul kerana bagi saya itulah satu cara bagi orang yang tidak berdosa untuk membelakan diri melalui peguam, melalui mahkamah. Saya tidak hendak mempertahankan orang yang berdosa.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Terima kasih Yang Berhormat. Sepertimana yang telah saya jelaskan di dalam Akta yang sebenar tadi bahawa proses untuk menentukan seseorang itu ditahan itu tidak memakan masa untuk kajian, bertapis-tapis sebelum sampai ke meja Yang Amat Berhormat Menteri atau ke meja Timbalan Menteri. Dengan sebab itu bukan perkara ini dibuat dengan sekelip mata, tidak. Tetapi dengan kajian yang rapi yang telah cukup bukti, yang telah cukup penerangan, barulah kita membuat keputusan. Jadi soal salah-tangkap tidak timbul. Kita tahu bahawa seseorang itu sungguh bahaya dari segi masyarakat. Dengan sebab itu janganlah was-was tentang perkara ini, kita akan cuba menjalankannya dengan sebaik-baiknya.

Memang saya akui kemungkinan-kemungkinan akan bertambahnya apa yang dikatakan penglibatan rasuah atas perkara ini. Ini kita tahu dan kita akan

cuba memberi perhatian yang serius terhadap apa yang telah disuarakan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Lagi sekali pihak saya akan memberi jaminan agar pindaan Akta ini tidak akan disalahguna dan akan digunakan seadil-adilnya. Tentang kekejaman dan kekerasan dalam tahanan ini akan diperhatikan agar ia tidak berulang lagi. Sekian, terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

*Pasal 1 dan 2* diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

## **RANG UNDANG-UNDANG BANK DAN INSTITUSI- INSTITUSI KEWANGAN**

**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

*7.08mlm.*

**Menteri Kewangan (Dato' Paduka Daim Zainuddin):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang bernama "Suatu Akta bagi mengadakan

undang-undang baru mengenai pelesenan dan pengawalseliaan institusi-institusi yang menjalankan perniagaan-perniagaan bank, syarikat kewangan, bank saudagar, syarikat diskaun dan pembrokeran wang, mengenai pengawalseliaan institusi-institusi yang menjalankan perniagaan-perniagaan kewangan lain yang tertentu, dan mengenai perkara-perkara yang bersampingan atau berkaitan dengannya", dibacakan bagi kali yang kedua.

Rang Undang-undang yang dicadangkan ini bertujuan untuk mewujudkan perundangan yang lebih kemas dan menyeluruh bagi urusan bank dan institusi-institusi kewangan di Malaysia. Undang-undang yang sedia ada didapati tidak begitu lengkap untuk menampung perkembangan-perkembangan yang berlaku dalam sistem kewangan negara. Dengan pengwujudan Akta baru ini, Akta Bank 1973 dan Akta Syarikat-syarikat Kewangan 1969 adalah dimansuhkan.

Tuan Yang di-Pertua, adalah didapati bahawa jenayah kolar putih semakin meningkat di negara ini. Ada di antara kes-kes ini melibatkan institusi-institusi kewangan. Dari tahun 1987 hingga bulan Mei tahun ini sejumlah 588 kes jenayah yang melibatkan wang sebanyak \$52 juta telah dilaporkan oleh bank-bank dan syarikat-syarikat kewangan kepada Bank Negara. Ini tidak termasuk penyelewengan seperti yang berlaku dalam Bumiputera Malaysia Finance Berhad (BMF), Koperasi-koperasi pengambil deposit dan Bank Pusat Kerjasama Berhad (CCB) yang sedikit sebanyak telah mengancam kestabilan sistem kewangan negara. Jenayah kolar putih ini bagaimanapun tidaklah berlaku di Malaysia sahaja. Ia merupakan satu fenomena yang muncul juga di negara-negara lain, lebih-lebih lagi dengan peningkatan penggunaan komputer dan teknologi baeu. Laporan dari pihak Polis juga

menunjukkan bahawa kes jenayah perdagangan telah meningkat. Dari tahun 1987 hingga bulan Mei 1989 sejumlah 10,785 kes jenayah perdagangan yang melibatkan jumlah wang sebanyak \$467 juta telah ditaporkan. Oleh itu, langkah-langkah tegas perlu diambil bagi mengawal kejadian jenayah kolar putih supaya sistem kewangan negara dapat berkembang dengan pesat dan keyakinan orang ramai terus terjamin.

Pada masa ini, Bank Negara menjalankan tanggungjawab mengawal dan mengawas institusi-institusi kewangan berasaskan kepada peruntukan undang-undang yang terkandung dalam Ordinan Bank Negara 1957, Akta Bank 1973, Akta Syarikat-syarikat Kewangan 1969 dan Akta Bank Islam 1983. Kuasa undang-undang sedia ada ini tidak mencukupi untuk membolehkan Bank Negara bertindak segera dan menjalankan tanggungjawab dengan lebih berkesan.

Seperti yang kita sedia maklum, pada tahun 1986 dan 1987 Kerajaan terpaksa berhadapan dengan penyelewengan dalam koperasi-koperasi mengambil deposit dan kes-kes institusi pengambil deposit haram. Walaupun Kerajaan tidak sepatutnya campur tangan dalam urusan koperasi-koperasi ini, pihak-pihak tertentu telah mendesak Kerajaan supaya membantu pendeposit-pendeposit yang terlibat yang berjumlah 522,000 orang. Apabila koperasi Belia Bersatu Berhad (KOSATU) menggantung pembayaran balik deposit yang berjumlah \$156 juta kepada 53,000 pendepositnya, Kerajaan terpaksa menggunakan Peraturan-peraturan Perlu (Perlindungan Kepada Pendeposit) 1986 untuk membolehkan Bank negara mengambil tindakan untuk menyelesaikan masalah ini. Ini jelas menunjukkan bahawa undang-undang yang sedia ada tidak mencukupi bagi menghadapi masalah yang timbul seperti ini.

Tuan Yang di-Pertua, selepas penyelewengan dalam koperasi CCB yang mempunyai 363,749 ahli pula mengalami kerugian sebanyak \$407 juta bagi tahun kewangan 1987. Ini menjadikan jumlah kerugian terkumpulnya bertambah kepada \$726 juta. Kerugian yang dialami ini telah melemahkan kedudukan kewangan CCB dan menyebabkan ahli-ahli serta pendepositnya ragu mengenai keselamatan deposit mereka. Seterusnya, keyakinan terhadap sistem kewangan negara kita telah juga terjejas sedikit dan memerlukan tindakan segera untuk memulihkan kedudukannya. Bagaimanapun, undang-undang yang sedia ada tidak membolehkan Bank Negara mengambil tindakan dengan cepat dan berkesan,

Akta-akta yang sedia ada juga tidak mencukupi kerana Bank Negara tidak diberi kuasa untuk mengawasi beberapa kategori institusi pengambil deposit lain seperti syarikat-syarikat pajakan dan kredit. Walaupun Bank Negara diberi kuasa di bawah Akta Syarikat-syarikat Kewangan 1969 untuk menyiasat penyelewengan daiam syarikat pajakan dan kredit, namun demikian Akta yang sedia ada tidak memberi kuasa undang-undang kepada Bank Negara untuk berusaha mendapatkan balik deposit yang disimpan oleh orang ramai dengan institusi-institusi ini.

Tuan Yang di-Pertua, secara ringkasnya tujuan utama Rang Undang-undang yang dicadangkan ini adalah untuk mengukuhkan sistem kewangan:

- (a) membasmi jenayah kolar putih di kalangan pengurusan dan pekerja institusi-institusi kewangan;
- (b) mengenakan kawalan yang lebih ketat terhadap pengurusan dan perjalanan perniagaan institusi-institusi kewangan untuk

mengelakkan penyelewengan. Kawalan ini juga dijangka menggalakkan pembaharuan dan perkembangan sistem kewangan negara.

Di samping itu, kewujudan dua akta yang berbeza bagi bank dan syarikat kewangan pada masa ini dirasakan tidak lagi sesuai kerana peranan yang dimainkan oleh kedua-dua institusi ini adalah hampir sama. Oleh itu kaedah pengawalan dan pengawasan ke atas mereka juga patutlah sama. Rang Undang-undang yang dicadangkan ini akan menyatukan aspek perundangan yang diliputi oleh Akta Bank 1973 dan Akta Syarikat-syarikat Kewangan 1969,

Tuan Yang di-Pertua, Akta Bank dan Institusi Kewangan 1989 ini membahagikan institusi kewangan kepada 3 kategori iaitu:

- (i) Institusi Kewangan Berlesen;
- (ii) Institusi Kewangan Yang Berjadual; dan
- (iii) Institusi Kewangan Yang Tidak Berjadual.

Institusi Kewangan Berlesen adalah terdiri daripada institusi-institusi Kewangan berikut:

- (i) Institusi Pengambilan Deposit iaitu:
  - Bank Perdagangan;
  - Bank Saudagar;
  - Syarikat Kewangan; dan
  - Syarikat Diskaun,
- (ii) Institusi-institusi perantaraan pasaran wang atau dengan izin, money market intermediaries, iaitu:
  - Broker wang; dan
  - Broker pertukaran wang asing.

Institusi-institusi di bawah kategori "Institusi Kewangan Berlesen" semuanya terlibat dengan penciptaan wang, dengan izin, money creation dan urusan kewangan yang memerlukan kemahiran tinggi serta pengawalan dan syarat-syarat perlesenan yang ketat. Oleh itu, institusi-institusi ini dikawal secara langsung melalui peruntukan-peruntukan dalam Rang Undang-undang tersebut. Antara bentuk kawalan ini termasuk soal perlesenan, peraturan-peraturan yang mesti dipatuhi, kuasa-kuasa memeriksa dan menyasiat oleh Bank Negara dan larangan-larangan dalam urusan mereka.

Institusi Kewangan Yang Berjadual adalah terdiri daripada institusi-institusi kewangan berikut:

- (i) Institusi yang menawarkan sumber kredit dan kewangan selain daripada badan-badan berkanun. Ini termasuk institusi-institusi berikut:
  - pengeluar-pengeluar kad bayaran atau kad kredit, cek pengembara dan operator-operator bagi mesin pengeluaran wang tunai secara kolektif adalah dipanggil institusi yang menjalankan perniagaan token credit.
  - perbadanan kewangan pembangunan yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat 1965, seperti Malaysian Industrial Development Finance Bhd. (MIDF), Bank Pembangunan Sabah Bhd., Bank Industri Malaysia Bhd. dan Bank Pembangunan Malaysia Bhd.; dan
  - institusi-institusi pemberian pinjaman perumahan dan bangunan dipanggil, dengan izin, Building Credit Institutions, seperti Malaysia Building Society Bhd.

(MBSB) dan Borneo Housing Mortgage Finance Bhd.

- (ii) Pejabat perwakilan bank asing atau institusi kewangan asing yang menjalankan perniagaan di bawah kategori institusi kewangan berlesen atau perniagaan di bawah kategori institusi kewangan berjadual sebagaimana yang ditakrifkan di bawah Rang Undang-undang tersebut.

Badan-badan berkanun dan koperasi tidak dikawal secara langsung di bawah Akta ini kerana mereka adalah tertakluk kepada akta atau peruntukan undang-undang mereka sendiri.

Bidang pengawalan bagi institusi-institusi yang berjadual adalah ditentukan oleh Menteri Kewangan atas syor Bank Negara. Perkara utama dalam pengawalan ke atas institusi-institusi yang berjadual adalah dari segi penyampaian maklumat di mana mereka dikehendaki mengemukakan maklumat berkaitan dengan kegiatan mereka dari masa ke semasa kepada Bank Negara bagi membolehkan Bank Negara mengawasi kedudukan kewangan di kalangan institusi-institusi berkenaan. Perkara ini dinyatakan dengan jelas dalam Bahagian III Rang Undang-undang tersebut. Sekiranya didapati perlu, atau jika institusi yang berjadual didapati tidak dapat melaksanakan tanggungjawabnya, Menteri Kewangan dengan perintah yang diwartakan, boleh mengenakan semua atau sebahagian dari bidang pengawalan yang dipakai ke atas Institusi-institusi yang berlesen kepada Institusi-institusi yang berlesen kepada Institusi-institusi yang berjadual.

Institusi Kewangan yang tidak berjadual pula adalah terdiri daripada semua badan berkanun dan institusi lain yang menjalankan kegiatan pemberian kredit tetapi tidak termasuk

dalam kategori institusi-institusi yang berlesen atau institusi-institusi yang berjadual.

Peruntukan undang-undang yang berkaitan dengan yang institusi-institusi tidak berjadual ini hanya untuk menghadapi keadaan kecemasan sahaja di mana dalam sesuatu krisis, Menteri Kewangan atas permintaan Menteri atau pihak berkuasa negeri yang bertanggungjawab bagi institusi yang tidak berjadual itu, boleh mengarahkan Bank Negara membuat penyiasatan dan mengambil tindakan ke atas institusi-institusi berkenaan. Perkara ini dijelaskan dalam Bahagian XII Rang Undang-undang itu. Peruntukan undang-undang yang disediakan membolehkan Bank Negara menguatkuasakan semua kuasa mengawal dan menyiasat yang dipakai ke atas institusi kewangan berlesen di bawah Bahagian-bahagian X dan XI kepada institusi-institusi tidak berjadual. Kuasa-kuasa tersebut termasuk kuasa mengambilalih kawalan, menyingkir pengarah-pengarah, melantik pengarah-pengarah baru, mengurangkan modal saham, memberi pinjaman dan membeli saham-saham institusi berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada peruntukan-peruntukan baru untuk mengawal, mengawas dan menyelamatkan bagi ketiga-tiga kategori institusi kewangan seperti yang dinyatakan sebentar tadi, peruntukan-peruntukan utama lain yang baru diwujudkan dalam Rang Undang-undang itu adalah sebagaimana berikut:

Fasal 3 (3) memberi kuasa kepada Bank Negara untuk melantik nama-nama orang yang bukan pegawai kita atau pekerja Bank Negara bagi menjalankan tugas atau fungsi di bawah Rang Undang-undang itu bagi pihak dan atas nama Bank Negara. Peruntukan ini bertujuan untuk membolehkan Bank Negara melantik

pihak-pihak tertentu, misalnya firma akauntan, bagi membantu penyiasatan ke atas sesebuah institusi kewangan, jika perkhidmatan mereka diperlukan.

Fasal-fasal 4 dan 129 menjelaskan bagaimana perlunya cawangan bank asing di Malaysia diperbadankan di bawah undang-undang tempatan. Walau bagaimanapun, bank-bank asing akan diberi tempoh masa hingga 5 tahun, dengan kelulusan Menteri Kewangan tempoh masa yang lebih panjang, untuk diperbadankan dalam Malaysia. Perkara ini dirasakan perlu bagi memastikan bank-bank asing mengekalkan modalnya dan bukannya wang kerja bersih di Malaysia. Bagaimanapun, bank-bank asing akan terus dibenar memegang 100% ekuiti dalam bank-bank berkenaan.

Bahagian 4 Rang Undang-undang menjelaskan mengenai larangan ke atas pengambilan deposit tanpa lesen, peruntukan undang-undang ini secara amnya mempunyai dua tujuan. Pertama, untuk mendorong pertumbuhan dan perkembangan dalam pasaran bon dan pasaran kertas-kertas perdagangan (commercial papers). Ini adalah kerana penempatan kertas-kertas perdagangan secara persendirian (private placements of commercial papers) dan keluanm debentur adalah dikecualikan daripada peruntukan dalam Rang Undang-undang tersebut. Keduanya ialah untuk mewujudkan pengawalan yang berkesan ke atas kegiatan pengambilan deposit tanpa lesen di mana Fasal 25 dalam Rang Undang-undang ini melarang mana-mana orang daripada menjalankan perniagaan pengambilan deposit kecuali dengan lesen yang dikeluarkan oleh Menteri bagi menjalankan perniagaan urusan bank, syarikat kewangan atau syarikat diskaun.

Bagaimanapun, kegiatan penerimaan deposit oleh syarikat-syarikat koperasi dan badan-badan berkanun

seperti Lembaga Urusan dan Tabung Haji, Lembaga Tabung Angkatan Tentera dan Pihak Berkuasa Tempatan adalah tidak tertakluk di bawah peruntukan ini.

Fasal 40 Rang Undang-undang metuaskan tanggungjawab Juruaudit-juruaudit yang dilantik bagi institusi-institusi kewangan berlesen. Mereka akan diwajibkan untuk melaporkan secara terus kepada Bank Negara sekiranya terdapat apa-apa kegagalan dalam mematuhi peruntukan undang-undang atau sekiranya institusi berkenaan menanggung kerugian yang menyebabkan modal institusi itu berkurangan, atau sekiranya Juruaudit tidak boleh mengesahkan bahawa tuntutan pendeposit atau kreditor dapat ditanggung dengan mencukupi oleh harta institusi yang berkenaan. Peruntukan Fasal 40 juga bertujuan memastikan bahawa Juruaudit institusi-institusi kewangan memberi kerjasama kepada Bank Negara Malaysia untuk melaporkan sebarang kelemahan yang berlaku dalam institusi-institusi kewangan berkenaan bagi perhatian dan tindakan segera pihak Bank Negara Malaysia.

Bahagian 11 Rang Undang-undang memberi kuasa menyiasat dan mendakwa kepada Bank Negara. Kuasa-kuasa yang dicadangkan itu termasuk kuasa untuk memasuki, menggeledah (termasuk penggeledahan tubuh seseorang), merampas menahan (tidak melebihi dari 24 jam pada satu masa) dan memeriksa ke atas orang-orang yang disyaki dan rakan-rakan perniagaan mereka. Maklumat-maklumat yang diperolehi oleh pegawai yang menyiasat boleh dimaklumkan kepada pihak polis atau pegawai awam yang lain. Kuasa-kuasa ini dirasakan perlu memandangkan meningkatnya jenayah dalam urusan bank dan kewangan dalam beberapa tahun kebelakangan ini. Kuasa-kuasa penyiasatan, menggeledah dan

merampas dokumen-dokumen seperti yang sedia ada, tidak mencukupi untuk membanteras kegiatan jenayah kolar putih yang dilakukan dalam sistem kewangan. Pihak polis tidak boleh menyiasat institusi-institusi kewangan tanpa laporan yang sah kerana wujudnya peruntuican kerahsiaan.

Sejajar dengan perkembangan teknologi moden, Rang Undang-undang juga menyediakan peruntukan di bawah Fasal 119 untuk membolehkan pengawasan dan pengawalan ke atas mana-mana sistem pemindahan wang secara elektronik yang sedia ada atau yang dicadangkan untuk dilaksanakan di Malaysia. Kuasa ini membolehkan Bank Negara menyelaraskan dan mengawas perkembangan sistem pemindahan wang secara elektronik yang cekap di negara ini.

Undang-undang yang berkaitan dengan kerahsiaan, Bahagian 13 kepada Rang Undang-undang, telah diperluaskan untuk meliputi semua institusi berlesen. Ia juga menguraikan dengan jelas mengenai keadaan yang membolehkan pendedahan (disclosure) dibuat oleh institusi-institusi kewangan kepada Bank Negara dan oleh Bank Negara kepada pihak-pihak lain termasuk pihak polis.

Kesalahan yang melanggar undang-undang di bawah Rang Undang-undang yang dicadangkan telah dikumpulkan dalam Bahagian 14 dan hukuman bagi kesalahan-kesalahan yang sedemikian telah disenaraikan dalam Jadual Keempat. Hukuman yang boleh dikenakan telah dinaikkan kepada denda yang maksimum sebanyak \$10 juta dan 10 tahun penjara. Sebelumnya \$50,000 dan 3 tahun penjara untuk mencegah jenayah kolar putih yang semakin meningkat. Di samping itu, sebarang percubaan, persubahatan dan komplot untuk melakukan kesalahan sedemikian adalah juga satu kesalahan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan terkanunnya Akta Bank dan institusi-institusi Kewangan 1989, pengawasan dan pengawalan ke atas institusi-institusi kewangan di negara ini akan dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan dan menyeluruh oleh Bank Negara. Ia juga akan dapat menjamin suasana yang lebih stabil dan kukuh dalam sistem kewangan negara. Walau bagaimanapun, perlu saya tekankan di sini bahawa undang-undang dan peraturan tidak dapat menyekat sepenuhnya penyelewengan. Yang penting ialah kejujuran dan ketulusan (integrity) Pengarah, pengurusan serta kakitangan institusi kewangan. Diharapkan penalti yang lebih tinggi dan tahap kawalan yang lebih ketat akan mengurangkan kejadian-kejadian jenayah kolar putih.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman (Dato' Dr Sulaiman bin Haji Daud):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah bahawa Rang Undang-undang Bank dan Institusi-institusi Kewangan 1989 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat dari Bukit Bintang.

7.36 mlm.

**Tuan Lee Lam Thye (Bukit Bintang):** Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Menteri Kewangan telah menghuraikan berbagai-bagai hujah mengenai mengapa pihak Kerajaan hendak membentangkan Rang Undang-undang Bank dan Institusi-institusi Kewangan 1989 untuk diluluskan oleh Dewan yang mulia ini.

Kami berpendapat bahawa sebenarnya pihak Kerajaan haruslah memberikan lebih banyak masa kepada Ahli-ahli Yang Berhormat untuk mengkaji satu Rang Undang-undang yang begitu tebal mengandungi 16 bahagian dan 131 Fasal. Saya mengakui bahawa saya tidak dapat meneliti tiap-tiap Fasal dalam Rang Undang-undang ini akan tetapi saya ingin menggunakan kesempatan ini untuk menyampaikan pendapat saya mengenai satu Rang Undang-undang yang begitu penting untuk sistem kewangan di negara kita.

Rang Undang-undang Bank dan Institusi-institusi Kewangan yang saya dapat mengkaji dengan masa yang begitu suntuk, saya memperhatikan bahawa terdapat pelbagai-bagai peruntukan dalam Rang Undang-undang ini yang boleh dikatakan sangat kontroversi.

Pada umumnya Rang Undang-undang ini bertujuan untuk mengadakan Undang-undang baru pelesenan dan pengawalseliaan institusi-institusi yang menjalankan perniagaan bank, syarikat kewangan, bank saudagar, syarikat diskaun dan pembrokeran wang yang nampaknya tidak menimbulkan apa-apa kontroversi.

Akan tetapi selepas satu kajian dan semakan yang saya dapat membuat dengan masa yang terhad ke atas 131 Fasal dalam Rang Undang-undang ini memang tidak disangsikan bahawa ia mengandungi banyak peruntukan yang bersifat memudaratkan dan draconian yang pada hemat saya mempunyai implikasi yang sangat serius dan sangat mendalam ke atas industri bank dan kewangan negara kita.

Izinkan saya pada awal ini menyatakan bahawa kami dalam DAP tidak membantah pengemukaan undang-undang baru yang lebih ketat bagi memerangi penyelewengan dalam bank-bank dan institusi-institusi kewangan

jika undang-undang itu bersifat adil dan sesuai dengan keadilan semula jadi. Untuk maksud ini kami juga tidak membantah untuk melengkapkan Bank Negara dengan lebih banyak kuasa di bawah suatu Akta Parlimen yang baru untuk memerangi salah pengurusan, penyelewengan, dan salah amalan dalam sistem kewangan di negara kita. Sekali lagi adalah perlu ditegaskan bahawa dengan membekalkan lebih banyak kuasa kepada Bank Negara, ia mestilah dipastikan juga bahawa kuasa-kuasa tersebut hendaklah dilaksanakan dengan adil dan saksama dan menurut prinsip-prinsip keadilan semula jadi.

Yang sebenarnya, Parti DAP telah menyuarakan selama beberapa tahun yang lalu mengenai pelbagai skandal-skandal kewangan dalam negara yang telah menggonggong dengan hebat tidak sahaja keyakinan awam dalam negeri tetapi juga imej dan kedudukan antarabangsa negara Malaysia. Kami pernah sebagai contoh, menyuarakan tentang skandal BMF \$2.5 billion, skandal Koperasi Pengambilan Deposit berjumlah \$1.5 billion yang melibatkan 588,000 pendeposit, skandal CCB yang berlaku baru-baru ini dan skandal-skandal lain yang melibatkan institusi-institusi pengambilan deposit haram serta penipuan \$22.2 juta yang melibatkan Bank Negara sendiri baru-baru ini.

Tadi Yang Berhormat Menteri Kewangan pun ada menyebut jenayah kolar putih dan berbagai-bagai jenayah yang lain. Memandangkan begitu kerap berlakunya penyelewengan dalam sistem kewangan di negara kita sama ada dalam bank, dalam syarikat kewangan, firma insurans ataupun koperasi, kami telah beberapa kali membuat gesaan kepada Bank Negara supaya mengendalikan hal-hal penyelewengan ini secara berkesan dan menggesa Kerajaan

supaya memperketatkan undang-undang yang ada yang wujud sekarang untuk memastikan pertumbuhan Industri Kewangan Negara secara lebih sihat dan teratur. Tetapi dalam berbuat demikian, kami berharap Kerajaan supaya membuat undang-undang dengan adil, bijak dan secara profesionalisme.

Tuan Yang di-Pertua, menurut Governor Bank Negara, sebuah bil urusan bank yang menyeluruh dan comprehensive ini ialah hasil daripada semakan dan kajian semula ke atas struktur asas dan rangka kerja yang menentukan perkembangan sistem kewangan keseluruhannya. Menurut beliau, ciri-ciri penting dalam Akta Bank 1973, Akta Syarikat Kewangan 1969 dan Peraturan-peraturan Perlu perlindungan kepada pendeposit-pendeposit 1986 termasuk kuasa pengawalan yang lebih meluas berdasarkan pengalaman Bank Pusat luar negeri akan dimaktubkan ke dalam bil Institusi Urusan Bank dan Kewangan yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi. Governor Bank Negara juga berkata, bahawa perubahan perundangan yang dicadangkan ini akan mengukuhkan lagi peranan Bank Negara Malaysia dalam membentuk perjalanan operasi sistem kewangan di masa hadapan di samping membolehkan Bank Negara menunaikan tanggungjawabnya dengan lebih berkesan lagi sebagai "mangkin" perubahan dalam menggalakkan perkembangan ekonomi.

Walaupun kenyataan Gabenor berhasrat baik tetapi kami menyedari bahawa jika pelbagai peruntukan yang memudaratkan dan Draconian tidak diketepikan, kelulusan Rang Undang-undang ini tidak membantu Bank Negara dalam apa cara untuk bertindak sebagai mangkin perubahan dalam menggalakkan perkembangan ekonomi tetapi akan menghasilkan kesan sebaliknya.

Izinkan saya menjelaskan beberapa peruntukan yang saya sifatkan sebagai kontroversi dan memudaratkan ini yang patut dibantah sekeras-kerasnya. Kami tidak membantah keseluruhan Rang Undang-undang ini. Memandang kepada berbagai skandal-skandal kewangan yang berlaku baru-baru ini di negara kita adalah diterima bahawa Bank Negara patut diberi kuasa-kuasa untuk mengawalselia bank-bank dan institusi-institusi kewangan dengan tujuan untuk melindungi orang ramai pada keseluruhannya.

Selagi peruntukan-peruntukan dalam Rang Undang-undang ini membantu Bank Negara bertindak segera untuk membetulkan institusi-institusi kewangan yang lemah dan menghapuskan para pengurusan yang tidak cekap dan menyeleweng termasuk Pengarah-pengarah dan Pengurus-pengurus yang melakukan rasuah demi kepentingan orang ramai kami tidak ada bantahan. Tetapi apabila peruntukan-peruntukan Rang Undang-undang ini memberikan kuasa yang meluas (sweeping powers.) kepada Bank Negara bagi membolehkan kawalan yang hampir penuh ke atas institusi kewangan sehingga menentukan siapa yang patut memiliki institusi kewangan, apakah institusi-institusi ini boleh berbuat dan patut buat, malah bagaimana institusi-institusi ini patut diuruskan, maka ini merupakan gangguan yang tidak adil, tidak dikehendaki dan salahguna kuasa yang mesti dibidas sekeras-kerasnya.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah Rang Undang-undang ini ada disebut bahawa lesen-lesen bank yang dipegang oleh bank-bank perdagangan dan syarikat kewangan tempatan akan berakhir dalam tempoh enam bulan selepas Akta Bank dan Institusi-institusi Kewangan 1989 berkuatkuasa. Mereka dikehendaki memohon satu lesen baru untuk beroperasi. Hal yang serupa, lesen-lesen yang dipegang oleh

bank-bank asing yang berakhir 5 tahun selepas Akta ini berkuatkuasa dan akan hanya akan diberikan lesen-lesen baru selepas membuat permohonan kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan. Oleh kerana hanya syarikat-syarikat awam yang ditubuhkan di Malaysia boleh menjalankan perniagaan bank di Malaysia, maka sesebuah bank asing mestilah memindahkan semua harta, perniagaan dan tanggungannya kepada sebuah syarikat awam yang diperbadankan di Malaysia. Ini diperuntukkan dalam Fasal 129 Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, keperluan-keperluan ini untuk bank-bank perdagangan tempatan bank perniagaan, syarikat-syarikat kewangan serta bank-bank asing adalah tidak adil. Sebenarnya tidak perlu syarat-syarat seumpama itu dan lesen-lesen patut dikekalkan sah sehingga dibatalkan. Adalah patut diingatkan semula bahawa apabila Akta Bank 1973 iaitu Akta 102, apabila berkuatkuasa di bawah Fasal 62 (1), ia khusus menyatakan bahawa, dengan izin, dalam bahasa Inggeris, "Any licence which is granted under the repealed Banking Ordinance 1958 and is in force at the commencement of this Act shall be deemed to have been granted under this Act and shall remain valid until it is revoked under this Act".

Jika peruntukan ini boleh disediakan untuk Akta Bank Tahun 1973 yang dikuatkuasakan pada tahun itu bagi menggantikan Ordinan Bank Tahun 1958, kami tidak nampak sebab mengapa satu peruntukan yang serupa itu tidak boleh diberikan di bawah undang-undang baru ini.

Apa yang jelas penting di sini, dan yang kami rasa memang tidak adil ialah tentang lesen-lesen akan berikan dengan atau tanpa syarat (with or without conditions), dengan izin, sebagaimana yang diperuntukkan dalam Fasal 6 (4) Rang Undang-undang ini.

Apa yang membimbangkan kepada industri bank dan kewangan ialah bahawa Rang Undang-undang ini tidak menyatakan sebab-sebab dan syarat-syarat atau alasan untuk Yang Berhormat Menteri menggantikan lesen tanpa syarat di bawah Akta Bank Tahun 1973, dengan satu lesen bersyarat. Adalah juga tidak dinyatakan jenis syarat yang dikenakan oleh Yang Berhormat Menteri ke atas lesen-lesen jika syarat-syarat tersebut hendak dikenakan.

Kami sesungguhnya merasa bahawa memang tidak adil bagi seorang pemegang atau pemegang satu lesen tanpa syarat di bawah Akta Bank tertakluk kepada syarat-syarat yang Menteri fikirkan patut dikenakan menurut undang-undang baru yang menggantikan undang-undang lama ini.

Satu lagi peruntukan yang sangat kontroversi dan draconian seperti terkandung dalam Fasal 11 yang memberi kuasa kepada Yang Berhormat Menteri membatalkan sesuatu lesen atau mengenakan penghadan ke atas sesuatu lesen di mana Yang Berhormat menimbangannya atas cadangan Bank Negara bahawa sesuatu tindakan itu diperlukan untuk diambil sebagai satu perkara kecemasan ataupun emergency.

Rang Undang-undang ini tidak menyebutkan tentang apa yang menjadi satu perkara kesegeraan selaras dengan Menteri berkuasa membatalkan sesuatu lesen tanpa notis.

Satu perintah untuk membatalkan lesen tanpa notis akan mempunyai kesan yang drastik ke atas pemegang lesen yang barangkali tidak boleh dipulihkan walaupun ia berjaya dalam rayuannya di Mahkamah Tinggi terhadap keputusan Yang Berhormat Menteri di bawah Fasal 7 (3) Rang Undang-undang ini.

Inilah hanya setaras dengan undang-undang keadilan semula jadi bahawa seseorang pemegang lesen patut diperdengarkan dalam semua keadaan dan bukan hanya Menteri menentukan sebaliknya.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 55 ke 57 Rang Undang-undang ini membuat rujukan kepada perlantikan pengarah-pengarah dan ketua eksekutif. Selain daripada menambahkan senarai kehilangan ketayakan seorang pengarah atau pegawai sesebuah institusi berlesen, kebenaran bertulis tambahan untuk perlantikan seseorang pengarah atau ketua eksekutif itu adaiyah merupakan syarat asas ataupun prerequisite, dengan izin.

Kami percaya bahawa peruntukan ini tidak diperlukan. Kami percaya peruntukan-peruntukan ini bertujuan untuk memberi kuasa naungan politik kepada Kerajaan menerusi Bank Negara daripada mengawal dan mengurus institusi-institusi berlesen.

Ia tidak bermakna bahawa dengan mengadakan satu syarat asas untuk meminta kebenaran Bank Negara berkaitan dengan perlantikan pengarah dan ketua eksekutif hanya barulah kecekapan pengurusan boleh ditentukan.

Saya ambil contoh kes Oriental Bank Berhad. Walaupun Bank Negara telah menghantar penamanya ataupun nominee, Encik Chee Eng Tong untuk mengawal dan mengurus Oriental Bank Berhad untuk beberapa tahun, ia tidak mencegah OBB daripada terlibat dalam sebuah skandal bank yang melibatkan Bank Dagang Nasional Indonesia yang berpusat di Jakarta yang mana mengakibatkan kerugian \$63.9 juta dalam OBB.

Bank Negara menyedari sepenuhnya cara wang \$63.9 juta itu hilang dari OBB kerana pada masa

tersebut dan sepanjang tahun 1979 hingga 1987, semua akaun OBB perlu diluluskan oleh Bank Negara sebagaimana yang dikehendaki di bawah Seksyen 21 Akta Bank. Oleh itu, adalah tidak silap untuk menyatakan bahawa Bank Negara patut bertanggungjawab penuh ke atas salah pengurusan dan ketidakjujuran dalam OBB antara tahun 1979 hingga 1987.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 56 Rang Undang-undang ini ialah mengenai kehilangan kelayakan pengarah-pengarah atau pegawai bagi sesebuah institusi berlesen dan Fasal 56 (1) (d) meliputi mereka yang telah ditahan. Saya cuma membuat satu pertanyaan di sini. Adakah ini bermakna bahawa jika seseorang yang telah ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri, dia secara automatik akan hilang kelayakan? Adalah jelas kepada saya bahawa Fasal ini yang meliputi juga tahanan-tahanan Akta Keselamatan Dalam Negeri adalah memang tidak wajar.

Fasal 40 Rang Undang-undang mengandungi butir-butir peruntukan berkaitan perlantikan dan tugas seseorang auditor sesebuah institusi berlesen yang perlu diluluskan oleh Menteri atas cadangan Bank Negara.

Di bawah Fasal kecil 4 (i) seseorang yang didapati bersalah di bawah cadangan Akta ini atau Akta Syarikat 1965 atau mana-mana kesalahan di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang melibatkan penipuan, adalah juga hilang kelayakan, melainkan Yang Berhormat Menteri boleh, atas cadangan Bank Negara membatalkan syarat kehilangan kelayakan itu.

Kami gagal untuk memahami mengapa kuasa-kuasa mesti diberikan kepada Yang Berhormat Menteri untuk membatalkan kehilangan kelayakan seseorang juruaudit atas

rekomen Bank Negara. Jika Kerajaan serius dan komitted hendak membanteras salahguna dan salah pengurusan, maka peruntukan bagi Fasal kecil 4 (i) patutlah dibatal kerana ketidaklayakan seseorang juruaudit disebabkan bertindak secara tidak professional tidak patut diberi tolak ansur.

(Tuan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Tuan Yang di-Pertua, kuasa-kuasa menyelia dan mengawal institusi-institusi berlesen seperti yang dinyatakan dalam Bahagian X, Rang Undang-undang ini adalah terlalu luas dan boleh disalahgunakan.

Fasal 69 memberi kuasa kepada Bank Negara untuk memeriksa buku-buku, dokumen dan rekod sesebuah institusi berlesen tanpa perlu memberi notis. Dengan perkataan proviso dalam Fasal 71 ini, Bank Negara berhak menjalankan pemeriksaan di bawah Fasal 69 atau Fasal 70 atas arahan Yang Berhormat Menteri, malah jika perjalanan sesuatu pemeriksaan itu boleh mengganggu urusan biasa perniagaan harian institusi-institusi berlesen. Pegawai yang diberi kuasa untuk menjalankan pemeriksaan oleh Bank Negara adalah juga diberi kuasa untuk mengambil mana-mana dokumen termasuk sekuriti dan wang tunai.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun kami menghargai dan mengakui keperluan Kerajaan mengambil apa juga tindakan yang difikirkan wajar terhadap sesebuah institusi berlesen jika ia mempunyai alasan yang dipercayai bahawa institusi tersebut menjalankan perniagaan dalam cara yang bertentangan dengan kepentingan pendeposit-pendepositnya. Tetapi haruslah dipastikan bahawa peruntukan ini mestilah dijalankan dengan adil.

Apa yang amat tidak disokong dan haruslah dibantah keras ialah Bahagian XI Rang Undang-undang ini mengenai kuasa-kuasa penyiasatan, penggeledahan dan penyitaan. Fasal 83 dan 84, Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan kuasa-kuasa masuk menggeledah dan menyita serta memeriksa seseorang adalah sangat dahsyat kerana ia memberi kuasa kepada penyiasat-penyiasat ataupun investigators Bank Negara seperti kuasa Polis dan tidak ada kawalan ke atas kuasa-kuasa itu.

Di bawah Fasal 83 (2) (a) dan (b) Bank Negara dan penyiasatnya boleh memecahkan pintu mana-mana premis dan memasuki secara keras sesuatu bangunan dan setiap bahagian di dalamnya. Kuasa-kuasa ini sebagaimana diperuntukkan di bawah Fasal 83 dan 84 Rang Undang-undang ini mestilah dibantah sekeras-kerasnya kerana ia boleh disalahguna oleh pihak yang tidak bertanggungjawab.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 117 Rang Undang-undang ini memperuntukkan Yang Berhonnat Menteri untuk memberikan atau mengeluarkan satu keputusan muktamad di bawah Rang Undang-undang ini, sama ada ianya satu keputusan asal olehnya atau satu keputusan yang dibuat olehnya atas sebuah rayuan dari satu keputusan pihak Bank Negara. Walaupun peruntukan ini tidak dipakai sebagaimana diperuntukkan dalam Rang Undang-undang, adalah pasti tidak sesuai mempunyai satu peruntukan tersebut dan patutlah ada saluran rayuan kepada mahkamah undang-undang. Adalah jelas kepada saya dan saya merasa bahawa memandangkan kuasa-kuasa yang terlalu luas diberikan kepada Bank Negara dan Yang Berhormat Menteri di bawah Rang Undang-undang ini, maka terdapat potensi kecenderungan salahguna kuasa oleh pegawai-pegawai yang tidak bertanggungjawab dan

tindakan yang boleh mengganggu urusan operasi sesebuah institusi swasta. Oleh itu Fasal 117 pasti merupakan satu tanda jelas bahawa Eksekutif hendak memastikan bahawa keputusannya tidak boleh dipersoalkan oleh sesiapa malah dalam mahkamah undang-undang.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, saya tidak dapat memberikan ulasan-ulasan ke atas setiap fasal dalam Rang Undang-undang ini kerana masa yang diberikan adalah terhad. Walau bagaimanapun, saya tidak membantah pada keseluruhan Rang Undang-undang ini, tetapi apabila melihat kepada banyak ciri-ciri yang memudaratkan dalam Rang Undang-undang yang tidak wajar dan bertentangan dengan prinsip keadilan semula jadi, saya tidak ada pilihan lain kecuali menyatakan bahawa Rang Undang-undang ini bertujuan membolehkan Kerajaan menggunakan Bank Negara untuk mengawal sepenuhnya semua bank dan institusi kewangan dalam negara ini.

Apa yang lebih jelas ialah Rang Undang-undang ini bertujuan memberi kelulusan rasmi kepada naungan politik oleh Kerajaan dalam hal perlantikan Pengarah-pengarah, pegawai-pegawai dan Ketua Eksekutif untuk mana-mana bank atau institusi kewangan. Dengan kelulusan Rang Undang-undang ini, Kerajaan boleh seperti yang saya katakan awal-awal tadi, mempergunakan Bank Negara untuk mengawal siapa yang patut memiliki institusi-institusi kewangan, apa yang patut mereka buat dan bagaimana mereka patut diuruskan.

Melihat dari pengalaman-pengalaman yang telah lalu di mana terlampau banyak kuasa yang diberikan kepada Kerajaan di bawah pelbagai undang-undang yang berkuasa seperti Akta Keselamatan Dalam Negeri, tidak ada jaminan

bahawa ianya tidak akan disalahgunakan atau menimbulkan gangguan yang tidak menyenangkan oleh Kerajaan ke atas institusi-institusi kewangan swasta memandangkan kuasa-kuasa meluas yang diperuntukkan di bawah Rang Undang-undang ini. Sungguhpun kehormatan diberi kepada Bank Negara, tetapi kami belum yakin bahawa ianya adalah sebuah institusi yang benar-benar bebas dan tidak tertakluk kepada pengaruh politik dengan kuasa-kuasa yang ada. Bank Negara masih belum dapat mengikuti standard yang ditetapkan oleh mana-mana institusi bebas seperti Bank of England atau mana-mana bank nasional yang bebas di mana-mana negara yang bertindak sebagai benteng kewangan dalam negara-negara itu.

Sebagai contoh, siapa yang berani memberi jaminan bahawa kuasa-kuasa yang luas yang diperuntukkan di bawah Rang Undang-undang ini tidak akan digunakan untuk maksud politik untuk mereka yang menentang pemimpin yang ada sekarang. Di bawah Rang Undang-undang ini terdapat juga apa yang saya sebutkan "overriding clause" iaitu 118(1) yang memberi kuasa kepada Menteri untuk meluluskan melalui perintah yang disiarkan dalam Warta, pengecualian daripada semua atau mana-mana peruntukan dalam Rang Undang-undang ini atas syor Bank Negara meskipun larangan mandatori, contohnya, berkaitan dengan pemegang ekuiti saham maksimum yang diberikan dalam institusi-institusi berkenaan.

Dengan menimbang semua faktor-faktor ini, Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi pandangan kami bahawa Yang Berhormat Menteri ataupun Kerajaan tidak patut mempercepatkan kelulusan Rang Undang-undang ini menerusi Parlimen tetapi perlu menunjukkannya kepada sebuah Jawatankuasa Pilihan Parlimen

untuk mengkaji pelbagai peruntukan secara mendalam dan mengambil pertimbangan pandangan-pandangan pihak yang terlibat dalam industri bank dan kewangan.

Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila Yang Berhormat dari Tampin.

*8.08 mlm.*

**Tua» Mohd. Noh bin Rajab (Tampin):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk turut mengambil bahagian di dalam perbahasan berkenaan usul dibentangkan iaitu Rang Undang-undang Bank dan Institusi-institusi Kewangan 1989.

Pada hemat saya Rang Undang-undang ini adalah satu-satunya yang mustahak bukannya ia semata-mata sebagai Rang Undang-undang tetapi ia melibatkan pembangunan ekonomi negara di masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, sejak kebelakangan ini kita telahpun didedahkan dengan pelbagai isu dan masalah di sektor kewangan khususnya industri bank di mana selalu sahaja cerita-cerita tentang pelbagai penyelewengan dan kecelaruan di sektor bank. Soal ramainya pelanggan yang berhutang dengan bank tidak mampu untuk menjelaskan hutang mereka, lantas diisytiharkan sebagai muflis bukan sahaja lagi cerita baru kerana setiap hari melalui akhbar-akhbar di negara ini ada sahaja orang yang diisytiharkan muflis kerana kegagalan mereka untuk menjelaskan hutang dengan bank. Cerita bank kena samun pula dan kena rompak juga, bukanlah lagi satu berita yang memeranjatkan rakyat, begitu juga tentang kes-kes penipuan-penipuan yang melibatkan jutaan ringgit. Sebaliknya saya rasa rakyat tentu dahaga dan kepingin sekali untuk mendengar bank-bank yang dapat

serta berkemampuan bertindak sebagai institusi yang boleh membantu pelanggan maju dalam bidang perusahaan dan ekonomi.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai sebuah industri yang sentiasa berhubung dengan orangramai, bank dan institusi kewangan yang lain amat memerlukan keyakinan rakyat secara total. Agak menghairankan bila timbul tentang adanya bank-bank yang mengalami masalah kewangan dan rugi. Bagi saya tidak sepatutnya bank mengalami kerugian kerana realitinya bank adalah institusi yang bertindak sebagai master mind, dengan izin, atau tugas catur kepada perjalanan dan pengaliran wang. Daiam bahasa yang lebih tepat lagi, bank berperanan sebagai pengurusan aliran wang atau management of money circle". Setiap keuntungan yang diperolehi oleh bank adalah hasil dahpada pusingan wang yang disimpan dan dipinjamkan kepada pelanggan. Jika pelanggan meminjam wang, pihak bank memperolehi keuntungan, begitu juga kalau pelanggan menyimpan wang daripada bank, maka pihak bank juga memperolehi keuntungan. Pendek kata, simpan untung, bagi pinjam pun untung, macam gergaji dua mata, sorong makan, tarik pun makan. Jadi, tidak ada sebab bank harus mengalami kerugian. Yang peliknya, masih terdapat bank-bank yang mengalami kerugian. Setelah kita perhatikan dengan serius persoalan ini saya kira terdapat ada beberapa faktor yang membolehkan berlakunya kerugian kepada pihak bank di mana antaranya adalah dari aspek pengurusannya sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, terdapat beberapa bank yang melantik pegawai-pegawai tinggi pengurusannya atau para atau para eksekutif pengurusan di kalangan pegawai-pegawai yang kurang berpengalaman dan tidak sesuai dengan kelayakan mereka.

Pihak bank hanya lebih mementingkan soal paper qualification. dengan izin, tanpa mementingkan soal-soal pengalaman. Kadangkala seorang yang berkelulusan di bidang undang-undang dilantik sebagai pegawai tertinggi bank, ada pula yang berkelulusan sebagai seorang akauntan dilantik sebagai pengurus bank, sedangkan tidak semestinya seseorang itu harus mempunyai kelayakan di bidang tersebut. Sebaliknya mereka mestilah cekap dan melaksanakan tugas yang diamanahkan serta dapat membuat keputusan dengan tepat dan bersesuaian. Ini kerana mereka juga seringkali membuat banyak keputusan-keputusan yang melibatkan pinjaman yang besar kepada para pelanggan di mana mereka diberikan kuasa yang besar dan sepenuhnya. Sepatutnya kuasa adalah diberi dengan beransur-ansur, bukan semestinya seseorang yang berkelulusan tinggi itu boleh menggunakan kuasa yang diberikan kepadanya dengan baik, kalau tidak dipandu dengan pengalaman, apatah lagi dalatn aliran atau bidang kewangan banyak cerita-cerita, banyak penipuan-penipuan dan banyak kepalsuan boleh berlaku.

Kelulusan yang tinggi sahaja tidak dapat menyelamatkan seseorang itu daripada mengenalpasti segala tipu helah dan permainan ini. Dengan kuasa yang begitu besar seringkali mereka terdedah dalam membuat pertimbangan yang sesungguhnya memerlukan pengalaman dan kemahiran di bidang pengurusan bank. Apa yang berlaku adalah sebaliknya, di mana mereka yang tidak berpengalaman dan tidak sesuai menjawat jawatan tersebut sering membuat pertimbangan berdasarkan kepada spekulasi dan berbentuk penanaman modal yang memakan masa serta bercorak hutang budi dibayar budi. Maksud saya ada kakitangan yang dilantik memegang jawatan tersebut berdasarkan kepada "technical know whom" dan bukanlah

kepada "technical know-how," dengan izin, kerana perlantikan mereka itu dibuat berdasarkan kepada pertimbangan siapa kenal siapa, maka seringkali dalam membuat sesuatu keputusan yang melibatkan pinjaman besar mereka terdesak untuk meluluskannya kerana terasa terhutang budi, biarpun risiko terhadap pinjaman tersebut begitu tinggi dan tidak berpatutan. Bank seharusnya menjadi sebuah institusi di mana kakitangannya terdiri dari kalangan mereka yang benar-benar pakar atau profesional dalam bidang kewangan atau, dengan izin, money management. Oleh itu setiap pegawai tinggi yang ingin tahu atau yang ditawarkan memegang jawatan hendaklah terlebih dahulu dikaji latarbelakang termasuklah amalan-amalan yang tidak sihat.

Tuan Yang di-Pertua, sementara itu di kalangan kakitangan di peringkat bawahan pula sering kali terdapat kakitangan yang tidak cekap. Keadaan ini berlaku kerana ada bank-bank yang kecil yang tidak berkemampuan untuk menawarkan gaji yang setimpal kepada kakitangan yang lebih cekap kerana adanya berbagai sekatan untuk kenaikan pangkat dan kenaikan gaji, akibatnya kakitangan tersebut tidak mempunyai insentif untuk melaksanakan tugas dengan cemerlang kerana itulah baru-baru ini terdapat kejadian adanya ahli-ahli persatuan kakitangan bank yang berpiket, dengan izin, atau menjalankan, work to rule, dalam usaha menuntut kenaikan gaji bagi menampung kehidupan mereka selaras dengan kadar inflasi. Di samping itu pula terdapat bank terikat dengan Kesatuan Bank di mana mereka tidak bebas meletakkan atau memberi gaji sesuka mereka dan kemampuan mereka kepada pekerja-pekerja, akibatnya permasalahan antara Kesatuan Bank (NUBE), dengan izin, dengan National Union of Bank Employees, berlarutan.

Banyak antara bank-bank yang besar mampu melayan permintaan persatuan ini tetapi oleh sebab ada beberapa bank yang kecil yang perjalanannya tidak begitu cekap, tidak dapat melayan kehendak kesatuan ini. Oleh kerana terikat dengan Kesatuan Bank, semua bank adalah disekat untuk melayani permintaan kesatuan, maka berlarutanlah masalah dan akibatnya pelanggan merasai kesukaran untuk mendapatkan khidmat yang cemerlang daripada bank. Apabila pelanggan menikmati kesukaran, sudah tentu ini menjejaskan pertumbuhan ekonomi, maka kesukaran yang tidak sepatutnya timbul kerana bank adalah salah satu institusi yang disifatkan sebagai essential service, dengan izin, dan tidak harus timbul kesukaran dalam masalah antara majikan dengan pekerja dalam institusi bank.

Sepatutnya kelonggaran diberi kepada bank-bank untuk menawarkan gaji kepada pekerja-pekerja. Kalau bank itu berpendapat bahawa kakitangannya patut dibayar dengan gaji yang lebih dia perlu bebas berbuat demikian dan dengan itu semua kakitangan yang cekap akan berkhidmat dengan bank itu dan bank akan memperolehi hasii daripada kecekapannya itu dan bank yang kurang cekap yang tidak dapat memberikan khidmat yang baik, sudah tentu tidak dapat mengadakan ataupun mengambil kakitangan yang cekap dan biarlah bank yang tidak cekap ini menghadapi risiko ataupun pulangan dari ketidakcekapannya.

Di sini terdapat satu competition yang bebas dan tidak patut diberi sekatan kerana dalam dunia perniagaan, mereka yang cekap itu harus menikmati kecekapannya dan mereka yang lembab itu harus didenda dengan kelembabannya.

Akibat dengan ketidakcekapan beberapa bank, saya ingin

menyarankan di sini beberapa tabiat atau pun perjalanan bank yang tidak patut herlaku yang menimbulkan kesusahan kepada pelanggan-pelanggan. Kita sentiasa mendengar kelohan pemohon-pemohon atau pun peminjam-peminjam yang tidak diberi layanan yang memuaskan. Apa yang saya takrifkan sebagai "layanan yang memuaskan" bukanlah semestinya mendapat kelulusan kepada tiap-tiap permohonan pinjaman. Yang disifatkan sebagai layanan yang baik ialah permohonan itu dilayan dan diberitahu apakah kehendak-kehendak yang diperlukan oleh bank dan sesudah mendapat kehendak-kehendak atau pun pemohon memberikan segala keperluan, dapat jawapan yang cepat, bukan memakan masa sampai 6 bulan, 7 bulan, 8 bulan masih lagi dalam pertimbangan, daripada satu peringkat committee kepada peringkat committee yang atas dan pelanggan tertunggu-tunggu. Selalunya orang meminjam dengan bank kerana ada masalah tertentu. Kalau untuk mendapatkan jawapan memakan masa 6 bulan, saya percaya masalahnya akan bertambah berkali-kali ganda dan mungkin jumlah pinjaman ataupun pertolongan yang ingin dipinjam daripada bank tidak mencukupi lagi. Apakah gunanya semua exercise yang dibuat? Oleh yang demikian, kita harapkan agar bank memberikan layanan yang baik. Kalau sesuatu permohonan itu dipastikan dalam jangka masa yang pendek diberikan jawapan.

Satu perkara lagi yang ingin saya sebutkan di sini ialah amalan separuh bank yang tidak menghormati guarantee yang diberinya. Dalam dunia perniagaan dalam menjalankan perniagaan, peniaga-peniaga diminta untuk mengadakan bank guarantee kepada bank-bank untuk mendapatkan kredit atau seumpamanya dan bank-bank sebelum memberikan guarantee menimbangkan sesuatu permohonan itu dengan pertimbangannya sendiri. Apa yang

sungguh mendukacitakan ialah ada bank sanggup memberi guarantee tetapi apabila guarantee itu dituntut oleh pihak yang memegang guarantee cuba lewat-lewat dan melambat-lambatkan dan kalau boleh, membatalkan guarantee itu. Ini adalah satu perkara yang tidak professional langsung. Bank sebuah institusi sepatutnya mesti menghormati bukan sahaja segala janji yang bertulis, tetapi dalam percakapannya pun bank mesti menghormati segala commitmentnya. dengan izin.

Satu perkara yang menyedihkan ialah ada juga bank yang mengambil masa yang panjang untuk menghormati cashier ordernya sendiri, dengan izin, saya pun tidak tahu Bahasa Melayunya atau pun demand draftnya sendiri. Cashier order dan demand draft ini kalau hendak dikatakan dalam bahasa yang senang ialah cheque yang dikeluarkan oleh bank yang boleh dituntut kepada bank itu sendiri dan seseorang pelanggan untuk mendapatkan cashier order atau demand draft ini mestilah membayarnya dengan tunai. Cashier order itu mestilah dibeli, bukan dengan kredit. Jadi apakah masalahnya yang bank tidak mahu menghormati cheque yang dikeluarkannya sendiri? Adakalanya pegawai bank memakan masa 2-3 hari untuk membuktikan kesahihan cashier order atau demand draft itu. Ini perkara tidak tojik kerana semuanya adalah dalam pegangan bank. Jadi kalau ada seseorang pelanggan yang memegang cashier order, sudah tentunya dia diberi dengan keadaan yang baik dan apabila dituntut nilai cashier ordernya itu sepatutnya mestilah dibayar dengan bank tertentu dengan cepat, tidak payah memakan masa 2-3 hari atau pun menunggu beberapa ketika untuk menjamin kesahihannya.

Ini bersangkut-paut, Tuan Yang di-Pertua, dengan keadaan ekonomi kita

sekarang ini. Kita ada commodity exchange, dengan izin. Dalam permainan commodity exchange ini kita hanya mengadakan margin, dengan izin, dan margin kita sentiasa dalam keadaan baik yang mana kita mempertahankan wang kita untuk keadaan atau position kita masih lagi baik. Apabila bertukar harga commodity dan margin kita terancam, dalam hari yang sama kita terpaksa memasukkan wang supaya position kita itu tidak terancam, kalau tidak, kita terkeluar daripada kontrak. Jadi, untuk memastikan yang kontrak kita itu tetap baik, kita mesti membayar segala kekurangan serta merta dan selalunya kekurangan ini dibayar bukan dengan cash, bukan dengan personal cheque atau company cheque, dia dibayar dengan demand draft atau cashier order. Kalaulah misalnya commodity exchange mengatakan selewat-lewatnya pukul 3.00 kita mesti membayar dan kita beri kepada commodity exchange cashier order yang dikeluarkan oleh sebuah bank dan apabila dituntut bank pula mengambil masa, kadangkala menanggungkan keesokannya sedangkan cashier order itu sendiri adalah cheque yang dikeluarkan oleh bank itu. Jadi dengan tempoh perlakuan cashier order itu kita dapat kontrak kita batal, bukan kerana kita tidak berkemampuan untuk menghidupkan kontrak kita tetapi kerana perjalanan bank yang tidak segar.

Kalau Tuan Yang di-Pertua masih ingat 6-7 tahun yang lalu didapati bahawa satu kejadian berlaku dalam Commodity Exchange Malaysia yang mana seorang pemegang kontrak telah terkeluar daripada kontraknya kerana tidak dapat menepati ataupun membayar wang untuk mengkreditkan wang ke dalam marginnya, kerana apa? Kerana ia menggunakan cashier order daripada sebuah bank tempatan yang bemiilai beratus ribu ringgit dan bank tempatan itu mengambil masa

seolah-olah sengaja untuk menendang orang yang dimaksudkan terkeluar daripada kontraknya.

Ini adalah satu perbuatan yang paling jahat yang tidak sehat berlaku dalam dunia perniagaan sekarang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhonnat, orang yang pegang cashier's order itu boleh buat saman dalam mahkamah.

**Tuan Mohd. Noh bin Rajab:** Tetapi saya tidak mahu ceritakan pasal dia, yang saya ceritakan kerana bank itu, kita membincangkan tentang bank, kalau kita membincangkan tentang hak orang yang memegang cashier's order itu boleh, tetapi saya tidak mahu menyentuh tentang haknya tetapi saya mahu kenapa bank itu dengan alasan bahawa dia memerlukan masa, sengaja untuk menendang pelanggan itu terkeluar daripada kontrak. Kalau ini berlaku kepercayaan orang ramai terhadap bank itu terjejas Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, itu bukan sahaja kelemahan-kelemahan yang terdapat dari bank matah berbagai-bagai lagi kelemahan.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu saya juga ingin menyentuh tentang sikap bank yang dewasa ini terlalu ghairah untuk mengambil tindakan guaman terhadap pelanggan-pelanggan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, yang anehnya sikap ini ternampak jelas kepada pelanggan-pelanggan yang kecil, yang meminjam di bawah \$100,000 yang kita tahu bahawa mereka adalah daripada kalangan yang betul-betul berusaha untuk meninggikan taraf hidup dan kepada pelanggan-pelanggan inilah yang bank terlalu ghairah untuk mengambil tindakan guaman dan dia tidak pula terbukti kepada pelanggan-pelanggan yang besar, Pelanggan-pelanggan yang besar yang meminjam

berpuluh juta ringgit mereka mendapati segala keionggaran, mereka dibawa berbincang, mereka diberi masa tertentu, mereka diberi notis yang cukup. Jadi mengapa wujudnya sikap yang sedemikian sedangkan pelanggan-pelanggan yang kecil inilah yang memerlukan pertolongan bank bukan pelanggan-pelanggan yang besar yang sudah tentunya mereka sendiri untuk mendapatkan pinjaman yang besar itu adalah di kalangan jutawan-jutawan kita.

Tuan Yang di-Pertua, kita selalu mendengar orang ramai bercakap, bank ini bersikap sebagai orang yang meminjamkan payungnya apabila hari panas, tetapi apabila mula hujan turun, payungnya diminta balik dan inilah kadang-kadang berlaku di kalangan bank. Tidak ada commitment, dengan izin, dalam menghadapi masalah ekonomi. Sepatutnya bank adalah sejiwa dengan Kerajaan, dengan pengusaha-pengusaha yang lain, maju dalam keadaan ekonomi yang baik dan menghadapi masalah sama-sama menghadapi cabaran dalam keadaan ekonomi yang kurang baik.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh satu amalan di kalangan bank-bank yang sentiasa mencari jalan untuk mengelakkan diri daripada mengikuti semua arahan Kerajaan. Kerajaan dari masa ke semasa mengadakan kuota khususnya untuk menolong peniaga-peniaga yang kecil atau syarikat-syarikat yang kecil mendapatkan pinjaman tanpa bercagar atau kalau ada pun cagaran \$1 untuk \$1, sudah tentunya cagaran yang sedemikian bukanlah merupakan begitu baik, kerana selalunya bank memerlukan cagaran yang berlipat ganda nilainya daripada pinjaman yang dibuat.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang berlaku ialah persefahaman bank dengan pelanggan-pelanggan yang besar, syarikat-syarikat yang besar

menerima ataupun menasihatkan syarikat-syarikat ini untuk menubuhkan syarikat-syarikat yang kecil supaya layak meminjam dalam skim yang khusus untuk pelanggan-pelanggan yang kecil sahaja, sedangkan syarikat-syarikat ini adalah dipunyai oleh orang-orang yang besar ataupun syarikat-syarikat yang lebih besar dan dengan rela bank memberi pinjaman tanpa cagaran kepada syarikat-syarikat yang kecil ini; sudah tentunya kalau dilihat oleh Bank Negara keadaan pinjaman dalam skim-skim tertentu yang perlu mengatasi kuota-kuota tertentu, bank tersebut sampai matlamatnya kerana dapat memenuhi, memberi pinjaman dengan kuota-kuota yang tertentu. Tetapi kalau ditihat lebih mendalam pinjaman itu bukanlah kepada syarikat yang kecil, pinjaman itu bukanlah kepada peniaga yang kecil tetapi sebenarnya pinjaman itu diberi kepada peniaga yang kaya dan pihak bank tidak langsung mengalami sebarang risiko.

Oleh yang demikian Rang Undang-undang yang diperbahaskan ini patut ataupun kuasa Bank Negara perlu diperluaskan untuk berkeupayaan memeriksa bila-bila masa sahaja akaun-akaun bank-bank tertentu, malahan tidak salah kalau kita katakan bahawa kurangnya pengawalan Bank Negara kepada bank-bank dagangan atau institusi-institusi kewangan yang lain yang menyebabkan beberapa kejadian yang tidak diingini. Kawalan wang asing adalah satu lagi arena yang mana Bank Negara harus memberikan pandangan yang begitu serius, kerana dalam permainan pertukaran wang asing ini matawang negara kita boleh menjadi turun naik bukan kerana pertukaran yang sihat tetapi terdapat bank-bank yang sentiasa tidak mahu mengikuti kehendak-kehendak Kerajaan, sentiasa memainkan peranannya untuk mengeluarkan wang Malaysia ke luar negeri apabila terdapat sahaja peluang yang demikian. Yang menyedihkan, ada separuh di antara

wang-wang yang dibawa keluar ini dipinjam daripada Bank Negara.

Tujuan Bank Negara memberi pinjaman ini bukan untuk bank itu menghantar kepada luar negeri tetapi adalah supaya bank ini berkemampuan atau lebih liquid lagi untuk memberi pinjaman kepada syarikat-syarikat tempatan untuk mendapatkan wang yang lebih sebagai modal memperluaskan lagi perniagaan-perniagaan mereka dan dapat memberi peluang-peluang pekerjaan kepada penganggur-penganggur. Tetapi ada bank sudah dapat pinjaman daripada Bank Negara bukan mahu mengikuti syarat ini tetapi mengeluarkan wang itu keluar negeri kerana feadah yang di luar negeri kalau disimpan adalah lebih banyak, lebih tinggi daripada yang terdapat di negara kita ini. Kadang-kadang kegiatan inilah yang membuat nilai wang Malaysia jatuh kalau dibandingkan dengan matawang asing.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga menyentuh di sini bahawa sikap bank membuat bahawa di Kuala Lumpur inilah tempat bank memberi pinjaman, sedangkan wang yang dipinjamkan itu adalah diambil daripada pendeposit-pendeposit daripada negeri-negeri atau bandar-bandar yang kecil. Ini adalah satu ketidakadilan. Kalau semua wang yang disimpan di pekan yang kecil-kecil dibawa ke Kuala Lumpur dan diberi pinjaman kepada peminjam-peminjam Kuala Lumpur, sudah tentulah pertumbuhan ekonomi di pekan-pekan kecil ini tidak dapat diadakan kerana terdapat ketemahan bank di situ disebabkan bank enggan memberi pinjaman kepada peniaga-peniaga yang kecil di pekan-pekan kecil itu. Sepatutnya Bank Negara memberi tekanan bahawa cawangan-cawangan bank yang menghantar simpanan orang ramai kepada Ibu Pejabatnya tidak harus dibayar faedah langsung apabila mengirakan faedah inter bank ataupun antara Kuata Lumpur dengan cawangan-cawangan.

Ini ialah untuk menolong peniaga-peniaga yang kecil yang berada di kawasan luar bandar mendapat pinjaman yang lebih senang. Sudah tentulah bank tidak mahu memberikan pinjaman yang kecil-kecil kerana masalahnya adalah rumit. Masalah untuk memberi pinjaman kepada seorang yang meminjam \$50,000 adalah sama kalau bank itu memberi pinjaman sebanyak \$500,000 ataupun \$5 juta.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat berucap keseluruhannya di atas penyelewengan oleh pegawai-pegawai bank atau bank-bank apa yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat. Tetapi Rang Undang-undang dihadapan kita ialah berkenaan dengan perlesenan dan pengawasan bank-bank dan institusi-institusi kewangan, itu ada bezanya, Yang Berhormat.

**Tuan Mohd. Noh bin Rajab:** Tidak mengapa, Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya menyokong Rang Undang-undang ini, tetapi saya ingin membangkitkan dalam Dewan yang mulia ini ketidaksihatan ataupun aktiviti-aktiviti yang tidak sihat yang berlaku dalam bank dan saya harap dengan pembongkaran ataupun dengan adanya saya menyentuh serba sedikit ini pihak Bank Negara dapat memainkan peranan yang lebih efektif, kerana saya percaya bahawa peranan bank adalah amat mustahak sekali kepada negara ini. Dan saya tahu bahawa dalam perjalanan bank ini banyak masalah berlaku. Sambil saya 100% menyokong Rang Undang-undang ini tetapi sebagai seorang yang inginkan pembangunan, sebagai seorang yang bertanggungjawab kepada pengundi saya, saya ambil kesempatan ini untuk mendedahkan serba sedikit, Tuan Yang di-Pertua, agar ianya dapat diatasi sedikit sebanyak, kalau tidak keseluruhannya. Masih ada masa lagi, Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Yang di-Pertua: Saya ingat Tuan Berhormat sudah berucap panjang, sudah lebih daripada setengah jam.

**Tuan Mohd. Noh bin Rajab:** Tidak mengapa, Tuan Yang di-Pertua. Kalau Tuan Yang di-Pertua kata sudah cukup, saya berhenti.

Jadi, untuk menggulungnya, Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi mengatakan bahawa Rang Undang-undang ini adalah amat perlu untuk dikuatkuasakan kepada bank-bank yang ada ataupun institusi-institusi kewangan yang beroperasi di Malaysia ini.

Saya mohon menyokong. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas.

8.45 *mlm.*

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana diberi kesempatan untuk mengambil bahagian bagi membahaskan Rang Undang-undang Bank dan Institusi Kewangan 1989.

Saya tidak bercadang untuk mengambil masa yang panjang walaupun Tuan Yang di-Pertua, saya telah pun menyediakan rangka ucapan perbahasan yang begitu panjang, tetapi oleh kerana masa tidak mengizinkan, saya berjanji tidak akan mengambil masa yang panjang, insya Allah, walaupun saya berpendapat bahawa Rang Undang-undang ini begitu penting yang ada di hadapan kita. Walau macam manapun oleh kerana rasa tanggungjawab kepada perjalanan bank dan institusi kewangan ini maka saya kira wajar saya turut serta memberi buah fikiran dan pandangan bersabit dengan Rang Undang-undang ini. Oleh kerana saya tidak bercadang untuk berucap dengan panjang lebar, saya hanya

sekadar untuk menyentuh perkara-perkara dasar dan menimbulkan beberapa persoalan supaya mendapat perhatian daripada pihak Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, sememangnya tahun 1987 dan 1988 khususnya, merupakan tahun yang amat memalukan negara kita dalam bidang institusi kewangan. Sepanjang dua, tiga tahun kebelakangan ini banyak skandal-skandal kita dengar. Sebenarnya dan sepatutnya negara kita ini menjadi sebuah pusat institusi kewangan yang terkemuka di rantau ASEAN ini. Malah kita boleh bersaing dengan negara Singapura, kita boleh bersaing dengan negara Hong Kong ataupun mana-mana negara kalaulah institusi kewangan selama ini ditadbirkan dengan secara amanah, bersih dan cekap. Tetapi malangnya usahkan bank-bank perdagangan, Bank Negara yang dipertanggungjawabkan untuk mengawasi bank-bank lain pun kena tipu. Peristiwa penipuan \$22.2 juta oleh satu kumpulan manusia baru-baru ini sememangnya mengaibkan negara kita, mengaibkan institusi kewangan bank-bank, lebih-lebih lagi yang terlibat itu Bank Negara. Manakala kita dapati pula mereka ini mendapat hukuman yang pada pandangan saya, Tuan Yang di-Pertua, tidak setimpal. Sebab mereka yang menggelapkan wang kepunyaan rakyat, kepunyaan negara seharusnya menerima hukuman-hukuman setimpal dengan pencedar-pencedar dadah ataupun sebagainya. Sebab kita dengar banyak penyelewengan tetapi ada setengah-setengah itu didapati bersalah dan hukuman yang dikenakan tidak lama iaitu dua, tiga tahun, empat, lima tahun sehingga ada rakyat bercakap, kalau macam ini kita diberi peluang, kita pun hendak menipu, sebab dapat tiga empat juta masuk Pudu Jail, setahun dua, keluar jadi millionaire. Jadi, inilah yang terjadi di kalangan pemikiran rakyat akibat daripada skandal-skandal sebelum ini.

Sememangnya banyak yang saya hendak perkatakan dalam soal-soal penyelewengan dan skandal ini dan saya kira Rang Undang-undang ini dibuat oleh kerana pengalaman-pengalaman yang lalu untuk membaiki perkara-perkara yang terjadi sebelum ini. Tetapi walaupun begitu, Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak boleh melepaskan tanggungjawab, kerana saya ingin mengetahui daripada pihak Kerajaan sejauh manakah setakat ini skandal dalam BMF yang begitu hangat dahulu walaupun sekarang sudah tidak diperkatakan lagi. Sejauhmana usaha yang telah dibuat untuk mendapatkan balik wang tersebut.

Sesudah Laporan Tan Sri Ahmad Nordin, banyak isu ini diperdebatkan, sejauh manakah wang kepunyaan rakyat dapat dikembalikan semula kerana penipuan yang berlaku.

Begitu juga kita lihat isu CCB, saya ingin mendapat penjelasan daripada pihak Kerajaan. Walaupun perkara ini sudah dijawab tetapi secara ringkasnya saya ingin menarik perhatian pihak Kerajaan. Pihak Kerajaan bertanggungjawab untuk menyelamatkan pekerja-pekerja yang tersingkir daripada skandal CCB itu. Wang itu gelap akibat daripada tidak bertanggungjawab pengarah-pengarah yang dilantik, yang diberi amanah untuk mengendalikan bank tersebut. Sememangnya kita tahu pengarah-pengarah itu pun telah dilantik dahulu di atas keputusan dan persetujuan daripada Menteri Kewangan. Begitu juga pekerja-pekerja dalam Kompleks Kewangan juga dipecat. Jadi adalah kewajipan Kerajaan untuk membela nasib mereka ini. Cukup memalukan kita apabila berlakunya skandal-skandal ini, pekerja-pekerja dipecat, malah macam Bank Kerjasama, terpaksa pekerja-pekerja berpiket, tunjuk perasaan dengan mendukung anak masing-masing di waktu bulan puasa.

Perkara itu berlaku dan mendapat publisiti yang begitu besar, manakala mereka yang mendapat faedah duduk dengan senang lenang, yang lari, lari, yang tinggal di dalam mendapat pembelaan. Jadi begitu jugalah Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan walaupun saya bercadang banyak untuk mengemukakan pandangan.

Dalam kes KUBB Finance—walaupun sekarang ini belum menjadi kontroversi, kita dengar juga dan saya difahamkan juga mengalami masalah. Kemungkinan ianya belum meletup lagi, belum expose lagi. Kerana sebelum ini, Pengerusinya sebelum ini saya difahamkan diberi kuasa meluluskan pinjaman, seorang kuasa Pengerusi, Tuan Yang di-Pertua, \$9-\$10 juta, dia seorang. Saya hendak sebut namalah walaupun senegeri tetapi rasa tanggungjawab. Di waktu Tan Sri Ibrahim Mohamad menjadi Pengerusi KUBB Finance, kuasa seorang Pengerusi boleh luluskan pinjaman \$9-\$10 juta. Sebab itu KUBB Finance juga sebenarnya banyak "bad debt" yang tak dapat dikutip . . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, diminta berucap atas Rang Undang-undang ini.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Baiklah. Jadi oleh kerana itu saya membangkitkan perkara ini, Tuan Yang di-Pertua, kerana saya menyambut baik setengah-setengah daripada apa yang hendak dilakukan di bawah Rang Undang-undang ini, kerana perkara-perkara ini berlaku sebelum ini. Cuma kita menarik perhatian supaya isu-isu yang saya sebutkan tadi jangan dibiarkan begitu sahaja, pembelaan mesti diberi kepada mereka ini, pekerja, dan penyimpan wajar diberi pembelaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak cadangkan satu perkara sahaja. Satu perkara saya hendak cadang

walaupun banyak perkara dalam fasal-fasal ini tetapi selain daripada fasal-fasal ini, saya hendak cadangkan kepada pihak Kerajaan, mungkin pada pandangan orang lain keterlaluan. Kita hendak melantik Ahli-ahli Lembaga Pengarah terutamanya bank-bank yang dikuasai oleh Kerajaan, bank-bank dan institusi kewangan kita berdasarkan kepada kelulusan, pengalaman-pengalamannya, tetapi saya hendak cadangkan juga, walaupun mereka ini pengarah selain daripada mereka ini berfungsi menjadi pengarah, biarlah kursus-kursus kesedaran Islam, bukan sahaja kepada pegawai-pegawai yang rendah, tetapi Ahli Lembaga Pengarah juga perlu sama, unsur-unsur penerapan nilai-nilai Islam mesti dibuat. Jangan setakat pegawai-pegawai rendah tetapi juga Pengarah-pengarah besar . . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Hendak masuk dalam seksyen mana itu . . . . .

**Tuan Haji Ibrahim bin Haji Ali:** Umum, Tuan Yang di-Pertua, ini dasar . . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidaklah, jikalau hendak bercakap janganlah umum sampai tak boleh masuk dalam Rang Undang-undang itu.

**Tuan Haji Ibrahim bin Haji Ali:** Tetapi kalau saya hendak masukkan cadangan umum, maka saya mesti ikut format yang saya sediakan, jadi panjang lagi. Sebab itu saya hendak sentuh perkara yang saya hendak sentuhkan sahaja. Sebab itu saya hendak cadangkan juga supaya pengarah-pengarah itu juga diberi pendedahan supaya ada kesedaran dan keinsafan. Sebab macam mana undang-undang dibuat pun Tuan Yang di-Pertua, kalau makin cerdik, makin lagi pandai menipu. Sebab itu kursus-kursus seperti ini perlu dan kita sudah lihat, sudah wujud Bank Islam, maka

bank-bank yang dikuasai oleh Kerajaan, sudah sampai masanya mengikut corak dan langkah seperti Bank Islam. Ini boleh dibuat, Tuan Yang di-Pertua. Saya tahu Tuan Yang di-Pertua pun sudah letih, saya hendak pendekkan ucapan ini. Jadi, oleh kerana itu saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih . . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat, jika Ahli Yang Berhormat letih, jangan kata orang lain letih.

**Tuan Haji Ibrahim bin Haji Ali:** Ya, saya tarik balik, Tuan Yang di-Pertua tak letih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat, soalnya saya hendak minta Ahli Yang Berhormat berucap mengikut peraturan, berucaplah di atas apa yang ada di hadapan kita.

**Tuan Haji Ibrahim bin Haji Ali:** Memang sebab itu saya sebut tadi, Tuan Yang di-Pertua, kalau saya hendak sentuh supaya saya masuk satu fasal ke satu fasal, saya gerenti sekurang-kurangnya satu setengah jam tetapi oleh kerana hendak ambi! masa yang singkat, saya hanya cuba ringkaskan, sum-up dalam fikiran saya perkara yang saya hendak sebut dalam Dewan yang mulia ini.

Jadi, setakat itu sahajalah Tuan Yang di-Pertua, saya harap pandangan itu mendapat perhatian daripada pihak yang berkenaan. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat dari Seremban.

5.56 *mlm.*

**Dr Chen Man Hin (Seremban):** Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengambit bahagian dalam membahaskan Rang Undang-undang Bank dan Institusi-institusi Kewangan 1989.

Pada satu ketika dahulu Dewan ini adalah sering mendengar dakwaan yang dibuat oleh Menteri Kewangan demi Menteri Kewangan bahawa Malaysia . akan menjadi "Pusat Kewangan" di Asia kalau tidak di dunia. Namun demikian, dakwaan itu tidak lagi kedengaran ketika ini semenjak terbongkarnya skandal kewangan Bumiputra Malaysia Finance yang menggemparkan seluruh dunia di dalam tahun 1982-1983. Skandal ini telah memberikan satu tamparan hebat kepada nama baik Malaysia di kalangan bank dan kewangan antarabangsa. Keadaan ini bertambah buruk dengan berita bahawa Menteri Kewangan sendiri memainkan peranan dalam meluluskan penguasaan majoriti UMBC oleh syarikat atau syarikat-syarikat yang dimiliki oleh keluarganya dalam tahun 1985.

Skandal KWSP pula telah menggoncangkan keyakinan berjuta-juta pekerja Malaysia apabila pendedahan dibuat bahawa wang mereka telah digunakan untuk spekulasi dalam pasaran saham dan berpuluh-puluh juta ringgit telah hilang dalam urusan berkeajaan. Lain-lain bank yang gagal dan terpaksa diselamatkan oleh Bank Negara terdiri dari Perwira Bank, UAB dan Oriental Bank. Kerugian beratus-ratus juta ringgit oleh Bank Pusat Kerjasama (CCB) telah mengancam masa depan dan survival, dengan izin, banyak koperasi-koperasi yang telah menyimpan wang mereka dalam CCB.

Tragedi kewangan yang lain ialah skandal 24 koperasi pengambilan deposit yang telah menjejaskan hampir 500,000 para pendeposit di mana simpanan mereka yang berjumlah \$1.5 billion telah disalahgunakan oleh Pengarah-pengaruh yang tamak termasuk ahli-ahli politik MCA dan orang-orang

kenamaan. Walaupun koperasi-koperasi dan CCB termasuk di dalam bidangkuasa Akta Bank . . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat, saya telah menegurkan iaitu hendaklah berucap di atas Rang Undang-undang yang di atas meja. Ahli Yang Berhormat bercakap berkenaan apa yang telah terjadi, penyelewengan-penyelewengan. Di dalam Rang Undang-undang kita ialah mengenai perlesenan dan pentadbiran, institusi kewangan dan bank. Sekiranya bercakap berkenaan dengan siapa-siapa yang menyeleweng dan sebagainya itu tak bersangkutan dengan perlesenan.

**Dr Chen Man Hin:** Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya memberi penjelasan . . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Jikalau Ahli Yang Berhormat boleh sentuh dan bawa kepada Rang Undang-undang, ataupun kaitkan kepada Undang-undang itu sangat sesuai.

**Dr Chen Man Hin:** Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya memberikan pandangan saya. Undang-undang ini mengandungi 200 mukasurat. Apakah tujuannya Rang Undang-undang ini ialah untuk mengelakkan lagi skandal-skandal yang telah berlaku. Saya beri latar belakangnya dan perkara ini pun sudah disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan sendiri apa yang saya cakap.

**Tuan Hu Sepang:** (*Tepuk*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat dari Rasah apa yang ditepek? Ahli Yang Berhormat dari Rasah tepuk apa itu?

**Tuan Hu Sepang:** Tuan Yang di-Pertua, saya tepuk kerana saya bersetuju apa yang dilafazkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Seremban. Itu tidak salah!

**Tuan Yang di-Pertua:** Tetapi itu menghinakan kepada Kerusi, saya bercakap untuk menegurkan mengikut pada fikiran saya berkenaan dengan ucapannya itu tak mengikut Peraturan Mesyuarat. Barangkali saya salah, tetapi Ahli Yang Berhormat tak boleh menepuk meja. Ahli Yang Berhormat dari Seremban, sila teruskan.

**Dr Chen Man Hin:** Walaupun koperatif-koperatif dan CCB termasuk dalam bidang kuasa Akta Bank dan Institusi Kewangan, namun penipuan kewangan yang berlaku itu telah menyumbang ke arah kemerosotan imej kewangan Malaysia. Penghinaan yang terakhir pula datangnya dengan kes penipuan \$22 juta dalam Bank Negara sendiri. Peranan Bank Negara sebagai pengawas awam ke atas industri kewangan telah terjejas dengan teruknya kerana bagaimanakah Bank Negara boleh menyelia bank-bank dan institusi-institusi kewangan padahal ianya sendiri perlu penyeliaan.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan reformasi-reformasi diperlukan untuk industri kewangan, saya hendak sentuh beberapa perkara. Peranan penting yang dimainkan oleh bank-bank dan institusi-institusi kewangan dalam pembangunan ekonomi negara tidak boleh diperkecilkan, Bidang perdagangan dan perindustrian serta komersial memerlukan pembiayaan yang cukup untuk mewujudkan pekerjaan dan pendapatan yang diperlukan oleh rakyat.

Wang harus didapati. Penyimpanan rakyat boleh digunakan untuk tujuan yang baik. Akan tetapi keyakinan mereka harus dipulihkan sebelum mereka digalakkan untuk menyimpan wang mereka dalam bank-bank dan institusi-institusi kewangan. Ini hanya boleh dibuat dengan adanya reformasi-reformasi dalam industri bank.

Rang Undang-undang Bank dan Institusi Kewangan mengandungi 212 muka tetapi di manakah ia menyatakan bahawa ahli-ahli politik tidak harus campur tangan dalam pengurusan bank-bank dan institusi kewangan.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Skandal Bumiputera Malaysia Finance adalah satu contoh baik di mana campur tangan serta naungan politik atau political patronage, dengan izin, menyebabkan kerugian-kerugian besar sehingga \$2.5 billion. Jawatan-jawatan kanan pengurusan telah dijabat oleh orang-orang yang tidak mempunyai pengalaman bank yang baik. Apabila penipuan politik ditemui oleh pihak polis Hong Kong pada tahun 1980, BMF didapati meminjam sebanyak HK\$1,063 juta kepada Carrian. Sekiranya langkah-langkah pembetulan diambil dengan serta merta oleh syarikat induk BMF iaitu Bank Bumiputera, kerugian lanjut sudah tentu boleh ditegah daripada berlaku.

Malangnya, Pengerusi Bank Bumi-putera ketika itu Dr Nawawi. . .

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat, tadi Tuan Yang di-Pertua sudah buat satu ruling . . . . .

**Dr Chen Man Hin:** Saya sudah beri penjelasan, dia sudah setuju. Apa tujuan ini. Ini bertujuan untuk mengelakkan lagi skandal ini.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Walau bagaimanapun, itu perkara-perkara yang telah dibincang untuk beberapa kali dalam Dewan ini. Tidak patut diulangi.

**Dr Chen Man Hin:** Tuan Yang di-Pertua, tadi Menteri sendiri ada sebut hal ini.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua telah buat satu ruling, jangan menyentuh insiden-insiden yang sudah habis.

**Dr Chen Man Hin:** Ada kaitannya.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Sekarang kita menumpu perhatian kepada tajuk dan juga tujuan Akta ini, licensing dan lain-lain itu tidak payahlah kita bincang semua hal yang telah dibincang beberapa kali.

**Dr Chen Man Hin:** Tuan Yang di-Pertua, baru tadi Tuan Yang di-Pertua, sendiri ada setuju apa saya cakap, dan ini tarik balik. Tanya sama ada, boleh check, tidak ada tipu. Boleh panggil! Tuan Yang di-Pertua mari! (*Tepuk*).

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat, walau bagaimanapun tidak payahlah kita sentuh perkara yang telah beberapa kali . . . . .

**Dr Chen Man Hin:** Dengar dulu sebelum mengambil keputusan, Please listen first what I want to say.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Itulah beberapa kali dengar ini, tetapi sekarang kita tidak ada banyak masa; jadi kita gunakan masa yang ada secara yang berfaedah.

**Dr Chen Man Hin:** Dr Nawawi Mat Awin tidak mengambil apa-apa tindakan dan keadaan ini dibubarkan oleh percubaan-percubaan untuk menyenyapkan (silence) perkara ini yang akhir ini menyebabkan kerugian-kerugian lanjut yang berjumlah \$2.5 billion. Ini satu angka yang amat besar.

Fasal 56 Rang Undang-undang Bank dan Institusi-institusi Kewangan menyebut tentang Pengarah-pengarah, Pengurus-pengurus dan

tentang pegawai-pegawai bank tidak layak memegang jawatan tetapi ia tidak mencegah ahli-ahli politik atau perlantikan-perlantikan politik.

Di sini saya mahu tanya Menteri berkenaan, Gabenor Bank Negara sudah beri satu arahan kepada semua bank tidak boleh melantik ahli-ahli politik jadi director atau pengarah-pengarah. Kalau ada action, apa sebab dalam Bil ini tidak ada sebut disqualification berkenaan ahli-ahli politik. Apa sebab saya mahu tanya? Ini adalah satu kesilapan besar dan satu fasal harus dimasukkan yang menyatakan bahawa semua pegawai bank termasuk pengarah dan pengurus harus dipilih berdasarkan semata-mata kepada merit dan pengalaman mereka bukan dia berpolitik.

Reformasi kedua, kesemua institusi kewangan termasuk korporatif-korporatif pengambilan deposit harus dikawal oleh Akta baru ini. Adalah tidak jelas sama ada Bank Bumiputera berada di bawah kawalan secara langsung Bank Negara kerana ia adalah satu projek khas di bawah Jabatan Perdana Menteri. Ini harus dibetulkan dengan serta merta kerana Bank Bumiputera harus tertakluk kepada kaedah-kaedah yang sama. Korporatif-korporatif pengambilan deposit walaupun didaftarkan di bawah Akta Koperasi harus dilelak di bawah kawalan Akta Bank dan Institusi-institusi Kewangan. Penyeliaan tegas di bawah pegawai-pegawai yang terlatih boleh mencegah lagi satu fiasco daripada berlaku.

Reformasi ketiga, tukang emas yang menerima deposit harus dilesenkan. Terdapat di negara ini beribu-ribu tukang emas, kedai pajak dan lain-lain kedai yang menerima simpanan wang daripada pelanggan-pelanggan mereka sungguhpun mereka tidak berlesen. Rakyat jelata mempercayai tukang emas tempatan kerana mereka memperlihatkan kestabilan kewangan, mempunyai access yang mudah selain

daripada mendapat faedah atau bunga yang munasabah. Ini bukanlah satu tradisi tempatan, malah dari segi sejarah tukang emas ialah memulakan sistem bank di lain negara misalnya di Eropah. Sistem pengambilan deposit secara tidak rasmi atau tidak berlesen seperti ini tidak patut tidak diendahkan.

Sumber-sumber yang boleh dipercayai mendakwa bahawa wang yang disimpan kedai-kedai emas dan kedai-kedai pajak adalah kira-kira \$4 billion dan jumlah ini adalah hampir jumlah wang deposit yang berada dalam sistem bank rasmi iaitu sebanyak \$5.4 billion. Saya mencadangkan supaya tukang emas yang mengambil deposit dilesenkan agar dapat melindungi para deposit serta juga mengambil kesempatan akan sumber kewangan besar yang mereka kuasa.

Reformasi keempat, menambahkan bilangan pegawai-pegawai penyiasatan serta memperbaiki dan calibre mereka.

Fasal 82 Rang Undang-undang ini memberi kuasa kepada Bank Negara untuk melantik pegawai-pegawai penyiasatan untuk memeriksa bank-bank dan institusi-institusi kewangan. Adalah menjadi pendapat pegawai-pegawai bank bahawa bilangan pegawai-pegawai penyiasatan adalah tidak mencukupi untuk mengawasi dan memeriksa bank-bank dengan berkesan kerana terdapat beribu-ribu cawangan bank dan institusi kewangan di negara ini. Gaji dan saraan pegawai-pegawai Bank Negara adalah rendah daripada rakan sejawat mereka di bank-bank swasta.

Ramai pegawai Bank Negara meninggalkan Bank Negara for greener pasture, dengan izin, selepas berkhidmat begitu singkat dengan Bank Negara. Ini menyebabkan penyeliaan yang kurang penuh ke atas bank-bank kerana penyiasatan dan pemeriksaan sering dihentikan separuh jalan.

Bank Negara harus mengkaji struktur gaji pekerja-pekerja untuk memastikan mereka terus berkhidmat untuk menjalankan tugas penting mereka ini. Saya mencadangkan supaya diadakan sebuah sekolah bank dan kewangan. Skop institusi kewangan moden telah berkembang dengan begitu pesat dan masih terus berkembang. Ini termasuk bank-bank tradisional, bank-bank saudagar, rumah-rumah diskaun dan broker-broker wang. Komputer dan elektronik telah mengubah ciri-ciri sistem bank. Sejumlah besar wang tunai boleh dipindah dengan begitu deras. Kesemua ini bermakna pegawai bank hari ini harus dilengkapi dengan kemahiran dan pengetahuan untuk mengurus bank dengan cekap serta mengesan tanda-tanda permulaan apa-apa penipuan atau salah pengurusan.

Bank Negara harus memulakan sebuah sekolah bank dan kewangan untuk mengajar dan melatih pegawai-pegawai bank untuk dirinya sendiri dan juga untuk industri bank.

Reformasi kelima—pembentukan sebuah Suruhanjaya mengenai bank dan kewangan. Akta baru ini walaupun mengandungi peraturan-peraturan baru serta penalti bagi mereka yang melakukan penipuan bank dan lain-lain kesalahan hanya dapat mencegah beberapa orang dan bukan semua.

Di zaman ini jenayah bank telah mencapai tahap sofistikasi yang tinggi yang melibatkan berbilion-bilion ringgit dan ini melibatkan orang-orang di tempat atasan. Pencurian secara besar-besaran wang menerusi cara-cara bank yang corrupt di sebuah bank di Brunei oleh seorang world class financier, dengan izin, adalah satu contoh yang baik. Skandal \$2.5 bilion BMF adalah satu contoh yang lain. Sebuah Suruhanjaya mengenai bank dan kewangan adalah perlu dibentuk untuk mengurangkan kemungkinan

berulangnyanya skandal BMF dan UMBC. Suruhanjaya ini akan bertanggungjawab untuk memelihara taraf etika yang tinggi bagi seluruh komuniti bank dan kewangan. Ia akan mengawasi kemajuan dan pembangunan semua bank serta memastikan semua institusi kewangan termasuk Bank Negara akan mematuhi garis panduan yang perlu lagi memastikan terdapat banking dan financing yang baik. Ia juga akan mengambil langkah-langkah yang perlu untuk mengembali, mempertahankan serta meningkatkan keyakinan tempatan dan antarabangsa dalam sistem bank dan kewangan di Malaysia. Parti DAP mencadangkan bahawa ahli-ahli Suruhanjaya ini haruslah terdiri daripada orang-orang yang dihormati kerana sikap berkecuali dan kewibawaan mereka dan hendaklah diketuai oleh, dengan izin, "Mr Integrity" sendiri, iaitu Tan Seri Ahmad Noordin, bekas Ketua Audit Negara dan Pengerusi Jawatankuasa Penyiasat tiga orang ke dalam skandal BMF. Sekian, terima kasih,

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat dari Tanjong.

*9.14 mlm.*

**Tuan Lim Kit Siang (Tanjong):** Tuan Yang di-Pertua, rakan-rakan saya dari Bukit Bintang dan Seremban ada bercakap dengan panjang lebar mengenai Bil ini. Saya tidak akan ulangi point-point mereka yang telah dikemukakan selain daripada beberapa perkara yang saya rasa mustahak yang saya mahu menitikberatkan.

Kita mengalu-alukan Rang Undang-undang yang boleh membuat suatu peraturan yang baru supaya tidak ada berlaku penyelewengan di bank-bank dan institusi-institusi kewangan dan bahawa wang rakyat yang disimpan

dalam bank-bank dan institusi-institusi kewangan ada dijaga, bahawa amanah tidak dipecah, Tetapi apabila kita melihat dan membaca Rang Undang-undang ini, kita dapat satu kesimpulan, bahawa sungguhpun ada ikhtiar dan percubaan yang kita mengalu-alukan untuk memastikan bahawa mereka yang menjalankan pengurusan dalam bank-bank adalah bersih, tegas dan beramanah dan adalah peraturan-peraturan dan kesalahan-kesalahan yang diterangkan tetapi dalam satu bidang yang besar dan mustahak campur tangan, khususnya oleh kuasa-kuasa politik yang tertinggi dalam urusan bank-bank tidak ada apa-apa sekatan, tidak ada apa-apa larangan dan tidak ada apa-apa peruntukan. Itulah yang menjadi masalah yang besar. Sekarang kita ada peruntukan-peruntukan supaya kesalahan-kesalahan kecil boleh dilarang, tetapi mana ada peruntukan bahawa kesalahan-kesalahan besar, kesalahan-kesalahan yang berupa "ikan yu" dilarang. Itulah yang lebih mustahak. Saya bukan kata bahawa apa yang kita mahu larang tidak mustahak, tetapi ada yang lebih mustahak, iaitu campur tangan kuasa-kuasa politik atasan atau Kerajaan di mana anggota-anggota Pengarah dalam bank-bank mendapat arahan-arahan dan sebab itu menjalankan kegiatan-kegiatan yang tidak demi kepentingan shareholders, dengan izin.

Contoh-contoh telah disebut dan saya tidak mahu ulangi, baikpun di BMF dan lain-lain, saya mahu menyebut satu sahaja iaitu MAMINCO. MAMINCO di mana ada satu arahan diberi oleh Kerajaan kepada dua bank untuk menjalankan urusan MAMINCO—tin buying operation, dan saya dapati bahawa kedua-dua bank ini ialah May Bank dan Bank Bumiputera mengalami kerugian £200 juta British—£200 juta British. Siapa yang bertanggungjawab, bolehkah mereka yang menerima

arahan-arahan itu daripada Kerajaan dalam bank-bank, baikpun May Bank ataupun Bank Bumiputera dihadapkan ke Mahkamah oleh kerana telah menyalahguna kuasa mereka, sungguhpun telah menerima arahan-arahan dari atasan. Saya rasa inipun mustahak. Itulah apa yang kita mahu ambil perhatian, apa juga peruntukan-peruntukan supaya bank-bank kita patuhi oleh kerana kita telah memasuki ke satu era politics of money di bawah NEP di mana kuasa-kuasa politik digunakan untuk mencapai tujuan-tujuan kewangan sendiri atau parti politik, atau apa-apa.

Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan nampaknya ketawa. Dia boleh ketawa atas kesusahan rakyat jelata—skandal, dia ketawa. (*Tepuk*) Saya rasa inilah satu kelemahan yang besar dalam Rang Undang-undang ini dan di sini ada beberapa peruntukan yang saya harap bahawa satu penjelasan boleh dibuat seperti apa yang ada di dalam seksyen 64 mengenai cagaran atau security di mana nampaknya ada satu usaha untuk mengelakkan pengurusan bank-bank atau kakitangan-kakitangan bank-bank mengeluarkan pinjaman tanpa securiti atau tidak cukup securiti dan lain-lain. Itulah satu masalah besar oleh kerana kita tahu sekarang bank-bank kita sedang mengalami sejumlah non-performing loans, pinjaman non-performing sehingga \$9.1 bilion baikpun oleh kerana interest in suspense atau bad loan. Apa yang ada dalam Fasal 60 nampaknya tidak cukup untuk menghadapi masalah ini. Fasal 60 subseksyen 3 dan 4 khasnya subseksyen 6 ada disebut, dengan izin:

"Where at any time during the currency of a credit facility, any security provide under subsection (4) or substituted under subsection (5) in respect of such credit facility decreases in value to a value which is lesser than the amount of the

credit facility then outstanding, the licensed institution shall require the person to whom such credit facility is given to provide additional security so as to increase the value of the security to an amount which is not lesser than the amount of the credit facility then outstanding within a period not exceeding fourteen days....."dan seterusnya.

Pengalaman ialah apabila peminjam sudah sampai ke peringkat ini, dia sudah tunggu bankrapsilah, tunggu bankrapsi sahaja untuk top-up, top-up supaya collateral atau security yang cukup itu satu peruntukan akademik sahaja. Apa yang lebih mustahak ialah bahawa dalam peruntukan Seksyen 64, mungkin diadakan satu jadual atau satu schedule yang menjelaskan dengan lebih jelas margin minima yang boleh diberi, margin minima menjadi satu alasan di mana pinjaman yang boleh diberi supaya tidak berlaku penyelewengan yang nampaknya begitu berleluasa.

Ada satu peruntukan dalam Seksyen 99 yang nampaknya sangat memudaratkan, prejudicial, kepada hak kebebasan akhbar—Seksyen 99 (2) dan 99 (3) mengenai hak akhbar untuk membuat laporan perbicaraan. Seksyen 99, Sub-seksyen (2) dan (3) yang membuat peruntukan seperti berikut:

"In any civil proceedings under subsection (1) (b) or (d) where any information or document is likely to be disclosed in relation to a customer's account, such proceedings may, if the court, of its own motion, or on the application of a party to the proceedings, so orders, be held in camera and in such case, the information or document shall be secret as between the court and the parties thereto, and no such parties shall disclose such information or document to any other person.

(3) Unless the court otherwise orders, no person shall publish the name, address or photograph of any parties to such civil proceedings as are referred to in subsection (2), or any information likely to lead to the identification of the parties thereto, either during the currency of the proceedings or at any time after they have been concluded."

Apakah tujuan, kenapa perlu peruntukan-peruntukan yang melarangkan akhbar untuk membuat liputan laporan yang sebebannya? Inilah satu ancaman kepada kebebasan akhbar untuk kepentingan bukan keselamatan negara tetapi untuk kepentingan individu-individu tertentu dan tentulah mereka akan termasuk orang-orang atasan, orang-orang yang berpengaruh dalam Barisan Nasional—UMNO, MCA termasuk MIC. (*Tepuk*) Kalau ada peruntukan-peruntukan semacam ini, Tan Koon Swan kalau dia ada kes civil proceedings boleh mengikut Seksyen 99 (2) dan (3), invoke camera proceedings dan melarangkan laporan dibuat, namapun tidak boleh disebut, gambarpun tidak boleh digunakan. (*Tepuk*) Adakah ini satu blank cheque untuk pemimpin-pemimpin UMNO dan MCA? Sebab itu mungkin Yang Berhormat Timbalan Menteri dari MCA begitu gembira. Ini adalah satu blank cheque dan kalau ada berlaku apa-apa kesalahan di bawah bank-bank makan wang rakyat jelata, berpuluh-puluh juta ringgit, tidak apa. Kalau ada civil proceedings, ada peruntukan di mana kes ini tidak keluar dalam akhbar, ditutup bukan sahaja proceeding in camera, tetapi pun nama, alamat, gambar, wah! Ini immunity, mahu dapat royal immunity. (*Tepuk*) Mahu dapat royal immunity untuk fraud, breach of trust dan ini tentulah tidak ada alasan. Kenapa? Saya mahu tahukan apa? Kenapa Bank Negara boleh setuju? Ini adalah tradisi Barisan Nasional (*Tepuk*)—hak-hak asasi.

Seksyen 28 (c) pula ada bersabit dengan kebebasan akhbar, yang berbunyi, dengan izin:

"28. No person shall—

- (a) make, publish . . . . .
- (b) xxx xxx xxx
- (c) recklessly make or publish (dishonestly or otherwise), or recklessly facilitate the making or publication (dishonestly or otherwise) of a statement, promise or forecast which is misleading, false or deceptive,

if he makes, publishes, or facilitates the making or publication of, such statement, promise or forecast or conceals such material fact, for the purpose of inducing, or is reckless as to whether the same may induce, another person (whether or not it is the person to whom the statement, promise or forecast is made or from whom such material fact is concealed) to—

- (A) make, or refrain from making, a deposit; or
- (B) enter, or refrain from entering, into an agreement for the purpose of making a deposit, with him or any other person."

Ini boleh berlaku di mana laporan-laporan suratkhbar bolehlah dikena di bawah ini dan di mana kebebasan laporan pun boleh menimbulkan masalah dan patut sebenarnya peruntukan semacam dalam Seksyen 28 ini serta juga dan lebih mustahak apa yang saya sebut tadi iaitu Seksyen 99 dikaji dengan sedalam-dalamnya. Saya faham tujuan Seksyen 28 tetapi janganlah ada satu seksyen di mana kebebasan akhbar kalau *bona fide*, lapoan yang *bona fide* dikena sabit tetapi peruntukan dalam Seksyen 99 saya tidak boleh faham. Apa motivasi? Apa tujuan selain daripada satu blank cheque untuk tutup apa skandal yang berlaku di mana kena-mengena

dengan orang-orang atasan, orang-orang politik yang berpengaruh dan ini tentulah tidak munasabah dan tidak boleh diterima.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya Seksyen 11 adalah disentuh oleh Yang Berhormat dari Bukit Bintang serba sedikit, di mana Yang Berhormat ada kuasa untuk revoke atau restrict licences tanpa notis. Kenapa tanpa notis? Tentu sekurang-kurangnya, "rules of natural justice", patutlah diberi notis sebelum mengambil satu tindakan yang begitu berkesan yang begitu meluas, kenapa tidak beri notis? Sungguhpun ada peruntukan-peruntukan yang banyak untuk menjaga kepentingan baik pun penyimpan-penyimpan, shareholders atau rakyat tetapi akhirnya dalam Seksyen 117 ialah satu enabling provision di mana Yang Berhormat bolehlah exempt semua peruntukan dalam Rang Undang-undang ini. Kalau begitu, lebih senang kita tidak payah sehingga pukul 10 kita tunggu, lulus Act ini dengan 2 peruntukan sahaja—cukup. Yang Berhormat Menteri Kewangan ada kuasa buat apa-apa peruntukan—yang pertama; yang kedua, Yang Berhormat Menteri Kewangan ada kuasa untuk membuat apa exemption. Cukup! Tidak payah kita debate di sini, sampai akhir dia ada kuasa exempt semua peruntukan selain daripada dualah, semua peruntukan daripada dilaksanakan. Apa guna? Kita baca, baca, wah! baik, baik sampai akhir, semua boleh diexempt. Semua boleh exempt oleh Menteri, selain daripada 97 atau 96. Ada dua peruntukan, ada dua Fasal. Bolehkah Yang Berhormat Tirabalan Menteri atau Bank Negara atau Yang Berhormat Menteri datang dan memberi hujah-hujah, sebab-sebab yang munasabah, yang kuat, yang meyakinkan kenapa semua peraturan-peraturan dikenakan baru yang baik tetapi akhirnya boleh exempt.

Dan ini balik kepada masalah kedudukan Yang Berhormat Menteri

Kewangan. Saya tidak mahu balikhlah kepada banyak peristiwa-peristiwa, isu-isu yang kita ada dalam Dewan ini yang telah dibangkitkan di masa lampau bersabit atau berkaitan dengan Yang Berhormat Menteri sendiri seperti UMBC atau apa-apa—saya rasa kesal Yang Berhormat Menteri Kewangan tidak ada di sini—dan kaiau saya sebut, Yang Berhormat Timbalan Menteri pun tidak boieh faham dan tidak boleh jawab pula oleh kerana ini berkaitan dengan potfolio sendiri bukan potfolio Menteri, seperti UMBC dan lain-lain. Sebab itu dengan latarbelakang peruntukan Fasal 118 di mana Menteri ada kuasa untuk exempt semua fasai-fasal selain daripada dua fasal, ini tidak patut, ini bukan demi kepentingan negara.

Di sini, Fasal 63 di mana ada hadkan pemberian pinjaman tetapi untuk institusi yang lain boleh dibuat tanpa sekuriti—institusi yang lain. Kita tahu ini pun boleh membangkitkan abuse di negara kita, masalah abuse bukan datang daripada individu tetapi pun datang daripada institusi-institusi, dan saya rasa ini pun tidak munasabah.

Peruntukan Fasal 71 (2) mengenai investigator ada kuasa yang begitu tanpa batasan untuk menjalankan penyiasatan. Saya mahu tanya dan ini pun ada peruntukan di mana bank dan kakitangan-kakitangan Bank Negara immune daripada apa-apa tindakan yang boleh diambil terhadapnya oleh kerana beliau atau bank-bank menjalankan kuasa-kuasa mengikut di bawah Akta ini. Tetapi seksyen 71 dan lain-lain di mana memberi kuasa kepada investigator, saya rasa perlu ada check. Kita tidak boleh memberi sesiapa pun baik pun atas urusan bank atau apa-apa, satu blank cheque supaya dia boleh buat apa-apa dan tidak ada apa-apa tindakan boleh diambil atau redress untuk seorang mangsa sebagai satu contoh. Bukan tujuan saya untuk menghadkan bidang penyiasatan tetapi untuk mencegah

penyalahgunaan kuasa dan ini boleh dibuat dengan satu fasat kecil di mana boleh ditentukan bagaimana kalau seorang penyiasat yang adalah bersalah atau guilty oleh kerana malpractices, dengan izin, atau destruction of evidence atau obstruction of justice, sungguhpun seksyen 74 subseksyen (4) adalah memberi immunity kepada dia daripada apa-apa tindakan, saya rasa perlu ada satu fasal kecil yang menentukan dalam keadaan semacam ini di mana ada malpractices, ada destruction of evidence or obstruction of justice, seorang penyiasat, bagaimana beliau boleh dihukum dan apa detail hukuman ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya ada banyak lagi points dalam satu Bil begitu tebal—200 muka, yang begitu penting dan mustahak. Kita tahu Bank Negara dan Perbendaharaan mengambil sekurang-kurangnya 3 tahun atau 5 tahun untuk siapkan Bil ini. Sungguhpun kita ada seminggu untuk baca dan kaji Bil ini, tentulah itu tidak cukup dan saya harap untuk masa depan jangan datang baik pun Bank Negara atau Kementerian Kewangan datang dengan Bil yang begitu teknikal, yang begitu kompleks, yang begitu penting dan begitu panjang dan mahu kita bahas dalam satu minggu apabila mereka perlu 3 tahun, 5 tahun untuk menyediakannya. Dan inilah saya rasa bukan tunjuk bahawa Bank Negara cekap (efficient), competent, dalam hal ini tidak competent, dan saya harap perkara-perkara yang saya kemukakan tadi boleh dapat penjelasan daripada Kerajaan.

Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat dari Kluang.

9.35 *mlm*.

**Puan Ling Chooi Sieng (Kluang):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun

untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang ini. Rang Undang-undang ini mencantumkan beberapa Akta yang berkenaan dengan undang-undang perlesenan dan operasi bank-bank, syarikat-syarikat kewangan, bank-bank saudagar, syarikat diskaun dan pembrokeran wang. Ia juga menyediakan penyeliaan kepada institusi-institusi yang mengendalikan kredit bangunan, tanda kredit, pembiayaan, pembangunan kewangan, pemfaktoran dan pemajakan. Selain daripada itu, ia juga menyediakan penyeliaan bank-bank asing dengan pejabat-pejabat perwakilan di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, memang tidak dinafikan bahawa industri bank dan kewangan memerlukan peraturan dan penyeliaan. Jika ia tidak dikawal dan diawasi atau dilonggarkan peraturan dan penyeliaannya, rasuah dan amalan yang menyeleweng akan berleluasa. Bank-bank atau syarikat-syarikat kewangan akan gagal, mengakibatkan penderitaan kepada orang ramai.

Dalam dekad ini sahaja kita telah memperlihatkan keruntuhan Overseas Trust Bank, Han Loong Bank dan baru-baru ini Ka Wah di Hong Kong. Di Amerika Syarikat pula ada diketahui bahawa lebih daripada 100 bank telah gagal pada tahun lepas sahaja. Di negara kita pula, kita telah mengalami kejatuhan dahsyat atau catastrophic collapse, dengan izin, of Koperasi CCB dan syarikat-syarikat pinjaman. Kesemua ini berlaku kerana kita tidak mempunyai sebarang kawalan dan pengawasan yang mencukupi ke atas industri bank dan kewangan negara.

Jika Bank Negara tidak menyelamatkan setengah-tengah bank tertentu dengan memasukkan cukai pendapatan orang awam, beberapa bank seperti United Asian Bank, Perwira Habib Bank, Oriental Bank

dan beberapa syarikat kewangan lain seperti Supreme Finance, United Finance dan First Allied Finance mungkin juga telah runtuh.

Tuan Yang di-Pertua, kita memang memerlukan pengawalan dan pengawasan akan tetapi saya mesti mengingatkan pihak Kerajaan jangan tergesa-gesa, dengan izin, kita janganlah "over react". Seperti seorang anak yang nakal, kita mesti menyelia anak itu, mengawasinya tetapi jangan sekali-kali menghindarinya dari membesar, dengan izin, we must not stifle it from growing up.

Industri bank kita masih muda lagi. Apa yang diperlukan ialah penjagaan dan pengasuhan selain daripada penyeliaan dan pengawasan. Bagi kita mencapai kematangan ke tahap pasaran kewangan antarabangsa, kita tidak boleh mengadakan kawalan dan penyeliaan yang terlalu ketat dan berlebihan sehingga menghalang pertumbuhan. Di samping itu perlindungan yang berlebihan akan mengelakkan persaingan yang sihat muncul. Dengan izin, we must not over-regulate, over-supervise and over-protect because over-regulating and over-supervising stifle the growth and over-protecting stops healthy competition. Bukan semua bank yang dikendalikan oleh para pegawai Bank Negara akan memperolehi keuntungan. Mereka bukanlah Maha Kuasa, mereka bukan Omnipotent, dengan izin. Kalau tidak, kenapa pula kita masih mengalami fiasco kegagalan Oriental Bank, United Asian Bank, Perwira Habib Bank, Supreme Finance, United finance dan First Allied Finance yang semuanya memerlukan Kerajaan mengepamkan wang pembayar cukai ke dalamnya.

Pada hakikatnya banyak bank yang dikendalikan oleh para Pegawai Bank Negara telah mengalami kerugian. Bank Negara tidak melatih usahawan-usahawan menjalankan operasi bank.

Mereka itu hanya setakat pegawai polis kewangan, mereka adalah financial policemen, dengan izin, policing and doing business are two different things. Menjalani tugas polis dan mengendalikan perniagaan adalah dua perkara yang amat berlainan. Sebenarnya sindrom polislah yang telah membunuh perniagaan. Saya menyeru Bank Negara agar berhenti menghantar pegawai-pegawai mengendalikan bank-bank yang sakit. Satu keimbangan mesti dicapai. Ahli-ahli profesional dalam bidang perundangan dan perakaunan mesti dicungkil. Ahli-ahli banker yang ternama yang telah bersara patutlah dikerahkan untuk membantu. Ini adalah perkhidmatan nasional dan sebagai ahli nasional yang tulin mereka tidak patut menolak permintaan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang ini akan memberi Bank Negara kuasa yang sungguh luas dan boleh dikatakan, dengan izin, from cradle to grave. Dari pengeluaran lesen kepada mengeluarkan arahan menutup bank atau syarikat kewangan, setiap langkah adalah diawasi dan dikawal oleh Bank Negara. Kini kita sepatutnya mempunyai satu industri bank dan kewangan yang sungguh sihat, akan tetapi keadaan sebenar adakah berlainan. Undang-undang tersebut memang wujud, hanya sekarang ia adalah lebih ketat.

Tuan Yang di-Pertua, kini kita mempunyai beratus-ratus bank, syarikat kewangan, syarikat diskaun dan pembrokeran. Bank Negaralah yang mengawasi kesemuanya. Adakah mereka yang mempunyai kakitangan yang berkelayakan dan cekap untuk menyelia dan mengawasi keseluruhan industri itu? Bagaimana pula orang ramai yang melabur dan menyimpan di bank-bank tersebut, hanya pegawai-pegawai Bank Negara itu adalah lebih profesional, lebih cekap dan lebih

bersih. Apakah yang akan terjadi jika wujud penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa? Apakah langkah-langkah pemulihan pemegang saham bank dan syarikat kewangan terhadap Bank Negara, "what remedies do the shareholders have against Bank Negara". Dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, "in our earnest effort to protect the depositors money, we lose sight of the shareholders' money". Dalam usaha-usaha gigih kita melindungi wang penyimpan kita gagal melindungi wang para pemegang saham. Mereka sering dikorbankan. Ramai daripada pemegang-pemegang saham itu juga tidak bersalah. Mereka juga merupakan mangsa penipuan yang dilanjutkan oleh pegawai-pegawai Bank dan ketidakcekapan Bank Negara.

Tuan Yang di-Pertua, Seksyen 45 dan Seksyen 46, adalah undang-undang lama. Ia merupakan Seksyen 23 (a) dan 23 (b) Akta Bank 1973 masing-masing. Saya tidak memahami rasional menghadkan saham 10% bagi individual dan 2% bagi yang bukan individual. Kenapa tidak 20% atau 30%. Jika niatnya ialah untuk menanggalkan dominan satu-satu perbadanan atau ketuarga ke atas sesuatu bank atau syarikat kewangan, kenapa? Kita semua tahu bahawa dominan tidak boleh dicapai melalui pegangan saham sahaja. Pada hakikatnya pengawal dominan ke atas semua bank adalah Bank Negara. Walau bagaimanapun saya ingin meminta penjelasan mengenai "hot topic"—tajuk utama—Multi-Purpose yang memiliki 70% saham Malaysian French Bank, sebuah institusi yang tertakluk di bawah Akta ini. Sehingga kelulusan Akta ini, Malaysian French Bank tertakluk di bawah Akta Bank 1973. Seksyen 45 yang dahulunya Seksyen 23A Akta lama menyatakan perkara yang sama iaitu sesiapa yang ingin memasuki persetujuan atau perjanjian untuk membeli 5% saham sesuatu bank mesti mendapat kelulusan bertulis

daripada Menteri Kewangan. Kita semua mengetahui dari suratkhbar bahawa kedua-dua, Hume dan Kemunting teiah memperoleh kelulusan bertulis. Dalam kes Hume, jika ia berjaya dengan tawaran permohonannya ia akan memiliki 70% saham dalam Malaysian French Bank yang jelas sekali dihalang oleh proviso Seksyen 45 yang dibaca dengan Seksyen 46 (1). Begitu juga dengan Kemunting, ia dibenarkan memperotehi 29% saham Multi-Purpose. 29% daripada 70% saham akan memberi Kemunting satu hak milik effective 20.3% dalam Malaysian French Bank, yang sekali lagi telah melanggar Seksyen 46. Kenapakah Kemunting dibenarkan bertindak sedemikian?

Dalam pentadbiran undang-undang mesti wujud keadilan, Tuan Yang di-Pertua, kes-kes yang serupa mesti diberi layanan yang sama. Jika keadaan ini dibenarkan berlaku bagaimana Menteri Kewangan pada masa akan datang menolak kelulusan jika wujud satu tawaran yang melebihi 20% untuk membeli sebuah syarikat yang memiliki satu bank atau syarikat kewangan. Seksyen 55 Rang Undang-undang ini memperlihatkan satu perubahan yang significant. Sebelum ini Menteri Kewangan di beri kuasa untuk meluluskan seseorang untuk menjadi Pengarah secara praktis. Kini kuasa tersebut telah bertukar tangan ke Bank Negara. Seksyen 57 adalah baru. Sekarang ia memberi Bank Negara kuasa menolak mengenai perlantikan ketua eksekutif bank-bank dan syarikat-syarikat kewangan. Kuasa ini sungguh meluas, "checks and balances" tidak wujud. Apakah pula kriteria membenarkan atau tidak membenarkan perlantikan seseorang Pengarah, akan tetapi Seksyen 56 memperuntukkan siapakah yang tidak boleh dilantik sebagai Pengarah. Jika seseorang itu layak, tetapi tidak dibenarkan untuk menjadi seorang Pengarah, adakah beliau mempunyai cara lain? Dan jika beliau memegang 5% saham dalam bank atau syarikat

kewangan dan tidak dibenarkan menduduki dalam Lembaga Bank oleh Bank Negara adakah wujud cara lain?

Oleh yang demikian, saya mencadangkan bahawa dalam keadaan sedemikian beliau diberi hak merayu kepada Menteri Kewangan jika kelulusan dari Bank Negara ditolak tanpa sebab yang munasabah. Saya lebih menyokong diwujudkan penyeliaan yang sederhana dan benevolent, we should not treat bankers sebagai "thieves and robbers", dengan izin, Saya berharap kita tidak akan mewujudkan satu raksasa yang dikenali dengan nama "Tyranny of bureaucracy", dengan izin. Kakitangan perkhidmatan awam tidak bertanggungjawab kepada rakyat. They are not answerable to the rakyat, dengan izin. Sehingga satu hari kita dapat mewujudkan Ombudsman, semua kuasa yang diberi kepada kakitangan perkhidmatan awam patut diawasi dan dikawal dengan ketat.

Kini saya ingin menyentuh seksyen 60 Rang Undang-undang ini. Seksyen ini secara langsung menukar sebuah syarikat kewangan kepada sebuah kedai pajak kelas tinggi. Dia sudah tukar syarikat kewangan itu kepada "a high class pawn shop". Dengan mengambil kuasa lebih bijaksana syarikat kewangan Bank Negara menghalang pertumbuhan industri kewangan dan menurunkannya kepada paras chettiar. Saya sedar bahawa seksyen ini boleh dijumpai dalam Akta Syarikat Kewangan yang lama itu. Walau bagaimanapun, ia tidak membantu memperkukuhkan syarikat-syarikat kewangan. Sebaliknya seperti yang kita lihat ia masih runtuh, misalnya dalam kes United Finance, Supreme Finance dan syarikat-syarikat kewangan yang lain. Oleh yang demikian, kita patut melayan syarikat-syarikat kewangan seperti bank dengan memberi mereka kuasa bijaksana yang sama. Dengan izin, we must treat the finance

companies like bank by giving them the same discretion. Sebenarnya mereka adalah wakil-wakil bank kepada pengusaha-pengusaha kecil. Oleh itu mereka patut digalakkan bertumbuh dan bukannya disekat seperti yang nampaknya disarankan oleh seksyen 60.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh seksyen 129. Saya tidak memahami rasionalnya yang memerlukan pelesen bank yang sedia wujud memohon lesen baru selepas 6 bulan. Ini akan menambahkan lagi beban birokratik kepada Bank Negara kecuali proses ini akan membolehkan pihak Kerajaan mengenakan syarat-syarat baru kepada bank-bank yang sedia wujud melalui lesennya. Adakah Bank Negara, dengan izin, harbours an intention to impose new conditions on existing banks. Kenapakah sesuatu bank yang selama ini berjalan lancar setengah daripadanya selama 100 tahun menyerahkan lesen-lesen mereka kepada Bank Negara dan kemudian mendapati berbagai syarat-syarat ke atas mereka. Apakah pula jika syarat-syarat yang dikenakan itu adalah kasar, tidak munasabah dan tidak boleh diterima langsung? Apakah pula tindakan bank? Tutup bank dan undur dari dunia kewangankah?

Tidak perlu dikatakan wujud penipuan di sana-sini. Pada keseluruhannya bank-bank telah berjalan dengan cekap dan jika wujud ketidakcekapan, peraturan Bank Negara yang melampau juga disalahkan. Dengan izin, the over regulation of Bank Negara may well be a culprit too. Kenapakah sesebuah bank berjalan licin perlu bersusah payah memohon lesen baru walaupun diketahui mereka akan mendapat lesen baru itu.

Tuan Yang di-Pertua, perundangan ini merupakan kitab industri bank dan kewangan. Jika kita ingin menjadi

negara kita satu pasaran kewangan dalam tahun-tahun 90an, jika kita ingin memastikan bahawa industri bank membantu membiayai dan mengekalkan pertumbuhan ekonomi negara kita, kita tidak boleh meluluskan perundangan ini sewenang-wenangnya. Saya berharap ia akan dirujukkan kepada Jawatankuasa Pemilih untuk membuat kajian yang menyeluruh. Kita mesti mendapat pendapat dan buah fikiran ahli-ahli bank yang profesional, sektor perindustrian dan pembuatan serta ahli-ahli profesional dari bidang lain supaya kita akan mendapat satu perundangan yang lengkap untuk membantu kita ke abad akan datang. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran);** Yang Berhormat dari Pagoh.

*9.57 mlm.*

**Tuan Ahmad bin Omar (Pagoh):** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyokong Rang Undang-undang Bank dan Institusi Kewangan, 1989 yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan. Tujuan yang dihuraikan satu persatu oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan adalah jelas menggariskan langkah-langkah baru yang lebih kemas dan ketat dan di harap dapat dilaksanakan secara lebih berkesan, iaitu bagi mewujudkan pengurusan dan pengawalseliaan yang lebih bersistem dan mudah dikesan segala bentuk penyelewengan di dalam urusan bank dan institusi kewangan.

Di dalam Bahagian II Fasal 4 jelas menggariskan, iaitu melarang mana-mana orang daripada menjalankan peraiagaan bank, syarikat kewangan, bank saudagar atau syarikat diskaun melainkan ia satu syarikat awam

atau menjalankan perniagaan pem-brokeran wang melainkan jika ia satu perbadanan dan kecuali jika dalam mana-mana satu hal orang itu memegang lesen yang sah yang diberikan di bawah seksyen 6 (4) untuk menjalankan perniagaan.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun penyelewengan di bank dan di institusi kewangan sudah menjadi suatu fenomena yang tidak dapat dielakkan di serata dunia, tetapi apa juga bentuk penyelewengan yang berlaku di dalam bank atau institusi kewangan di negara ini tidaklah boleh dianggap sebagai perkara yang lumrah. Kalau sikap ini wujud, ini bermakna kita akan membiarkan terus jenayah kolar putih ini untuk terus berlaku.

Di negara kita sekarang nampaknya rakyat semakin berhati-hati untuk menggunakan kemudahan bank dan juga institusi kewangan. Keraguan dan keyakinan rakyat terhadap bank dan keteguhan bank sudah selalu menjadi persoalan dan tandatanya. Langkah baru Bank Negara ini adalah wajar bagi menjamin kepentingan orang ramai. Kita patut menjaga rakyat dahpada menjadi mangsa jenayah kolar putih yang semakin menjadi-jadi melakukan jenayah perdagangan. Sudah sampai masanya. . . .

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandaran):** Yang Berhormat, masa sudah cukup. Yang Berhormat boleh sambung esok.

**Tuan Ahmad bin Omar:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandaran):** Ahli-ahli Yang Berhormat, Majlis ditangguhkan sekarang sehingga pukul 2.30 petang esok.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 10.00 malam.*